

Bil. 9

**Isnin
5 Mei 2014**



MALAYSIA

**PENYATA RASMI PARLIMEN
DEWAN NEGARA**

**PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGKAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA**

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014	(Halaman 23)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 48)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

1. Yang Berhormat Tuan Yang d-Pertua, Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang
2. " Timbalan Yang di-Pertua, Datuk Doris Sophia ak Brodi
3. " Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar (Dilantik)
4. " Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman (Dilantik)
5. " Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan (Perlis)
6. " Dato' Sri Abdul Wahid bin Omar
7. – *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
8. " Dato' Adam bin Abdul Hamid (Johor)
9. " Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop (Johor)
10. " Dato' Seri Ahmad Bashah bin Md Hanipah - *Senator*
- *Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan*
Kepenggunaan
11. " Dr. Ariffin bin S.M. Omar (Pulau Pinang)
12. " Tuan Baharudin bin Abu Bakar (Dilantik)
13. " Puan Bathmavathi a/p K.Krishnan (Dilantik)
14. " Dato' Boon Som a/l Inong (Dilantik)
15. " Tuan Chandra Mohan a/l S. Thambirajah (Selangor)
16. " Datuk Chiew Lian Keng (Dilantik)
17. " Datuk Chin Su Phin (Dilantik)
18. " Datuk Chiw Tiang Chai (Dilantik)
19. " Tuan Chong Sin Woon (Negeri Sembilan)
20. " Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg (Sarawak)
21. " Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah (Dilantik)
22. " Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim (Perak)
23. " Dato' Sri Iris Jala @ Idris Jala (Dilantik) – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
24. " Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman (Dilantik)
25. " Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh (Dilantik)
26. " Dato' Dr. Johari bin Mat (Kelantan)
27. " Datuk Kadzim Haji M. Yahya (Sabah)
28. " Puan Hajah Khairiah binti Mohamed (Kelantan)
29. " Dato' Khairudin Samad (Dilantik)
30. " Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon (Dilantik) – *Senator*
31. " Dato' Lee Chee Leong (Perak)
32. " Tuan Lihan Jok (Sarawak)
33. " Lim Nget Yoon (Pahang)
34. " Dato' Dr. Loga Bala Mohan a/l Jaganathan - *Senator*
- *Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan*
35. " Datuk Dr. Lucas bin Umbul (Sabah)

36. Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit (Dilantik)
37. “ Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam (Melaka)
38. “ Tuan Mohd. Khalid bin Ahmad (Perlis)
39. “ Dato’ Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif (Negeri Sembilan)
40. “ Dato’ Haji Muhamad Yusof bin Husin (Kedah)
41. “ Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin (Dilantik)
42. “ Dato’ Muhammad Olian bin Abdullah (Dilantik)
43. “ Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai (Dilantik)
43. “ Datuk Hajah Noriah binti Mahat (Dilantik)
44. “ Puan Norliza binti Abdul Rahim (Dilantik)
45. “ Datuk Paul Low Seng Kuan – *Senator*
- *Menteri di Jabatan Perdana Menteri*
46. “ Datin Rahimah binti Haji Mahamad (Dilantik)
47. “ Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah (Dilantik)
48. “ Puan Hajah Rohani binti Abdullah (Terengganu)
49. “ Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman (Pahang)
50. “ Puan S. Bagiam a/p Ayem Perumal (Dilantik)
51. “ Datuk Haji Saat bin Haji Abu (Melaka)
52. “ Tuan Saiful Izham bin Ramli (Kedah)
53. “ Datuk Subramaniam a/l Veruthasalam (Dilantik)
54. ” Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader (Dilantik)
55. “ Dr. Syed Husin Ali (Selangor)
56. “ Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud (Pulau Pinang)
57. “ Datuk Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas (Dilantik)
58. ” Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus (Dilantik)
59. “ To’ Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin (Terengganu)

DEWAN NEGARA

Ketua Pentadbir Parlimen

Dato' Lamien bin Sawiyo

Setiausaha Dewan Negara

Datuk Zamani bin Haji Sulaiman

Setiausaha Bahagian (Pengurusan Dewan)

Encik Che Seman bin Pa Chik

PETUGAS-PETUGAS PENYATA RASMI (HANSARD)

Azhari bin Hamzah

Monarita binti Mohd Hassan

Rosna binti Bujairomi

Nurziana binti Ismail

Suriyani binti Mohd. Noh

Aisyah binti Razki

Yoogeswari a/p Muniandy

Nor Liyana binti Ahmad

Zatul Hijanah binti Yahya

Sharifah Nor Asilah binti Syed Basir

Nik Nor Ashikin binti Nik Hassan

Hafilah binti Hamid

Siti Norhazarina binti Ali

Mulyati binti Kamarudin

Nor Faraliza binti Murad @ Nordin Alli

Sherliza Maya binti Talkah

Mohd Salleh bin Ak Atoh

Nor Hamizah binti Haji Hassan

Azmir bin Mohd Salleh

Nur Nazihah binti Mohd. Nazir

Noraidah binti Manaf

Mohd. Izwan bin Mohd. Esa

Nor Kamsiah binti Asmad

Siti Zubaidah binti Karim

Aifarina binti Azaman

Noorfazilah binti Talib

Farah Asyraf binti Khairul Anuar

Julia binti Mohd. Johari

Syahila binti Ab Mohd Khalid

Siti Norlina binti Ahmad

Hazwani Zarifah binti Anas

Siti Aishah Md Nasir

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT PERTAMA

Isnin, 5 Mei 2014

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Adam bin Abdul Hamid** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, adakah Malaysia menyasarkan program makanan cukup untuk negara dengan tumpuan hasil berkualiti dan halal. Sila terangkan secara terperinci.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat yang bertanyakan soalan berkaitan dengan bekalan makanan dalam negara kita. Sukacita saya melaporkan iaitu pada masa ini sebenarnya kita tidak menghadapi sebarang masalah berhubung dengan bekalan makanan yang mencukupi bagi negara kita terutamanya bekalan barang makanan yang utama seperti beras.

Pada waktu ini kita mengeluarkan cukup pengeluaran beras iaitu sebanyak 100.7 metrik tan pada tahun 2013 dan manakala penggunaan ialah sebanyak 2.3 juta, kekurangan sebanyak lebih kurang 600,000 metrik tan yang mana ditampung oleh pengimportan oleh BERNAS iaitu lebih kurang 30 peratus daripada keperluan negara.

Walau bagaimanapun, kita mempunyai sasaran untuk mencapai pengeluaran yang dipanggil *self-sufficiency level* (SSL) di mana kita akan mengeluarkan 100 peratus daripada keperluan negara. Bagi tujuan tersebut, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengambil beberapa langkah tertentu untuk menambah pengeluaran beras melalui jelapang padi yang baru dibuka seperti di Batang Lupar, Kota Belud, Pekan, serta Rompin.

Mengikut jangkaannya, dengan pembukaan jelapang padi yang baru ini kita akan dapat meningkatkan pengeluaran hasil beras sebanyak 250,000 metrik tan lagi setahun. Namun begitu kekurangan sebanyak lebih kurang 400,000 atau 350,000 metrik tan lagi akan diusahakan melalui program-program lain seperti peningkatan produktiviti setiap hektar bagi kawasan sawah padi.

Pada masa ini kawasan sawah padi kita secara puratanya ialah sebanyak lebih kurang 6 metrik tan satu hektar dan kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani kita mempunyai hala tuju untuk meningkatkan pengeluaran ataupun produktiviti ini kepada 10 metrik tan satu hektar. Untuk tujuan ini, kita memperkenalkan *good agricultural practice* ataupun amalan pertanian baik kepada petani-petani yang mana pada masa ini sedang giat dijalankan, menjadikan petani lebih berdisiplin dan berdaya maju dan dengan itu dia akan meningkatkan produktiviti per hektar sebagaimana yang disasarkan.

Jadi, dengan peningkatan produktiviti, dengan pembukaan jelapang padi yang baru dan juga dengan *variety* padi yang baru, yang diusahakan melalui *research and development*, dengan izin oleh pihak MARDI, kita mengeluarkan *variety* yang baru dari semasa ke semasa. Ini sudah tentunya kita berasa yakin dan percaya menjelang tahun 2020 kita akan mencapai pengeluaran beras 100 peratus daripada keperluan negara. Selain daripada itu, berhubung kait dengan bekalan makanan ikan umpamanya, kita juga pada masa ini mengeluarkan pengeluaran yang cukup untuk keperluan ini. Pada masa ini

pengeluaran sebanyak 1.4 juta metrik tan setahun dan penggunaan kita pun lebih kurang 1.4 juta metrik tan juga setahun.

Walau bagaimanapun, daripada jumlah pengeluaran itu, kita juga mengeksport sebahagian daripada ikan-ikan yang kita hasilkan. Ada juga import yang kita lakukan bagi tujuan-tujuan tertentu. Angka eksport kita lebih kurang 300,000 metrik tan manakala import sebanyak 620,000 metrik tan. Walau bagaimanapun, ia tidak mengganggu atau menimbulkan masalah daripada segi bekalan makanan ikan bagi penggunaan penduduk negara kita.

■1010

Itu bahan makanan yang kedua utama. Selain daripada itu, bekalan makanan yang utama juga ialah berkaitan dengan daging. Daging lembu dan kerbau, kita mengalami kekurangan yang agak besar sekali. Kalau mengikut statistiknya, pengeluaran daging lembu dan kerbau ialah 54,000 metrik tan, manakala penggunaannya sebanyak 177,000 metrik tan. *There is a very wide gap*, dengan izin, di sini. Defisit atau kekurangan sebanyak 122,000 metrik tan pada tahun 2013 umpamanya.

Jadi bagi tujuan ini, pihak kerajaan sebenarnya sebelum ini mempunyai rancangan yang besar untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu dan kerbau ini. Semua kita tahu. Walau bagaimanapun, projek tersebut, oleh sebab yang tertentu, menghadapi masalah. Kita sedang mengusahakan langkah-langkah dan pendekatan yang baru dengan menggalakkan penternak-penternak untuk menggunakan fidlot yang telah dibina oleh kementerian. Kita ada kalau tidak silap saya sebanyak 60 fidlot yang telah dibina di seluruh negara yang mana kita mengalu-alukan sesiapa juga daripada rakyat kita yang berminat dan boleh mengusahakan penternakan di fidlot-fidlot ini supaya kita dapat menghasilkan hasil ternakan lebih banyak lagi. Itu satu daripada langkah yang diambil untuk mengatasi masalah daripada segi bekalan daging lembu dan kerbau yang saya sebut tadi defisitnya sebanyak 122,000 metrik tan setahun.

Namun begitu Tuan Yang di-Pertua, daging ayam dan itik tidak menjadi masalah. Kita mengeluarkan sebanyak 1.4 juta metrik tan pada tahun sudah dan penggunaan hanya sebanyak 1.1 juta metrik tan. Maknanya, ada kelebihan dan ada juga yang dieksport disebabkan oleh kelebihan yang kita keluarkan itu. Daripada segi angka, kita lihat *surplus* ataupun kelebihan sebanyak 300,000 metrik tan pada tahun 2013 dan sebahagiannya telah kita eksportkan. Berhubung dengan sayur-sayuran, kita juga mempunyai pengeluaran yang mencukupi kerana kita ada 70 buah taman kekal pengeluaran makanan seluruh Malaysia.

Luas kawasannya sebanyak 3,415 hektar dan luas yang berhasil ialah sebanyak 1,463 hektar. Keluaran sebanyak 11.4 juta metrik tan dan nilai pengeluaran sebanyak 15 juta. Ini meliputi sayur-sayuran dan buah-buahan. Jadi, daripada segi sayur-sayuran dan buah-buahan, kita tidak ada menghadapi masalah. Cuma ada sayur-sayuran seperti kubis, bawang, cili dan sebagainya yang tanah di dalam negara kita ini tidak begitu sesuai untuk ditanam dengan jenis-jenis sayuran yang sedemikian.

Jadi, dengan sebab itu kita terpaksa mengimport dari luar negara seperti daripada Sumatera, India dan sebagainya. Ini jenis-jenis tanaman atau makanan. Walau bagaimanapun, hendak kita usahakan kesesuaian tanah atau *soil suitability*nya tidak boleh kita peroleh dan tidak boleh dilakukan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, daripada segi bekalan makanan yang cukup, kita ada secukupnya dan tidak ada krisis daripada segi bekalan makanan di dalam negara kita. Daripada segi kualiti, kita juga menjaga kualiti bahan-bahan makanan kita. Beras seperti Yang Berhormat semua faham dan maklum, tidak ada masalah daripada segi kualiti. Manakala, daripada segi ikan kita menjaganya dengan adanya peraturan-peraturan, penggunaan *insulated box*, kotak-kotak yang berinsulation di mana *temperature* di dalam kotak-kotak itu menjamin bahawa ikan-ikan yang disimpan di dalam kotak yang diangkat dari pangkalan ikan ke pasar-pasar semua terjaga, memastikan bahawa ikan-ikan itu berada dalam keadaan yang baik dan juga tidak terjejas dengan bakteria oleh sebab penggunaan ais yang digunakan dengan menggunakan air-air bersih. Air- *tap water*, dengan izin, bukan seperti dahulu di mana peraturan ini tidak diperkenalkan. Air sembarangan yang digunakan untuk ais-ais diambil daripada merata tempat menimbulkan masalah penyakit yang berpunca daripada bakteria air yang tidak bersih itu.

Akan tetapi pada masa ini, masalah itu tidak timbul lagi. Begitu juga di bot-bot ataupun kapal-kapal penangkapan vesse/ ikan juga. Kita mempunyai peraturan menjaga kebersihan bot-bot ini...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya fikir cukuplah. Cukup terperinci jawapan itu, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jadi, tidak payah jawab lagilah?

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak payah jawab soalan yang pertama ini. Cukuplah.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Cukup ya? Okey, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan, Yang Berhormat Dato' Adam.

Dato' Adam bin Abdul Hamid: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak memberi tumpuan kepada daging lembu dan daging kambing. Oleh sebab memang kita ketahui kekurangan bekalan dan kita mengimportnya. Dalam masa yang sama, Malaysia sepatutnya mengambil kesempatan di mana makanan halal memang Malaysia diyakini. Soalan saya, kita banyak ladang kelapa sawit sama ada di bawah FELDA mahupun di bawah syarikat swasta dan perseorangan. Sesuai sangat sebenarnya lembu dipelihara di bawah ladang kelapa sawit. Adakah kementerian mempunyai satu strategi jangka pertengahan dan jangka panjang untuk dapat menggunakan peluang ini supaya dia memberi manfaat bukan sahaja kepada ekonomi negara kita tetapi juga ekonomi rakyat tempatan. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Jawapan, saya ada.

Timbalan Yang di-Pertua: Tidak ada jawapan, Yang Berhormat Timbalan Menteri?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *[Menyampuk]*

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Jawapan saya ada. Pendek sahaja. Tidak payah panjang-panjang.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan seterusnya ada atau tidak? Silakan Yang Berhormat Tuan Baharudin.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan dengan apa yang diterangkan oleh pihak kementerian tadi, kita pun tahu daripada segi status ataupun program mahupun projek yang telah dijalankan. Jadi, di sini kita juga ingin tahu, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh pihak kementerian sekiranya berlaku bencana besar di dalam negara? Bermaksud, kita ingin tahu daripada segi status bekalan makanan tersebut.

Kedua, kita juga ini tahu apakah langkah-langkah yang telah diambil atau bakal dirancang untuk menangani masalah jaminan bekalan makanan halal. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Sebenarnya saya hendak jawab tetapi takut mengambil masa panjang. *Everybody is looking at the watch. Nevertheless,* dengan izin, untuk menghadapi krisis kalau sekiranya berlaku, kita ada stok penimbal. Beras ada stok penimbal. So, pihak BERNAS ada stok penimbal. Salah satu daripada syarat yang kita kenakan daripada segi apabila *concession agreement were signed between the government and BERNAS, they will have to maintain the stockpile for the rice- enough to meet the demand of our country,* dengan izin.

■1020

Berhubung dengan rancangan untuk masa depan bagi hasil-hasil pertanian ini, kita mempunyai banyak perancangan yang telah saya sebutkan tadi iaitu daripada segi beras, macam mana kita hendak tambah pengeluaran. Begitu juga dengan makanan yang lain,

tidak jadi masalah yang besar kecuali daging sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator Adam tadi, iaitu *we had a plan before, very big serious plan but unfortunately, we had failed there because of certain thing that beyond our control* dengan izin. *I don't want to repeat and name the project. You know what it is.*

Akan tetapi, kerajaan tidak pula berputus asa. Kita akan meneruskan dengan usaha-usaha yang lebih gigih lagi bagaimana untuk menampung keperluan daging dalam negara kita ini buat masa-masa yang akan datang. *You can very assure of that.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) langkah membendung kegiatan pembelian rumah secara berkumpulan dan kemudiannya menjualnya kembali dengan harga lebih tinggi demi meraih keuntungan atas angin yang turut dikenali sebagai Kelab Pelabur Hartanah; dan
- (b) bagaimana kementerian bercadang membendung aktiviti kumpulan tersebut kerana tiada undang-undang khusus yang melarang operasi seumpama itu.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Dato' Abd. Rahman Dahlan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, perwujudan Kelab Pelabur Hartanah merupakan satu entiti sosial atau prinsip ekonomi yang ditubuhkan secara ad hoc bagi tujuan pembelian hartanah baru daripada pemaju pada nilai yang lebih rendah dari harga jualan yang sebenar. Punca kelab dibentuk adalah didorong dengan kepercayaan bahawa harga rumah akan terus meningkat dan senario ini telah mempengaruhi mekanisme pelabur hartanah bertindak balas dengan mewujudkan jangkaan ekstrapolasi dalam penentuan harga-harga tanah di pasaran yang tertumpu kepada kawasan-kawasan yang tertentu.

Situasi ini telah menyebabkan pelabur-pelabur spekulatif melibatkan diri dalam pelaburan berlebihan dan kegiatan spekulasi. Tujuannya adalah untuk menjana pulangan yang lebih tinggi daripada pelaburan yang telah dibuat dalam tempoh yang tertentu. Permintaan tambahan yang terhasil terutamanya dalam persekitaran untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi oleh pelabur-pelabur telah mengurangkan penawaran rumah dalam pasaran pada harga sebenar dan menjurus kepada kenaikan harga rumah secara tidak sihat kepada perkembangan industri perumahan di Malaysia.

Walau bagaimanapun, ingin saya tegaskan di sini bahawa peningkatan harga rumah di negara ini sebenarnya turut dipengaruhi oleh beberapa faktor lain seperti lokasi, kos tanah, kos buruh, kos bahan binaan serta kemudahan yang disediakan oleh pemaju. Faktor migrasi dari luar bandar ke bandar menyebabkan permintaan perumahan yang tinggi dan faktor ini juga turut menyumbang kepada peningkatan harga rumah terutamanya di kawasan-kawasan bandar utama.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sedar bahawa aktiviti kumpulan Kelab Pelaburan Hartanah perlu dibendung. Jika tidak, ia akan memberikan kesan negatif kepada industri dan menyebabkan harga rumah terus meningkat pada kadar yang tidak sihat dan seterusnya membebankan rakyat yang ingin membeli rumah.

Untuk itu, kerajaan telah mengambil pendekatan secara proaktif dan berterusan dengan memperkenalkan strategi dan inisiatif untuk mengawal aktiviti kumpulan ini termasuklah menstabilkan harga rumah di pasaran. Contohnya, penganan nisbah pinjaman kepada nilai ataupun *loan to value*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, sebanyak 70 peratus ke atas individu yang memiliki lebih daripada dua pinjaman perumahan pada tahun 2010.

Begitu juga kementerian telah membentangkan kertas kerja di Majlis Perumahan Negara yang bersidang pada 13 Februari 2014 yang lalu mengenai beberapa pendekatan bagi mengekang aktiviti ini. Antara inisiatif yang akan dilaksanakan adalah:

- (i) mewujudkan *smart partnership* dengan pihak Polis Diraja Malaysia, Bank Negara Malaysia, SKMM ataupun Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia serta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan untuk memantau dan merangka strategi bagi mengawal aktiviti Kelab Pelabur Hartanah;
- (ii) mewujudkan pangkalan data maklumat pembeli rumah di Jabatan Perumahan Negara bagi mengenal pasti bilangan rumah yang dimiliki oleh seseorang individu; dan
- (iii) menetapkan syarat baru penjualan secara pukal ataupun *bulk buying* ataupun *en bloc* dalam permit iklan dan jualan pemajuan perumahan bagi projek-projek baru yang dilesenkan untuk mengekang aktiviti penjualan secara pukal.

Bagi penjualan secara pukal iaitu melebihi empat buah rumah, pemaju perlu mendaftarkan nama pembeli dengan pihak kementerian. Peraturan ini akan kita kuatkuasakan pada 15 Mei tahun 2014.

Selain itu, kerajaan juga telah mengambil pendekatan fiskal berorientasikan *property cooling measure*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, untuk menstabilkan harga rumah seperti berikut:

- (i) Cukai Keuntungan Hartanah (RPGT) dinaikkan;
- (ii) memansuhkan pemberian *Developers Interest Bearing Scheme* (DIBS) oleh pemaju;
- (iii) meningkatkan harga jualan minimum hartanah yang boleh dibeli oleh warga asing daripada RM500,000 kepada RM1 juta; dan
- (iv) meningkatkan bekalan perumahan yang mampu milik melalui program-program perumahan di pelbagai agensi kerajaan termasuklah Skim *MyHome*, Program Perumahan Rakyat oleh KPKT, Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA), Perumahan Penjawat Awam 1Malaysia (PPA1M) dan juga Rumah Mampu Milik ataupun Rumah Mesra Rakyat oleh SPNB.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan akan terus mengawasi kenaikan harga rumah dan jika perlu, dari semasa ke semasa akan mengenakan langkah-langkah fiskal tambahan untuk mencari keseimbangan dalam pasaran dan memastikan harga hartanah tidak melambung pada kadar yang tidak sihat yang akan membebankan pembeli rumah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri yang menjawab. Soalan saya ialah jika kementerian hari ini tidak bercadang untuk mengenakan sebarang bentuk undang-undang baru bagi menyekat aktiviti tersebut, apakah langkah kementerian dalam usaha mengekalkan pasaran bebas agar harga rumah tidak melonjak ke paras tidak munasabah hasil manipulasi kumpulan-kumpulan ini?

Bolehkah saya cadangkan, walau berapa banyak sekalipun jumlah hartanah yang dibeli oleh kumpulan ini, harganya tiada diskaun, sama dengan harga asal. Ini kerana mereka ini banyak duit, kaya dan mampu beli secara tunai. Saya kasihan bagi golongan yang pertama kali ingin membeli rumah dan memang berniat untuk tinggal di rumah berkenaan. Sekian, terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya katakan tadi, ada beberapa perkara yang telah kita ambil tindakan dalam mengekang kenaikan harga rumah yang begitu ketara sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Antara lainnya ialah, pertamanya ialah dengan mengenakan cukai hartanah. Bagi hartanah yang dilupuskan dalam tempoh pegangan sehingga tiga tahun, maknanya dijual dalam tempoh tiga tahun, kita akan kenakan Cukai Keuntungan Hartanah kepada 30 peratus. Manakala pelupusan dalam tempoh empat dan lima tahun, kadar RPGT ataupun

Cukai Keuntungan Hartanah ini atau *Real Property Gains Tax* dinaikkan kepada 20 peratus. Bagi warganegara pula, pelupusan pada tahun keenam dan berikutnya tidak dikenakan RPGT, manakala bagi syarikat dikenakan RPGT 5 peratus.

Jadi itu antara lainnya dan sepertimana yang saya katakan tadi, *Developer Interest Bearing Scheme* juga dimansuhkan supaya pihak pemaju perumahan tidak memberikan gambaran bahawa rumah itu sebenarnya berharga murah dengan mengatakan bahawa *interest* itu akan dibayar oleh pemaju dalam masa proses pembinaan rumah tersebut, tetapi apa yang berlaku ialah kita tahu bahawa pemaju perumahan akan memasukkan kos itu juga ke dalam rumah yang dijual itu. Jadi kita telah haramkan DIBS supaya tidak digunakan sebagai satu cara untuk melahirkan, apa yang saya panggil *false demand* Tuan Yang di-Pertua. Orang yang tidak berminat atau yang tidak mampu untuk membeli rumah merasakan mereka mampu untuk membeli rumah kerana diberikan gula-gula oleh pemaju perumahan ataupun oleh Kelab Hartanah tadi maka mereka masuk dalam pelaburan dalam hartanah.

Saya ingin tekankan sekali lagi di sini bahawa dalam keadaan negara kita yang sedang rancak membangun ini, saya ingin ingatkan bahawa pelaburan dalam sektor hartanah ini walaupun dibenarkan, saya minta kalau boleh tidak menjadi satu keutamaan sebab kalau terlalu ramai yang memasuki sektor pelaburan hartanah dengan hanya untuk spekulasi atau *investment*, ini akan menidakkan orang-orang Malaysia, rakyat Malaysia yang sepatutnya dapat membeli rumah oleh sebab sekarang ini dibeli secara pukal oleh kelab-kelab pelabur hartanah dan juga orang-orang yang meletakkannya sebagai pelaburan, maka orang yang sepatutnya membeli rumah itu tidak dapat dibeli.

■1030

Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Senator. *I think that's a good idea*, dengan izin dengan mempertimbangkan kalau mereka membeli rumah lebih daripada satu, dua, tiga atau empat mereka tidak mendapat diskaun yang sepatutnya. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tegaskan di sini bahawa negara kita negara yang mengamalkan pasaran terbuka.

Dalam masa kita mahu menjaga kepentingan pembeli rumah kita juga mengakui bahawa pemaju perumahan sebagai ejen pembangunan negara yang begitu penting, juga mempunyai hak mereka. Jadi kalau mereka memberikan diskaun kepada sesiapa yang ingin membeli rumah, mereka itu adalah sebahagian daripada perencah ataupun ciri-ciri pasaran terbuka, Tuan Yang di-Pertua.

Jadi kita kena fikirkan sama ada mungkin kita *limitkan* kepada empat ke atas dan kita tidak boleh bagi diskaun. Akan tetapi kalau dia hendak jual satu atau dua biji buah rumah itu dengan memberikan diskaun saya tidak mahu dalam kita mahu mengekang harga rumah ini akan membantutkan pertumbuhan pembangunan perumahan di negara kita dengan mengekang terlalu ketat perjalanan ataupun gerakan pemaju perumahan ini. Jadi kita kena *balance*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader, silakan.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih, Timbalan Yang di-Pertua. Saya dengarkan hujah-hujah daripada Yang Berhormat Menteri tadi tetapi saya ada juga satu perkara ini, hartanah yang lelong ini. Biasanya ditentukan oleh ejen-ejen di luar yang menentukan harga memandangkan si peminjam, misal kata RM100,000 dia punya amaun yang dia harta, market *value* tetapi dia jadi jual sampai RM50,000, RM60,000 sebab apa ejen-ejen yang ada tentukan. Akhirnya, mangsa adalah si peminjam. Soalan tambahan saya adalah adakah kerajaan sedar perkara ini dan apakah tindakan akan diambil oleh kementerian? Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Timbalan Yang di-Pertua, terima kasih Datuk Seri Senator. Soal tentang lelong ini adalah di luar bidang kuasa kementerian saya. Ini yang saya rasa di bawah Kementerian Kewangan. Akan tetapi tawaran dan *demand and supply* ataupun penawaran di dalam harga-harga rumah yang dilelong itu adalah bergantung kepada situasi setiap kali lelongan itu dibuat. Memang saya percaya mungkin orang yang inginkan harga itu jatuh pada kepada RM50,000 dan RM60,000 untuk memberikan kelebihan kepada pembeli dan yang menjual tadi itu akan menjadi mangsa kepada keadaan.

Akan tetapi *this is one of those*, ini salah satu situasi pasaran terbuka *demand and supply* yang mungkin tidak dapat kita kekang 100 peratus tetapi kalau Kementerian Kewangan mempunyai- susah juga Yang Berhormat Datuk Seri. Kalau salah satu contohnya kita letakkan minimum RM100,000 *reserved price* kalau tidak ada orang beli jadi kita berdepan dengan situasi di mana rumah itu perlu dijual oleh bank untuk mendapatkan pulangan kepada bank dan *unfortunately*, Tuan Yang di-Pertua pemilik rumah adalah orang yang terakhir yang sepatutnya diberikan wang tersebut, akan dibayar dahulu kepada bank dan sebagainya.

Jadi saya bersimpati dengan mangsa tersebut tetapi saya rasa ini satu situasi yang sukar untuk dibendung. *I'm telling you the truth*. Kalau RM100,000 pun tidak ada orang beli macam mana hendak letak lagi RM100,000 untuk kali kedua, ketiga dan keempat. Sudah tentu ia terpaksa diturunkan. Akan tetapi kalau terbukti ada manipulasi untuk kolaborasi, katalah antara pelelong, agen dan sebagainya itu, itu boleh kita ambil tindakan tetapi mungkin bukan di bawah kementerian saya, Yang Berhormat Datuk Seri Senator. Mungkin di bawah sama ada Kementerian Kewangan ataupun pihak polis. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih, Yang Berhormat Menteri. Okey memandangkan Yang Berhormat Menteri sendiri yang datang hadir menjawab soalan saya benarkan satu lagi soalan. Silakan Yang Berhormat Dato' Boon Som a/l Inong.

Dato' Boon Som a/l Inong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri menjawab soalan yang begitu bagus dan padat sekali. Saya pun tidak mensia-siakan peluang ini tetapi bukanlah saya untuk tujuan perkauman tetapi adalah untuk masyarakat Siam di sini [*Ketawa*]

Mengenai lot bumiputera di tanah perumahan. Sejak 25 Februari 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan bahawa orang Siam bumiputera. Akan tetapi bila beli rumah lot bumiputera ini, masalah masyarakat Siam ini apabila ditanya kerajaan negeri, kerajaan negeri kata kita perlu minta pekeliling daripada Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Sebab apa, dahulunya Datuk Chua dia orang Kedah, jadi *case by case* basis [*Ketawa*] Bila ada sahaja orang hendak beli perumahan saya terpaksa memohon melalui Datuk Chua dan Datuk Chua akan keluar surat barulah dapat bumiputera punya lot. Akan tetapi sekarang ini masalah. Saya mengharapkan supaya Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan membuat satu pekeliling ataupun secara *blanket* untuk masyarakat Siam. Terima kasih.

Datuk Abd. Rahman Dahlan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ya, betul Datuk Chua dari Kedah dan sudah tentu dia, akan tetapi saya boleh bagi jaminan saya Menteri untuk seluruh Malaysia bukan untuk Sabah sahaja dan kalau perlukan surat itu kalau begitulah yang dibuat oleh *the previous minister*, dengan izin, *I'm more than happy to help you*, dengan izin.

Akan tetapi Yang Berhormat Senator pun tahu bahawa kuota bumiputera adalah ditetapkan oleh pihak kerajaan negeri dan saya akan cuba bantu mana yang patut. Untuk PPR juga Projek Perumahan Rakyat yang kita bina di merata tempat di seluruh negara itu, kalau Yang Berhormat Dato' mempunyai senarai orang-orang Siam yang ingin membeli rumah tersebut ataupun menyewa rumah tersebut kita akan bagi kelebihan ataupun peluang untuk mereka mendapatkan PPR ini, *insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Beralih ke soalan seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan.

3. Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai minta Menteri Kewangan menyatakan, faktor utama pihak kerajaan menguatkuasakan GST pada tahun 2015 dan bukan pada tahun ini kerana jika ia bagus dalam memastikan ekonomi negara stabil, kenapa ia tidak dikuatkuasakan secepat mungkin.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Assalamualaikum, salam sejahtera, salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Nallakaruppan. Soalan tentang GST. Pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau *Goods and Services Tax* atau GST, yang akan

bermula pada tahun 2015 adalah bertujuan bagi memberi masa kepada peniaga untuk membuat persiapan yang sewajarnya.

Persiapan yang dimaksudkan adalah daripada segi latihan kepada kakitangan, perubahan sistem pengkomputeran dan penilaian semula proses perniagaan. Tempoh masa juga diperlukan oleh kerajaan bagi memastikan undang-undang dan peraturan berkaitan berada dalam keadaan teratur, penyediaan infrastruktur seperti sistem pengkomputeran GST yang lengkap dan memberi latihan yang secukupnya kepada pegawai agensi pelaksana GST.

Selain daripada itu, tempoh tersebut membolehkan kerajaan menjalankan program-program kesedaran GST secara lebih baik. Ini bertujuan agar semua rakyat faham hasrat utama kerajaan melaksanakan GST dari sudut apakah yang dimaksudkan dengan GST, kesannya kepada pengguna dan negara dan apakah langkah-langkah yang diambil kerajaan dalam menangani sebarang isu atau permasalahan yang mungkin timbul ekoran daripada pelaksanaan GST.

Kita melaksanakan GST kerana ia langkah untuk menstrukturkan semula sistem percukaian negara agar lebih berkesan atau efektif, lebih cekap atau efisien dan lebih telus untuk mempertingkatkan daya saing negara di peringkat antarabangsa. Sistem sekarang, cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang kita telah bermula sejak tahun 1972 dan tahun 1975 berlaku cukai atas cukai. Ada kelemahan pada sistem SST dan juga ada berlaku pindahan harga, pindahan nilai dan tiada pelepasan cukai ke atas eksport.

Seterusnya GST adalah lebih efektif, efisien dan telus dan dia merupakan satu kawalan sendiri ataupun *self policing*. Akan mengandungi sistem semakan bersilang dengan izin, *cross checking* antara Kastam dan juga Lembaga Hasil Dalam Negeri. Mengurangkan kerenah birokrasi, GST juga meningkatkan pematuhan cukai dan menunjukkan harga yang lebih telus. Oleh sebab SST sekarang tidak ada elemen cukai dimasukkan ke dalam bil kepada pengguna tetapi GST ini nanti akan ada diletakkan 6 peratus.

Daripada segi hasil negara pula, GST mengurangkan kebergantungan kepada cukai pendapatan. Pada tahun 2013, tahun yang lepas 58 peratus daripada pendapatan negara adalah daripada cukai pendapatan individu dan juga syarikat. Ia juga mengurangkan kebergantungan kepada hasil petroleum. Pada tahun lepas 30.6 peratus daripada hasil negara datang daripada hasil petroleum. GST juga boleh mengeluarkan mereka yang berada dalam *schedule* ekonomi ataupun *the black economy*, ekonomi gelap, ekonomi *underground*, ekonomi bawah tanah ini untuk keluar dan berdaftar di bawah GST. Sebelum ini mereka tidak mendaftar, mereka lari cukai dan tidak membayar cukai yang sepatutnya.

■1040

Saiz di Malaysia ini agak besar, *underground economy* ini lebih kurang 30 peratus daripada KDNK. Ia adalah besar tetapi negara-negara maju yang telah melaksanakan GST kurang *underground economy*, *black economy*, *shadow economy* ini kepada 10 peratus hingga 15 peratus sahaja. Bukan rakyat tempatan sahaja yang akan membayar cukai GST tetapi pelancong dan warga asing juga kena bayar GST. Terima kasih.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, apakah langkah-langkah MITI dalam memastikan rakyat faham apa itu GST dan kelebihanannya kepada ekonomi negara? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Kita akan terus melaksanakan penerangan GST ini melalui pelbagai kaedah. Kita menggunakan media alternatif (MA), media bersemuka (MB), melalui ceramah dan penerangan dan juga siri-siri, media cetak (MC), media digital maya (MD) dan media elektronik (ME), TV, radio. Itu kaedah-kaedah penerangan dan kita akan terus membuat penjelasan-penjelasan di semua peringkat.

Kementerian Kewangan dibantu dengan kastam kita ada *team* untuk membuat penerangan dan saya juga melaksanakan program-program melatih penceramah-penceramah 500 orang kita latih dan pada hari Khamis ini saya akan pergi ke Sabah untuk menerangkan dan melatih jurucakap mengenai GST ini. Pada hari esok saya akan berada di Sarawak juga tentang GST dan kita akan meneruskan usaha-usaha ini.

Sebagaimana yang saya sudah sebut tadi kelebihan GST saya telah nyatakan daripada segi ekonomi terselindung, kita boleh mengurangkan hasil negara. Hasil negara akan bertambah pada tahun hadapan lebih kurang RM3 bilion tambahan. Pada tahun 2016, RM9 bilion tambahan. Dengan tambahan hasil negara itu, faedahnya kita kembalikan kepada rakyat kerana cukai ini adalah daripada rakyat untuk rakyat dan diproses di dalam Dewan kita ini melalui bajet tahunan. Kita tidak simpan wang yang kita peroleh itu tetapi kita beri kembali kepada rakyat dengan pelbagai kaedah.

Satu lagi kebaikannya ialah, ia boleh menambah 0.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar menambahkan, mengembangkan ekonomi kita dan menambahkan eksport kita sebanyak 0.5 peratus pada tahun pertama. Kenapakah eksport kita bertambah? ini kerana pada saat dan ketika ini tiada pelepasan cukai atas eksport tetapi pada ketika GST nanti ada pelepasan terhadap eksport. Maka, eksport kita bertambah dan ekonomi kita akan berkembang. Ekonomi kita berkembang ini baiknya adalah untuk rakyat juga. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, bila ambil masa yang lama untuk dilaksanakan, tidakkah pihak Menteri Kewangan merasa terganggu atau pun tergugat dengan pelbagai bantahan seperti demo 1 Mei di Dataran Merdeka dan mungkin ada lagi. Bagaimanakah Menteri Kewangan menangannya? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Demonstrasi 1 Mei Tuan Yang di-Pertua, Dato' Senator Abdul Rahman Bakar, satu usaha yang sia-sia kerana sama ada demonstrasi atau tidak ada demonstrasi kita akan tetap melaksanakan GST ini pada 1 April 2015. Kerana apa? Kerana ia mendatangkan kebaikan, ia mendatangkan kebaikan kepada rakyat, mendatangkan kebaikan kepada negara. Kita telah bersiap bermula sejak tahun 1983 apabila kita menghantar sekumpulan pasukan daripada kastam dan juga Kementerian Kewangan ke Korea Selatan untuk kita belajar mengenai GST. Tahun 1988, pada ketika itu Tun Daim Zainudin, Menteri Kewangan telah menyatakan.

Kemudian pada tahun 1992 Ketua Pembangkang Dato' Seri Anwar bin Ibrahim telah mengumumkan akan dilaksanakan pada bajet untuk Bajet 1993. Ketua Pembangkang sendiri bersetuju GST dilaksanakan. Sekarang tidak setuju pula. Tun Abdullah Ahmad Badawi pada September 2004 juga memaklumkan akan dilaksanakan pada tahun 2005. Kemudian, pada tahun 2005 kita menghantar pasukan ke Australia, ke New Zealand dan ke Indonesia untuk belajar mengenai GST.

Pada tahun 2009 kita sudah baca rang undang-undang kali pertama, kita tarik balik. Pada 25 Oktober 2013 tahun sudah diumumkan oleh Perdana Menteri di sini bahawa GST akan dilaksanakan pada 1 April 2015. Dengan lain perkataan kita sudah bercerita tentang GST ini sejak 30 tahun yang lepas. Sebanyak 160 buah negara telah melaksanakan GST dan 90 peratus daripada rakyat dalam dunia ini berada dalam negara yang melaksanakan GST ini. Sebanyak 90 peratus penduduk dalam dunia ini negaranya melaksanakan GST. Pembangkang tidak setuju pada GST ini, dia suruh KIV. Contohnya Menteri Besar Selangor kata dia setuju tetapi suruh KIV sehingga kita ini negara kaya.

Saya ingin menyatakan bahawa 28 buah negara miskin seperti Cambodia, Bangladesh, Utopia telah melaksanakan GST, 41 buah negara yang berpendapatan sederhana rendah seperti Indonesia, Sri Lanka, Filipina melaksanakan GST. Pendapatan sederhana tinggi termasuk Malaysia seperti Brazil, Thailand, Panama 39 buah negara. Pada 1 April 2015- Malaysia negara yang ke-40 dan negara berpendapatan tinggi 42 buah negara Australia, Jepun, Singapura dan negara yang tidak diketahui dengan tepat pendapatannya seperti Argentina, Jamaica, *Ivory Coast*- sepuluh negara, semua sekali 160 negara daripada 193 buah negara dalam dunia.

Dengan lain perkataan 83 peratus daripada negara-negara dalam dunia sudah melaksanakan GST. Dalam rantau kita ini cuma Brunei. Brunei memang tidak ada *tax*, Myanmar dan Malaysia. Yang lain-lain semua sudah melaksanakan GST. Kalau laksana GST ini tidak baik, 160 buah negara itu ekonominya sudah menguncup dan mempunyai masalah dalam negara. Akan tetapi GST ini baik, maka negara-negara itu terus berada dan berkembang ekonominya. Terima kasih.

4. **Dr. Ariffin bin S.M. Omar** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengurangkan angka kematian dalam lokap serta pusat pertahanan yang lain di negara ini, dan sejauh manakah langkah-langkah ini berkesan.

Timbalan Menteri Dalam Negeri [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian memandang serius dan sentiasa komited dalam meletakkan kes kematian dalam tahanan polis serta pusat tahanan lain di negara ini bagi menentukan aspek keselamatan dan kesihatan orang tahanan diberi perhatian khusus dalam tempoh pertahanan mereka. Daripada rekod polis seramai 201 orang tahanan telah mati dalam lokap dan jagaan polis dari tahun 2003 hingga bulan April 2014.

Punca kematian disebabkan penyakit. Sebanyak 167 kes, gantung diri 20 kes, bergaduh sama sendiri 1 kes, pendarahan otak sepuluh kes, tergelincir di bilik air lokap satu kes, dan dua dcedera oleh pihak polis. Daripada statistik berkenaan, kebanyakan kematian disebabkan oleh penyakit dan kes gantung diri. Bagi mengatasi kes kematian dalam tahanan, pelbagai langkah telah diambil oleh kerajaan dan kementerian. Langkah-langkahnya ialah seperti berikut:

- (i) kerajaan pada dasarnya telah bersetuju untuk menubuhkan Mahkamah Koroner bagi menyiasat kes-kes kematian dalam tahanan yang melibatkan semua agensi penguat kuasa di negara ini. Maka, penubuhan ini diyakini dapat diterima baik oleh semua pihak kerana sifat mahkamah yang dilihat sebagai neutral dan keputusan mahkamah juga diterima umum. Amalan ini juga telah diguna pakai oleh negara-negara lain. Mahkamah Koroner telah pun mula beroperasi pada 15 April 2014 dan dikendalikan oleh seorang hakim Mahkamah Sesyen;
- (ii) Jemaah Menteri juga telah bersetuju lokap bersepadu dibina di setiap negeri. Sehingga kini terdapat lima buah lokap berpusat telah disiapkan dan beroperasi. Dengan adanya lokap berpusat ini urus tadbir orang tahanan akan lebih sistematik, seragam dan mudah dikendalikan;
- (iii) semua lokap dan tempat kurungan polis telah dan akan dilengkapi dengan sistem litar tertutup atau pun CCTV yang berdefinisi tinggi atau pun berkualiti tinggi di seluruh negara. Sehingga kini sebanyak 360 buah tempat lokap atau kurungan telah dilengkapi dengan CCTV seperti berikut:

■1050

- (a) 272 lokap di balai-balai polis;
- (b) 72 lokap di ibu pejabat polis daerah;
- (c) dua lokap berpusat; dan
- (d) 14 lokap di jabatan dan cawangan polis.

Pihak PDRM telah menyemak semula *Standard Operating Procedure* (SOP) yang sedia ada bagi pengurusan orang tahanan dengan memasukkan elemen-elemen baru antaranya:

- (i) memastikan borang pengesahan penyakit, kecederaan hendaklah diisi dan di sah oleh orang tahanan itu sendiri;
- (ii) orang tahanan yang menghidap penyakit berjangkit yang berisiko tinggi kepada tahanan lain hendaklah dipisahkan atau diasingkan;
- (iii) lawatan oleh pihak SUHAKAM. Lawatan pertama telah bermula pada 28 April dan hingga 30 April 2014. Sejumlah empat balai telah dilawati oleh pihak SUHAKAM iaitu;
 - (a) Lokap Pejabat Polis Dang Wangi, Kuala Lumpur;

- (b) Lokap Pusat Shah Alam, Selangor;
- (c) Lokap Pejabat Polis Sentul, Kuala Lumpur; dan
- (d) Lokap Berpusat Jinjang, Kuala Lumpur.
- (iv) orang-orang tahanan hendaklah seboleh mungkin diasing mengikut kategori pertahanan mereka. Sama ada ia merupakan tahanan reman, tahanan yang telah dijatuh hukuman, tahanan yang mabuk, penjenayah yang *habitual*, tahanan yang ditahan di bawah undang-undang pencegahan, tahanan wanita dan tahanan kanak-kanak; dan
- (v) pemeriksaan berkala oleh pegawai perubatan daripada Kementerian Kesihatan.

Adalah diyakini dengan transformasi dan langkah-langkah drastik yang telah diperkenalkan ini, kes kematian dalam tahanan dapat ditangani dengan lebih telus dan diterima baik oleh semua pihak. Sekali gus dapat mengurangkan kes kematian dalam tahanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan angka kematian dalam tahanan atau *custodial death* masih tinggi dan memandangkan *Enforcement Agency Integrity Commission* (EAIC), dengan izin, masih tidak berapa berkesan daripada aspek ini. Adakah kerajaan akan menubuhkan IPCMC seperti yang dicadangkan oleh Suruhanjaya Diraja?

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama saya ingin menekankan bahawa jumlah kematian dalam lokap, tahanan polis ataupun penjara di Malaysia adalah di kalangan yang terendah di dunia Tuan Yang di-Pertua. Bukan yang tertinggi dan berleluasa. Ini saya tidak boleh terima. Malangnya kita tidak dapat mengesan sebenar sebab setiap negara tidak mahu mendedahkan perkara ini kepada umum sebenarnya. Akan tetapi apa yang kita dapat daripada umpamanya di *England*, kita nampak nisbahnya jauh lebih tinggi daripada kita walaupun di negara yang lebih maju dan lebih sistematik dalam pengkhususannya.

Kedua, soalan IPCMC Tuan Yang di-Pertua, telah banyak saya perjelaskan bermula sesi persidangan parlimen ini dahulu. Apabila Suruhanjaya Pembaikan Polis mencadangkan diwujudkan suruhanjaya dipanggil IPCMC. Dalam kajian kerajaan dan juga kajian bersama dengan pihak polis, didapati bahawa IPCMC itu banyak bercanggah dengan sudut undang-undang dan falsafah undang-undang negara kita sendiri. Bahkan banyak perkara dicadangkan dalam IPCMC telah mengatasi banyak langkah lain yang perlu kita meminda undang-undang lain dan menarik kuasa pihak-pihak yang tertentu diberi oleh perlembagaan dan undang-undang.

Jadi dalam keadaan sedemikian kajian kerajaan membuat satu keputusan supaya diwujudkan suruhanjaya ini iaitu dipanggil SIAP bukan IPCMC. Sebenarnya selepas SIAP dilaksanakan kerajaan telah memutuskan bahawa IPCMC tidak dipakai dan SIAP dipakai. Maknanya persoalan untuk mewujudkan IPCMC tidak berbangkit lagi. Ini sebab IPCMC telah ditolak dan dibuat suruhanjaya yang lain untuk menjalankan tugas apa yang dicadangkan untuk IPCMC terdahulu darinya. Jadi soalannya Tuan Yang di-Pertua, mungkin Yang Berhormat bertanya kenapa tidak dengar sahaja cadangan yang dibuat oleh Suruhanjaya 2004 dan 2005 untuk kebaikan polis menubuhkan IPCMC? Kenapakah pula SIAP?

Tuan Yang di-Pertua, saya membawa balik sejarah negara kita ini. Negara kita di bawah Perlembagaan Yang Berhormat ialah ditadbir oleh Kabinet sebenarnya. Mana-mana suruhanjaya diwujudkan oleh kerajaan ia kena diserahkan kepada Kabinet dahulu dan Kabinet membuat keputusan. Kabinet itulah pentadbir negara yang unggul di bawah Perlembagaan. Apa-apa sahaja suruhanjaya yang ada, ia mesti menyerahkan kepada Kabinet dan Kabinet membuat pemerhatian, kajian dan pemutusan yang terakhir. Apa macam corak yang dicadangkan oleh mana-mana pihak sama ada jawatankuasa ataupun suruhanjaya. Jadi itulah kenapa tidak dipakai IPCMC dipakai SIAP.

Jadi Tuan Yang di-Pertua soalan yang mewujudkan SIAP itu tidak berbangkit lagi kerana suruhanjaya lain sudah ada. Suruhanjaya ini telah bekerjasama dengan pihak polis

memantau keadaan-keadaan yang berlaku dalam lokap, disiplin polis dan bekerjasama dengan Suruhanjaya Polis Diraja Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan jawapan daripada Kementerian. Isu tersebut selalu *dimanipulate* oleh pihak tertentu dan di mana orang awam ada persepsi yang salah sebagai negara kita angka tertinggi tetapi kita ikut jawapan Menteri tadi terendah. Jadi soalan saya, adakah apa langkah oleh Kementerian untuk menerangkan yang isu tersebut kepada orang awam supaya jangan dibodohkan atau ditipu? Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang amat menarik sebenarnya. Sebenarnya keadaan keselamatan, jenayah dan sebagainya di negara kita adalah dalam keadaan yang amat terkawal. Kajian yang dibuat oleh badan yang bebas iaitu *Cross Insolvent* Tuan Yang di-Pertua. Membuat kajian semenjak kita merangka tindakan kerajaan di bawah NKRA untuk melihat keadaan jenayah dan persepsi masyarakat di negara ini. Apa yang dilihat ialah pertama didapati bahawa memang fakta-fakta yang tertentu, fakta yang sebenarnya keadaan jenayah di Malaysia menurun. Memang menurun bahkan menurun jauh daripada apa yang dijangka oleh kerajaan di bawah NKRA.

Kedua, persepsi masyarakat terhadap polis pula, bahawa masyarakat sebenarnya menerima bahawa polis telah menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin. Bahkan penerimaan ini telah meningkat sampai 60 peratus lebih. Menunjukkan bahawa polis telah menjalankan tugas mereka dengan sebaik mungkin untuk menangani masalah jenayah. Akan tetapi apa yang ganjilnya di sebalik yang baik ini persepsi masyarakat masih melihat bahawa jenayah ini belum lagi terbandung. Ini amat betul apa Yang Berhormat Senator sebut tadi bahawa persepsi masyarakat ini masih. Perkara ini telah dilaporkan kepada Jawatankuasa Kabinet baru pun dua minggu lepas jadi kerajaan masih mengkaji. Macam mana menangani masalah persepsi yang kurang tepat ini di kalangan masyarakat.

Akan tetapi Yang Berhormat kita kena terima juga hakikatnya bahawa pada dua tahun lepas ada kajian disebut menunjukkan bahawa negara kita yang menggunakan *Facebook* yang tertinggi Yang Berhormat dari sudut nisbah ia jika dibandingkan dengan negara-negara yang maju di luar negara. Dalam keadaan sedemikian kadang-kadang orang kita ini suka membuat saringan, *Facebook*, *Twitter*, bermacam-macam lagi perkhawaran yang tidak mendapat bukti yang jelas dan nyata. Jadi perkhawaran-perkhawaran ini telah diterima oleh masyarakat kita nampaknya masyarakat kita masih amat *gullible* ataupun suka menerima benda-benda 'angin' ini. Jadi dalam keadaan yang sedemikian, kita memohon semua Ahli Yang Berhormat memberitahu kepada masyarakat cerita yang sebenar, bukan cerita-cerita angin dan khabar yang tidak ada bukti yang nyata daripada kerajaan. Terima kasih.

■1100

5. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat menyatakan, cadangan dan inisiatif kerajaan untuk mewujudkan Pusat Jagaan Harian Kanak-kanak berumur dari satu bulan hingga tujuh tahun di setiap sekolah di seluruh negara bagi memastikan kemudahan ini membantu rakyat berpendapatan rendah dan sederhana menikmati Pusat Jagaan Kanak-kanak pada kadar yang tidak membebankan mereka dan menjamin keselamatan dan keselesaan kanak-kanak.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih juga kepada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany yang mengemukakan soalan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Hajah Mariany dan Dewan yang mulia ini, menjadi perjuangan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya lebih banyak lagi Taman Asuhan Kanak-kanak ataupun taska dan Pusat Jagaan Kanak-kanak ditubuhkan khususnya di tempat kerja sektor awam mahupun swasta.

Inisiatif ini bertujuan untuk membantu pasangan dwi pekerjaan mendapat perkhidmatan pengasuhan dan penjagaan anak yang *affordable* dan *accessible* sewaktu mereka bekerja. KPWKM menyambut baik cadangan perwujudan Pusat Jagaan Kanak-

kanak di setiap sekolah. Sehubungan dengan itu, KPWKM akan meneliti cadangan ini dan mengkaji kesesuaiannya sebelum perkara ini dapat dilaksanakan.

Dalam pada itu, kerajaan sememangnya menggalakkan majikan untuk menubuhkan Pusat Jagaan Harian Kanak-kanak dan taska di tempat kerja untuk memudahkan ibu bapa yang bekerja menghantar anak-anak mereka bagi mendapatkan pengasuhan yang berkualiti. Dalam hal ini kerajaan telah menyediakan inisiatif-inisiatif seperti berikut:

- (i) mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 6, Tahun 1989 menerusi Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) yang menghendaki kementerian, jabatan dan agensi kerajaan menubuhkan Pusat Jagaan Kanak-kanak;
- (ii) mengeluarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil. 38, Tahun 2013 dengan menaikkan kelayakan pendapatan bulanan isi rumah penjawat awam daripada RM3,000 kepada RM5,000 bagi tujuan diberikan subsidi yuran pengasuhan taska di tempat kerja sektor awam. Subsidi bulanan ini berjumlah RM180 bagi setiap anak; dan
- (iii) Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu membentangkan Bajet 2010 di Dewan Rakyat pada 23 Oktober 2009 telah mengumumkan geran pelancaran penubuhan taska di tempat kerja sektor awam sebanyak RM200,000 untuk kementerian, jabatan dan agensi kerajaan.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan saya tetapi apa yang kita lihat, kita dengar cuma pekeliling-pekeliling yang telah diedarkan dan pengumuman pelancaran geran. Akan tetapi selanjutnya, Berapakah bilangan pusat-pusat yang telah diwujudkan? Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, soalan saya mohon penjelasan juga bagaimana langkah-langkah jangka pendek yang boleh diambil segera oleh kerajaan, contohnya untuk mengumpul tenaga kerja tempatan seperti ibu tunggal ataupun suri rumah yang tidak bekerja?

Saya juga ingin bertanya bolehkah diwujudkan pekerjaan kontrak singkat dengan kerajaan atau agensi di bawah kementerian bagi mengatasi kekurangan tenaga kerja tempatan dalam bidang jagaan bayi dan kanak-kanak serta menentukan tahap kompetensi dan syarat minimum kelayakan kemahiran untuk tenaga tempatan? Ini juga untuk mengutamakan sumber tenaga tempatan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang dikemukakan. Soalan yang pertama tentang bilangan. Tuan Yang di-Pertua, setakat ini untuk taska di sektor awam telah pun diwujudkan 106 taska dan di bawah taska sektor swasta, sudah 27 taska ditubuhkan. Contohnya seperti di Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, kita ada taska yang mana dikongsi dengan kementerian-kementerian yang berdekatan dengan kita.

Di Kementerian Pendidikan juga ada taska dan juga di lain-lain tempat. Semuanya ada di seluruh negara. Kita tidak berhenti di sana, kita akan teruskan lagi dan kita menggalakkan supaya kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan yang ada yang mempunyai petugas ataupun pegawai-pegawai dan kakitangan-kakitangan mereka yang masih produktif dan yang mempunyai anak-anak yang perlu dijaga, kita juga masih lagi mendorong mereka. Kementerian juga menyediakan peruntukan seperti saya sebut tadi, RM200,000 untuk mereka menubuhkan taska di tempat kerja ini. Di taska sektor swasta ini contohnya di Citibank ada, Proton ada, Sime Darby pun sudah ada ditubuhkan. Jadi keseluruhannya sekarang ini ada 133.

Berkaitan dengan soalan yang kedua itu, sebenarnya itu lebih kepada Kementerian Sumber Manusia, tentang pekerja, latihan dan sebagainya. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany, untuk memastikan kompetensi tenaga penjaga kanak-kanak ini, kita memang ada kursus. Sebelum mana-mana pun taska boleh kita daftarkan di bawah kementerian ini, pengusaha taska itu dan juga penjaga kanak-kanak mesti melalui kursus.

Kursus sekarang ini telah kita tetapkan ialah kursus di bawah PERMATA di mana mereka perlu melalui pelbagai latihan, supaya mereka benar-benar dapat diiktiraf, dapat sijil kompeten untuk melaksanakan tugas mereka, barulah taska-taska itu kita daftarkan di bawah kementerian. Kita tidak ada halangan, kita lebih suka kalau petugas-petugas ini memanglah terdiri daripada warganegara kita. Tidak kiralah sama ada mereka ini daripada kalangan ibu tunggal ataupun bukan ibu tunggal, yang masih bujang dan sebagainya, kita mengalu-alukan. Terima kasih.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa umum tahu bahawa banyak daripada wanita yang bekerja mengambil jiran mereka sahaja ataupun wanita yang berhampiran tempat duduk mereka untuk menjaga anak-anak mereka daripada dihantar ke pusat-pusat jagaan. Oleh sebab ini saya percaya, persoalannya ialah adakah kementerian boleh menyediakan pakej latihan penjagaan bayi bagi wanita-wanita ini yang dikatakan sebagai penjaga yang tidak terlatih, tidak ada sijil dan tidak formal kerana berlaku juga banyak kali di mana kejadian bayi meninggal, tersedak susu dan sebagainya. Kita tidak mahu perkara ini berulang lagi. Jadi, saya berharap sangat bahawa kementerian boleh memberi pakej istimewa dan kita tahu ramai yang menjaga, anak mereka sendiri dijaga, pada masa yang sama dia menjaga anak jiran-jiran. Jadi ini persoalan yang hendak saya sampaikan.

Datuk Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Mohd. Dun: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Raja Ropiaah atas soalan yang dikemukakan. Sebenarnya di kementerian, memang kita mempunyai banyak pakej untuk melatih kaum wanita dalam pelbagai bidang yang memang sinonim dengan wanita khususnya dalam bidang penjagaan kanak-kanak dan bayi. Akan tetapi biasanya apa yang kita lakukan ialah program ini kita khusus kepada mereka yang akan menubuhkan taska. Tidak kiralah taska di tempat kerja ataupun taska-taska yang lain kerana kita bukan sahaja taska di tempat kerja. Saya dengar tadi Yang Berhormat Senator mengatakan bahawa ada juga ibu bapa yang cuma menghantar anak-anak mereka kepada jiran-jiran.

Kita menggalakkan supaya ibu bapa menghantar anak-anak mereka ke taska ataupun pusat penjagaan yang berdaftar di bawah kementerian kerana dengan itu kita dapat menjamin bahawa mereka yang menjaga itu mereka yang sudah pun terlatih. Ini kerana sebelum mereka dapat menubuhkan apa juga taska sama ada taska di tempat kerja ataupun taska di luar, maka mereka ini perlu tadi seperti saya sebutkan melalui latihan yang diperlukan untuk kita memastikan mereka tahu bagaimana menjaga anak-anak ini. Jadi supaya dapat kita mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian yang menyedihkan seperti tersedak susu dan sebagainya itu.

■1110

Walau macam mana pun, saya mengambil perhatian atas cadangan Yang Berhormat Senator tadi supaya kita dapat juga menyediakan pakej agar kita dapat memberikan latihan kepada mana-mana wanita yang ingin terlibat dalam bidang ini. Akan tetapi sekali lagi saya ingatkan supaya sebelum mereka menubuhkan pusat jagaan, mereka perlulah berdaftar dengan kementerian untuk mengelakkan daripada perkara yang tidak baik berlaku dan kita dapat memantau mereka secara berkala. Terima kasih.

6. Puan Norliza binti Abdul Rahim minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) apakah langkah kementerian meningkatkan jumlah pelajar aliran sains berbanding aliran sastera di negara ini; dan
- (b) apakah pendekatan yang bakal diambil bagi memupuk minat pelajar terhadap mata pelajaran sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik (STEM).

Timbalan Menteri Pendidikan [Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator Puan Norliza. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia berusaha meningkatkan nisbah murid dalam pendidikan sains, teknologi, kejuruteraan dan matematik ataupun dengan singkatnya dipanggil STEM, melalui Dasar 60:40, Sains Teknikal dan Sastera.

Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Jawatankuasa Mengkaji Dasar 60:40 Aliran Sains Teknikal dan Sastera yang terdiri daripada pakar-pakar dari universiti, organisasi bukan kerajaan, pihak swasta dan kementerian lain bagi mengkaji kemerosotan minat terhadap aliran sains.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, 15 perakuan telah dikeluarkan oleh jawatankuasa ini dalam Buku Laporan Strategi Mencapai Dasar 60:40 Aliran Sains Teknikal dan Sastera. Perakuan tersebut telah dilaksanakan sebagai strategi untuk menarik minat murid serta mempopularkan bidang sains dan teknologi termasuk peluang bekerja.

Strategi yang dirancang ini akan dijalankan secara berperingkat mengikut Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 hingga 2025. Kementerian Pendidikan Malaysia juga telah mengambil kira transformasi pendidikan vokasional untuk mencapai nisbah 60:40 orang murid aliran Sains Teknikal ini.

Setakat ini Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pelbagai usaha dan aktiviti untuk tujuan meningkatkan kadar penyertaan murid dalam bidang STEM, antaranya ialah:

- (i) mempertingkatkan bimbingan kerjaya dalam bidang STEM kepada murid,
- (ii) mengadakan lebih banyak program galakan STEM di peringkat sekolah;
- (iii) mengadakan program pusat pembelajaran sains dengan memberi peluang kepada murid yang mendapat gred 'C' dalam sains dan matematik untuk mengikuti aliran sains;
- (iv) menambah baik kemudahan makmal sains melalui pembekalan peralatan STEM; dan
- (v) menekankan konsep pengajaran yang berbentuk kreatif, inovatif dan menyeronokkan dalam bilik darjah, khususnya dalam KSSR.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Pendidikan Malaysia turut mewujudkan kerjasama dengan beberapa buah syarikat swasta seperti syarikat multinasional dan syarikat berkaitan kerajaan (GLC). Contohnya, dengan Akademi Sains Malaysia untuk meningkatkan minat murid terhadap sains melalui kaedah pengajaran dan pembelajaran secara praktikal ataupun *hands-on*, dengan izin, dan mengadakan aktiviti galakan sains seperti Program-program Kembara Sains Bersama Petrosains, Program Pusat Pembelajaran Sains, Program Pertandingan Robotik, Program Kem Kecemerlangan *International Chemistry Olimpiad*, Program *F1 Technology Challenge*, Kem *River Rangers Science Section Team* dan juga Hari Air Sedunia dan sebagainya. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada pihak kementerian iaitu Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah menjawab dengan begitu menyeluruh dan holistik.

Saya rasa memang tindakan kerajaan untuk meningkatkan aliran sains ini adalah amat baik. Cuma kalau kita lihat balik dalam statistik 2012 kalau tidak silap saya, yang saya baca, kita hanya ada 37 peratus sahaja pelajar yang mengambil aliran sains dan hanya 29 peratus sahaja yang mengambil *pure science*, dengan izin, ataupun sains tulen. Jadi, soalan saya kepada kementerian, adakah disebabkan konsep pembelajaran kita ini yang terlalu *exam oriented* sebagai contoh, pinjaman PTPTN sekiranya mendapat CGPA 3.5 akan diberi diskaun. Jadi, adakah disebabkan benda-benda yang sebegini menyebabkan pelajar memilih aliran sastera lebih daripada sains sebab ingin mengikuti laluan yang mudah.

Soalan saya yang kedua, sama ada perlukah kita beri sedikit keistimewaan ataupun insentif kepada pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran dalam aliran sains seperti bantuan kewangan ataupun insentif-insentif lain? Sekian, terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya tidak menafikan statistik yang dibentangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi ada kebenaran. Oleh yang demikianlah, kita telah menggubal beberapa strategi

bagaimana kita dapat melaksanakan Dasar 60:40 ini. Kita telah *target* dalam tahun 2020 supaya dapat mencapai nisbah 60:40 dalam bidang sains STEM ini dan bukan SEM.

Untuk maklumat juga, kepada Yang Berhormat Senator dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain, pada masa kita sedar industri dalam IPTA kita mengalami masalah tersebut. Akan tetapi kita harus ambil maklum bahawa di politeknik kita mempunyai kaedah 70:30, malah telah menjangkau matlamat 60:40. Di kolej komuniti pula, dalam bidang STEM ini 57:43. Kita lebih kurang 3 peratus untuk mencapai 60:40. Maka, Kementerian telah mengambil beberapa langkah seperti mana yang telah saya katakan sebentar tadi, 15 perakuan yang telah kita sediakan. Kita telah pun cetak satu laporan strategi yang mana memberi tumpuan khusus bagaimana kita dapat melaksanakan 60:40 ini dalam masa tahun 2020.

Kita juga menganalisis semua mata pelajaran yang terbabit dan kita pasti dalam masa terdekat ini kita dapat mencapai. Kita mengambil semua inisiatif dan saya rasa tidak benar kerana PTPTN ia dilakukan seumpama begitu. Insentif seperti mana dalam jawapan saya sebentar tadi juga, insentif di antaranya ialah kita memberi insentif dalam murid-murid yang mendapat Gred 'C'. Murid-murid yang mendapat Gred 'C' ini pun kita mengadakan program pusat pembelajaran sains supaya mereka dapat minat dalam bidang ini dan supaya mereka juga dapat mengambil aliran sains dan teknikal (STEM) dalam melanjutkan kerjaya mereka dalam bidang pendidikan ini. Maka, tidak harus wujud mana-mana situasi yang mengatakan Kementerian tidak memberi tanggungjawab.

Bagi saya, unsur kewangan ini tidak boleh dimasukkan dalam unsur minat. Seharusnya tidak ada tetapi kerajaan akan memberi ganjaran dan juga apa yang patut kepada pelajar-pelajar ini apabila mereka mencapai kecemerlangan dalam bidang sains dan teknologi. Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan, dipersilakan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. PPSMI, Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris, bagi saya satu titik hitam dalam sejarah pendidikan negara. Diperkenalkan pada tahun 2003, menjadi satu kejutan bukan sahaja kepada pelajar, malah guru-guru sendiri. *Alhamdulillah*, dasar ini telah diubah semula, *revert* pada tahun 2011 dan dikembalikan semula pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik ke dalam bahasa kebangsaan, peringkat rendah dan juga peringkat menengah.

Dua perkara yang saya hendak kemukakan kepada Yang Berhormat Menteri. Walaupun ia sudah jadi sejarah, dasar tersebut telah merencatkan, bagi sayalah, semangat pelajar-pelajar dalam bidang mata pelajaran Sains dan Matematik dan sekali gus pencapaiannya juga dalam peperiksaan telah terencat. Statistik banyak, *the debate will go on* tapi saya tak berminat hal itu.

■1120

Apa yang nak saya kemukakan di sini ialah apakah Kementerian atau kerajaan akan seterusnya bertegas dengan keputusan yang terbaru ini untuk tidak melayan sebarang desakan, sebarang tuntutan untuk mengungkit-ungkit lagi Dasar Pelajaran Kebangsaan yang telah termaktub di dalam Perlembagaan?

Kedua, Kementerian juga berjanji untuk membuat pendekatan *soft landing* iaitu pemulihan kepada PPSMI, diajar semula dalam bahasa kebangsaan. Di peringkat sekolah rendah, *soft landing* ini akan berakhir pada tahun 2016 dan di peringkat sekolah menengah pada tahun 2021. Soalan saya, sejauh mana pendekatan *soft landing* ini telah dilaksanakan dan bagaimana pencapaiannya? Terima kasih.

Tuan P. Kamalanathan A/L P.Panchanathan: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Sama ada Kementerian akan tegas atas keputusan yang telah dilakukan, memang kita tidak harus ada apa-apa syak wasangka. Kita telus. Apa-apa keputusan yang dibuat oleh Kementerian ini, kita akan mengambil kira maklum balas yang kita terima bukan sahaja daripada pelajar-pelajar malah ibu bapa dan juga guru. Kita mengambil maklumat ini dan selepas itu kita akan membuat penetapan.

Apabila dasar ini dipulangkan balik dalam pengajaran Bahasa Kebangsaan, saya pasti pada masa itu keputusan telah dibuat berdasarkan kepada keperluan dan permintaan daripada rakyat. Maka, ia telah pun dipulangkan balik ataupun menggunakan Bahasa Kebangsaan. Buat masa ini, kita tidak ada apa-apa hasrat untuk memulangkan balik kepada sistem yang pernah dicadangkan dahulu, tetapi kita tidak boleh mengatakan apa yang akan berlaku pada masa-masa yang akan datang tetapi buat masa ini kita memang akan *stick to fact*, dengan izin, penggunaan Bahasa Kebangsaan.

Dalam maklumat keperluan antara *soft landing* untuk sekolah rendah dan sekolah menengah sepertimana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, buat masa ini, kita tidak ada apa-apa masalah dan ia berjalan mengikut *dateline*, *timeline* yang telah ditetapkan, dengan izin. Terima kasih Yang Berhormat.

7. Datuk Dr. Lucas Umbul minta Perdana Menteri menyatakan, sejauh mana laporan Suruhanjaya Siasatan Diraja mengenai Pendetang Asing (RCI) di Sabah yang telah dijalankan selesai laporannya dan apakah tindakan kerajaan seterusnya mengenai perkara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kepada soalan yang telah ditujukan. Saya juga berdoa semoga Tuan Yang di-Pertua sentiasa sihat *walafiat*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Suruhanjaya Siasatan Pendetang Asing di Sabah, RCI Sabah ini telah diberikan tauliah selama enam bulan oleh kerajaan bermula daripada 21 September 2012 sehingga 20 Mac 2013. Berdasarkan kepada tauliah yang diberikan, suruhanjaya perlu mengemukakan laporan lengkapnya dan dipersembahkan ke Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong setelah tamat tempoh tauliah yang diberikan.

Namun begitu, atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan termasuklah insiden Lahad Datu, maka siasatan suruhanjaya ini telah dilanjutkan tauliahnya sebanyak empat kali bermula daripada tarikh-tarikh seperti berikut:

- (i) Pelanjutan Pertama – 21 Mac 2013 sehingga 20 September 2013;
- (ii) Pelanjutan Kedua – 21 September 2013 sehingga 21 Disember 2013;
- (iii) Pelanjutan Ketiga – 22 Disember 2013 sehingga 21 Mac 2014; dan
- (iv) Pelanjutan Keempat – 22 Mac 2014 sehingga 21 Mei 2014.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pelanjutan tempoh ini perlu memandangkan suruhanjaya perlu untuk menjalankan penyiasatan secara terperinci serta menyeluruh memandangkan sebelum ini tiada siasatan terperinci pernah dijalankan sebelumnya. Selain daripada itu, siasatan yang dijalankan oleh suruhanjaya ini juga bersifat secara menyeluruh dan tidak hanya memberikan fokus kepada sesuatu kaum, kawasan atau daerah di negeri Sabah.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Yang Berhormat Menteri yang memberikan jawapan yang amat komprehensif mengenai masalah RCI pendatang asing di Sabah.

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat faham mengenai masalah pendatang asing tanpa izin di Sabah ini, ia telah menjadi mimpi ngeri dan kerisauan besar kepada rakyat di negeri Sabah setelah sekian lama. Sekiranya laporan ini tidak dibentangkan dan tindakan susulan tidak diambil dengan kadar segera, ini bermakna ia akan mengurangkan kepercayaan rakyat Sabah mengenai kecekapan dan kebertanggungjawaban oleh pihak berkuasa.

Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, adakah pihak panel RCI telah menerima, memperakui serta memasukkan dalam laporan RCI, kesemua cadangan daripada parti-parti komponen Barisan Nasional? Sekian, terima kasih.

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, yang pertama sekali, kita menunggu RCI ini menghantar laporan mereka kepada Yang di-Pertuan Agong pada 21 Mei 2014, bulan ini, dan selepas itu kita akan lihat laporan itu berdasarkan apa yang telah disyaratkan kepada mereka.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, ini ialah yang pertama pernah diadakan untuk Sabah, dan oleh sebab ia yang pertama diadakan, dia menyeluruh. Semua sekali pandangan dan juga maklumat yang diterima oleh pelbagai pihak telah dimasukkan dalam kajian yang dibuat. Jadi saya nak kata apa pun tak boleh, kita tunggu sehingga mereka menghantar laporan, sama ada kita menganggap ini mimpi ngeri yang mana mimpi ngeri ini bukan sahaja di Sabah, sebenarnya di seluruh negara.

Kalau sekiranya pendatang tanpa izin ini masih berada di negara ini dan kita tak dapat bezakan di antara yang berizin dan yang tidak berizin kecuali pihak berkuasa mendapatkan maklumat daripada mereka. Rakyat biasa, saya ingat tak mungkin untuk bertanya sama ada mereka ada pas ataupun tidak.

Jadi itu sebab kajian ini penting sebagai asas untuk kita mengambil tindakan selanjutnya. Kerajaan tidak akan bertolak ansur dengan mana-mana pendatang tanpa izin yang berleluasa di negeri ini. Sebagai contoh yang saya selalu berikan semasa pilihan raya iaitu apabila kita dituduh membawa masuk orang asing untuk mengundi. Kita bagi tahu bahawa kerajaan bertegas bahawa tidak ada satu pun manusia luar ataupun pendatang asing yang mengundi semasa pilihan raya. Malah, saya mencabar kalau ada seorang pun, saya akan berhenti jadi Menteri. Itulah nak tunjukkan betapa tegasnya kerajaan dalam hal ini.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah terma-terma yang disyaratkan untuk RCI mengkaji? Kalau boleh, bacakan kepada sidang Parlimen hari ini.

■1130

Dato' Seri Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, RCI ini telah dibangkitkan selama dua tahun berturut-turut oleh pelbagai pihak dan tidak ada mana-mana pihak yang bertanya tentang terma. Jadi tiap-tiap kali saya datang Parlimen ini saya akan bawa terma itu. Kalau saya ditanya maka saya akan baca. Oleh sebab terma ini penting, didengar oleh rakyat Malaysia supaya kita tahu bahawa kerajaan serius, semua pihak serius tentang pendatang tanpa izin ini. Suruhanjaya ini menjalankan siasatannya berdasarkan kepada lapan terma rujukan yang telah ditetapkan oleh kerajaan, iaitu:

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

- (i) untuk menyiasat jumlah pendatang asing di Sabah yang diberikan kad pengenalan biru ataupun kewarganegaraan;
- (ii) untuk menyiasat sama ada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah adalah menurut peruntukan undang-undang;
- (iii) untuk menyiasat sama ada pendatang asing di Sabah yang memegang kad pengenalan biru, resit pengenalan sementara ataupun biru atau kewarganegaraan secara tidak mengikut undang-undang telah didaftarkan di dalam daftar pemilih;
- (iv) untuk menyiasat sama ada pihak berkuasa yang berkenaan telah mengambil apa-apa tindakan ataupun membuat apa-apa penambahbaikan kepada prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan bagi mengelakkan apa-apa ketidakteraturan dari segi undang-undang;

- (v) untuk menyasat dengan lebih lanjut mengenai prosedur amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan berhubung dengan pemberian kad pengenalan biru ataupun kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah dengan mengambil kira standard dan norma antarabangsa yang terpakai di Malaysia dan untuk mengesyorkan apa-apa pindaan atau perubahan untuk memantapkan dan menambah baik prosedur amalan-amalan standard, kaedah-kaedah dan peraturan itu;
- (vi) untuk menyasat sebab-sebab peningkatan populasi di Sabah mengikut kategori berikut:
 - (a) warga Sabah yang menetap di Sabah termasuklah mereka yang diberikan kad pengenalan biru dan sijil kewarganegaraan melalui sijil kelahiran pendaftaran lewat;
 - (b) pekerja asing termasuk ahli keluarga;
 - (c) pendatang asing tanpa izin termasuk ahli keluarga dan pelarian; dan
 - (d) meneliti kesannya terhadap bilangan yang mendaftar dalam daftar pemilih.
- (vii) untuk menyasat implikasi sosial ke atas masyarakat di Sabah yang berbangkit daripada pemberian kad pengenalan biru atau kewarganegaraan kepada pendatang asing di Sabah; dan
- (viii) untuk menyasat bilangan pendatang asing di Sabah yang telah diberikan ad pengenalan biru atau kewarganegaraan dengan mengambil kira status mereka sebagai orang tidak bernegara.

Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Izinkan saya memaklumkan kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa ada satu pengumuman saya hendak beritahu kepada semua Ahli Yang Berhormat bahawa Yang Berhormat Dato' Dr. Loga Bala Mohan ingin menjemput semua Ahli-Ahli Yang Berhormat untuk makan tengah hari di *Lounge Member of Parliament*, dengan izin, pada tengah hari ini. Untuk makluman semua sekali ya dan Menteri-Menteri dan semua yang berada dalam Dewan hari ini.

8. Datuk Raja Ropiah binti Raja Abdullah minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan, perancangan terperinci kerajaan untuk menentukan stok makanan negara terjamin dan rakyat tidak perlu bimbang walau apa pun bencana alam yang mungkin melanda negara.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Bagi menjawab soalan daripada Yang Berhormat, kita dimaklumkan bahawa stok makanan negara terjamin dan rakyat mempunyai akses kepada bekalan makanan walaupun bencana alam atau serangan penyakit yang mungkin melanda negara kita. Kerajaan melalui kementerian telah merangka strategi bagi memastikan akses makanan asas kepada rakyat dan pengeluaran makanan negara tidak terjejas.

Bagi memastikan makanan beras yang merupakan makanan ruji rakyat Malaysia sentiasa terjamin, stok penimbal beras negara yang ditetapkan pada tahap 239,000 tan metrik akan dapat memenuhi keperluan beras dalam negara berjangka pendek iaitu 45 hari. Namun begitu jika mengambil kira pegangan semua stok beras yang melibatkan pegangan stok penimbal BERNAS, pemborong-pemborong dan pengilang-pengilang dalam satu-satu masa, jumlah beras dalam negara dianggarkan melebihi 700,000 metrik tan. Jumlah ini mampu menampung keperluan beras dalam negara untuk tempoh empat hingga lima bulan.

Selain itu beberapa pendekatan mengikut jangka sederhana dan panjang turut diambil bagi memastikan pengeluaran makanan adalah terjamin dan mencukupi walaupun mengalami bencana alam, antaranya:

- (i) penggunaan *variety* tanaman berhasil tinggi dan rintang penyakit serta cuaca. Sebagai contoh kementerian melalui MARDI sedang membangunkan sistem tanaman padi aerob yang menggunakan hanya kira-kira 50 peratus air berbanding dengan amalan keperluan air sekarang untuk padi sawah tanpa menjejaskan hasil;
- (ii) peningkatan perkhidmatan veterinar bagi ternakan dan memantau penyakit ternakan terutamanya semasa musim panas di samping memastikan ketersediaan makanan untuk ternakan melalui konservasi *order* menggunakan rumput kering dan *silage*;
- (iii) peningkatan keupayaan pegangan air tanah (*soil water holding capacity*) dan bahan organik dalam tanah menggunakan kaedah pengurusan tanah yang cekap melalui proses pereputan sistem tanaman. Pengurusan perairan secara efisien turut mengurangkan kehilangan air, memaksimumkan penggunaan air hujan dan air sungai untuk tujuan pengairan terutamanya semasa musim kemarau; dan
- (iv) peningkatan penggunaan teknologi pengurusan perosak dan penyakit melalui pembangunan sistem ramalan awal (*early warning system*) yang membolehkan perosak dan penyakit dikesan awal bagi mengelakkan ia merebak dan menjadi wabak.

Kementerian juga telah mewujudkan skim baru yang akan menggabungkan tiga subsektor pertanian iaitu tanaman, ternakan dan akuakultur yang dikenali sebagai Skim Amalan Pertanian Baik Malaysia (MyGAP) yang menekankan kepada sistem pengurusan sistem sumber-sumber dalam pengeluaran dalam pertanian secara baik dan mampan. Ini akan merancakkan lagi pembangunan industri agro makanan negara pada masa akan datang. Terima kasih.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk mengajukan soalan daripada penjelasan dengan lebih awal. Ini kerana saya difahamkan daripada penjelasan Yang Berhormat Menteri tadi bahawa di negara kita memang tidak cukup daging dan gap pengeluaran dan import adalah terlampau besar.

Saya hendak tahu, berapakah daripada 60 kawasan *feedlot* yang Yang Berhormat telah sebutkan dalam jawapan awal tadi telah pun diusahakan dan berapa metrik tan kah keluarannya daripada 60 ini. Berkaitan dengan itu juga saya ingin tahu bahawa rumah penyembelihan adakah mencukupi dan di lokasi yang bersesuaian. Oleh sebab kadang kala orang boleh menternak tetapi selepas itu di manakah hendak dibawa, adakah terlampau jauh? Jadi saya rasa perancangan seperti ini harus dibuat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Berkenaan dengan *feedlot* yang saya sebutkan ada 60 *feedlot* yang kita tubuhkan dahulu untuk *anchor company* yang sekarang ini kosong. Saya tidak *apologetic* untuk mengatakan bahawa tidak banyak kemajuan setakat ini yang baru dicapai untuk mengisi *feedlot* ini. Walaupun kita menguar-uarkan dan menawarkan kepada umum kepada rakyat untuk mengambil bahagian tetapi tidak begitu ramai berminat untuk menternak lembu ini.

Jadi kita dalam masa sedang berkempen lagi untuk menggalakkan penternak-penternak dengan izin, *we are prepared to help them you know, this feedlot* kita bina cantik dengan infrastruktur yang lengkap dan juga dengan pelaburan yang boleh kata besar juga satu *feedlot* lebih kurang RM1 juta ke RM2 juta.

■1140

Akan tetapi *so far*, dengan izin, *no takers, you know*. So, kalau boleh Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian di kawasan masing-masing menguar-uarkan dan juga mempromosikan. *We are most happy to consider* penternak-penternak ini untuk menggunakan *feedlot* kita yang ada. Itu soalan yang pertama daripada Yang Berhormat Datuk Raja Ropiah.

Bahagian II berkenaan dengan rumah penyembelihan ini. Rumah penyembelihan ini kita ada banyak merata tempat sebenarnya, sudah ada. Akan tetapi lembunya tidak begitu banyak. Rumah sembelih tidak menjadi masalah. Jadi kalau buat masa ini saya boleh katakan *it's not an issue, it's not a problem but as we go on* kalau *the population of* lembu ini makin bertambah hari esok, mungkin ada keperluan. *Then* kita pertimbangkan untuk menambah rumah-rumah sembelih ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Haji Mohd Salim bin Sharif @ Mohd Sharif: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, apakah tindakan Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian bagi kita mengurangkan import barangan makanan yang berjumlah 12.5 bilion setahun? Terima kasih.

Dato' Haji Tajuddin bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Senator. Import kita mengandungi satu senarai produk yang panjang. Ada sebagaimana yang saya sebutkan, *certain items we cannot have it here*. *For example*, kalau bawang, hendak tanam di mana. Cili kering ada tempat sesuai, tidak begitu banyak. *Mostly we import* daripada India *for example*. Jadi yang item atau produk makanan seperti ini tidak ada *substitute* yang kita boleh usahakan dalam negara kita. Akan tetapi bagi barang-barang makanan yang kita boleh keluarkan dalam negara terutamanya beras umpamanya. Beras kita mengimport lebih kurang antara 700,000 metrik tan kepada 1 juta metrik tan bagi memenuhi 30 peratus daripada keperluan negara.

Sebagaimana saya jelaskan tadi, kita sedang meningkatkan hasil pengeluaran beras melalui tanaman padi yang akan meningkat menjelang tahun 2020 dengan jelapang padi yang baru, peningkatan pengairan yang lebih efisien dan juga amalan budaya pertanian baik yang kita popularkan di kalangan petani. *So with these two strategies at least* kita meningkatkan pengeluaran negara kita pada tahun 2020, *insya-Allah* memenuhi keperluan kita dan tidak perlu import lagi. Jadi itu sudah menyelamatkan saya ingat lebih kurang 2 bilion kepada 3 bilion nilai import yang kita lakukan sekarang Tuan Yang di-Pertua.

Sayur-sayuran kita juga sedang menubuhkan banyak taman kekal makanan sebagaimana yang saya sebut tadi beribu-ribu ekar kita sudah buka dan akan meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran yang boleh kita tanam di dalam negara kita. Yang kita nampak tidak begitu dapat dijayakan dalam tempoh terdekat ialah yang daging tadi. Daging lembu umpamanya, daging kerbau. *This is a very challenging sort of program that we have to look into it very seriously* macam mana kita hendak mengatasi masalah ini.

Import pun kita tidak bergantung sangat Tuan Yang di-Pertua. Ini kerana sumber import kita dari Myanmar, Thailand dan sebagainya pun sekarang ini sudah berkurangan sebab mereka menjual lembu-lembu mereka ke negara China. Pada masa ini China membeli daging *I think because of economic achievement*. Orang China berbilion itu sudah makan daging, banyak. Dia ada *purchasing power, economic power to buy* daging-daging ini. Dengan sebab itu penternak lembu di negeri Thailand dan Myanmar menjual ternakan mereka ke negara China. *So it's very challenging* yang kita terpaksa hadapi, *but we are going to face it, no matter how*, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

9. Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg minta Menteri Pendidikan menyatakan, kementerian menggalakkan syarikat swasta menjalinkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dalam melahirkan graduan yang bertaraf global. Berapa banyak IPTA yang sudah menerima tawaran kerjasama sedemikian setakat ini dan dalam bidang apa.

Timbalan Menteri Pendidikan [Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin]: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan yang berkaitan dengan kolaborasi antara syarikat swasta dan IPTA.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai inisiatif telah diambil oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam mewujudkan kolaborasi yang baik antara institusi pengajian tinggi awam (IPTA) dan industri. Kolaborasi ini bertujuan menghasilkan graduan dan tenaga pengajar yang memenuhi keperluan industri dan seterusnya dapat membudaya dan meningkatkan perkongsian teknologi. Antara pihak industri yang telah mewujudkan kerjasama dengan IPTA ialah SME Bank, Suruhanjaya Koperasi Malaysia dan Angkasa, Amanah Ikhtiar Malaysia, *Malaysian Technology Development Corporation*, dengan izin, dan *Multimedia Development Corporation*, dengan izin.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia telah menubuhkan Pusat Kecemerlangan Industri atau *Industry Centre of Excellence*, dengan izin sebagai ikatan kolaborasi institusi akademik dan industri. *Industry Centre of Excellence*, dengan izin, ini merupakan *signature program*, dengan izin, kebolehpasaran graduan yang berasaskan kepada *industry demand driven* dengan izin. Sebanyak sembilan kluster pusat yang dipacu pihak industri dan universiti telah ditubuhkan dengan bidang-bidang tumpuan utama ekonomi.

Selain daripada itu, kolaborasi industri dengan pihak politeknik turut mengukuhkan bidang-bidang pengajian di seluruh politeknik. Sehingga ini, terdapat 48 buah syarikat tempatan dan antarabangsa telah menjalin hubungan dengan politeknik di seluruh negara dalam pelbagai bidang seperti *biomedical engineering, maintenance and facility, management*, dengan izin, automotif, telekomunikasi, ICT, perbankan, reka bentuk grafik, penerbitan, penyelenggaraan pesawat, kejuruteraan elektronik, perubatan, pelancongan dan hospitaliti, perijanaan kuasa alam sekitar, perkayuan dan lain-lain lagi.

Kolej komuniti juga turut mengadakan kerjasama dengan 68 buah syarikat swasta tempatan, multinasional dan antarabangsa bagi melahirkan graduan kolej komuniti yang bertaraf global dalam pelbagai bidang seperti kulinari, pembinaan, mekanikal, automotif, ICT, agro pertanian, perladangan, peruncitan, pembuatan, fesyen, latihan multimedia, perhotelan, pelancongan, penyeyjukan dan penyaman udara, insurans, animasi dandan rambut, minyak dan gas, kecantikan, fotografi, *gems art*, dengan izin, dan lain-lain. Sekian, terima kasih.

■1150

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang terperinci. Soalan tambahan saya, adakah hasil-hasil penyelidikan daripada program kerjasama tersebut akan dapat dikomersialkan dengan penglibatan pihak industri? Terima kasih.

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih atas soalan yang berkaitan dengan kajian dan hasil yang berkaitan dengan industri. Memang kajian merupakan salah satu aktiviti yang dijalankan oleh sektor pengajian pendidikan tinggi. Saya tidak ada maklumat secara terperinci yang berkaitan dengan produk atau hasil-hasil yang ada berkaitan dengan pengkomersialan, tetapi sekiranya jika diperlukan, saya akan memberi jawapan dalam bentuk bertulis. Terima kasih.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apabila kita cerita tentang pendidikan, selalu konsep global itu diketengahkan. Memang pun kita pendidikan yang bertaraf antarabangsa. Oleh sebab yang demikian, perkataan global ini wujud. Bilamana soal global ini wujud, kita tidak boleh lari daripada bahasa global itu sendiri khususnya bahasa Inggeris, *the English language*. Jadi baru-baru ini, Ketua Menteri Sarawak yang baru telah mengutarakan kesedaran bahawa kita di negeri Sarawak memang belum sampai ke tahap global. Graduan kita tidak fasih bertutur dalam bahasa Inggeris, *the communication skill in bahasa Inggeris is very low*. So, cara manakah Kementerian Pendidikan hendak membantu melalui Yayasan Sarawak supaya kelemahan ini tadi boleh diatasi agar pelajar-pelajar kita atau graduan kita ini memang akhirnya bertaraf antarabangsa seperti mana yang kita idamkan. Apakah pendapat Timbalan Menteri?

Datuk Yap Kain Ching @ Mary Yap Ken Jin: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan yang berkaitan dengan penguasaan bahasa Inggeris. Ini kita hendak melihat penguasaan bahasa Inggeris daripada peringkat demi peringkat iaitu kita mesti mula dengan peringkat sekolah rendah, selepas itu naik ke sekolah menengah dan selepas itu naik ke tahap IPTA atau IPTS.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang sudah dilancarkan pada tahun 2013, memang ada inisiatif untuk mempertingkatkan penguasaan bahasa Inggeris bukan hanya untuk pelajar, tetapi untuk guru-guru dan pensyarah juga. Kita ada mengadakan satu inisiatif di mana kita panggil MBM dan Mengukuhkan Bahasa Inggeris (MBI) di mana program-program *up-skilling*, dengan izin, untuk guru bahasa Inggeris diadakan dalam bentuk beberapa program seperti Pro-ELT, Penutur Jati dan *Pro Bright*. Selain daripada itu, politeknik dan kolej komuniti juga mengadakan program bahasa Inggeris untuk pelajar-pelajar.

Jadi ini bermakna bahawa bukan hanya penguasaan bahasa Inggeris akan diadakan atau berlaku di IPTA atau di IPT, tetapi Kementerian Pendidikan Malaysia telah mula untuk menghadapi cabaran seperti ini yang disebut oleh Yang Berhormat di peringkat sekolah juga. Jika berminat untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, saya juga memohon jasa baik Yang Berhormat-Yang Berhormat untuk baca Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia yang memang sudah sebut tentang inisiatif-inisiatif secara mendalam atau terperinci.

Selain daripada itu untuk IPTA, untuk pengajian sektor tinggi memang universiti juga ada ia punya pelan strategik untuk menghadapi atau menyelesaikan isu yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Maka sekian sahajalah pertanyaan lisan kita pada pagi ini. Ingin saya maklumkan selepas ini kita akan terus kepada urusan Mesyuarat seterusnya. Silakan.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin memaklumkan bahawa kita hanya ada hari ini dan esok sahaja untuk membahaskan tiga rang undang-undang kesemuanya dan saya ingin mendapatkan kerjasama yang begitu baik daripada semua Ahli-ahli Yang Berhormat supaya membahaskan ketiga-tiga rang undang-undang ini dengan bijak, *direct* kepada tajuk dan juga cuba elakkan berulang-ulang.

Saya tidak akan menahan Yang Berhormat bercakap dan kalau perlu, kita tambah masa sampai malam pun tidak mengapa. Akan tetapi tidak sampailah tengah malam lagi. Dengan itu saya persilakan. Saya ada ramai yang ingin berucap dan silakan setiausaha. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Menteri untuk memberikan penerangan. Silakan Yang Berhormat.

11.57 pg.

Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan iaitu Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 dibacakan kali kedua sekarang. Rang undang-undang yang dicadangkan ialah untuk mengadakan peruntukan bagi pengenaan dan pemungutan cukai barang dan perkhidmatan GST dan bagi perkara yang berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan atau lebih dikenali sebagai *Goods and Services Tax* (GST), dengan izin, merupakan salah satu langkah kerajaan dalam menyusun semula struktur percukaian negara.

Di dalam mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi, negara perlu mempunyai sistem percukaian yang lebih telus, efektif, efisien dan mesra perniagaan. GST yang dicadangkan bukanlah merupakan cukai baru. GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan (SST) yang sedang dilaksanakan sekarang.

Langkah pemansuhan cukai jualan dan cukai perkhidmatan ini diambil kerana cukai jualan dan cukai perkhidmatan didapati mempunyai banyak kelemahan yang berpunca daripada sistem percukaian itu sendiri. Antara kelemahan yang dikenal pasti ialah elemen cukai atas cukai yang menyebabkan pengguna terpaksa membayar harga yang lebih tinggi dan aktiviti pemindahan harga (*transfer pricing*) yang memberi kesan kepada kutipan hasil negara. Kelemahan ini sebenarnya memberi kesan negatif bukan sahaja kepada negara, tetapi juga kepada pengguna. GST telah terbukti sebagai satu sistem percukaian yang lebih efektif dan efisien serta mempunyai banyak kebaikan. Berdasarkan alasan itu juga, didapati sebanyak 160 buah negara dalam dunia telah melaksanakannya.

Rang undang-undang ini mengandungi 19 bahagian yang merangkumi 197 fasal termasuk empat Jadual. Peruntukan-peruntukan dalam rang undang-undang ini diringkaskan seperti berikut:

Bahagian I – fasal 1 hingga fasal 4 bertujuan memperuntukkan perkara permulaan di mana antara perkara pertama yang diperuntukkan adalah tentang apakah yang dimaksudkan dengan perniagaan dalam konteks pengenaan GST. Perniagaan yang dimaksudkan adalah termasuk apa-apa *trade*, perdagangan, profesion, pekerjaan atau apa-apa aktiviti serupa yang lain sama ada bagi keuntungan wang ataupun tidak. Namun begitu, maksud perniagaan tidak meliputi pekerjaan di bawah kontrak, perkhidmatan dan hobi. Selain itu, maksud pembekalan barang atau perkhidmatan juga diterangkan di samping menyenaraikan perkara yang dikira sebagai pembekalan barang atau perkhidmatan di dalam Jadual Pertama dan juga menyenaraikan perkara yang bukan pembekalan barang ataupun perkhidmatan di dalam Jadual Kedua.

■1200

Bahagian II, fasal 5 hingga 8 berkaitan dengan pentadbiran GST terutamanya tentang Ketua Pengarah Kastam mempunyai pengawasan ke atas semua perkara yang berhubungan dengan GST. Keperluan kepada pegawai GST untuk memperkenalkan diri dalam melaksanakan kewajipan, semua pegawai GST penjawat awam dan kerahsiaan maklumat.

Bahagian III, fasal 9 hingga 18 mengandungi peruntukan mengenai pengenaan dan skop GST. Bahagian ini disediakan bagi menjelaskan dengan teliti dalam keadaan mana GST boleh dikenakan dan kadar GST yang dikenakan. Menteri Kewangan diberi kuasa untuk menetapkan kadar GST di mana ia perlu dibuat melalui satu perintah yang disiarkan dalam warta dan dibentangkan di Dewan Rakyat. Berdasarkan kepada pengumuman yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa pembentangan Bajet 2014, kadar GST yang dicadangkan 6 peratus. Kadar ini adalah yang terendah di kalangan negara ASEAN. Selain itu, peruntukan mengenai penentuan masa pembekalan, tempat pembekalan, layanan GST ke atas pembekalan perkhidmatan yang diimport, penentuan negara tempat pembekal atau penerima perkhidmatan, penetapan kaedah dalam menentukan nilai dan cara pengiraan nilai barang yang diimport juga turut disediakan.

Rang undang-undang ini juga memperuntukkan kuasa kepada Menteri Kewangan untuk menentukan jenis barang dan perkhidmatan yang boleh dikenakan GST pada kadar sifar atau dikecualikan daripada dikenakan GST. Penentuan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan dibentangkan di Dewan Rakyat. Senarai barang dan perkhidmatan yang akan dikenakan GST pada kadar sifar dan dikecualikan dan dikenakan GST telah diumumkan dalam pembentangan Bajet 2014 yang lalu.

Antara barang dan perkhidmatan yang dicadangkan dikenakan GST pada kadar sifar barang makanan asas seperti beras, gula, garam, tepung, minyak masak termasuk bekalan air paip dan 300 unit pertama bekalan elektrik bagi pengguna domestik. Selain itu, perkhidmatan pengangkutan seperti perkhidmatan bas, kereta api, LRT, teksi, feri, bot, tol lebuh raya serta perkhidmatan pendidikan dan kesihatan juga akan dikecualikan daripada dikenakan GST. Ini termasuk jual beli dan sewaan rumah kediaman dan perkhidmatan kewangan yang terpilih seperti insurans nyawa.

Langkah yang diambil kerajaan ini sebenarnya bagi menjadikan GST yang dilaksanakan kelak bersifat progresif di samping membantu golongan yang berpendapatan rendah dan sederhana.

Bahagian IV, fasal 19 hingga 32 memperkatakan perkara berkaitan pendaftaran. Peruntukan yang telah digubal adalah berkenaan pendaftaran secara mandatori dan pendaftaran secara sukarela bagi mana-mana orang yang ingin mendaftar. Bagi tujuan pendaftaran, sesuatu perniagaan wajib mendaftar sekiranya nilai jualan tahunan melebihi tahap *threshold* yang ditetapkan iaitu RM500,000 setahun. Manakala bagi perniagaan yang jualan tahunannya kurang daripada tahap *threshold* tersebut, mereka tidak perlu mendaftar tetapi dibenarkan untuk mendaftar secara sukarela. Ini bermaksud perniagaan kecil tidak akan terbeban dengan kos permulaan dan pematuhan GST. Kuasa penetapan tahap *threshold* ini diberikan kepada Menteri Kewangan dan ia perlu dibuat melalui satu perintah dan disiarkan dalam warta. Selain itu, peruntukan berkaitan pendaftaran secara berkumpulan, pendaftaran bagi perkongsian, pertubuhan dan organisasi yang serupa dan pendaftaran bagi cawangan atau bahagian juga telah digubal.

Bahagian V, fasal 33 hingga 53 membuat peruntukan mengenai perakaunan, taksiran mendapatkan semula cukai dan sebagainya. Perkara yang digubal adalah berkaitan pengeluaran invois cukai. Keperluan untuk menyimpan rekod selama tujuh tahun dan asas perakaunan yang perlu diguna pakai semasa mengakaun cukai pada masa pembekalan. Sepertimana ahli Yang Berhormat sedia maklum, GST bukan merupakan kos kepada perniagaan. Ini disebabkan kerana apa-apa GST yang dibayar ke atas input, boleh dituntut semula sebagai kredit daripada kerajaan.

Sehubungan itu, peruntukan mengenai kebenaran kepada orang kena cukai untuk memotong cukai input daripada cukai outputnya dan mengehadkan amaun cukai input sebagai kredit untuk bekalan tertentu juga telah disediakan. Kemudahan yang disediakan ini juga akan menghapuskan elemen cukai atas cukai sepertimana yang terdapat dalam sistem cukai jualan dan perkhidmatan sekarang ini. Ini bermaksud pengguna akan membayar harga barang dan perkhidmatan yang lebih kompetitif dan telus.

Bahagian IV, fasal 54 hingga 55 memperkatakan tentang penubuhan Kumpulan Wang bagi pembayaran balik GST. Penubuhan Kumpulan Wang ini akan lebih dikenali atau lebih dikenali sebagai Tabung Bayaran Balik GST akan memudahkan urusan bayaran balik GST dan konsepnya adalah sama dengan tabung yang ditubuhkan di Lembaga Hasil Dalam Negeri bagi tujuan bayaran balik lebihan cukai pendapatan. Langkah ini menunjukkan yang kerajaan komited di dalam membuat bayaran balik GST dalam tempoh 14 hari bekerja jika borang cukai dihantar secara atas talian atau elektronik dan 28 hari bekerja jika dihantar secara manual. Ini adalah bertujuan untuk tidak membebankan peniaga dalam menanggung kos kewangan jika lambat menerima bayaran balik GST.

Bahagian VII, fasal 56 hingga 63 bertujuan memperuntukkan perkara mengenai pelepasan pembayaran balik dan peremitan. GST merupakan satu bentuk cukai kepenggunaan yang mana ia akan dibayar apabila seorang itu membuat pembelian ataupun berbelanja. Selain itu, semua peniaga yang layak juga mengenakan GST ke atas bekalan barang atau perkhidmatan yang dibuat mereka. Namun begitu, dalam keadaan tertentu Menteri Kewangan boleh memberikan pelepasan kepada mana-mana orang daripada membayar GST ataupun mengenakan GST. Sebagai contoh, pelepasan akan diberi ke atas perolehan barang yang dibuat oleh jabatan kerajaan. Senarai mereka yang akan diberi pelepasan ini akan dibuat melalui perintah yang disiarkan dalam warta dan dibentangkan di Dewan Rakyat.

GST sebenarnya mempunyai mekanisme tersendiri untuk merangsang sektor ekonomi yang terpilih. Seperti mana yang kita sedia maklum, industri pelancongan merupakan sebuah industri penting dalam perkembangan ekonomi negara. Di dalam memastikan perkembangan positif industri pelancongan terutamanya dalam menjadikan Malaysia sebagai destinasi membeli belah dunia, peruntukan mengenai Skim Bayar Balik Pelancong telah disediakan. Melalui skim ini pelancong yang membeli barang di kedai yang diluluskan dan seterusnya membawa keluar barang tersebut boleh menuntut balik GST yang telah dibayar ke atas barang tersebut. Tuntutan bayaran balik boleh dibuat di lapangan terbang antarabangsa dan bayaran balik ini akan diproses dan dibuat oleh agen bayaran balik yang dilantik kerajaan.

Bahagian VIII, fasal 64 hingga 75 membuat peruntukan mengenai kes khas. Dalam menjadikan sistem percukaian GST ini lebih mudah ditadbir urus, perkhidmatan yang dibuat oleh jabatan Kerajaan Persekutuan dan negeri tidak akan termasuk dalam skop kenaaan GST. Ini bermaksud orang ramai tidak perlu membayar GST ke atas perkhidmatan kerajaan seperti pengeluaran pasport, lesen dan kad pengenalan. Layanan yang sama juga diberikan ke atas perkhidmatan yang dibuat oleh pihak berkuasa tempatan dan badan berkanun berkaitan dengan fungsi pengawal seliaan dan penguatkuasaannya. Kerajaan sedar bahawa pelaksanaan GST mestilah bersifat mesra peniaga di mana ia perlu selari dengan aturan biasa sesuatu jenis perniagaan.

Sehubungan itu, peruntukan mengenai pelepasan hutang lapuk, pelepasan barang terpakai, pelantikan dan tatacara yang dibuat oleh agen, pemindahan usaha berterusan dan usaha sama telah disediakan. Selain itu, skim-skim khas juga diperkenalkan bagi memenuhi keperluan urus niaga yang mempunyai *character* yang tersendiri. Skim-skim khas yang terdapat dalam rang undang-undang ini adalah seperti berikut:

- (i) Skim Penggudangan – sekiranya terdapat bekalan ke atas barang diimport yang tertakluk kepada skim penggudangan, maka bekalan yang berlaku dalam gudang tersebut tidak akan dikenakan GST;
- (ii) Skim Pedagang Diluluskan – cukai ke atas barang yang diimport akan digantung tetapi ianya perlu di akaun dalam tempoh bercukai berlakunya pengimportan tersebut;
- (iii) Skim Pengilang Tol Diluluskan – bekalan barang siap daripada pengilang tol kepada prinsipalnya yang berada di luar negara tidak akan diambil kira dalam pengenaan GST;
- (iv) Skim Tukang Emas Diluluskan – orang kena cukai tidak perlu mengakaun GST yang dikenakan ke atas bekalan barang tertentu kepada tukang emas diluluskan. Sebaliknya tukang emas yang diluluskan tersebut perlu mengakaunkan sendiri cukai tersebut; dan
- (v) Skim Kadar Rata – skim ini membenarkan orang yang layak untuk mengenakan tambahan kadar rata ke atas balasan bekalannya. Skim ini secara asasnya adalah dikhaskan kepada petani yang belum mencapai *threshold*. Aktiviti pasaran modal dalam skim ini, broker saham dan *remisier* akan dianggap sebagai satu entiti tunggal bagi tujuan pendaftaran. Skim ini adalah bertujuan untuk mengurangkan masalah yang dihadapi remisier yang majoritinya berada di bawah tahap *threshold* yang ditetapkan dan jualan tahunan yang tidak menentu. Semua pendaftaran akan dibuat atas nama broker saham.

Bahagian IX, fasal 76 hingga 79 bertujuan memperuntukkan peruntukan mengenai ketetapan GST. Sekiranya terdapat peruntukan dalam rang undang-undang ini memerlukan penjelasan lebih lanjut terutamanya berkaitan pemakaian mana-mana peruntukan, Ketua Pengarah Kastam boleh membuat ketetapan umum. Ketetapan umum ini boleh dibuat dan terpakai bagi mana-mana orang atau mana-mana jenis urus niaga. Selain itu, Ketua Pengarah Kastam juga boleh membuat ketetapan awal berdasarkan permohonan yang dibuat oleh mana-mana orang berkaitan dengan apa-apa perkiraan. Langkah-langkah ini adalah bagi menjadikan sistem percukaian GST lebih telus dan mudah dipatuhi.

Bahagian X, fasal 80 hingga 87 memperkatakan tentang hal berkaitan tentang penguatkuasaan yang secara asasnya meliputi aktiviti pemeriksaan, penyiasatan, pengeledahan, penyitaan dan kuat kuasa untuk menahan.

Bahagian XI, fasal 88 hingga 98 mengandungi peruntukan mengenai kenaaan penalti bagi kesalahan-kesalahan berikut iaitu:

- (i) kesalahan;
- (ii) menghantar penyata yang tidak betul;
- (iii) mengelakkan cukai dan *fraud*;

- (iv) memperoleh bayaran balik secara tidak wajar;
- (v) kesalahan berkaitan barang, invois dan resit;
- (vi) menghalang pegawai;
- (vii) enggan menjawab soalan; dan
- (viii) memberi maklumat palsu dan bersubahat.

■1210

Bahagian XII, fasal 99 hingga 122 bertujuan peruntukan perkara mengenai pembicaraan dan prosiding. Sebagai contoh, berkenaan hal pendakwaan, beban pembuktian, obligasi kerahsiaan, perlindungan pemberi maklumat, penyampaian saman, kompaun dan perintah mahkamah.

Bahagian XIII, fasal 123 hingga 153 memperkatakan tentang semakan semula dan rayuan. Sistem percukaian yang adil mestilah mempunyai ruang untuk menyemak semula apa-apa keputusan yang telah dibuat. Sehubungan dengan itu, peruntukan bagi membolehkan Ketua Pengarah Kastam untuk mengkaji dan menyemak semula keputusan yang telah dibuat sebelumnya dan membuat keputusan muktamad dalam tempoh masa yang ditetapkan telah disediakan.

Peruntukan mengenai penubuhan Tribunal Rayuan GST juga telah digubal. Platform yang disediakan ini adalah untuk memberikan ruang bagi mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam untuk membuat rayuan kepada Tribunal Rayuan GST. Tribunal ini akan mempunyai seorang pengerusi, timbalan pengerusi dan anggota lain tribunal. Kuasa melantik mereka ini diberikan kepada Menteri Kewangan. Selain itu, Menteri Kewangan juga mempunyai kuasa untuk menentukan saraan terma dan syarat pelantikan anggota tribunal.

Bahagian XIV, fasal 154 hingga 160 menyatakan tentang kawasan yang ditetapkan. Dicadangkan GST tidak dikenakan di kawasan bebas cukai yang ditetapkan iaitu di Labuan, Langkawi dan Tioman. Ini bermakna selain pelancong, penduduk-penduduk di kawasan itu juga secara asasnya tidak perlu membayar GST ke atas pembelian barang atau perkhidmatan.

Bahagian XV, fasal 161 hingga 163 bertujuan memperuntukkan perkara mengenai Zon Perdagangan Bebas. Antara layanan dicadangkan ialah tiada GST dikenakan ke atas pengimportan barang ke dalam kawasan tersebut kecuali ke atas barang yang digunakan dalam kawasan tersebut selain daripada barang bagi tujuan komersial atau runcit seperti yang diluluskan di bawah Akta Zon Bebas 1990. Layanan yang sama juga akan terpakai ke atas bekalan barang yang berkaitan dengan aktiviti perdagangan diluluskan di bawah Akta Zon Bebas 1990 yang dibuat dalam Zon Perdagangan Bebas.

Bahagian XVI, fasal 164 hingga 177 memperkatakan tentang peruntukan pelbagai. Antara peruntukan yang disediakan adalah tentang agen cukai GST di dalam memberikan kemudahan kepada mana-mana orang untuk mematuhi peruntukan yang terdapat dalam undang-undang ini, mereka boleh melantik agen GST bagi mewakili mereka di dalam apa-apa perkara yang berkaitan GST. Melalui peruntukan ini juga, mana-mana orang boleh memohon untuk menjadi agen GST tertakluk kepada syarat-syarat yang telah ditetapkan. Kuasa meluluskan permohonan ini diberikan kepada Menteri Kewangan.

Bahagian XVII, fasal 178 hingga 180 mengandungi peruntukan tentang pemansuhan dan pengecualian Akta Cukai Jualan 1972. Ini bermaksud, apabila GST dilaksanakan, cukai jualan akan dimansuhkan. Peruntukan yang disediakan ini juga menetapkan tentang keperluan untuk mengemukakan penyata cukai jualan yang terakhir tidak lewat daripada 28 hari daripada tarikh pelaksanaan GST.

Bahagian XVIII, fasal 181 hingga 182 menyatakan tentang peruntukan mengenai pemansuhan dan kecualian Akta Cukai Perkhidmatan 1975. Ini juga bermaksud cukai perkhidmatan akan dimansuhkan apabila GST dilaksanakan. Peruntukan yang digubal ini juga menetapkan tentang keperluan untuk mengemukakan penyata cukai perkhidmatan yang terakhir tidak lewat daripada 28 hari daripada tarikh pelaksanaan GST.

Bahagian XIX, fasal 183 hingga 197 memperkatakan tentang peruntukan peralihan. Antara perkara yang digubal adalah tentang layanan GST ke atas bekalan barang dan perkhidmatan tertentu semasa tempoh peralihan tersebut. Sebagai contoh, layanan GST ke atas bekalan yang telah dibuat bayaran tetapi hanya di bekal selepas tarikh pelaksanaan GST. Peruntukan mengenai kontrak yang tidak mempunyai peluang untuk dikaji semula juga disediakan. Peruntukan ini menyatakan bahawa kontrak tersebut akan dikenakan GST pada kadar sifar untuk tempoh lima tahun tertakluk kepada beberapa syarat. Di samping itu, bagi mengelakkan berlakunya unsur *double taxation* iaitu sesuatu barang yang mempunyai elemen cukai jualan dan GST, maka kerajaan telah menyediakan bayaran balik khas.

Bayaran balik ini dikenakan kepada mereka yang ada memegang barang bercukai jualan semasa tempoh peralihan dan cukai jualan tersebut telah dibayar. Rang undang-undang ini juga ada menyediakan jadual bagi menerangkan lebih terperinci tentang sesuatu perkara.

Jadual Pertama menyatakan perkara berkaitan dengan bekalan-bekalan yang diklasifikasikan sebagai bekalan barang atau bekalan perkhidmatan. Sebagai contoh, bekalan elektrik air dan gas dianggap sebagai bekalan barang dan bukan bekalan perkhidmatan.

Jadual Kedua menyenaraikan perkara-perkara yang dianggap sebagai bukan bekalan barang atau bukan bekalan perkhidmatan. Sebagai contoh penjualan perniagaan secara *transfer of going concern*, dan sumbangan kepada KWSP atau PERKESO. Ini bermakna aktiviti ini tidak dikenakan GST.

Jadual Ketiga berkaitan dengan kaedah untuk menetapkan nilai bekalan barang atau perkhidmatan.

Jadual Keempat tentang senarai perkara-perkara yang tidak boleh dirayu kepada Tribunal Rayuan GST.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan rang undang-undang ini, negara kita akan mempunyai sistem percukaian yang lebih telus, efisien dan mesra perniagaan. Pada masa yang sama, negara juga dapat mengurangkan kebergantungan kepada hasil daripada cukai pendapatan dan hasil petroleum. Ini disebabkan kerana hasil cukai pendapatan adalah tertakluk kepada keadaan ekonomi pada satu-satu masa. Bagi hasil daripada petroleum ianya bukanlah merupakan sumber hasil yang kekal selama-lamanya. Selain itu, hasil petroleum yang diperolehi perlu diuruskan dengan baik bagi industri yang akan datang.

Pelaksanaan GST sememangnya amat tepat pada masanya dalam mencapai wawasan negara maju berpendapatan tinggi. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Begitulah bunyinya huraian telah diberi oleh Yang Berhormat Menteri dan diharap apa sahaja yang diperjelaskan tadi kalau boleh cuba elakkan.

Untuk makluman semua, ramai yang hendak berucap dan saya bersedia beri peluang. Akan tetapi kalau boleh seperti mana saya katakan tadi, cuba bangkitkan perkara-perkara yang betul substantif, yang penting untuk rakyat dan jangan berulang-ulang tajuk yang sama kalau sekiranya ada berlaku, untuk menjimatkan masa. Tanpa membuang masa lagi saya silakan Setiausaha. Sebelum itu, saya minta seorang Yang Berhormat menyokong ya.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Ir. Haji Hamim bin Samuri]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang tanpa membuang masa saya silakan Ahli Yang Berhormat yang betul-betul daripada awal sudah hantar lagi nama, saya silakan Yang Berhormat Dato' Dayang Hajah Madinah.

12.16 tgh.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Assalammualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh, salam perpaduan dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua atas kebenaran yang diberikan kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, terus sahaja. Teruskan sahaja, teruskan. Memang saya beri peluang semua itu.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Kita difahamkan bahawa kerajaan akan terus memperkukuhkan kedudukan kewangan dan memastikan kemampuan fiskal jangka panjang negara. Antara lain melalui peluasan asas cukai dan penambahbaikan pentadbiran cukai, termasuklah usaha memperkenalkan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST). Dalam Dewan yang mulia ini, saya mengalu-alukan pelaksanaan sistem GST yang akan berkuat kuasa pada April 2015, hanya tinggal setahun daripada sekarang.

Kita difahamkan bahawa sebanyak 160 buah negara dalam dunia termasuk negara-negara Asean, kecuali tiga buah negara termasuk Malaysia, telah melaksanakan dan mengguna pakai sistem GST. Pelaksanaan GST akan memberi satu sistem cukai yang lebih mantap dan berkualiti sejajar dengan hasrat kerajaan, bukan sahaja untuk menambah hasil negara, bahkan juga untuk mempelbagaikan sumber hasil yang lebih meluas. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Seri Najib bin Tun Abdul Razak telah memperjelaskan bahawa sistem GST mampu menjamin kelangsungan pertumbuhan ekonomi dan kewangan negara.

Kegagalan melaksanakan GST boleh menyebabkan negara berdepan dengan himpitan ekonomi, maka sudah pastilah rakyat akan susah dan menderita malah ia juga boleh melumpuhkan proses transformasi negara. Negara memerlukan pengurusan kewangan yang lebih strategik untuk meneruskan pembangunan negara. Selama ini sistem SST seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi yang diguna pakai di dalam negara kita cukai berkali yang mana rakyat terpaksa membayar harga barang yang lebih mahal disebabkan cukai yang berganda.

Namun, dengan sistem GST nanti rakyat hanya membayar cukai satu kali sahaja. Ini boleh menyebabkan harga turun dan sekali gus rakyat mendapat manfaat daripadanya.

■1220

Tuan Yang di-Pertua, yang menghairankan kita, ada golongan tertentu yang beranggapan bahawa sistem GST ini akan membebankan rakyat. Pada pandangan saya, kemungkinan golongan tersebut mereka yang tidak rasional dan tidak berpandangan jauh dalam berfikir serta bertindak atau tidak faham sama sekali tentang GST hingga sanggup hendak tunjuk bantahan terhadap sistem GST. Mana mungkin sebanyak 160 buah negara lain memilih untuk mengguna pakai sistem GST itu kalaulah kerajaan negara-negara berkenaan sudah kenal pasti akan kesan GST tidak baik dan membebankan rakyat mereka sendiri.

Bagi negara kita Malaysia, saya yakin dan percaya bahawa Kementerian Kewangan akan memperhalus kategori hasil yang boleh dikenakan cukai dan ada yang dikecualikan cukai. Saya juga yakin bahawa barang-barang keperluan asas seperti beras, gula, tepung, minyak dan banyak lagi tidak akan dikenakan cukai. Justeru, saya penuh yakin bahawa golongan berpendapatan rendah tidak akan dibebankan.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan supaya mengambil kira dan memperhalus pendekatan yang lebih bijak berasaskan keadaan sosial yang dikehendaki oleh masyarakat. Dalam hal ini, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini mengenai cukai jualan iaitu berkenaan dengan hak yang ada pada Kerajaan Negeri Sarawak dan juga negeri Sabah sepertimana yang termaktub dalam Perlembagaan Malaysia.

Dalam perkara ini, negeri Sarawak dan juga negeri Sabah telah diberi hak untuk mengutip cukai ke atas beberapa barangan dan perkhidmatan. Oleh sebab sesebuah negara pada dasarnya tidak boleh mengenakan *double taxation*, dengan izin, maka dengan pelaksanaan sistem GST nanti, negeri Sarawak tidak akan dapat mengutip cukai sepertimana yang ada dilakukan pada masa ini. Ia disebabkan saluran mengutip cukai akan diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan di bawah sistem GST yang dilaksanakan nanti.

Dalam hal ini, saya ingin menyeru kepada Kerajaan Persekutuan khususnya Kementerian Kewangan agar dapat berbincang dengan Kerajaan Negeri Sarawak terlebih dahulu supaya ada satu persetujuan dicapai ke atas mekanisme kutipan cukai ditentukan ke atas hak cukai bagi Kerajaan Negeri Sarawak. Adalah wajar agar satu sistem hendaklah diwujudkan supaya semua kutipan cukai untuk negeri Sarawak diberi balik kepada Kerajaan Negeri Sarawak.

Oleh yang demikian, senarai barangan dan juga perkhidmatan yang harus dikenakan cukai mestilah mengikut beberapa peruntukan yang ada dalam Perlembagaan Malaysia termasuk perkara-perkara yang dikawal selia oleh Kerajaan Negeri Sarawak dan juga perkara-perkara yang dikawal selia bersama oleh Kerajaan Persekutuan dengan Kerajaan Negeri Sarawak iaitu *Concurrent List*, dengan izin. Dengan hal yang demikian, saya berharap sebelum sistem GST dilaksanakan sepenuhnya, saya ingin mengesyorkan supaya Kerajaan Persekutuan dan juga Kerajaan Negeri Sarawak dapat membentuk satu Jawatankuasa khas bertujuan untuk mencari rumusan yang adil dan saksama dalam pelaksanaan sistem GST nanti.

Tuan Yang di-Pertua, dengan fakta-fakta perbincangan saya tadi, saya mohon menyokong Akta GST. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat menjimatkan masa. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Datuk Chiew Lian Keng.

12.25 tgh.

Datuk Chiew Lian Keng: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014.

Pelbagai pihak telah menyatakan bahawa pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan ini akan membawa banyak kesan sampingan kepada masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, pihak kerajaan perlulah mengambil inisiatif bagi menjelaskan kesan-kesan pelaksanaan GST kepada rakyat dan menapis segala khabar angin serta fitnah daripada pihak tidak bertanggungjawab.

Baru-baru ini, Persatuan Penjual Motosikal dan Skuter Malaysia telah meluahkan kerisauan mereka kepada pelaksanaan cukai GST akan membebankan rakyat yang berpendapatan rendah dan sederhana kerana dianggarkan bahawa harga jualan motosikal akan meningkat berikutan pengenaan cukai GST sebanyak 6 peratus. Menurut pengerusi persatuan berkenaan, penjualan motosikal yang berkapasiti kurang daripada 200cc meliputi 80 peratus keperluan pasaran motosikal di negara kita. Oleh yang demikian, pengenalan cukai sedia ada iaitu duti eksais sebanyak 20 peratus dan ditambah dengan cukai GST sebanyak 6 peratus akan menyebabkan harga motosikal meningkat tinggi serta membebankan rakyat yang memerlukan motosikal untuk menjalankan kehidupan harian khususnya bagi golongan yang berpendapatan rendah.

Maka, saya mencadangkan kepada pihak Kementerian Kewangan untuk mendengar rungutan rakyat dan cuba memberi pertimbangan sama ada memusnahkan duti eksais motosikal sebanyak 20 peratus ataupun memberikan pengecualian cukai GST 6 peratus kepada penjual motosikal berkapasiti kurang daripada 200cc. Saya yakin bahawa pengecualian pengenaan cukai tambahan tersebut, penjual motosikal ini akan dapat membantu rakyat dalam meringankan kos sara hidup yang kian meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga kerap menerima rungutan daripada rakyat jelata yang mengatakan bahawa pihak Kementerian Kewangan tidak memberi penjelasan lanjut berkaitan dengan barangan yang dikategorikan dalam senarai yang dikenakan cukai GST, senarai yang dikecualikan cukai GST dan juga senarai kadar sifar GST. Rakyat jelata telah mengadu bahawa mereka tidak mempunyai maklumat berkaitan senarai yang dinyatakan di atas dan berasa bimbang bahawa ada kemungkinan terdapat barangan yang sepatutnya dikecualikan cukai telah disalah kategorikan sebagai barangan yang akan dikenakan cukai pula.

Sebenarnya kefahaman para peniaga dan pengguna masih belum mencapai tahap yang boleh meyakinkan mereka bahawa GST dan pelaksanaannya akan lancar dan membawa lebih manfaat kepada negara. Malah, kerana maklumat terperinci yang tidak sedia ada kepada masyarakat telah mencetus rasa tidak puas hati dan memberi peluang kepada mereka yang tidak bertanggungjawab untuk mempolitikkan isu ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan bahawa pihak Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah menyediakan kajian terperinci pada kadar kenaikan harga dan impak GST ke atas barangan-barangan tertentu termasuklah kos bahan mentah dan impak kepada pihak pengilang. Saya harap kajian tersebut juga merangkumi senarai harga ataupun *price rank*, dengan izin, setelah SST digantikan dengan GST. Saya berharap kementerian sedar bahawa adalah penting beri senarai penuh barangan mengikut kategori pengenaan cukai GST melalui media cetak dan elektronik agar rakyat jelata mengetahui barangan yang mana akan dikenakan cukai, dikecualikan cukai dan kadar sifar GST.

■1230

Jika kajian tersebut telah siap maka adalah wajar pihak kementerian dan jabatan kastam untuk menerbitkan maklumat tersebut sebagai bahan rujukan bagi pengguna dan peniaga. Ia juga dapat membantu pengguna merancang pelancaran serta memantau sebarang kenaikan harga secara mendadak ataupun peniaga yang mengambil kesempatan mengaut keuntungan dengan menambahkan GST ke atas barangan yang telah dikenakan SST. Tambahan juga majlis dialog dan konsultan juga dicadangkan untuk dilaksanakan bagi memberi peluang kepada rakyat jelata untuk menyatakan pandangan mereka terhadap senarai barangan yang patut diletakkan dalam kategori yang ditentukan ini. Daripada segi prinsip senarai yang dikecualikan GST dan kadar sifar haruslah diperluaskan mengikut keadaan ekonomi negara dan keadaan pendapatan Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan GST akan bermakna bahawa kenaikan harga barangan akan berlaku, rakyat jelata perlu mengeluarkan lebih banyak untuk berbelanja kelak. Maka di sini saya ingin mencadangkan kepada Kementerian Kewangan untuk mempertimbangkan pengurangan cukai pendapatan persendirian dan syarikat kepada tahap yang lebih kompetitif. Tindakan ini bukan sahaja akan dapat menambahkan wang boleh dibelanjakan oleh orang persendirian malah ia dapat membantu syarikat untuk mengurangkan kos operasi di negara kita.

Permulaan pelaksanaan GST adalah pada tahun 2015 iaitu masih ada lagi setahun. Saya percaya bahawa bahang kenaikan harga barangan akan mulai dirasakan dalam masa terdekat. Oleh yang demikian, adalah penting untuk Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan meningkatkan penguat kuasa Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan bagi membendung kenaikan harga barangan secara tidak terkawal dan mengaut keuntungan yang berlebihan daripada pengguna.

Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya rakyat serta peniaga dan kumpulan profesional akur bahawa GST dilaksanakan bagi mengimbangkan sistem cukai negara serta memastikan ketelusan dalam proses pengutipan cukai. Ia juga merupakan salah satu langkah dalam usaha dengan izin, *tax reform* di Malaysia. Namun inisiatif kerajaan ini tidak dipandang positif oleh ramai kerana salah faham dan kekurangan maklumat terperinci. Selain daripada itu, golongan berpendapatan rendah dan peniaga juga mahu lebih langkah proaktif seperti penurunan kadar cukai pendapatan persendirian dan juga peniagaan sekurang-kurangnya sebanyak 3 peratus, juga rungutan dan cadangan supaya Kementerian Kewangan dengan izin, *expand the tax blanket* agar mereka yang berpendapatan sederhana tidak terbeban dengan kadar cukai yang sama dengan mereka yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya cadangan dan isu yang dibangkitkan di atas akan dipertimbangkan secara serius oleh pihak Kementerian Kewangan dan dapat dilaksanakan secepat mungkin. Akhir kata, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 ini untuk diluluskan di Dewan Negara. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Ini kerana ramai yang bercakap, saya hendak peruntukkan masa setengah jam. Tidak lebih daripada setengah jam. Terima kasih.

12.34 tgh.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa saya tidak sampai setengah jam.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat, silakan.

Dr. Syed Husin Ali: Terlebih dahulu saya ingin menyatakan bahawa perbahasan saya ini tidak menyentuh secara khusus kepada Rang Undang-undang GST ini. Walaupun saya akan menyebut satu dua perenggan di dalamnya. Saya sebenarnya dengan ikhlas dan penuh tanggungjawab berpendapat bahawa rang undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan ini tidak sesuai untuk dilaksanakan sekarang dan oleh sebab itu saya ingin menjelaskan pendirian bahawa saya menolak rang undang-undang ini sekarang. Saya akan menerangkan hujah-hujah saya.

GST dikenali juga sebagai VAT iaitu *Value Added Tax*. Seperti yang kita ketahui ia bertujuan untuk memungut cukai untuk menambahbaikkan dasar fiskal kita dan mungkin juga untuk mencari tambahan pendapatan bagi mengatasi masalah defisit fiskal kita. Ia adalah untuk menggantikan seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi menggantikan SST iaitu *Sales and Services Tax*. GST dikenakan ke atas semua orang kerana semua barang dan perkhidmatan yang digunakan dikenakan cukai. Ertinya ia dikenakan pada yang kaya dan yang miskin dan tidak kira misalnya apa-apa faktor yang lain. Sebaliknya boleh dikatakan SST berbeza dengan GST kerana ia dikenakan terutama kepada mereka yang lebih tinggi pendapatan. Jadi ertinya lebih berat kepada beban golongan yang berpendapatan tinggi.

Saya ambil satu contoh misalnya kalau mengikut SST, khidmat (*services*), SST hanya dikenakan misalnya di hotel-hotel atau kedai-kedai besar tetapi kalau misalnya di warung-warung kecil tidak ada dikenakan SST. Jadi ia tidak membebankan golongan peniaga-peniaga yang kecil itu. Sebaliknya GST dengan kadar yang ditentukan dikenakan untuk misalnya orang yang makan di hotel ataupun orang yang makan di warung kerana GST ini merupakan cukai yang dikenakan kepada penggunaan khidmat ataupun barang tidak kira mana peringkatnya.

Walaupun saya menerima bahawa GST pada hitung panjangnya mempunyai kelebihan dan seperti yang telah banyak kali dijelaskan telus dan efisien, namun saya ingin tekankan bahawa pada masa sekarang ia tidak sesuai dilaksanakan dan ini akan saya jelaskan nanti. Waktu membentangkan belanjawan beberapa bulan lalu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berhujah bahawa 152 daripada 193 buah negara anggota Bangsa-Bangsa Bersatu menerima dan melaksanakan GST. Jadi hujahnya kalau ramai sudah menerima maka tentulah baik juga bagi kita tetapi logiknya tidak begitu.

Kita mesti mengetahui bahawa hujah ini pertama sekali tidak kukuh. Kita dapati dalam dunia ini kira-kira 80 peratus negara yang menetapkan umur kurang daripada 21 tahun sebagai kelayakan untuk mengundi. Jadi kalau misalnya ramai orang atau banyak negara yang berbuat demikian mengapa kita tidak? Tentu ada alasan-alasannya. Begitu juga seterusnya kita dapati bahawa 87 buah negara yang berkenaan menandatangani *International Convention on the Elimination of All Forms Racial Discrimination*, dengan izin. Jadi kalau begitu banyak negara yang telah menerimanya mengapa kita tidak? Jadi ertinya kita harus menerima atau tidak sesuatu itu bukan kerana majoriti negara lain telah menerima tetapi apakah untung ruginya kepada kita terutama akyat ramai di negara ini.

Seperti yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan yang sama, kerajaan akan melaksanakan GST mulai 1 April 2015 iaitu kira-kira setahun dari sekarang. Saya tidaklah mengetahui apa alasan mempercepatkan kelulusan GST setahun lebih awal tapi perkara ini telah dicerahkan sedikit dengan mengatakan bahawa kita perlukan masa untuk pihak-pihak yang berniaga dan sebagainya membiasakan diri mereka dengan cara ini tetapi yang saya jelas lebih daripada yang disebut itu ialah apa yang saya baca dalam akhbar yang menyatakan bahawa lebih RM200 juta telah diperuntukkan bagi memberikan maklumat dan penerangan. Pagi tadi bila menjawab soalan, Yang Berhormat Menteri telah menjelaskan apa dia bentuk-bentuk penerangan tersebut. Jadi saya ingin mendapat di sini berapakah jumlah sebenarnya sekarang ini diperuntukkan untuk hal demikian.

Tuan Yang di-Pertua, GST merupakan cukai banyak peringkat yang dikenakan ke atas barang-barang dan perkhidmatan yang digunakan. Cukai banyak peringkat bukan ertinya peringkat terakhir saja. Barang-barang dan perkhidmatan itu boleh dibuat atau dikeluarkan dalam atau luar negara. Jadi tidak kira sama ada yang dihasilkan di sini ataupun diimport, dikenakan cukai. Akan tetapi ia tidak termasuk yang dieksport. Ertinya khidmat dan barangan yang dieksport tidak dikenakan apa-apa cukai. Yang dimaksudkan dengan cukai dikenakan banyak peringkat ialah bahawa cukai tidaklah dikenakan hanya pada peringkat akhir iaitu semasa dibeli untuk penggunaan. Bahkan sebaliknya cukai dikenakan pada tiap-tiap peringkat dalam rantai bekalan dari kilang hingga sampai kepada peruncit dan pengguna.

Dalam rang undang-undang ini, tidak disebutkan senarai barang-barang yang tidak dikenakan GST. Akan tetapi disebut dalam Bahagian X bahawa Yang Berhormat Menteri ada kuasa membuat senarai itu dan senarai itu akan dikemukakan dalam Parlimen tetapi kita sudah ketahui kerana dalam ucapan Belanjawan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, beliau telah memberikan senarai banyak barang-barang yang tidak dikenakan cukai. Antaranya beras dan tepung hinggalah membawa kepada belacan dan cencaluk. Namun ini merupakan pembebasan cukai pada peringkat akhir saja iaitu pada peringkat orang membelinya atau mendapatkan khidmatnya. Akan tetapi kita ketahui bahawa pada semua peringkat pengeluaran sebelumnya, cukai sudah dikenakan. Contohnya untuk pengeluaran beras, cukai dikenakan untuk daripada peringkat permulaan iaitu jentera membajak, cukai dikenakan pada baja yang digunakan, cukai dikenakan pada minyak untuk pengangkutan dan begitulah juga cukai dikenakan untuk bahan-bahan bagi kilang yang memproses beras itu.

Semua cukai ini dibayar oleh semua pihak tapi disebutkan pada peringkat akhir tidak dibayar. Jadi bererti sebenarnya cukai memang telah dikenakan pada semua peringkat itu. Begitu juga dengan misalnya belacan. Nelayan pergi ke laut mengambil udang papai untuk dijadikan belacan. Dia pergi dengan bot. Minyak di cukai. Kemudian bila udang papai dikeringkan dan lepas itu dikilangkan untuk dijadikan belacan, kilang itu pun sudah dicukai. Jadi tidak betullah kalau dikatakan cukai tidak dikenakan. Kalau kita katakan cukai dikenakan pada peringkat akhir itu betul, tapi kita mesti akui bahawa pada peringkat-peringkat yang lain dari mula sehingga akhir itu sudah ada cukainya.

GST bukanlah merupakan satu cukai yang progresif bahkan lebih tepat ia dikatakan sebagai cukai yang regresif. Bila kita katakan sistem cukai itu progresif bererti dalam sistem itu yang berat dikenakan beban cukai ialah golongan yang berpendapatan tinggi tetapi ia regresif apabila bebannya lebih berat kepada golongan yang berpendapatan rendah. Bila kita kenakan cukai yang sama rata, bagi pihak yang berpendapatan tinggi dan juga berpendapatan rendah, maka berertilah cukai itu bukannya bersifat progresif tetapi bersifat regresif. Dalam sistem cukai yang regresif yang rugi sekali ialah golongan yang berpendapatan rendah.

Bila ia regresif maka ia bersifat tidak adil kerana golongan kaya mampu membayarnya...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya mencelah sedikit. Boleh Tuan Yang di-Pertua. Tidak ada, ini bukan, saya hendak belajar saja Tuan Syed. Tuan Syed membuat perbandingan tentang cukai yang progresif dan retrogresif, *or we called it regressive or digressive*. Saya hendak tahu sistem percukaian sekarang pada pandangan Tuan Syed adakah dianggap progresif atau regresif, yang sekarang. Jadi kalau ingat dikatakan sekarang, kalau sekarang memang sudah dianggap regresif, adakah GST ini akan lebih regresif lagi. Kalau sekarang dianggap progresif adakah GST ini akan bersifat lebih regresif.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau kita ambil satu contoh yang kecil, contoh yang telah saya berikan awal tadi iaitu tentang cukai berdasarkan SST, ia tidak dikenakan khidmatnya pada warung-warung misalnya tapi dikenakan pada hotel besar. Daripada segi itu ia lebih progresif tetapi apabila dikenakan umpamanya 6 peratus kepada golongan yang berjual di warung dan juga kepada hotel maka ia bersifat regresif. Ada aspek-aspek sekarang ini daripada sistem cukai di negara ini yang sebenarnya progresif. Cukai pendapatan misalnya, lebih tinggi bagi golongan yang berpendapatan tinggi daripada yang rendah. Walaupun saya akan menghujahkan kemudian nanti bahawa patutnya ia lebih progresif daripada itu, iaitu lebih berat lagi harus dikenakan kepada yang berpendapatan tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menyambung apa yang saya sebutkan tadi, misalnya beban cukai bagi orang yang berpendapatan RM10,000 misalnya sebulan, yang berbelanja RM5,000 untuk penggunaan dalam khidmat adalah lebih ringan secara perbandingan daripada bagi orang berpendapatan RM3,000 yang berbelanja RM2,500 sebulan untuk barang-barang dan khidmat yang digunakan. Hal ini saya jelaskan sekarang. Dalam rang undang-undang ini tidak disebutkan kadar cukai GST yang sebenarnya.

Walaupun kalau tidak salah saya dalam Bahagian XVIII ada disebutkan bahawa Menteri berkuasa untuk menentukannya dan lepas itu akan dikemukakan dalam Parlimen tetapi walau macam mana pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, dan saya percaya ini akan dilaksanakan, telah menyebutkan bahawa kadar cukai GST ialah sebanyak 6 peratus. Bererti orang yang berbelanja RM5,000 daripada pendapatan RM10,000 tadi sebagai contoh yang saya berikan tadi, akan membayar cukai sebanyak RM300 daripada pendapatan RM10,000 iaitu 6 peratus darab RM5,000 yang dibelanjakannya.

■1250

Akan tetapi sebaliknya, orang yang berpendapatan RM3,000 tadi yang terpaksa berbelanja RM2,500 terpaksa membayar cukai sebanyak RM150 sebulan. Jadi secara perbandingan, lebih tinggi kadar yang dibayarnya. Sebenarnya, cukai GST yang dimulakan dengan cukai 6 peratus ini agak tinggi. Singapura telah bermula dengan kadar 3 peratus sahaja dan dinaikkan sekarang ini sehingga 7 peratus. Seterusnya negara seperti Korea tidak pernah menaikkan cukai GSTnya dari mula ia diperkenalkan sehingga sekarang. Saya tidak tahu nanti selepas 6 peratus ini, bilakah atau adakah dalam tempoh enam tahun dan sebagainya seperti bayang-bayang kelihatan? Selepas enam tahun akan dinaikkan. Kita tidak mahu misalnya cukai ini terlalu tinggi dan terlalu berat bebannya ke atas yang susah.

Tidak sepatutnya Tuan Yang di-Pertua, negara ini...

Dato' Lim Nget Yoon: Tuan Yang di-Pertua, beri laluan. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Saya memang tidak faham dengan SST sekarang. Katalah yang miskin tidak terlibat. Saya ambil contoh di restoran *KFC* atau *McDonald's* di mana kayakah, miskinlah semua pergi. Dengan kadar SST sekarang, kita kena 16 peratus. Akan tetapi kalau dengan GST, ia hanya 6 peratus. Matematik semudah begini, / memang tidak faham kenapa GST akan membebankan rakyat. Terima kasih.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya ada dua aspek daripada hal ini. Satu ialah cukai yang dibebankan ke atas pengguna dan satu lagi ialah cukai yang dikenakan kepada syarikat. Bagi saya, sebenarnya cukai yang dikenakan kepada syarikat apatah lagi ia syarikat *international* dan cukai yang dikenakan kepada orang-orang yang berpendapatan tinggi haruslah seperti yang saya sebutkan tadi dipertingkatkan lagi. Ditambah progresifkan lagi. Akan tetapi sebaliknya, saya ingin mengatakan bahawa walaupun 6 peratus cukai kepada yang terakhir, ia adalah terlebih dahulu daripada itu mengenakan cukai. Ayam yang dibela, makanan yang diberi kepada ayam, pengangkutannya dan sebagainya sudah dicukaikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi bahawa salah satu sebab cukai ini tidak perlu dilaksanakan sekarang ialah kerana ada berbagai-bagai jenis cukai lagi yang patut dikenakan tetapi tidak dikenakan. Saya kira perlu diadakan satu kajian yang menyeluruh tentang struktur cukai dalam negara ini. Struktur cukai itu harus dirombak untuk memberikan keuntungan kepada negara dan mengurangkan bebanan kepada rakyat. Jadi dalam hal ini, saya mengharapkan bahawa sistem cukai kita lebih progresif lagi dengan mengenakan cukai-cukai yang tertentu.

Satu, seperti yang telah saya terangkan lebih awal tadi, seharusnya kita meningkatkan lagi kadar cukai pendapatan terutama bagi mereka yang berpendapatan paling tinggi. Ada negara-negara luar yang misalnya mengenakan cukai kepada golongan tertinggi pendapatannya ini ataupun kekayaannya ini sebanyak sampai 90 peratus. Akan tetapi kita tinggi-tinggi hanya 25 peratus. Kemudian, ada misalnya syarikat-syarikat yang terlibat dengan apa yang dikatakan sebagai *sin industry* ataupun kalau kita terjemahkan sebagai industri yang berdosa. Ertinya boleh menimbulkan dosa bagi mereka yang menggunakan seperti syarikat rokok, syarikat minuman keras, syarikat perjudian dan sebagainya. Jadi seharusnya dipertingkatkan lagi cukai bagi *sin industry* ini.

Kemudian, kita sekarang ini tidak ada sistem cukai, di mana kita mencukai golongan mereka yang mendapat *windfall profit*. Artinya kita tidak mengenakan *windfall profit tax*. Yang dimaksudkan dengan *windfall* ini ialah kalau alih-alih kita mendapat keuntungan besar. Oleh sebab kita menjual *share* waktu naik harganya dengan banyak atau kita menang loteri dan sebagainya, kita tidak mengenakan cukai yang sewajarnya. Ada sesetengah negara yang mengenakan *windfall industry* ini. Jadi perkara-perkara seperti ini harus kita fikirkan.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, GST ini tidak wajar dilaksanakan apabila masih meluas berlakunya korupsi dan ketirisan. Satu jenis ketirisan teruk yang berlaku di Kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan dijelaskan dalam Laporan Audit Negara. Dalam laporan itu, sejak dua tiga tahun lalu ini dan tahun ini akhir, jumlah ketirisan itu adalah antara RM20 bilion hingga RM30 bilion setahun. Jikalau ini boleh dikawal, maka GST tidak diperlukan. GST cuma tahun pertamanya mengharapakan RM3 bilion dan beberapa tahun kemudian itu, RM9 bilion. Akan tetapi ini ada RM20 bilion hingga RM30 bilion. Tiap-tiap tahun misalnya perkara yang berlaku yang dijelaskan oleh Audit Negara itu berlaku terus dengan tidak menunjukkan cara yang berkesan untuk mengawalinya.

Tuan Yang di-Pertua, GST tidak patut dilaksanakan manakala kadar pendapatan masih rendah. Mengikut angka kerajaan sendiri, 78.6 peratus daripada penduduk negara ini berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan. Majoriti mereka ialah Melayu dan Bumiputera. GST 6 peratus akan terkena kepada mereka. Selain daripada itu, 38 peratus daripada pekerja-pekerja berpendapatan kurang daripada RM860 sebulan. Artinya ini adalah di bawah garis kemiskinan.

Sekali lagi kita dapati bahawa majoriti mereka Melayu Bumiputera. Jadi adakah kita hendak mengadakan suatu peraturan atau satu sistem cukai yang lebih menekan golongan bawahan yang kebetulan kebanyakannya adalah daripada golongan Melayu dan Bumiputera? Hutang seisi rumah sekarang ini sangat tinggi. Anak-anak muda yang baru keluar universiti dan baru bekerja pun sering terbeban dengan bermacam-macam jenis hutang yang banyak. Hutang pelajaran sewaktu mendapat pinjaman dan *scholarship* perlu dibayar. Bila kerja, oleh sebab sistem *transportnya* yang memerlukan, dia terpaksa membeli kereta.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, jam telah menunjukkan tepat pukul 1 tengah hari dan Yang Berhormat hanya ada lebih kurang lima minit sahaja nanti, boleh sambung. Kepada semua Ahli Yang Berhormat, oleh sebab rang undang-undang ini adalah penting dan serius, saya harap sesiapa yang sudah berucap itu mendapat perbezaan dan ada perkara-perkara yang penting, jangan keluar. Elok dengar sampai habis kerana dapat kita manfaatkannya semua. Kita berbahas untuk mencari kebenaran dan inilah tempatnya Yang Berhormat semua berbahas dan pihak yang tidak bersetuju pun tidak mengapa. Boleh bagi pandangan yang baik dan bagus tetapi selepas ini pandangan yang lain pula elok didengar bersama.

Dengan itu saya tangguhkan Mesyuarat ini sehingga jam 2.30 petang nanti. Sekian, terima kasih.

[Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 tengah hari.]

[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.]

2.30 ptg.

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat.*]

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, kita sambung balik dengan sesi perbahasan kita. Saya ingin menjemput Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali. Yang Berhormat ada lima minit lagi Yang Berhormat. Teruskan perbahasan.

2.32 ptg.

Dr. Syed Husin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang telah saya sebutkan pagi tadi, hutang seisi rumah adalah tinggi.

Anak-anak muda terutama yang baru keluar daripada universiti dan bekerja sering terbeban dengan hutang yang banyak iaitu hutang pelajaran, hutang beli kereta, mungkin hutang beli rumah dan juga agaknya hutang hendak kahwin.

Pada penghujung tahun 2012, jumlah hutang seisi rumah ini ialah RM754.6 bilion iaitu 80.5 peratus daripada KDNK. Ini ialah jumlah yang tertinggi di Asia. Jumlah ini mencerminkan sebenarnya hutang yang ditanggung iaitu hutang yang ditanggung oleh setiap keluarga dan bagi hutang yang tinggi, bebannya adalah sangat teruk kepada golongan yang berpendapatan rendah. Mereka ini juga akan dikenakan berlipat kali ganda dengan cukai GST. Kadar pendapatan di negara ini lambat meningkat. Sebaliknya pula harga barang keperluan naik dengan cepat. Oleh sebab itu, tentulah GST akan menjadi bebanan lebih teruk lagi kepada golongan berpendapatan rendah terutama yang miskin. Itulah sebabnya ia mesti ditolak sementara ini.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk kepada apa yang telah disebutkan oleh Menteri pagi tadi iaitu tentang *underground tax evasion* dan sebagainya dengan izin. Sebenarnya kalau diambil caranya GST dilaksanakan ialah dengan mengenakan cukai kepada penggunaan. Jadi, yang kenanya pengguna-pengguna. Sebaliknya kalau kita lihat misalnya peniaga-peniaga, saya tahu sebenarnya ramai peniaga yang kadang-kadang menyimpan dua atau tiga buku akaun perniagaannya dan yang dikemukakan hanya satu daripada buku itu untuk cukai pendapatan.

Begitu juga ada pula misalannya mereka yang tidak mengemukakan buku tersebut sebagai bukti tetapi hanya mencatatkan berapa banyak pendapatan mereka dan diterima sahaja apa yang mereka katakan. Lebih teruk lagi ialah bahawa ada yang menjadi jutawan dan mungkin juga 'bilionawan' atau *billionaire* yang menyimpan wang di luar negara, yang melakukan perniagaan di luar negara secara besar-besaran. Kita tidak tahu apakah pendapatan mereka, kita tidak tahu bagaimanakah untuk mencukai mereka. Jadi, manakala yang kecil diberatkan, yang lepas ini ada bermacam-macam cara untuk melepaskan diri.

Tuan Yang di-Pertua, saya rasa perlulah ada mekanisme dan cara untuk kita mengetahui sebenar-benarnya berapa untung yang diperoleh oleh mereka yang bagi satu atau dua buku itu atau yang tidak bagi buku dan juga yang di luar negara. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin. Tidak ada dalam Dewan ini? Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader ada? Sila, teruskan Yang Berhormat.

2.36 ptg.

Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi ruang untuk saya berbahas Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Saya amat bersetuju dan menyokong penuh rang undang-undang ini. Saya tidak ingin menyentuh semua perkara dan hanya dua atau tiga perkara sahaja saya ingin utarakan di sini.

Bahagian III iaitu penganan dan skop cukai. Ini satu tajuk yang saya ingin sentuh yang mana kami dapat lihat cukai GST yang ada pada hari ini terutamanya pada restoran-restoran yang mana kami dapat lihat telah lama sudah wujudkan, yang mana ada satu *ceiling* ataupun *threshold* yang diberikan RM3 juta untuk sebuah restoran. Lebih daripada itu hanya dikenakan *tax* yang mana GST ini dikenakan.

So, memandangkan ini ialah satu masalah yang telah pun berlaku, yang mana kalaulah RM3 juta itu bererti satu hari ia kena buat perniagaan sampai RM8,219. Kalau lebih daripada itu barulah dikenakan GST. Memandangkan ini yang banyak memberi kesulitan di sini, yang mana ada restoran-restoran yang mempunyai banyak rangkaian. Kalaulah restoran yang *average* pendapatannya RM3,000 ataupun RM4,000, kalau ia ada dua buah cawangan sudah mencecah amaun lebih RM8,000 yang mana ia kena buat GST di situ.

Akan tetapi ada restoran-restoran yang kecil, mungkin pendapatan perniagaannya sehari itu RM6,000 atau RM7,000 ini, dia tidak dikenakan.

So, baris yang sama, dua buah restoran, sebuah restoran dikenakan GST dan sebuah restoran tidak dikenakan GST. Ini yang memberikan banyak kesulitan kepada pengguna, terutamanya kita ambil contoh rokok. Dibeli di sini RM10, sebelah sini RM10.60. Ini menyebabkan pelanggan yang datang sentiasa marah kepada tuan punya restoran itu dan mengatakan, "Kenapakah you tambah wang ini? Restoran itu boleh? Kenapakah restoran ini tidak boleh ini?" So, saya fikir ini yang memberikan banyak masalah. Saya mencadangkan kepada kementerian hapuskan dan jangan adakan *threshold* yang mana semua restoran, kita tidak kira dengan *stall* kecil ataupun gerai-gerai kecil ini saya tidak masukkan. Kalaulah dikatakan restoran dan ke atas ini mestilah yang sama rata, semua restoran dikenakan GST. So, ini yang boleh memudahkan mengelola restoran ini tanpa sebarang masalah, dia boleh caj kan kepada pelanggan.

Keduanya, ada juga di masa sekarang ini rangkaian-rangkaian yang besar dan ada lebih daripada dua atau tiga buah restoran atau sampai 20 buah restoran ini yang kementerian sudah lepaskan tangan sudah beberapa tahun. So, sekarang baru-baru ini sudah masuk dan minta akaun untuk 10 tahun, 15 tahun dan dia hendak kenakan cukai ini. Fasal apa?

■1440

Mereka tidak kutip kerana perbezaan antara sebuah restoran ke restoran yang kebanyakan pelanggan tidak mahu terima dan tidak mahu bayar yang GST itu. So, itu yang sebab mereka tidak kutip. Bila dia tidak kutip daripada segi undang-undang ini dia kena dihukumkan kerana dia tidak ikut dengan syarat-syarat yang telah pun ditentukan. So, saya fikirkan untuk masa depan ini kita hapuskan yang *threshold* ini yang memandangkan semua restoran kenakan yang sama rata. Ini yang lebih eloklah saya fikirkan yang mana tidak ada sebarang masalah untuk mereka menjalankan perniagaan. Ini terutamanya untuk restoran-restoranlah saya hendak katakan di sini.

Kedua, ini satu lagi yang mana satu lagi masalah yang mereka hadapi. Satu hari kurang daripada mungkin 200, 300 atau 500 orang pelanggan akan datang. So, dia susah untuk hendak *explain* pada dia kenapa dia caj, kenapa dia tidak caj. So, ini pun akan satu masalah juga yang jadi kepada mereka untuk memberikan penjelasan kepada pelanggan-pelanggan ini. So, ini satu. Kedua, saya satu lagi hendak katakan baru-baru ini ada banyak yang masalah berlaku.

Pada 1 Mei ada juga satu perhimpunan, ada yang saya nampak video klip yang katakan harga tepung dia akan dikenakan GST. Orang yang ambil bahagian dalam perhimpunan ini dia sendiri pun tidak tahu yang mana tepung ini adalah dikecualikan. So, bererti rakyat ini belum faham apa dia itu GST, apa yang dikenakan dan mana yang dikecualikan. So, saya harapkan kementerian mesti ambil satu tindakan yang tegas yang berikan banyak *info* kepada rakyat dan bagikan penerangan yang cukup untuk mereka ini. Itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini saya pohon menyokong rang undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, singkat tetapi padat. Seterusnya, saya ingin silakan To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin, ada? Silakan Yang Berhormat.

2.42 ptg.

To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang sekali lagi kepada saya untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ini. Pertama sekali saya ingin mengucapkan syabas kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah Kementerian Kewangan kerana mempunyai kesungguhan politik untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ini. Walaupun pelbagai gangguan, ancaman termasuklah demonstrasi 1 Mei Lepas.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan GST telah diumumkan oleh Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia selaku Menteri Kewangan Malaysia.

Semasa pembentangan Bajet 2014 pada 25 Oktober 2013 lepas. GST ini dimasukkan sebagai salah satu daripada komponen dalam Teras Kedua Bajet 2014 iaitu untuk mengukuhkan pengurusan fiskal. Kerajaan diberikan tempoh selama 17 bulan untuk membuat pelbagai persediaan bagi pelaksanaan GST ini termasuklah daripada segi prasarana, latihan berkaitan kepada kakitangan syarikat, pendedahan dan maklumat kepada orang awam dan pengguna. Malah kepada peniaga serta semua peringkat agensi kerajaan bagi memastikan negara mempunyai prasarana dan peniaga mempunyai pengetahuan yang mencukupi bagi memastikan semua pihak bersedia bagi melaksanakan GST pada 1 April 2015, nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat mengalu-alukan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) ini kerana ia merupakan satu sistem percukaian yang begitu telus, cekap dan mesra peniaga bagi meningkatkan hasil dan pendapatan negara. Sebanyak 160 buah negara sudah di dunia ini telah pun melaksanakannya, bahkan GST hanya Malaysia dan *Myanmar* sahaja yang belum melaksanakan GST ini. Kalau kita membuat perbandingan daripada segi pertumbuhan ekonomi negara, Malaysia daripada segi GDP dan pendapatan per kapita negara kini jauh lebih baik. Berbanding negara-negara yang telah mengamalkan sistem GST. Negara kita pada ketika ini mempunyai pendapatan per kapita sebanyak USD10,000 manakala Indonesia hanya USD3,495 dan telah pun melaksanakan GST semenjak tahun 1984 lagi dengan kadar sebanyak 10 peratus.

Begitu juga Vietnam, mempunyai pendapatan per kapita hanya USD1,407 sahaja tetapi telah melaksanakan GST sejak tahun 1999 dengan kadar 20 peratus. Manakala Singapura telah pun memulakan pungutan GST ini semenjak tahun 1993 lagi ketika pendapatan per kapita negara berkenaan sebanyak USD46,000 dengan kadar permulaan 3 peratus dan kadar semasa 7 peratus. Maka, telah sampai masa dan ketikanya untuk Malaysia memulakan sistem percukaian GST pada kadar 6 peratus yang merupakan terendah di kalangan negara ASEAN. Ini memberikan sedikit pulangan kepada kerajaan untuk seterusnya digunakan untuk membantu balik kepada rakyat semua.

Tuan Yang di-Pertua, selama ini peniaga-peniaga telah mengutip cukai jualan dengan perkhidmatan SST tetapi tidak boleh dibayar kerana ketiadaan rekod dan ketelusan. Kelemahan cukai berganda dalam sistem SST ini ialah cukai di setiap peringkat mengenakan SST dan peniaga memasukkan SST ini sebagai kos produk atau perkhidmatan kerana peniaga tidak boleh menuntut kembali cukai mereka. Ini telah menyebabkan kebanyakan produk-produk negara tidak kompetitif dan tidak mesra pasaran. Sebagai contohnya, terdapat 273 buah produk yang sudah dikenal pasti yang pada hari ini dibayar cukai SST. Akan tetapi awam tidak tahu jumlah sebenarnya cukai yang telah dibayar ke atas barangan tersebut.

Sistem percukaian GST merupakan sistem percukaian yang lebih sistematik, cekap, telus dan berkesan dapat dilaksanakan berbanding sistem SST sebelum ini. Hasil daripada kutipan GST ini bukan sahaja membantu rakyat, malah hakikatnya secara langsung mahupun tidak langsung, kerajaan membantu dan mendorong peniaga-peniaga yang terdiri daripada pembuat, pemborong atau peruncit. Supaya mempunyai rekod atau akaun perniagaan yang lebih tersusun dan kemas kini bagi memberikan keadilan daripada segi pembayaran cukai atau manfaat kepada rakyat keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi melaksanakan GST ini untuk memastikan tidak membebankan rakyat. Pertamanya, kerajaan telah meningkatkan Bantuan Rakyat 1Malaysia (BR1M) dari RM500 kepada RM650. Termasuk pemberian kepada bujang dari RM250 kepada RM300. Cuma kaedahnya Tuan Yang di-Pertua, saya memberi pandangan, seeloknya eloklah dikaji balik supaya kita sepatutnya memberikan kail bukan beri terus ikan kepada rakyat.

Keduanya, kerajaan telah pun menyediakan dana sebanyak RM10 juta bagi tujuan latihan. Di samping itu kerajaan juga ada menyediakan *software* dengan harga RM1,000 yang boleh dituntut kembali iaitu rebat.

Ketiga, kerajaan telah mengecualikan barangan tertentu daripada dikenakan cukai GST. Umpamanya barang-barang keperluan harian asas seperti beras, tepung, ayam, daging, ikan, minyak masak dan sayuran tidak dikenakan GST. Begitu juga tol, pengangkutan bas, LRT, teksi, bayaran tuisyen dan insurans nyawa juga tidak dikenakan GST. Maka, jelas kerajaan tidak membebankan rakyat, malah mengutamakan rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan GST ini saya ingin mencadangkan seperti berikut, iaitu berdasarkan pengalaman negara seperti Singapura, Kanada, Australia dan New Zealand sewaktu memperkenalkan GST ini mendapati dalam tempoh 12 bulan terdapat peningkatan harga barang sebagai kesan GST. Sehubungan dengan itu saya menyarankan agar kerajaan memastikan penguatkuasaan dalam Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2012 yang berkuat kuasa April 2012. Bagi memastikan bahawa tidak ada pembuat, pemborong atau peniaga yang menggunakan peluang ini untuk menaikkan harga.

Kedua, saya berharap kerajaan dapat memastikan agar Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) menubuhkan pasukan petugas khas sebagai langkah persediaan bagi pelaksanaan GST ini. Khususnya untuk memantau setiap premis perniagaan, kilang-kilang ataupun pemborong-pemborong. Supaya mereka ini tidak meningkatkan harga sewenang-wenangnya kerana pelaksanaan GST ini;

■1450

Ketiga, memandangkan cukai GST ini sesuatu yang baru dilaksanakan, saya ingin mencadangkan agar kerajaan mengadakan program pendidikan dan kesedaran kepada pelajar-pelajar, sekolah-sekolah termasuk peringkat menengah, kolej dan universiti, bahkan kepada orang awam supaya mereka memahami dan menyedari sistem cukai GST ini dan kepentingannya serta kebaikannya kepada negara.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan pelaksanaan cukai GST ini, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan beberapa perkara.

Pertama, saya ingin mendapatkan penjelasan berhubung dengan jenis dan saiz perniagaan yang dikecualikan dari GST. Apakah peniaga-peniaga kecil dikecualikan dari GST ini dan apakah langkah kerajaan bagi membantu peniaga dan syarikat bagi memperbaiki dan mengemas kini sistem perakaunan yang tidak tersusun?

Kedua, apabila GST dilaksanakan, terdapat barang-barang sebelum pelaksanaan GST tidak dikenakan cukai termasuk tidak dikenakan cukai SST tetapi apabila cukai GST ini dilaksanakan, terdapat barangan yang dikenakan cukai GST sebanyak 6 peratus iaitu lebih kurang daripada terdapat 255 barang. Jadi, apakah langkah kerajaan bagi membendung dan mengawal kenaikan harga barang-barang ini? Begitu juga terdapat barang-barang yang hari ini melibatkan cukai SST sebanyak 5 peratus, tetapi apabila cukai GST dilaksanakan, pengguna perlu membayar 6 peratus iaitu peningkatan 1 peratus.

Ketiga, saya ingin mendapatkan penjelasan kerajaan apakah langkah kerajaan bagi memastikan barang-barang yang sentiasa digunakan oleh golongan-golongan yang berpendapatan rendah dan memastikan mereka tidak membayar bayaran cukai tambahan?

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya sangat menyokong supaya Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 atau GST ini dan seterusnya berharap dapat dilaksanakan menjelang April 2015 kerana sebenarnya idea GST ini bukanlah sesuatu yang baru. Idea GST ini telah dicadangkan semenjak tahun 1988 lagi semasa pembentangan Bajet 1989. Malah, GST ini pernah juga dibentangkan dalam Bajet 1992.

Saya yakin pelaksanaan cukai GST ini merupakan satu langkah kerajaan di dalam menyusun semua sistem percukaian negara yang lebih efisien khususnya dalam usaha negara untuk mencapai status negara maju berpendapatan tinggi yang pastinya memerlukan sistem percukaian yang lebih telus, efisien dan mesra peniaga. Dengan ucapan itu Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Boon Som. Silakan Yang Berhormat.

2.53 ptg.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk turut serta dalam perbahasan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Mei yang lalu ketika semua pekerja di seluruh negara bercuti kerana sambutan hari pekerja, ketika kira-kira 5,000 orang pekerja berkumpul di Jitra, Kedah untuk mendengar amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, ada pihak menganjurkan perhimpunan haram di Dataran Merdeka atas alasan menentang pelaksanaan cukai barang dan perkhidmatan iaitu GST.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya bantahan orang ramai dan salah faham orang ramai terhadap GST dan pelaksanaan GST kerana mereka kekurangan maklumat mengenai GST. Mungkin maklumat tidak sampai kepada mereka. Mungkin maklumat yang sampai tidak mencukupi untuk mereka. Mereka faham mungkin maklumat yang sampai kepada mereka tidak jelas. Sebab itu saya ingin katakan bahawa saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Namun, saya tidak menyokong cara pelaksanaan penyampaian maklumat mengenai cukai barang dan perkhidmatan atau GST ini.

Pada pendapat saya, maklumat tepat mengenai GST tidak sampai ke peringkat akar umbi. Tuan Yang di-Pertua, sebagai contoh, apabila saya balik ke kampung, terjumpa seorang makcik penjual nasi lemak, dia tanya saya, "*Betulkah nasi lemak ini kena GST?*" Kalau hendak beli nasi lemak pun kena GST, dia kata susahlah. Saya tanya, "*Siapa kata?*" Dia kata ada orang bagi tahu dekat dia tahun depan semua barang kena GST. Hendak beli nasi lemak pun kena GST dia kata. Saya jumpa Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung, saya tanya apa itu GST? Dia kata, "*Saya pun tidak tahu apa itu GST*". Pegawai Daerah pun saya tanya adakah mereka faham pasal GST. Memang kurang faham dia kata.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini atas ketidakfahaman inilah ada orang yang mengambil kesempatan bagi memanipulasikan isu GST ini dengan mempolitikkan isu ini dengan fakta mengenai GST ini. Mereka memberi maklumat yang salah dan tidak benar mengenai GST kepada orang ramai di peringkat akar umbi. GST ini amat bagus, amat baik dikenakan oleh kerajaan. Disebabkan sistem penyampaian yang agak lemah, maka rakyat terbawa-bawa kepada ke arah negatif.

Apakah mekanisme yang digunakan untuk menyampaikan maklumat agar mereka benar-benar faham apa itu GST? Walaupun kita di Dewan yang mulia ini kita faham GST ini bagus untuk rakyat dan negara tetapi kerana mekanisme penyampaian maklumat yang lemah menyebabkan ada pihak menanggung di air keruh, mempolitikkan GST dan memberi maklumat yang salah tentang GST. Kita ada banyak...

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Minta...

Timbalan Yang di-Pertua: Ada yang hendak mencelah Yang Berhormat.

Dato' Boon Som A/L Inong: Okey, okey.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Saya tertarik berhubung dengan penjelasan pengumuman dan sebagainya ini tetapi Yang Berhormat kata tidak puas hati. Adakah Yang Berhormat boleh cadangkan secara manakah sepatutnya kementerian memberitahu? Ini kerana, kita ada *road show* sekarang tetapi saya sendiri tahu bahawa *road show* ini tidak menyeluruh. Maknanya orang-orang kampung, orang kawasan kita tidak dapat tahu. Hanya yang saya tahu kementerian bagi kepada khusus kepada kumpulan-kumpulan terpelajar misalnya, tidak kepada rakyat biasa di bawah. Macam mana pandangan Yang Berhormat supaya penjelasan ini dapat diperluaskan lagi? Terima kasih.

Dato' Boon Som A/L Inong: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Rahim. Sebenarnya kita ada banyak kementerian yang boleh menyumbang ke arah itu seperti kita adakan kaunter di kementerian-kementerian, ada *road show* kementerian bukan sahaja Kementerian Kewangan, kita ada Kementerian Belia dan Sukan untuk mendekati kepada belia, memberikan pandangan kepada belia apa itu GST. Bukan semua belia yang keluar dari universiti yang tahu apa itu GST. Kalau tidak pergi luar negara, dia orang tidak tahu apa GST itu. Selepas itu Kementerian Luar Bandar perlu ada *workshop* untuk JKKK kepimpinan akar umbi untuk memberi pemahaman kepada GST dan juga Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

Selain daripada itu, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan juga Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan juga MITI, Kementerian Perladangan dan Komoditi, banyak lagi kita boleh gunakan, menggembeleng tenaga kerana ini benda baru, benda yang orang kurang faham apa itu GST. Walaupun *tax* kurang 6 peratus sekalipun, orang kampung tetap kata itu *tax*. Walau satu sen sekali pun dia kata *tax*. Dia kata semua kena.

Jadi, kerajaan mempunyai pelbagai mekanisme pada semua peringkat hinggalah ke akar umbi. Kita ada JKPP, kita ada JKPP, kita ada kepimpinan masyarakat yang kita bayar elau. Mereka sepatutnya tahu dan faham mengenai GST dan boleh memberi maklumat kepada masyarakat akar umbi mengenai bukan setakat GST tetapi juga semua dasar kerajaan mereka perlu faham dan boleh terangkan kepada masyarakat. Soalan saya, adakah mereka, JKPP dan JKPP ini, telah dipanggil dan diberikan penerangan mengenai GST supaya mereka faham dan boleh terangkan pula kepada masyarakat apa itu GST, apa kebaikan GST, barang apa yang kena GST, barang apa yang tidak kena GST?

Kedua, bucar maklumat mengenai GST hendaklah diedarkan kepada orang ramai dengan menggunakan bahasa yang difahami oleh orang ramai. Bukannya bahasa undang-undang atau bahasa RUU ini. Menggunakan bahasa yang sesuai dengan kumpulan sasaran kita. Dengan bahasa mudah, bahasa *layman*, dengan izin. Kita tidak boleh gunakan bahasa dan istilah yang hanya difahami oleh orang undang-undang, ahli ekonomi, pakar kewangan sahaja sebab GST ini melibatkan semua rakyat Malaysia- yang tidak sekolah pun terlibat.

■1500

Ketiga, saya ingin mencadangkan supaya dibentuk jawatankuasa seperti Majlis Konsultasi Perpaduan Negara yang terdiri daripada profesional, wakil NGO, ahli-ahli politik termasuk kalau boleh dipanggil parti pembangkang sekalipun merentasi geopolitik. Jawatankuasa ini berfungsi untuk mengadakan dialog bagi mendengar pendapat orang ramai termasuk peringkat akar umbi atau memberi penerangan kepada rakyat di peringkat akar umbi. Sama seperti berdialog mengenai pendidikan yang dibuat oleh Kementerian Pendidikan sebelum menghasilkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia dan dialog perpaduan yang bertujuan untuk menghasilkan Pelan Induk Perpaduan Negara.

Dialog mengenai GST ini sepatutnya diadakan sebelum rang undang-undang ini digubal supaya boleh mendengar pandangan dan pendapat orang ramai mengenainya. Akan tetapi tidak mengapa kerana masih belum terlambat lagi. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata hendak laksana GST pada 1 April 2015 jadi masih ada masa untuk mengadakan dialog GST dengan orang ramai di seluruh negara, dengar apa pandangan mereka ataupun *two ways direction- communication*.

Dialog seperti ini penting, dengan izin, sangat penting sebab pelaksanaan GST akan melibatkan semua rakyat Malaysia. Semua orang di semua peringkat perlu faham apa itu GST. Bagi orang yang pernah pergi ke luar negara mungkin mereka faham sebab 163 buah negara sudah melaksanakan GST tetapi perkara ini masih baru di Malaysia. Ramai lagi yang tidak faham melibatkan semua rakyat Malaysia, bukan tidak pernah pergi luar negara pun terlibat, yang di bandar pun terlibat, yang di kampung pun terlibat, yang makan gaji pun terlibat, yang kerja sendiri pun terlibat, yang ada *business* besar pun terlibat, yang buat *business* kecil pun terlibat, yang kerja terlibat, yang suri rumah pun terlibat, yang sekolah tinggi pun terlibat dan yang tidak sekolah tinggi pun terlibat. Dengan adanya dialog, kita boleh dengar pandangan, masalah dan cadangan mereka mengenai GST ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya percaya tindakan kerajaan mengenakan GST adalah untuk kebaikan rakyat dan negara bahkan banyak selama ini yang kerajaan sudah buat untuk rakyat dan negara, tetapi kerana penerangan tidak sampai kepada rakyat menyebabkan rakyat salah faham, marah dan memberontak. Suatu ketika dahulu kita mempunyai Majlis Pelan Tindakan Ekonomi Negara. Ketika itu MTEN selalu memanggil pihak media untuk diberi penerangan mengenai isu yang timbul apabila pihak media faham mereka boleh memainkan peranan, membantu untuk menyampaikan maklumat yang jelas kepada orang ramai. Adakah perkara ini masih berjalan sekarang? Sekarang ini kita ada ramai *bloggers* yang boleh bantu mengeluarkan hal yang sama. Adakah mereka juga dipanggil untuk diberikan penjelasan?

Satu lagi usaha yang perlu dilakukan ialah membuka kaunter-kaunter yang saya sebut tadi kaunter penerangan mengenai GST di tempat yang menjadi kunjungan ramai seperti di Pusat Transformasi Bandar dan Pusat Transformasi Luar Bandar, di pusat membeli-belah, Hari Bersama Pelanggan dan seumpamanya supaya orang ramai boleh bertanya apa yang mereka tidak faham. Saya sendiri sanggup, kita sendiri Senator pun Majlis Senator Malaysia pun sanggup turun padang untuk membantu usaha gerakan memberi penerangan kepada orang ramai mengenai GST ini seperti yang dilakukan dalam majlis-majlis yang lain, mengadakan dialog di seluruh negara.

Pada hemat saya, kita perlu kreatif dalam menyampaikan maklumat kepada orang ramai. Saya kira ketika ini masih ada ruang untuk dipertingkatkan. Saya bimbang kerana nampak seolah-olah seperti ada kelemahan pada peringkat pelaksanaan, macam ada '*Little Napoleon*' dalam peringkat pelaksanaan. Kita bimbang usaha ini dilakukan akan memberi kesan buruk- *backfire*, dengan izin, kepada kerajaan. Jadi perlu kreatif dalam penyampaian maklumat dan menggerakkan usaha ini dalam peringkat sampai ke akar umbi. Perlu ada komunikasi dua hala antara kehendak kerajaan dan faedah yang diterima oleh rakyat.

Kesilapan dan kealpaan dalam menyampaikan maklumat sebegini penting kepada akar umbi jika berlaku, kerajaan yang baik pun boleh jatuh. Ini kerana sebelum ini pun kita lihat gagasan yang baik seperti 1Malaysia, IM4U pada pendapat saya kefahaman tentang gagasan ini tidak sampai kepada orang ramai akibatnya ia menimbulkan salah faham dan dijadikan bahan momokan dan mainan pula oleh sesetengah orang. Tidak seperti Wawasan 2020 semua orang bercakap mengenai Wawasan 2020.

Ada banyak seminar, bengkel di pelbagai peringkat mengenai Wawasan 2020 dan Kem Bina Negara yang perlu dihadiri oleh peringkat daripada atas sampai ke bawah dan kita lihat kesannya pada masa itu bagaimana bersemangatnya rakyat Malaysia di semua peringkat bekerja untuk memajukan diri, keluarga dan negara. Akan tetapi kita tidak ada Kem Bina Negara untuk 1Malaysia, tidak ada satu sesi perbincangan/perbahasan mengenai 1Malaysia, tetapi sekarang sudah jadi macam produk barang pula.

1Malaysia sepatutnya menjadi satu gagasan yang difahami semua orang. Program-programnya di semua peringkat patut dihayati semangat dalam Gagasan 1Malaysia. Ini kerana 1Malaysia gagasan memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum, berteraskan nilai-nilai penting iaitu nilai-nilai murni, nilai-nilai menjadi aspirasi yang asal yang seharusnya menjadi amalan setiap rakyat Malaysia. Saya percaya jika nilai-nilai murni dan aspirasi yang digariskan dalam Gagasan 1Malaysia, difahami dan dihayati kita dapat membantu dan membentuk masyarakat Malaysia yang bersatu-padu, menghormati antara satu sama lain. Tidak akan menyinggung perasaan kelompok-kelompok lain sama ada melalui perkataan mahupun perbuatan.

Apabila tidak menghayati nilai-nilai ini, maka kita bukan sahaja menghormati orang lain kita juga tidak mempedulikan perasaan orang lain. Kita selalu diingatkan dengan peristiwa buruk yang akan datang iaitu 13 Mei 1969. Peristiwa rusuhan kaum yang memberi kesan buruk kepada perpaduan kaum dan hampir menggugat kestabilan negara. Saya cadangkan supaya tarikh 13 Mei yang akan datang diingati dengan cara sebaliknya iaitu dijadikan sebagai hari untuk memupuk dan mengukuhkan perpaduan.

Saya cadangkan supaya tarikh 13 Mei setiap tahun diisytiharkan sebagai Hari Perpaduan dan diadakan sambutan ataupun program bertujuan memupuk kesefahaman dan merapatkan perpaduan antara rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan agama ini dengan melampaui batasan politik dan fahaman politik.

Tuan Yang di-Pertua, berbalik kepada GST, saya cadangkan supaya digerakkan jentera kerajaan pada semua peringkat untuk memberikan kefahaman yang betul dan tepat mengenai GST kepada masyarakat. Tidak boleh bergantung kepada pegawai Kementerian Kewangan, dan Jabatan Penerangan atau iklan di televisyen sahaja. Kita perlu gerakkan semua peringkat termasuk ke peringkat pemimpin akar umbi. Perlu ada program penerangan untuk mereka supaya mereka boleh berfungsi di dalam masyarakat. Satu lagi, pihak media massa perlu dilibatkan, diberi penerangan yang jelas supaya mereka juga akan membantu dari semasa ke semasa memberi penerangan yang betul dan tepat tentang GST ini.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapan dua hari yang lepas dalam Perasmian Majlis Senator Malaysia, beliau menyatakan bahawa GST kita mempunyai asas yang kukuh untuk menggerakkan GST ini, tetapi kalaulah penyampaian itu lemah ini akan mendatangkan benda yang tidak baik. Walau bagaimanapun, saya menyokong GST ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tuan Lihan Jok. Silakan, Yang Berhormat.

3.09 ptg.

Tuan Lihan Jok: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya di awal-awal lagi menyatakan sokongan saya terhadap RUU ini. Jadi saya akan bahagikan perdebatan saya ini kepada dua aspek utama. Pertama ialah berhubung dengan RUU itu sendiri.

■1510

Kedua, macam mana kita hendak menyebar supaya penerimaan rakyat Malaysia terhadapnya diterap dengan segera. Kalau kita lihat Tuan Yang di-Pertua, Cukai Barang dan Perkhidmatan itu sendiri walaupun ia kita kata benda yang baru, tetapi kita dengar bukan benda yang asing. Sudah dicintai oleh negara yang lain. Dia memang bagus, baik dan manusia yang rasional pemikirannya memang melihat benda ini bagus. Pertama, bilamana cukai itu dikenakan walaupun ia dibebani, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, *tax has never been* bukan sesuatu yang tidak membebankan rakyat. Bila saja sebut cukai, istilah beban itu memang ada. Akan tetapi pada hemat saya Tuan Yang di-Pertua, Cukai Barang dan Perkhidmatan ini benda yang baik kerana nombor satu tadi, ia meningkatkan *revenue income*, pendapatan negara. Mana-mana rakyat yang cinta negara, ia berkehendakkan negaranya cukup wang, cukup ringgit untuk menjalankan segala perancangan baik daripada segi pembangunan dan seterusnya. Itu yang memang baik.

Kedua, cukai ini bagus kerana dia telus. Setelah kita mengalami cukai yang sudah lama itu, kita lihat ini sesuatu yang baik dan kita pun dah dengar daripada Menteri dan kita pun dah baca, benda ini telus, efisien dan akan terus menggalakkan industri atau *business* di dalam negara kita. Jadi kalau benda itu baik, kenapakah kita tolak? Adapun saya melihat beberapa kumpulan yang tertentu dalam masyarakat yang seolah-olahnya menolak GST ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua kumpulan yang saya lihat. Pertama, kumpulan yang tidak faham, tidak apa dia tidak faham, sebab itu kerajaan mengambil masa setahun lebih untuk kita memberi penerangan seperti mana Dato' Boon kata, kita akan memberi penerangan. Jadi kumpulan ini tidak faham, itu sebab dia menentang.

Akan tetapi ada sesetengah kumpulan lagi ini, walaupun sedikit tetapi dia pandai memanipulasi orang ramai ini tadi untuk kepentingan politik ataupun untuk kepentingan kumpulannya. Dia tahu apa maksud, erti dia buat benda itu, dia sendiri tahu. Jadi oleh sebab yang demikian, kita lihat ada bantahan di sana sini. Saya dari Sarawak, bila mana GST ini diumumkan, tidak ada rasa benda ini akan membawa benda yang buruk sehingga pihak pembangkang pun di sebelah sana tidak ada buat bantahan apa-apa kerana kita lihat GST bagus, yang pertama.

Yang kedua, GST ini dilahirkan kerana tidak boleh ia terus wujud demikian, tidak boleh, kerana ia wujud sebab ada sebuah undang-undang, sebab ada satu akta, nama akta itu ialah Rang Undang-undang Barang dan Perkhidmatan 2014, lahiriah GST. Inilah ibunya. Jadi saya selalu apabila kita bentang mana-mana RUU, saya selalu bawa diri saya Tuan Yang di-Pertua, *is it a good law*, dengan izin, *is it a bad law*, adakah RUU ini jahatkah ataupun adakah RUU ini membawa kebaikan kepada masyarakat? Kalau kita lihat sepintas lalu kerana masa kita tidak begitu panjang untuk kita terus menceritakan RUU ini baik atau tidak. Pada hemat saya, undang-undang ini bagus. Undang-undang ini kenapa dia bagus? Kalau kita lihat sesuatu undang-undang yang bagus itu ia menyeluruh walaupun kita di Sarawak seperti kata Datuk Dayang pagi tadi, kita ada autonomi, kita ada hak. Itu dalam Perlembagaan Persekutuan.

Walaupun ada hal yang demikian tetapi RUU yang kita bincang ini, ia akan meliputi semua rakyat dan undang-undang ini tidak kira kalau seorang kanak-kanak atau seorang bayi yang tidak tahu apa pun, bila mak dia membeli susu untuk dia, dia seolah-olah mempunyai komitmen terlibat dalam undang-undang GST, melalui undang-undang ini tadi, ia menyeluruh. Maksudnya kalau undang-undang itu bagus, ia tidak boleh pilih kasih.

Undang-undang ini juga mudah difahami walaupun beberapa minggu saya sudah terima RUU ini, nampak tebal tetapi *the language is very simple*, dengan izin, mudah kita faham. Walaupun banyak istilah tetapi istilahnya mudah dan juga operasinya senang, ia tidak berbelit-belit.

Pada hemat saya, kalau seorang itu menjalankan GST ini di Sarawak, di Sabah kah, di Semenanjung Malaysia, ia seragam serentak. Tidak ada kita rasa, kenapakah orang Sarawak jalan GST lain daripada Semenanjung? Tidak ada kerana operasinya mudah, senang, pada hemat saya.

Kenapa RUU ini pada hemat saya bagus, oleh sebab dua perkara itu tadi dan saya hendak tambah satu Tuan Yang di-Pertua, kenapa saya kata RUU itu bagus ialah selalu saya kata *any law*, dengan izin, mana-mana undang-undang akan mencerminkan keindahan kita sendiri. Kalau undang-undang itu membuat kita buruk di depan mata dunia, jangan buat undang-undang itu. Akan tetapi RUU ini meyakinkan diri kita sendiri, membuat kita akan jadi kaya, membuat wang kita cukup banyak untuk membuat pembangunan, akhirnya negara jadi membangun, negara jadi cantik, menjadi daya tarikan kepada dunia. Ini pada hemat saya, kerana apa undang-undang ini bagus, kerana dia akan membuat Malaysia menjadi negara yang menjadi contoh yang bagus, yang membangun.

Itulah perkara asas yang saya hendak katakan bila mana saya kata saya sokong. Jadi Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan Ahli dalam Dewan yang mulia ini memang dah banyak menceritakan, menjelaskan kebaikan GST. Malah lebih terang dijelaskan oleh Menteri pagi tadi. Cuma pada petang ini, saya hendak tambah iaitu aspek yang saya maksudkan tadi ialah cara supaya GST ini dapat diserap, diterima dengan baik oleh lapisan masyarakat.

Pertama, kita mesti, kerajaan harus membantu golongan yang tidak berupaya, ini yang pertama. Walaupun undang-undang atau GST ini bagus tetapi memang ada golongan yang miskin yang melihat GST ini beban baginya kerana memang pasti Tuan Yang di-Pertua, bilamana GST ini ada, saudagar-saudagar, pembuat-pembuat, pembekal memang mengambil peluang supaya syarikat cepat kaya, mereka tertarik untuk meningkatkan harga barang, meningkatkan harga perkhidmatan. Oleh sebab itu harga barangan memang meningkat.

Oleh sebab yang demikian, golongan yang betul-betul memerlukan pertolongan, mereka ini ialah bukan kehendak mereka, dia sakit. Maklumlah orang sakit, kalau yang sakit itu adalah si bapa dalam keluarga, pasti keluarga itu memang tidak mendapat, orang yang mendapat pendapatan untuk keluarga kerana dia sakit. Tidak ada pilihan, memang tetap miskin.

■1520

Jadi yang kedua adalah orang yang sudah uzur, yang sudah tua. Ramai orang tua-tua yang kadang-kadang yang tidak dipedulikan oleh anak lagi, susah, miskin papa. Orang inilah maksud saya tadi perlu duit yang banyak daripada GST ini. Kita bina rumah orang tua, kita bina untuk- maksud saya seperti minggu yang lepas, pusat dialisis yang kita bawa jauh pergi ke pedalaman supaya orang yang miskin ini tadi senang mendapat rawatan. Ini maksud saya.

Oleh sebab yang demikian, kalau kerajaan buat yang demikian, yang kaya pun tidak cemburu. Itu yang dia suka. *Whilst* orang-orang kaya yang mempunyai hati yang besar ini bilamana dia lihat GST itu diguna untuk orang yang miskin, mereka turut gembira. Itu yang pertama. Jadi saya cadangkan supaya golongan ini cepat-cepat kita kenal pasti. Saya bukan maksud BR1M Tuan Yang di-Pertua.

Minta maaf dalam Dewan yang mulia ini, saya mohon supaya BR1M dihentikan dulu. Kaji semula, jangan buat kerana BR1M kita buat yang terakhir, kali yang terakhir ini tidak membawa impak. Kalau kerajaan ingin mendapat pujian kah kerana kita telah memberikan BR1M, kita salah, tidak. Akan tetapi kita memohon supaya orang yang betul-betul layak menerima bantuan kerajaan, itu yang kita beri melalui GST nanti.

Perkara yang kedua, yakni kawalan harga kerana tadi memang barang naik Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya mencadangkan untuk menambahkan yang Dato' Boon Som kata, supaya setiap ketua kaum, supaya setiap Tuai Rumah di Sarawak, supaya ketua kampung, pengerusi JKK yang mempunyai hubung kait dengan kerajaan, yang menerima gaji bulanan dari kerajaan, kita gunakan mereka ini sebagai renjer GST ini. Kalau di Sarawak kita ada renjer hutan, apa salahnya kita buat renjer GST yang melihat anak biak dia, rakyat dia. Jadi kalau tentang GST, adakah pekedai runcit di rumah panjang ini mematuhi harga? Ini maksud saya tadi supaya mata dan telinga kerajaan ini disebar luas melalui orang-orang yang demikian.

Saya pasti kalau renjer hutan itu berkesan, tak salah renjer ataupun maksud saya renjer itu tadi adalah *'quote'*, okey? Mungkin kita ada istilah-istilah yang lain yang sesuai untuk menjadi mata dan telinga kerajaan ataupun orang yang *enforce* menjalankan, dengan izin, *enforce the government law* yang GST ini di peringkat kampung ataupun di mana-mana sahaja kelompok manusia. Itu yang saya cadangkan.

Ketiga ialah tentang penerangan yang jelas itu tadi. Perkara ini penting tetapi saya hendak Tuan Yang di-Pertua, bawa perkara ini ke arah yang lebih lain sedikit. Ini kerana-okey, kita kata kerajaan ini sudah buat penerangan. Akan tetapi ada juga satu gejala yang hebat, seolah-olah macam bertindak sebagai satu Tsunami yang lebih laju, lebih dahsyat daripada usaha kita lagi. Jadi sehingga benda yang baik itu tadi seolah-olah tidak baik kerana kita terlalu lambat, Tsunami yang jahat itu melampaui usaha kita. Ini konteks itu saya hendak cakap ini.

Dalam kerisauan saya, konteks itu yang saya maksudkan. Ataupun saya ambil contoh, kadang-kadang penyakit yang sedikit. Penyakit itu nampak dia penyakit yang senang biasa, kita tidak risau. Akan tetapi dari dalam kita tidak sedar, ia kuman-kumannya hebat. Sehingga bilamana kita hendak bagi *Panadol* kepada penyakit yang kecil itu tadi dia sudah tak larat. Maksud saya di sini, GST bagus. Kita sudah buat, okey kita sudah buat penerangan dalam TV, cara lagu. Okey selepas itu...

Timbalan Yang di-Pertua: Masih banyak lagi Yang Berhormat, panjang lagi?

Tuan Lihan Jok: Saya hendak rumus sekarang ini Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Lihan Jok: Jadi maksud saya tadi, usaha kerajaan itu sekarang ini Tuan Yang di-Pertua, kita jangan lengah lagi. Kita jangan anggap, "Oh! rakyat ini memang sudah terima benda ini", tetapi ada sesetengah kumpulan yang sebagai Tsunami maksud saya cakapkan tadi. Maklumat yang mereka bagi itu dengan tujuan bukan bermaksudnya hendak tutup GST sebenarnya, tetapi tidak, yang niat dia lain. Ataupun dalam kata yang lebih kasar, dia cuma hendak merosakkan Malaysia, itu sahaja [*Tepuk*]

Jadi oleh sebab yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon supaya kerajaan janganlah tunggu sidang ini habis. Mulalah dengan sehebat-hebatnya sehingga Dato' Boon kata tadi di peringkat siapa tadi, di peringkat sekolah lagi, menular terus. Jadi mana-mana kementerian, agensi kerajaan mulailah. Bukan kerana kita tidak faham GST, kerana kita takut, kita kluatir orang yang ada niat lain ini tadi, GST yang bagus, apakah gunanya Tuan Yang di-Pertua? Begitu bagus pun GST itu, kalau esok kita hebat berkelahi di Padang Merdeka sana, apakah erti dia? Itu maksud saya. Oleh sebab yang demikian, segeralah. Dengan sedikit pandangan itu tadi Tuan Yang di-Pertua, saya sungguh benar menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, terima kasih. Yang Berhormat, kita ini masih ramai lagi yang hendak berucap, ada 19 orang. Jadi saya mohon kerjasama Yang Berhormat semasa membahaskan rang undang-undang ini nanti, saya mohon Yang Berhormat membangkitkan perkara yang belum dibangkitkan dan supaya perbahasan Yang Berhormat itu padat dan fokus kepada perkara-perkara yang relevan berkenaan dengan GST.

Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Silakan Yang Berhormat.

3.27 ptg.

Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut serta dalam perbahasan ini, di mana awalnya saya ingin menyatakan bahawa saya tidak bersetuju dengan rang undang-undang ini.

Tidak ada atau tak banyak orang yang suka membayar cukai. Itu sebab setiap kali apabila belanjawan dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Menteri Kewangan di Parlimen, banyak orang yang ingin tahu apakah cukai yang akan dikurangkan? Apakah ada rebat atau sebagainya? Jadi kalau ada yang suka membayar cukai, itu agak luar biasa dalam pemahaman saya.

Tuan Yang di-Pertua, ringkasnya saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat menteri. Apabila diperkenalkan GST ini, apakah ada jaminan tidak ada inflasi? Oleh sebab banyak juga pakar-pakar ekonomi yang menyatakan bahawa apabila GST ini dilaksanakan maka akan berlaku inflasi.

Apabila berlaku inflasi, maka golongan yang teruk menerima akibat inflasi ini golongan yang berpendapatan rendah. Benar bahawa sekarang ini yang membawa cukai di Malaysia ini agak kecil. Ini tidak dinafikan kerana pendapatan pada umumnya golongan pekerja di bawah daripada RM3,000. Seperti mana yang telah kita selalu sebut dalam beberapa sidang yang lepas untuk sampai ke tahun 2020 yang mana Malaysia akan dikenal sebagai sebuah negara maju, pendapatan rakyat mestilah meningkat. Jika tidak ia tidak mencerminkan keadaan sebenar sebuah negara maju.

■1530

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu apakah GST ini merupakan cukai regresif, ertinya ia berterusan daripada satu peringkat ke satu peringkat. Saya ingin tahu misalnya bermula daripada pembuat atau pengilang kemudian pengedar, peruncit dan akhirnya beban itu akan ditimpa ke atas pengguna atau *consumer*.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin tahu apakah kesannya nanti terhadap perumahan walaupun dinyatakan di sini bahawa hal-hal mengenai perumahan itu tidak akan terjejas tetapi jangan lupa bahawa peralatan atau bahan-bahan untuk membina rumah juga akan dikenakan cukai dan apabila ianya dikenakan cukai maka tentulah pada akhirnya pembeli yang akan membayar cukai tersebut. Dengan poin-poin ini saya ingin menyatakan bahawa saya tidak bersetuju dengan rang undang-undang. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Datuk Chin Su Phin.

3.31 ptg.

Datuk Chin Su Phin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, kita telah mendengar penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri bahawa salah satu sebab pelaksanaan GST adalah untuk menjana pendapatan negara. Dijangkakan dengan pelaksanaan GST pada April 2015, pertambahan sebanyak RM3 bilion akan dipungut oleh kerajaan. Kita harus akui bahawa fenomena ekonomi global pada hari ini menuntut kita untuk mencari sumber-sumber pendapatan baru dan tidak mungkin negara kita terus bergantung kepada pendapatan sumber petroleum dan gas yang menyumbang di antara 35 peratus hingga 40 peratus daripada hasil negara. Dalam perbahasan ini juga kita harus akui bahawa sekitar 10 peratus sahaja daripada *working population* di Malaysia yang membayar cukai. Inilah kesan terhadap sistem percukaian di negara kita yang mengakibatkan *taxes* yang dilaksanakan pada hari ini agak *narrow* atau sempit.

Tuan Yang di-Pertua, saya setuju bahawa semasa Singapura melakukan GST ini pada tahun 1993, mereka mengenakan GST pada kadar yang rendah iaitu 3 peratus. Malaysia pula melakukan pada kadar 6 peratus tetapi kita harus ingat bahawa kita telah meletakkan pengecualian GST kepada hampir 60 peratus barangan asas rakyat manakala Singapura tidak melakukannya, semua barang dan perkhidmatan masuk dalam GST. Saya juga percaya bahawa dengan pelaksanaan GST ini kelak, pengelakan cukai oleh individu dan syarikat tertentu dapat dikurangkan disebabkan oleh sistem dokumentasi yang lebih lengkap dan menyeluruh dalam sistem GST ini.

Kita faham bahawa tiap-tiap tahun terdapat isu yang dikeluarkan mengenai aliran keluar modal yang tidak dapat di *reconcile* dengan *national account*, dengan izin.

Saya percaya bahawa ini berlaku kerana pemborong-pemborong yang selama ini tidak membayar *tax* kerana tidak ada cukup dokumentasi ataupun rekod dalam perniagaan mereka malah hampir 80 peratus daripadanya adalah melalui *transfer pricing* dengan tujuan mengelak cukai. Bayangkan beberapa bilion yang telah kita hilang akibat *transfer pricing* dan *black money*. Maka dengan adanya sistem GST seperti yang dilaporkan, dengan adanya dokumentasi yang bertambah, kita yakin isu ini dapat dikurangkan. GST merupakan satu sistem cukai yang lebih telus dan *efficiency* serta dapat menyelesaikan gejala *cascading tax* yang wujud dalam cukai SST. Cukai jualan dilihat tidak telus kerana tidak tertera pada resit dan ramai orang tidak tahu mereka sedang membayar cukai jualan. GST adalah lebih telus dan adil kerana kita akan dikenakan cukai hanya bila kita berbelanja. Jumlah cukai yang dikenakan ditunjukkan dan ini ialah berdasarkan keputusan kita. Maka GST adalah *consumption taxes* di mana *the more you consume, the more you pay*, dengan izin.

Saya teruskan kepada beberapa pertanyaan yang saya mahukan penjelasan daripada Kementerian sebelum Rang Undang-undang GST ini akan diluluskan di Dewan yang mulia ini. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan daripada Kementerian mengenai kadar GST sebanyak 6 peratus, berapa lama kadar ini akan dikekalkan kerana kebanyakan pengguna dan peniaga memerlukan masa untuk menyesuaikan diri dengan polisi baru apatah lagi dengan sistem cukai yang menyeluruh ini. Saya juga maklum laporan yang mengatakan ada peniaga-peniaga yang telah mengutip cukai jualan dan perkhidmatan di mana selepas dikutip, ia tidak dibayar kepada pihak kerajaan. Adakah ini benar? Saya harapkan penjelasan daripada Kementerian.

Walaupun pengangkutan awam tidak dikenakan GST, begitu juga dengan perkhidmatan kesihatan tetapi apa jaminan kerajaan bahawa kadar yang akan dikenakan oleh pihak pengangkutan awam dan perkhidmatan kesihatan tidak akan dinaikkan? Ini kerana segala barangan yang dibeli oleh mereka untuk *maintenance* bas mereka, untuk barang-barang pertukaran bas dan sebagainya, semua barang ini akan dikenakan GST. Lalu apa jaminan bahawa walaupun akhirnya kadar yang dikenakan itu tidak dikenakan GST, kadar itu tidak naik.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya berkenaan dengan cukai yang diuar-uarkan pihak tertentu iaitu *capital gain tax*, *windfall tax*, dan mereka ini menyebut bahawa mengapa tidak kerajaan melaksanakan cukai-cukai ini sebelum atau semasa cukai GST? Ini dilaksanakan tahun hadapan. Oleh yang demikian, saya mohon kerajaan menjelaskan cukai-cukai ini kepada rakyat sama ada ia boleh dilaksanakan. Adakah ia sesuai dengan suasana ekonomi Malaysia dan sebagainya? Ini penting agar pihak-pihak yang tidak terus menerus menghasut rakyat agar tidak bersetuju dengan GST ini.

Soalan saya yang terakhir adalah berkenaan dengan perniagaan jahitan. Saya ingin bertanya, adakah *tailors* ini dikenakan GST pada masa beliau membeli kain dan dikenakan lagi GST pada masa mereka menjual kepada pembeli? Apakah ini benar dan sekiranya benar, bukannya ini akan meningkatkan lagi kos kepada pembeli? Adakah terdapat pengecualian GST kepada *tailor* kecil-kecilan kerana ramai rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah menggunakan perkhidmatan mereka? Tuan Yang di-Pertua, walaupun GST merupakan salah satu *alternative revenue* atau pendapatan alternatif untuk kerajaan, kerajaan masih haruslah memperhebatkan lagi perbelanjaan berhemah serta mengekang pembaziran. Saya cukup yakin bahawa pegawai kerajaan yang terlibat secara langsung dan tidak langsung untuk menyediakan GST ini telah meletakkan diri mereka sebagai pengguna yang mana akhirnya sekiranya GST ini dilancarkan, ini bukan sahaja tidak membebaskan mereka sebagai pengguna tetapi rakyat Malaysia sebagai keseluruhannya.

■1540

Saya anggap pelaksanaan GST ini satu keputusan yang berani dan betul demi kesejahteraan rakyat. Walaupun keputusan ini tidak popular dan dikritik tetapi kerajaan telah mengambil kira usaha-usaha untuk meringankan beban kos kehidupan rakyat dengan pelbagai program dan skim telah diperkenalkan. Inilah kerajaan yang prihatin, ambil berat dan serius dengan segala pelan yang terperinci dan terancang. Dengan itu saya menyokong penuh rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum kita menjemput Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim, kita ingin mempersilakan seorang Menteri untuk mengemukakan satu usul. Silakan Yang Berhormat

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Seri Shahidan bin Kassim]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1), Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai perbahasan dan diputuskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Selasa, 6 Mei 2014.”

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan [Datuk Halimah binti Mohd. Sadique]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

3.42ptg.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat kembali menjalankan tugas.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Untuk menjimatkan masa, ucapan saya hanya lima minit.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat.

Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman: Dilihat daripada aspek mana pun GST langkah progresif bertujuan untuk menyusun semula sistem cukai negara. GST akan menggantikan cukai jualan dan cukai perkhidmatan dan bertujuan untuk menjadikan sistem percukaian negara seperti yang diberitahu oleh Menteri lebih efektif, efisien, telus dan mesra perniagaan.

Sistem GST ini mula dilaksanakan oleh Perancis dalam seawal 1950-an. Kini seperti apa yang kita diberitahu, lebih daripada 160 buah negara telah melaksanakan GST. Di ASEAN hanya melihat Malaysia, *Myanmar* dan Brunei sahaja yang belum melaksanakannya. Kadar 6 peratus yang akan dikenakan di negara kita bermula daripada 1 April 2015, kadar paling rendah di kalangan negara ASEAN. GST di Indonesia, Vietnam, Kemboja, Filipina, Laos ialah 10 peratus. Di Singapura dan Thailand pula 7 peratus.

Banyak faedah yang diperoleh di bawah sistem percukaian GST. Jika dibandingkan dengan sistem Cukai Jualan dan Perkhidmatan (CJP) yang ada sekarang. Di antaranya yang pertama, di bawah CJP, peniaga tidak dapat menuntut sepenuhnya cukai yang dibayar ke atas input perniagaan. Dengan GST, peniaga dapat manfaat kerana boleh mendapatkan semula cukai input ke atas bahan mentah dan perkhidmatan di setiap peringkat perniagaan. Akhirnya, kos perniagaan menjadi lebih rendah.

Kedua, kadar GST dikenakan secara sama rata antara perniagaan yang terlibat sama ada di peringkat pengilangan, pemborong, peruncit atau di sektor perkhidmatan. Ketiga, GST menghapuskan cukai bertindih di bawah CJP. Pengguna akan membayar harga yang lebih berpatutan untuk kebanyakan barang dan perkhidmatan di bawah GST jika dibanding dengan sistem CJP. Keempat, GST adalah lebih telus daripada CJP kerana pengguna akan tahu sama ada barang yang dibeli atau perkhidmatan yang diperolehi tertakluk kepada cukai dan amaun cukai yang mahu dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, daripada 680 buah produk, 273 buah produk yang dahulunya dikenakan 10 peratus iaitu di bawah GST, cukai yang dikenakan hanya 6 peratus. Jadi, saya tidak faham mengapa pihak yang menentang, menuduh bahawa GST akan membebaskan rakyat. Istimewa pula apabila barang-barang keperluan dikecualikan seperti bekalan air paip dan 300 unit pertama elektrik sebulan bagi pengguna.

Perkhidmatan yang disediakan oleh kerajaan iaitu pengeluaran pasport, perkhidmatan kesihatan dan pembelajaran di sekolah. Perkhidmatan pengangkutan bas, kereta api, LRT, teksi, feri, bot dan tol lebuhraya juga jual beli dan sewa rumah kediaman.

Selain daripada itu, kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan sebanyak 1 peratus sehingga 3 peratus untuk semua pembayar cukai. Dengan hujah yang pendek itu Tuan Yang di-Pertua dan dengan keyakinan bahawa percukaian GST sememangnya langkah yang progresif dan akan memberi manfaat jangka panjang kepada kerajaan dan rakyat. Saya mohon menyokong dengan harapan *roadshow* dan penerangan berhubung dengan percukaian GST seperti yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat sebelum daripada saya tadi dapat dipertingkatkan lagi. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Tepat lima minit Yang Berhormat. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Silakan Yang Berhormat.

5.47 ptg.

Datuk Dr. Lucas bin Umbul: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Selamat, petang, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Pada petang ini pun saya ingin turut serta berbahas. Terima kasih kerana terpanggil untuk menyertai perbahasan ini. Saya ingin mengikut perintah Presiden Majlis Senator Malaysia, Dato' Abdul Rahim iaitu agak-agak lima minit agaknya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkitkan mengenai perkara GST ini yang juga ada kaitannya dengan peruntukan perlembagaan. Perkara yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah berkenaan dengan peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Persekutuan yang memberi kuasa pada Kerajaan Negeri Sarawak dan Sabah untuk mengenakan cukai jualan ke atas beberapa perkhidmatan dan produk yang dikeluarkan di dalam negeri masing-masing.

Saya maklum sudah ada perbincangan yang telah dijalankan daripada peringkat tertinggi di antara Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri yang terlibat. Oleh yang demikian, kalau boleh diizinkan, ingin mendapatkan maklumat berkenaan mengenai perbincangan yang telah dijalankan. Ini penting bagi memudahkan saya sendiri untuk menerangkan kepada rakyat di akar umbi, khususnya di kawasan pedalaman negeri di bawah bayu kerana masih ramai yang tidak memahami konsep sistem percukaian baru ini.

Perkara ini diburukkan lagi oleh dakyah-dakyah yang dibawa oleh pihak-pihak tertentu yang ingin memburukkan usaha-usaha kerajaan dalam melaksanakan GST ini. Saya juga ingin menarik Tuan Yang di-Pertua, beberapa perkara yang disentuh berkenaan dengan pelaksanaan GST, khusus kepada rakyat di 'Negeri di Bawah Bayu'.

■1550

Seperti yang Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini maklum, bahawa harga barang yang dijual di Sabah agak berbeza dan mahal sedikit berbanding di Semenanjung dan dengan pelaksanaan GST ini kelak akan memberi sedikit beban berganda kepada rakyat di Sabah.

Saya ingin memuji langkah yang bertanggungjawab yang diambil oleh kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Malaysia, Dato' Seri Najib Tun Razak pada bajet yang lalu telah memperuntukkan sebanyak RM331 juta bagi meneruskan program penyeragaman harga dan pemberian subsidi termasuk kos pengangkutan bertujuan memastikan harga barang dan kos dapat dikurangkan di Sabah dan Sarawak. Saya berterima kasih kepada kerajaan kerana mendengar rintihan rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak selama ini.

Walau bagaimanapun, pada pendapat peribadi saya, ada baiknya sekiranya dasar atau polisi kabotaj yang masih lagi digunakan di Sabah ditamatkan sebelum pelaksanaan GST dilakukan pada April 2015. Secara dasarnya, perkara ini sudah lama diperdebatkan oleh pelbagai pihak sama ada daripada pimpinan tertinggi kerajaan mahupun rakyat. Kesimpulannya mungkin berbeza-beza tetapi tetap menunjukkan polisi kabotaj ini jika ditamatkan, ia akan memberi kesan positif kepada harga barangan di Sabah khususnya. Oleh yang demikian, saya menyeru agar Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Kementerian Pengangkutan membincangkan mengenai perkara ini sekali gus memberikan berita gembira buat rakyat Malaysia di Sabah dan Sarawak.

Sebelum pelaksanaan GST ini mula dikuatkuasakan pada tahun hadapan, kita mohon dalam konteks pemberian pelaksanaan gaji minimum di Sabah yang akan juga terbeban dengan pelaksanaan GST ini kelak agar menetapkan kadar RM800 sebagai gaji minimum perlu dikaji setiap tahun oleh Majlis Perundingan Gaji Negara. Pada pendapat saya, apabila GST ini dilaksanakan kelak, kadar baru gaji minimum untuk Semenanjung mahupun Sabah dan Sarawak harus ditingkatkan. Ini kerana secara langsung ataupun tidak, GST menyebabkan kenaikan harga barang seterusnya kemampuan membeli rakyat Malaysia akan semakin berkurang.

Oleh itu, mohon kepada kerajaan bersama kementerian yang terbabit berbincang bagaimana ingin mengatasi masalah ini seterusnya menetapkan kadar yang lebih munasabah berpandukan keadaan ekonomi semasa dan produktiviti yang dihasilkan oleh negara.

Saya juga ingin mengambil kesempatan meminta kementerian memberikan data terkini jumlah pendapatan per kapita setiap negeri, pecahan pendapatan mengikut kaum dan golongan berpendapatan RM3,000 dan ke bawah di setiap negeri.

Saya juga ingin menyokong pada malam hari pelancaran Majlis Senator Malaysia, Perdana Menteri mengatakan kalau kita hendak melaksanakan GST tetapi orang-orang dan pihak di sebelah hendaklah juga memberi konstruktif dalam pelaksanaan GST ini di Malaysia. Saya rasa beliau amat tepat dalam mengatakan demikian sebab kata-kata beliau saya *quote*, "*Takkanlah 160 buah negara ini yang mengamalkan GST ini salah? Kalau mereka salah, kenapa mereka mengamalkan?*".

Saya amat menyokong saranan beliau bahawa kalau kita menanam benih hari ini, esok-esoknya kita juga yang mendapat daripada apa yang kita tuai. Mengambil kata-kata yang diungkapkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ini, saya berpendapat bahawa walaupun saya mengutarakan tadi masalah-masalah yang bakal dihadapi tetapi pada pandangan mata kasar saya sendiri bahawa GST pada masa akan datang mampu mengukuhkan kewangan negara.

Bayangkan, kalau pelajar-pelajar kita hari ini yang dihantar ke luar negara mendapat biasiswa, takkanlah wang kita ini tidak akan menguncup sekiranya pendapatan kita amat terhad? Akan tetapi dengan adanya GST yang mana hampir setiap rakyat dapat memberi *contribution* dalam meningkatkan kewangan negara, saya percaya apa yang kita idam-idamkan akan berlaku. Sebagai contoh, Ahli-ahli Dewan Negara dalam perbahasan kali ini, berkali-kali mengutarakan untuk kenaikan elaun. Yang Berhormat Datuk Abdul Rahman melihat saya di sini. Akan tetapi bagaimana elaun Senator dan peruntukan Senator dinaikkan sekiranya kewangan tidak mengizinkan? Akan tetapi dengan adanya GST dan kewangan kita kukuh, mudah-mudahan semua ini akan dapat dilaksanakan pada masa akan datang.

Dengan kesimpulan ini Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini sekali lagi mohon menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Sekian dan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin Omar. Silakan Yang Berhormat.

3.57 ptg.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk bahas isu GST.

Ahli-ahli Dewan Senat yang saya muliakan, saya tidak dapatlah menyokong GST walaupun ini akan dilaksanakan pada tahun hadapan kerana dalam keadaan semasa ini amat sukar saya hendak terima. Malangnya, Malaysia telah sampai kepada satu tahap di mana tiada lagi pilihan bagi kerajaan melainkan melaksanakan GST. Saya memang sedar bahawa banyak negara di Asia telah melaksanakan dasar GST supaya kedudukan kewangan negara dapat distabilkan dan kemakmuran negara terjamin serta kebajikan rakyat diambil kira.

Bagi banyak negara yang melaksanakan GST, GST ini merupakan pelampunglah yang dapat menyelamatkan negara daripada krisis kewangan dan jika wang yang diperolehi melalui GST dapat digunakan untuk kebajikan rakyat, maka masa depan negara terjamin. Akan tetapi, untuk menentukan bahawa pelaksanaan GST dapat memanfaatkan rakyat dan juga negara, maka pelaksanaan GST itu harus dibuat dengan cara yang tidak membebankan rakyat. Maka oleh sebab itu, saya ingin bertanyalah, adakah kerajaan telah buat analisa yang terperinci tentang apakah kesan GST atas orang ramai? Ini kerana GST akan menggantikan *sales and service tax*, dengan izin. GST merupakan suatu cukai yang amat komprehensif berbanding dengan SST.

Bagi sayalah, sudah pasti pengenalan GST akan meningkatkan lagi kos, misalnya kos pembelian rumah. Batu-bata yang digunakan pun akan dikenakan GST. Sama dengan simen yang digunakan. Ini akan menyebabkan ramai pembeli rumah meningkatkan lagilah amaun pinjaman perumahan mereka. Hutang peribadi akan meningkat kerana lebih ramai lagilah pekerja-pekerja akan bergantung kepada kad kredit untuk menampung belanjawan harian mereka. Hutang peribadi merupakan satu masalah besar di Malaysia. Di samping itu, 80 peratus warga Malaysia menerima gaji dan malangnya nilai wang ringgit negara ini menghadapi kemerosotan yang lebih jika banding dengan negara lain yang mengamalkan GST juga, misalnya Singapura. Sebenarnya sebaik sahaja GST dilaksanakan, semua tidak kira mereka yang bekerja atau menganggur akan menanggung kesannya...

■1600

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: [Bangun]

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Walaupun kerajaan cuba menerangkan bahawa...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada seorang bangun Yang Berhormat.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Mencelah sedikit.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat menyebut tentang GST ini membebankan rakyat. Akan tetapi saya hendak tahu, apakah cukai yang tidak membebankan? Ini seperti juga kita hendak bertanya apakah ubat yang tidak pahit. Jadi ertinya, GST sebagai satu sistem percukaian sesuatu dengan izin, *unnecessary evil* yang tidak dapat dielakkan. Kalau kita hendak menyebut beban, tidak ada yang tidak membebankan dalam hidup ini. Semuanya membebankan. Bertunang membebankan, beristeri membebankan, bersuami membebankan, tetapi ini beban-beban yang kadang-kadang membawa kebahagiaan... [Disampuk] Jadi saya hendak tahu, apakah cukai yang tidak membebankan? Sama juga analoginya, apa ubat yang tidak pahit. Terima kasih.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih. Sebenarnya saya setuju cukai semua membebankan, tetapi yang penting itu adakah dilaksanakan secara yang adil dan saksama. Ini yang...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Jadi isunya bukan isu prinsipal. Isu...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, biar jawab dahulu Yang Berhormat. Selepas itu.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Biar saya jawab. Banyak lagi yang saya hendak- *give me time*. Misalnyalah, katakanlah kalau harga petrol dikenakan GST, sudah pastilah ini akan memberikan kesan terhadap harga barang-barang yang lain. Di samping itu, kos perubatan jika dikenakan GST, caj-caj yang dikenakan oleh doktor, caj-caj yang dikenakan oleh hospital, semua ini pun akan menjadi satu beban.

Tuan Yang di-Pertua: Okey Yang Berhormat, ada hendak tanya lagi? Dia sudah jawab tadi.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya timbulkan perkara ini sebenarnya apa yang dibantah oleh Yang Berhormat itu sudah dikemukakan oleh rakan-rakan penyokong...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat duduk dahulu.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: ...Penyokong rang undang-undang ini. Memang kita menyedari pelbagai masalah yang akan kita hadapi dalam pelaksanaannya. Jadi isunya di sini bukan menentang soal prinsip, isunya ialah bagaimana memperhalus, mengemaskinikan dan memastikan supaya pelaksanaannya berkesan dan efektif. Jadi itu yang saya rasa sebagai pembangkang yang bertanggungjawab, patut dikemukakan. Pada prinsip, tidak dapat dinafikan ini sesuatu yang mesti. Akan tetapi daripada segi pelaksanaannya, memang kita menyedari pelbagai perkara yang akan kita hadapi. Ini telah ditimbulkan oleh rakan-rakan penyokong rang undang-undang ini.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih. Itulah sebabnya saya minta bahawa berilah peluang saya untuk buat penyampaian saya. Kalau tidak, bagaimana saya hendak jawab.

Tuan Yang di-Pertua: Sudah Yang Berhormat. Silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Tuan Yang di-Pertua, walaupun saya tidak bersetuju keputusan untuk melaksanakan GST kerana sudah pastilah negara ini tidak mempunyai pilihan yang lain. Akan tetapi kalau GST diperkenalkan, maka beberapa perkara harus diambil kira oleh kerajaan. Inilah yang saya hendak sampaikan.

Pertama, gejala rasuah yang telah sampai ke tahap yang kritikal haruslah dibendung. Dasar-dasar serta amalan-amalan yang menimbulkan kegelisahan di kalangan rakyat jelata haruslah diberhentikan dengan serta-merta. Apakah yang ini? Misalnya monopoli-monopoli yang dipegang oleh individu-individu tertentu haruslah diberhentikan seperti monopoli gula, beras dan lain-lain. Kerajaan mestilah telus dan bertanggungjawab terhadap rakyat. Oleh sebab itu, maka tender-tender untuk projek-projek haruslah dibuat secara telus dan terbuka, bukanlah diserahkan kepada kroni-kroni tertentu.

Pembaziran projek-projek mega yang tidak menguntungkan dan belanjawan yang tidak diuruskan dengan cekap harus juga diberhentikan. Misalnya Laporan Audit telah menjelaskan betapa teruknya kebocoran kewangan serta pembaziran yang sedang berlaku setiap tahun. Laporan Audit ini dikemukakan ke Parlimen, tetapi tindakan apa yang diambil dan kita hendak kenakan GST.

Bagi saya Tuan Yang di-Pertua, rakyat rela dan mampu menerima GST jika tujuan GST itu seperti apa yang telah disampaikan oleh kerajaan iaitu pengenalan GST adalah untuk kepentingan rakyat. Akan tetapi keikhlasan kerajaan hanya dapat diterima jika kerajaan bertindak bersungguh-sungguh untuk membendung gejala rasuah, menghentikan kronisme, hapuskan monopoli-monopoli yang sedia ada serta hentikan pembocoran dan pembaziran wang yang berleluasa, yang telah merugikan rakyat dan negara.

Jika tiada sebarang perubahan dikesan setelah GST diperkenalkan, maka sudah jelaslah bahawa GST sebenarnya bertujuan untuk menentukan lebih banyak wang lagi dapat diperolehi oleh pemerintah untuk digunakan sewenang-wenangnya tanpa mengambil kira kepentingan rakyat atau negara. Jika inilah apa yang akan jadi, maka GST hanya melambatkan sedikit sahaja perjalanan negara ini ke ambang keruntuhan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus.

4.06 ptg.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk turut memberikan ucapan dalam menyokong Rang Undang-undang Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014 ini.

Saya dengan sepenuh hati menyokong rang undang-undang ini, tetapi pada masa yang sama dengan ikhlas ingin mengemukakan beberapa teguran yang membina dengan mengusulkan supaya kita haruslah memulakan satu andaian itu dengan andaian yang positif. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Dr. Ariffin tadi dengan kemungkinan-kemungkinan yang negatif yang akan kita hadapi. Akan tetapi janganlah hendaknya kemungkinan-kemungkinan yang negatif itu sampai membatalkan, menafikan niat baik kita untuk mendapatkan manfaat daripada GST ini.

Saya percaya GST ini dikemukakan dengan penuh tanggungjawab, dengan kajian yang sudah mendalam. Kita sedar dalam Dewan ini, sebahagian besar daripada kita dalam Dewan menyedari bahawa isu GST ini yang sebenarnya sudah mula dibincangkan lebih setahun yang lalu. Kemudian kerana pemerintah, kerajaan bersikap responsif terhadap suara-suara dan pandangan-pandangan dari masyarakat awam, maka pengenalan atau *the introduction*, dengan izin, rang undang-undang ini ke Parlimen bermula di Dewan Rakyat dan kemudian Dewan Negara ditangguhkan hampir setahun. Apakah ertinya ini? Ertinya bahawa kerajaan telah mengkaji buruk baik, aspek negatif dan positif daripada cadangan ini lebih setahun. Kemudian ternyata setelah melihat keliling serta menelentang dan menelungkupkannya, maka tidak ada pilihan bahawa inilah cara, inilah jalan yang sebaik-baiknya untuk menambah penghasilan negara seperti yang telah diamalkan oleh lebih 160 buah negara di dunia ini.

Saya ingin mengulang apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi, adakah 160 buah negara ini salah. Tentang pelbagai masalah yang ditimbulkan, saya rasa negara-negara lain juga menghadapi masalah itu...

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: [*Bangun*]

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Akan tetapi apakah yang patut kita lakukan ialah masalah-masalah...? Sila.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang bangun Yang Berhormat. Silakan.

Dr. Ariffin bin S.M. Omar: Terima kasih. Akan tetapi kita tidak boleh buat *point by point comparison*. Oleh sebab lebih daripada 100 buah negara mengamalkan GST, bermakna kita pun ikut. Bukan soal salah atau tidak salah, tetapi cara diamalkan. Kalau kita hendak menggunakan suatu *point-by-point comparison*, kita pun boleh kata bahawa banyak negara pun mempunyai badan pencegah rasuah, tetapi apa sebabnya badan pencegah rasuah Malaysia tidak begitu berkesan berbanding dengan apa yang didapati di Singapura, Hong Kong dan lain-lain negara.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Kita membuat *comparison* untuk perkara-perkara yang relevan. Perkara yang relevan sekarang ialah bahawa kita ingin melaksanakan GST. *Comparison* kita, panduan kita ialah negara-negara asing. Kata orang, "*Mengambil tuah kepada yang menang, mengambil contoh kepada yang sudah*". Ini yang harus kita lakukan.

■1610

Jadi, tuah kepada yang menang, contoh kepada yang sudah telah dilakukan oleh 160 buah negara. Jadi, *comparison* saya Yang Berhormat adalah *comparison* yang relevan. Jadi, oleh sebab itu saya rasa tidak ada salahnya untuk merujuk kepada 160 buah negara yang lain itu. Saya bersetuju juga dengan keprihatinan, kebimbangan Yang Berhormat timbulkan seperti juga yang ditimbulkan oleh rakan-rakan yang lain.

Seperti yang ditimbulkan sewaktu kita dalam Dewan ini membincangkan perkara-perkara lain sepanjang sesi ini dan juga dalam sesi yang lalu iaitu peri perlunya kerajaan, pihak eksekutif melaksanakan pemantauan, pelaksanaan yang lebih berkesan. Kita sedari perkara itu. Malah, saya rasa sebagai cabang legislatif daripada kerajaan, memang tanggungjawab kita untuk mengingatkan supaya cabang eksekutif memastikan supaya pelaksanaan satu-satu dasar yang telah dipersetujui itu mestilah berkesan dan membawa manfaat. Ini disuarakan.

Begitu juga dengan GST ini, saya rasa isunya di sini antara soal perlu menerima saya rasa sudah tidak timbul lagi. Apa yang perlu sekarang ialah bagaimana supaya apabila telah dilaksanakan nanti supaya GST itu satu, pelaksanaannya terjamin, merata dan adil. Ini setuju, ini patut kita lakukan.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa patut pihak eksekutif menyedari perkara ini, peri perlunya pelaksanaan itu dilakukan dengan sungguh-sungguh, dengan tidak pilih kasih, sungguh-sungguh dan penuh ketegasan. Kita menyedari pelbagai *loop holes* yang akan dimanfaatkan oleh orang-orang yang serakah dalam pelaksanaan ini. Kita menyedari tentang kemungkinan berlakunya tumbuk rusuk, rasuah dan sebagainya. Di sinilah saya rasa tanggungjawab pihak eksekutif, pihak pelaksana semakin berat. Kata orang "*betapa berat mata memandang, beratlah lagi bahu memikul*". Kita menyedari perkara itu. Ini kerana berat bahu memikul, maka kita sama-sama mestilah tolong untuk memikulnya sama.

Saya juga agak kesal kerana pelbagai kritikan yang dilakukan oleh rakan-rakan di sana itu tidak memberikan alternatif yang komprehensif dan *viable*. Sekadar untuk mengatakan ini tidak betul, itu tidak betul, baguslah. Akan tetapi apa alternatifnya? Akan tetapi, dalam hati kecil saudara saudari sana, saudara menyatakan, dengan izin, *there is no other alternative*. Akan tetapi, apa yang kami rasakan yang sebenarnya turut juga saudara rasakan ialah tentang kalau-kalau nanti berlaku kebocoran. Itu yang patut kita sama-sama awasi. Kita menyedari tentang kemungkinan pekedai-pekedai tertentu memanipulasikan sistem ini dan akan merugikan rakyat. Ini Tuan Yang di-Pertua saya rasa inilah antara perkara yang patut diawasi oleh pihak kerajaan.

Kita tidak menafikan kemungkinan itu berlaku. Mengenai soal korupsi dan segala macam- di mana di dunia ini negara yang tidak berusaha untuk mengatasi korupsi? Di manakah di dunia ini negara yang 100 peratus berjaya mengatasi korupsi? Ini antara realiti-realiti yang jangan kita sampai menutup mata terhadapnya. Itulah Tuan Yang di-Pertua perkara-perkara yang ingin saya kemukakan. Saya tidak ingin mengulang-ulang apa yang telah dikemukakan oleh rakan-rakan yang lain. Akan tetapi, sekali lagi saya rasa ini satu kemestian.

Tanggungjawab kita ialah untuk menyokongnya bersama-sama dan memastikan pelaksanaan berjalan dengan baik seperti yang kita harapkan dan akan menguntungkan seluruh rakyat daripada tingkat yang paling tinggi kepada tingkat yang paling rendah. Daripada penyokong Barisan Nasional dan juga penyokong- apa nama partinya?... [Disampuk] DAP atau PKR. Saya tidak begitu mahir nama-nama pembangkang ini sebenarnya [Ketawa] Okey, terima kasihlah Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih atas peluang yang diberikan. Saya dengan ikhlas menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli Yang Berhormat, begitulah bunyinya cara kita berbahas dalam Dewan ini. Yang Berhormat Dato' Firdaus pun sebut tadi pihak pembangkang dan sebagainya. Saya sudah sebut daripada awal. Dalam Dewan Negara tidak ada pembangkang, tetapi satu Dewan Senator dan mesti tunjukkan kebenaran, yang baik ditegur, mana yang salah dan pendapat itu memang kita galakkan. Akan tetapi, jangan ada prejudis daripada mana-mana pihak. Itu menampakkan kita hendak memperkasakan Dewan kita dan semua mesti bertanggungjawab ke arah sesuatu yang positif dan dinamik.

Tanpa membuang masa saya rasa Yang Berhormat semua sudah banyak dengar. Nampak perbezaan cara berbahas. Cuba agaknya banyak lagi berbuat demikian. Agaknya dengan lebih berhemah, lebih mendatangkan positif dan relevan kepada tajuk perbahasan kita. Banyak-banyak yang kerajaan hendak buat apa semua itu tidak payah sebut lagi lah. Cuma tegur yang mana perlu dan membina. Sekian. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Adam ada? Dia bagi nama dia tadi tetapi tak ada. Tidak apa. saya pergi ke *next one*. Yang Berhormat Dato' Rahman Bakar.

4.16 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, tahniah dan syabas kepada Menteri Kewangan sebab berjaya membenteng satu Rang Undang-undang Cukai dan Barang dan Perkhidmatan (GST) 2014. Tahniah, syabas. Tebal ini. 208 muka surat. Seumur hidup saya, ini yang paling tebal. Tahniah. Berat, berat.

Jadi menunjukkan kementerian bersungguh-sungguh dalam membentengkan satu rang undang-undang untuk faedah rakyat dan negara. Syabas. Bila sebut cukai, cukai ini berlaku zaman dulu lagi. Zaman Islam, Buddha, Kristian, Hindu dan Raja-raja Melayu Melaka, semua raja Melayu di Nusantara. Tidak ada sebuah kerajaan pun tidak ambil cukai. Jadi, kalau kata beban, tidak betul. Tujuan cukai untuk dapat hasil, untuk dapat menarik kembali.

Di Malaysia sekarang ada cukai SST tetapi hendak ditukar baru. Transformasi baru. GST. Itu perubahan bukan piak tidak berubah-ubah. Kata-kata, hina-hina, umpat-umpat, keji-keji. Kita tak umpat, tak keji. Kita buat kerja, kita buat kerja untuk rakyat. Contoh, bila sebut cukai kita bagi macam-macam bantuan untuk rakyat. Contoh untuk rakyat ialah saya *slow-slow* sikit. Gula – RM47.8 juta. Hasil duit mana? Hasil duit cukai. Dengar baik-baik. Jangan tidur.

Kedua, tepung gandum - RM150 juta. Dari manakah? Duit cukai. Minyak masak RM1.6 bilion. Duit mana? Duit cukai. Beras ST15 – RM528 juta. Dari manakah? Daripada cukai. Petrol RON95, diesel dan gas LPG RM19.46 bilion. Duit mana? Duit cukai. So, kita buat duit cukai untuk pembangunan sosial, pendidikan dan sebagainya. Ini satu langkah bijak. Mana ada sebuah negara atau pemerintah tidak ada cukai. Semua cukai.

Sekarang cukai SST sebanyak 16 peratus. Tinggi. Semua Dewan tahu, Dewan Rakyat tahu, rakyat pun tahu, Dewan Negara pun tahu 6 peratus. Orang bodoh pun boleh fikir. Manakah lebih untung? 16 peratus kah atau 6 peratus? Manakah yang lebih untung? Sudah tentu 6 peratus lebih untung. Macam mana pembangkang kata tidak untung? Bebaskan rakyat? Tidak betul. Syed Husin tidak betul [*Ketawa*] Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin pun tidak betul.

■1620

Apa yang kerajaan buat sekarang lebih baik daripada yang dulu. Kalau semua negara dunia ini sokong, 165 buah negara sokong semua kecuali 27 buah negara yang masih hendak buat atau masih hendak mencuba. Sudah tentu kita ikut yang ramai. Bukan erti ikut yang ramai itu kita bodoh, ikut yang ramai itu ertinya kita cerdik, kita bagus. Contoh yang negara *Caribbean* juga *Central North America* sebanyak 20 buah negara sudah buat. Cukai dia 5 peratus hingga 17.5 peratus. Eropah 53 buah negara, cukai 5 peratus ke-27 peratus. Amerika Selatan 11 buah negara, Afrika 44 buah negara, *Oceania* tujuh buah negara, Asia 19 buah negara cukai 5 peratus hingga 20 peratus. Asian, Asia Tenggara semua buat kecuali kita Malaysia, Brunei dan Burma.

Jadi kita lihat negara maju Eropah, Amerika semua buat. Kita buat yang kita rasa kita betul. Petunjuknya ini negara yang buat itu semua bagus. Rekod Singapura bagus, *Europe* bagus, Amerika bagus. Tidak ada sebuah negara pun yang buat GST boleh dikatakan mundur. Jadi kalau bagus kita buat, itu menunjukkan kita ikut kemajuan, ikut perubahan. Kalau kita tidak buat macam katak di bawah tempurunglah. Tidak maju, tidak baik. Jadi kita dengar tadi hujah-hujah pembangkang Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali kata, "*Hotel kena SST, warung tidak kena*".

Saya hendak tanya beliau, jangan tidur hendak tanya. Kopitiam, *Coffee Bean*, *KFC*, *Marry Brown*, *chicken rice*, *Kenny Rogers*, *McDonalds*, Nasi Arab [*Ketawa*] *Coffee corner*, *Cheng Corner*, *coffee house* semua kita pergi- enam campur sepuluh, betul?...

Seorang Ahli: Betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Betul?

Seorang Ahli: Betul, betul.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi ini hotelkah? Ini bukan hotel. Kopitiam bukan hotel. *Coffee Bean* bukan hotel, *McDonald* bukan hotel. Akan tetapi enam campur sepuluh juga. *You* tidak ada pergikah? Dia tidak pergi, dia cakap sahaja. *All task* sahaja dalam Dewan, bagi tempat lain.

Kita hendak you Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali pergi masuk Kopitiam, masuk *Coffee Bean*, masuk *Chicken Rice*, masuk *Marry Brown*. Bangunlah tak puas hati.

Kedua...

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya kata begitu juga Yang Berhormat Dr. Ariffin kata, buat rumah guna simen. Betullah buat rumah guna simen, guna batu. Bila guna simen, bila guna batu jadi rumah, rumah pun naik harga. Jadi dia kata tidak bagus analogi singkat, '*koman*', daif analogi itu. Saya hendak tanya balik simen, batu, air apa-apalah untuk buat rumah sekarang ada cukai tidak? Sekarang ada cukai, simen pun ada cukai betul? Batu pun ada cukai, berapa cukai? Sepuluh campur enam jual rumah, jual pasir, beli pasir, simen 16 peratus.

Bilakah GST buat dikenakan cukai hanya 6 peratus sahaja betul? Manakah lebih murah 16 ke-6? Sudah tentulah, jadi GST lebih baik. Yang Berhormat Dr. Ariffin lain kali hendak cakap itu fikir-fikir sikit, kalau tidak puas hati bangun. Kedua, saya hendak sebut juga- cabar dia takut [*Ketawa*] Tak guna cabar. Kedua, saya hendak bagi dia tahu iaitu negara di dunia ini kita akui sebagai negara yang semuanya ada tiga peringkat. Maju, sedang maju, daif. Jadi kita buat cukai semasa 6 peratus gunanya ialah untuk bergerak bersama-sama setanding dengan negara-negara lain yang maju.

Kita tidak mahu Malaysia jadi sebuah negara yang dikatakan mundur daripada kaedah percukaaian. Untuk itu saya hendak sebut, di dunia ini cukai sudah lama dunia buat tetapi di Malaysia bukan terburu-buru bukan tahun ini, bukan setahun, bukan dua tahun, tetapi Menteri Kewangan kata tadi 30 tahun. Di manakah? Pada 21 Oktober Tun Daim sudah sebut hendak buat GST dengan rakyat. Pada 30 Oktober 1992, Dato' Seri Anwar Ibrahim sudah sebut hendak laksanakan GST tahun 1992. Kemudian semasa Tun Abdullah menjadi Menteri, sudah sebut dalam Dewan hendak laksanakan GST pada 2005. Apabila Yang Berhormat Dato' Najib jadi Menteri Kewangan sebut, lagi hendak umum, hendak buat GST pada 25 Oktober 2013 hendak laksanakan 1 April 2015.

Kenapa Dato' Najib sebut? Oleh sebab Dato' Najib sudah rasa bahawa GST itu untuk rakyat, untuk kemajuan, untuk negara, untuk lebih cekap, lebih berkesan, lebih telus, lebih efisien, lebih masa perniagaan, lebih menjana hasil untuk negara dan bangsa kita. Kelemahan yang ada sekarang cukai jualan dan cukai perkhidmatan sekarang. Pertama, cukai sekarang bertindan-bertindih, bertindan-bertindih. Kedua, pindahan harga. Ketiga tiada pelepasan cukai ke atas eksport.

Jadi ia kita kenakan GST ada banyak makna. Pertama barang pertindihan, pindahan harga, eksport lepas dan kita tidak boleh bergantung selama-lamanya kepada dua hasil. Hasil pertama ialah cukai pendapatan. Cukai pendapatan kita pungut sejumlah 56.4 peratus sekarang.

Kedua, kita bergantung banyak kepada hasil minyak dan gas sebanyak 32.6 peratus. Jadi sekarang kita alih cara. Minyak dan gas akan kurang mungkin 20 tahun lagi, 30 tahun lagi tiada minyak. Mengikut kajian gas baik di Sabah, Sarawak, minyak di Sabah, Sarawak dan Terengganu dan juga gas mungkin akan pupus, akan tamat menjelang 20 tahun atau 30 tahun lagi.

■1630

Jadi, kerajaan ambil cara GST ini sebab GST ini telus, tidak ada kebocoran, tidak ada *underground economy*, keluar daftar di bawah GST, tidak ada. Kita sokong GST sebab merata, meluas- siapa tadi? Yang Berhormat Senator Tuan Lihan Jok kata, "*Cukai hanya dipungut kepada 10 peratus pekerja sahaja*". Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas, bukan you, Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas. Ini cukai 10 peratus daripada hasil pekerja, sangat rendah. Jadi apa pun, saya fikir ada *target* daripada kerajaan untuk pungut lebih daripada itu. Saya ingin tahu, berapa *percent target* pungutan GST kepada yang pertama, golongan pekerja, kedua, syarikat dan ketiga, lain-lain punca termasuk badan-badan yang berkaitan? Satu lagi, *threshold* kita sebanyak RM500,000 yakni setengah juta. Peniaga di bawah *threshold* iaitu di ambang, di bendul, tidak perlu caj GST. Ini satu perkara yang amat baik.

Seterusnya, saya juga sokong GST ini sebab ada pengecualian kereta api, bas, teksi, tol, bot, pengangkutan air, tanah umum, pendidikan, kesihatan, rumah kediaman, perbankan, *credit card*, tidak bayar GST. Barang makanan, beras, gula, tepung, sagu, kacang, garam, minyak masak, rempah-ratus, cencaluk, budu, belacan, susu bayi, susu tidak bayi, semua termasuk. Termasuk produk pertanian padi, sayur, ulam-ulaman, binatang ternakan, lembu, kambing, babi atau khinzir, kerbau, air itik, telur dan makanan laut hanya terhad pada ikan kering dan ikan bilis. Saya hendak tanya, apa yang terjadi pada ikan-ikan lain, pada ketam, pada udang? Kenapa ikan bilis sahaja, kenapakah ikan kering sahaja? Autoriti termasuk air paip, dicadangkan sebanyak 200 unit pertama. Saya hendak cadangkan naik sedikit, bukan 200 unit atau 300 unit, hendaklah 500 ke bawah untuk yang pertama, tidak payah beri cukai.

Satu lagi saya hendak simpulkan iaitu 60 peratus barangan asas tidak dikenakan cukai. Yakni, 40 peratus sahaja dikenakan cukai, 60 peratus lagi tidak dikenakan cukai. Jadi, barang makanan ruji, makanan asas tidak *effect* kepada GST. Satu lagi yang saya hendak sebut juga mengikut muka surat 192, fasal 64 sehingga fasal 75, Skim GST. Banyak skim antaranya:

- (i) Skim Pedagang;
- (ii) Skim Pengilang Tol;
- (iii) Skim Tukang Emas;
- (iv) Skim Kadar Rata;
- (v) skim margin pengedar kenderaan;
- (vi) Skim Penggudangan; dan
- (vii) Kumpulan Wang.

Banyak skim. Saya harap Menteri tubuh satu *Committee* atau Jawatankuasa Pemantau tiap-tiap skim yang ada itu, skim yang saya sudah bilang untuk pantau supaya mematuhi syarat-syarat yang di dalam ini.

Satu lagi promosi pelancongan, Skim Bayar Balik Pelancong. Bayar balik macam VAT, macam sesetengah negara sudah ada GST, macam kita pergi Britain dan Amerika, bila balik dia beri pelepasan untuk *Value Added Tax* (VAT), tidak kena. Dia pulang balik duit kita. Ini satu perkara yang baik, yang Malaysia tidak amalkan lagi. Saya harap GST ini boleh pulangan faedah kepada kita, pada VAT. Begitu juga impak GST kepada Semenanjung Malaysia, berapa *percent* saya hendak tahu? Kepada Sabah berapa *percent* impaknya? Kepada Sarawak berapa *percent* impaknya? Oleh sebab saya difahamkan impak pada Malaysia dalam kadar 2 peratus, impak Sabah dan Sarawak mungkin berbeza, mungkin lebih, mungkin sedikit. Ada orang bilang 1.8 peratus, ada orang bilang 1.6 peratus. Apa-apa pun kita berterima kasih. Saya harap pembangkang, kalau hendak bantai pun boleh tetapi ikut apa yang diamalkan negara luar. Contohnya Kanada, Australia, New Zealand dengan *Singapore*, berjaya menjadikan GST cukai yang menambahkan kemajuan kepada negara dan rakyat.

Apa yang saya kesalkan, sesuatu yang saya tidak boleh *tolerate* ialah bila mana rakyat diguna-gunakan, diperkuda buat demonstrasi pada 1 Mei di Dataran Merdeka. Bagi saya, ini pengkhianat, ini mempergunakan rakyat yang tidak tahu apa-apa. Ada budak-budak, kanak-kanak Tuan Yang di-Pertua, ada remaja, ada bawah umur berhimpun "*GST tidak baik, GST macam-macam...*" Ini betul-betul barua punya kerja, tidak baik, pengkhianat kepada negara. Kita hendak buat...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, perkataan 'barua' tarik balik.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tarik baliklah. *Sorry*, Tuan Yang di-Pertua. Saya marah sangat tadi. Jadi, usaha ini saya lihat berterusan. Semalam ada lagi dianjurkan. Semalam ada lagi, akan datang ada lagi. Kita hendak gunakan, *implement* pada 1 April 2015. Hendak sampai 2015, saya fikir rakyat di bodoh-bodoh lagi, digula-gulakan lagi oleh pihak pembangkang. Saya tidak kisah, kita tidak kisah. *You all* tidak setuju, tidak kisah tetapi jangan memperalatkan, jangan memperkuda rakyat, jangan hasut rakyat, jangan gunakan rakyat untuk tujuan politik murahan. Itu saya tidak setuju. Apa-apa pun, saya kira...

Tuan Yang di-Pertua: Okey, Yang Berhormat Senator. Panjang kah lagi?

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Sedikit lagi, hendak simpul. Apa-apa pun kesan GST:

- (i) cukai diperluaskan;
- (ii) kurang ketirisan;
- (iii) selaras dengan pertumbuhan KDNK;
- (iv) cukai yang lebih baik, yang lebih banyak;
- (v) pelbagaikan hasil negara;
- (vi) meningkatkan daya eksport;
- (vii) meningkatkan sektor pelancongan; dan
- (viii) melindungi rakyat miskin.

Sesuai dengan itu, saya hendak tanya sedikit, bila GST ini dilaksanakan adakah bajet masih lagi defisit? Masih lagi tidak cukup? Oleh sebab saya tahu tiap-tiap kali bajet dibentangkan, defisit, defisit, defisit! Sudah tujuh atau lapan kali yang defisit. Jadi, apa pun saya menyokong penuh. Kesimpulannya, GST ini satu perkara yang baik, satu perkara yang baru di Malaysia untuk membantu rakyat dan juga memajukan negara dengan lebih baik lagi bagi pertumbuhan ekonomi, sosial, pendidikan, kemajuan dan pembangunan. Saya sokong sepenuhnya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Yang Berhormat cakap 24 minit. Dalam masa yang kita hadkan. Sekarang saya persilakan wakil, agaknya daripada Yang Berhormat Senator Tuan Chong Sin Woon.

■1640

4.40 ptg.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak telah dibahaskan tentang kebaikan GST di dalam Dewan yang mulia ini. Saya tidak mahu bercampur panjang dalam memperkatakan kebaikan tentang GST. Ini kerana apabila kita melihat contoh dan data yang ditunjukkan di 160 buah negara yang menggunakan GST tetapi kita juga mendapat bantahan dalam Dewan ini. Bila kita kata hendak berbanding dengan negara-negara maju seperti Amerika Syarikat, Singapura yang menggunakan GST, ada yang berkata janganlah kita banding dengan *Singapore*. Bila kata Badan Pencegah Rasuah, banding pula dengan *Singapore*. So, ada *double standard* apabila kita membuat perbandingan dengan negara-negara lain.

GST seperti mana yang telah dibahaskan di sini dan dibahaskan di Dewan Rakyat menunjukkan bahawa negara ini perlu berganjak kepada satu sistem atau struktur cukai yang baru. Sistem cukai yang sekian lama digunakan oleh negara ini sudah tidak lagi memadai untuk ekonomi zaman baru, ekonomi globalisasi. GST ini sudah mendapat satu sokongan daripada *World Bank* dan mereka memuji Kerajaan Malaysia dalam pelaksanaan GST yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita berbanding dengan *Singapore*. Ramai yang mengatakan kenapa Singapura boleh bermula dengan 3 peratus dan diakhiri sekarang dengan 7 peratus. Kenapa Malaysia perlu memulakan dengan 6 peratus dan bukannya 3 peratus seperti mana yang dilakukan oleh Singapura. Kita perlu jelas bahawa di Singapura apabila dilaksanakan GST ia merupakan satu sistem cukai baru, tambahan kepada sistem cukai yang sedia ada. Akan tetapi di Malaysia ia merupakan penstrukturan semula satu sistem percukaian yang baru menggantikan sistem SST yang sedia ada. Jadi, bukanlah satu pertambahan kepada cukai baru. Itu sengaja *mislead*, dengan izin, oleh pihak-pihak tertentu.

Saya hendak bagi satu contoh bagaimana Ketua Menteri Pulau Pinang, Tuan Lim Guan Eng menggunakan cara perbahasan beliau untuk *mislead*, dengan izin, rakyat jelata.

Dia mengatakan bahawa, apabila Yang Berhormat Menteri Idris Jala berkata bahawa apabila kalau kita melaksanakan GST 7 peratus, maka kita akan mendapat kutipan RM27 bilion. Dia menggunakan RM27 bilion ini untuk dibahagikan kepada 27 juta orang rakyat Malaysia. Maka, setiap rakyat perlu memikul RM1,000. Sekiranya 6 peratus dilaksanakan seperti mana yang dicadangkan oleh kerajaan, maka setiap rakyat Malaysia perlu memikul RM850 setiap orang. Beliau berkata, sekiranya sebuah keluarga mempunyai sepuluh orang ahli keluarga, setiap orang RM850, maka RM8,500 untuk setiap keluarga. Akan tetapi BR1M yang diberikan cuma RM650. Satu *statement* (kenyataan) *is a very misleading statement*, dengan izin.

Inilah cara bagaimana pembangkang menggunakan cara kalkulus ataupun cara untuk menunjukkan bahawa mereka ini tidak membincangkan atau membahaskan isu ini berdasarkan kepada satu pendekatan yang objektif tetapi lebih kepada *political*. Kita banyak melihat kepada *website* dan pendirian pihak pembangkang. Terutamanya kalau kita melihat kepada ketua pembangkang di Dewan Rakyat, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, mereka tidak berkata bahawa GST itu tidak baik. Sebaliknya mereka kata, kalau Pakatan memerintah negara ini GST akan dilaksanakan. Jadi, kenapa kalau mereka memerintah akan melaksanakan GST, kalau Barisan Nasional memerintah tidak boleh melaksanakan GST. Satu yang sangat *contradict*. Bila mereka boleh mengadakan satu mogok ataupun perhimpunan di Dataran Merdeka, tadi saya *browse website* Anti-GST *Facebook* mereka. Saya melihat pelbagai slogan, pelbagai gambar tetapi akhirnya, motifnya untuk menjatuhkan Kerajaan Barisan Nasional dan bukannya untuk memberikan satu alternatif, kalau bukan GST apalagi sistemnya? Apa yang mereka katakan dalam *Facebook* di situ cuma berkata, marilah bersama-sama kita ke jalanan untuk anti-GST kerana ini satu cubaan oleh Kerajaan Barisan Nasional untuk menghisap darah rakyat.

Jadi, semuanya retorik. Tidak ada satu fakta pun dalam *Facebook* ataupun *website* mereka yang menunjukkan bahawa *argument* kenapa tidak boleh dilaksanakan GST pada masa sekarang. Saya juga melihat kenyataan-kenyataan, mereka kata bukan GST tidak baik, cuma sekarang belum tiba masanya. Saya hendak tanya, bilakah masanya? Kalau bukan hari ini, bila, besok? Musim durian tahun depan? Tidak ada satu pun cadangan mengatakan bahawa ada. Kita melihat bahawa Menteri Besar Selangor berkata belum masanya sebab pendapatan rakyat belum lagi sama rata. Ramai lagi orang miskin terutamanya bumiputera. Ramai lagi yang di bawah 40 peratus rakyat Malaysia di bawah kemiskinan di bawah RM2,500. Dia kata sekiranya dilaksanakan GST, maka rakyat akan menderitanya. Saya ingin menyangkal kepada kenyataan seperti ini. Apabila dikatakan tidak adil, itulah antara fakta ataupun antara impak kesannya GST yang lebih adil apabila dilaksanakan, semua orang kena bayar cukai berbanding dengan cukai sekarang.

Kita mengambil satu contoh. Cara cukai yang ada sekarang kerajaan mengambil cukai terlebih dahulu sebelum anda boleh berbelanja. Sudah diadakan *cut-off* berdasarkan kepada pendapatan. Akan tetapi pelaksanaan GST patut disusuli dengan penurunan cukai pendapatan persendirian dan syarikat. Kita minta Kementerian Kewangan untuk menyatakan berapakah penurunan cukai pendapatan persendirian dan syarikat selepas pelaksanaan GST. Sepatutnya begitu. Kalau begitu, maka pendapatan seseorang itu akan diberikan penggunaannya ataupun cara menggunakan kembali kepada individu itu. Akan tetapi apabila beliau menggunakan atau *consume*, berbelanja, baru dikenakan cukai. Itu adalah lebih adil dan untuk kita mengajar rakyat Malaysia supaya berbelanja secara berhemah. Untuk mereka yang terus berbelanja secara boros, mereka akan bayar lebih cukai...

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Boleh mencelah?

Tuan Chong Sin Woon: Ya, Yang Berhormat, hendak sokong?

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat. Bagi Yang Berhormat?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon pandangan Yang Berhormat berkenaan kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Menteri Besar Selangor, Tan Sri Khalid Ibrahim menyatakan dia menyokong secara peribadi pelaksanaan GST. Akan tetapi mestilah dibuat sewaktu negara ini sudah kaya. Jadi, saya rasa agak janggal dengan kenyataan kaya itu. Minta Yang Berhormat mungkin boleh bagi penjelasan sedikit. Terima kasih.

Tuan Chong Sin Woon: Terima kasih Yang Berhormat. Kalau kita melihat kenyataan-kenyataan dan andaian seperti itu, perlu adanya semua orang sudah kaya baru GST. Akan tetapi 160 buah negara, yang banyak negara lebih miskin dari Malaysia kenapa melaksanakan GST. Sekiranya *argument* tersebut boleh diguna pakai, dengan *argument* yang sama tidak patut kita mengadakan sekolah-sekolah Bestari ataupun sekolah-sekolah yang dilengkapi dengan komputer sekiranya semua sekolah belum dapat air dan api.

Dengan itu, tidak boleh maju kalau kita hendak tunggu semua sudah siap sedia baru boleh seorang dua itu melangkah lebih maju. Kita tahu dalam pembangunan negara, penggunaan Perbendaharaan Negara, bukannya setiap benda perlu sampai satu tahap baru orang lain boleh berjalan. Contoh, apabila kita hendak membina *Twin Towers*. Kita mendapat bantahan yang kuat daripada DAP. Dia kata membazirkan. Akan tetapi kini nampaknya KLCC membawa bukan sahaja satu keuntungan tetapi imej yang sangat penting pada Malaysia. Bukan sahaja seluruh negara kenal Malaysia tetapi kerana adanya benda itu, meletakkan dan melihatkan Malaysia dipeta antarabangsa. Bahawa kita dapat...

Dato' Lim Nget Yoon: *Landmark*.

■1650

Tuan Chong Sin Woon: ...Dengan bantuan Yang Berhormat dari Pahang ini. Apa yang ingin saya teruskan di sini ialah kita juga walaupun menyokong dengan penuhnya negara ini melaksanakan GST, tetapi pada masa yang sama, kita juga mendapat keluhan daripada masyarakat usahawan terutamanya SME yang menyatakan bahawa pelaksanaannya dalam masa satu tahun ini, banyak syarikat besar tidak menjadi isu tetapi syarikat sederhana dan syarikat-syarikat yang kecil.

Satu, mereka memerlukan kos tambahan untuk menggunakan *software* yang baru untuk menggunakan GST dan banyak perlu berbelanja ke atas perubahan seseorang akauntan untuk membantu mereka untuk mengurus isu-isu tentang GST. Walaupun kita tahu bahawa kerajaan ada memberi bantuan tetapi ada juga keluhan bahawa bantuan tersebut tidak mencukupi untuk syarikat-syarikat kecil dan sederhana. Jadi kita minta kementerian supaya memberikan penjelasan sama ada kita akan terus memberikan bantuan supaya lebih banyak syarikat kecil dan sederhana dapat menyokong sistem cukai baru ini.

Keduanya, ramai apabila adanya perarakan, adanya mogok di jalanan di situ menyangkal atau tidak setuju dengan GST, antara kenyataan mereka ialah, mereka syak dengan cara penggunaan wang ringgit yang dikutip oleh kerajaan sekiranya sudah ada GST. Maka, saya rasa kerajaan patut juga melihat kepada cara dan *argument* mereka. Jadi, patutlah kerajaan memberikan satu sistem dengan izin, *more transparent monitoring system* terhadap kutipan GST dan penggunaan perbendaharaan kerajaan. Bajet sepertimana Yang Berhormat Senator tadi membincangkan bahawa defisit belanjawan negara setiap tahun memberikan satu kebimbangan kepada struktur ataupun kekuatan ekonomi negara dan kita berharap bahawa dengan adanya GST supaya defisit itu dikurangkan dengan lebih mendadak lagi supaya kita dapat menghadapi cabaran suasana ekonomi yang tidak menentu pada masa depan.

Saya juga ingin menyangkal pada kenyataan beberapa Ahli Yang Berhormat di Dewan ini yang berkata bahawa kebocoran, ketirisan di dalam negara ini patut diselesaikan sebelum laksanakan GST. Mereka menggunakan contoh Laporan Audit Negara. Kalau kita hendak buat contoh dalam Laporan Audit Negara, bila kita baca, bacalah semua. Ini kerana, dalam laporan tersebut bukan saja menulis atau melaporkan ketirisan yang berlaku di Kerajaan Persekutuan tetapi juga di kerajaan-kerajaan negeri termasuk Selangor, Pulau Pinang dan Kelantan. Jadi di situ memang berlaku juga benda-benda ketirisan ataupun kebocoran ataupun pengurusan yang tidak baik juga berlaku. Kalau itu dijadikan salah satu *benchmark*, dengan izin, untuk melaksanakan GST, tidak habis-habis. Sampai kurun depan pun tidak dapat lagi kita hendak melaksanakan GST.

Jadi biarlah kita kembali kepada satu *argument*, cara kita bahas sesuatu benda dengan fakta yang betul. Mereka sudah pun beberapa kali menyatakan bahawa mereka tidak anti GST, cuma anti pelaksanaannya sekarang, cuma anti pelaksanaannya oleh Kerajaan Barisan Nasional. Maka disimpulkan, ini semua nombor satu retorik politik.

Sudah cukup politik itu, marilah kita kembali sama-sama membantu negara kita untuk menstrukturkan semula sistem cukai kita supaya pendapatan negara lebih stabil untuk pembangunan kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat selaku Ketua Pemuda MCA. Kalau ada Naib Presiden, Lee Chee Leong ada pun bagus juga. Inilah agaknya komen Yang Berhormat yang cukup positif dan konstruktif dan inilah saya harap perkara-perkara begini kita galakkan. Sekarang saya mempersilakan, saya ingat ini pun ada juga ini. Ini Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh mewakili kaum India pula. Macam mana dengarnya GST ini.

4.54 ptg.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua memberi saya ruang berbahas sedikit tentang Rang Undang-undang GST ini.

Jika kita lihat data tentang hutang negara ataupun *national debt* ini, ketika ini *national debt* negara kita lebih kurang 54 peratus daripada GDP. Pada sepuluh tahun dahulu, angka itu lebih kurang 45 peratus. *National debt* kita pun sudah naik, naik 10 peratus dalam masa sepuluh tahun ini. Ini bukan sebab kerajaan tidak efisien, tapi sebab ada kelemahan tentang polisi-polisi kita yang sedia ada seperti bagaimana kita pungut cukai dan juga cara kita memberi subsidi kepada semua. Pungutan cukai yang sedia ada, ia tidak begitu seimbang, SST itu. Sama ada seorang itu *income* dia banyak, kebolehan dia banyak, cukai yang dikenakan seolah-olah sama seperti orang-orang lain.

Subsidi pula, kita bagi kepada semua. Mereka yang ada *BMW 7-Series*, kereta Jaguar, *Bentley* satu dengan *Ferrari*, bila dia pergi stesen minyak, untuk empat-empat kereta pun dia dapat subsidi. Jadi sebab itu kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib ini, *I think*, saya rasa sudah dapat *recognize* ini kelemahan dan telah memberi satu jaminan. Ini kerana kita tidak mahu negara kita teruskan polisi seperti itu sebab tekanan-tekanan orang yang dekat politik. Adakah seseorang itu boleh cakup GST tidak bagus walaupun terdapat banyak negara yang telah *implement* GST, dengan izin, tetapi tidak memberi cara lain. Mungkin dia akan cakup subsidi pun *continue*, jangan berhentikan. Akan tetapi kalau kita tidak mengambil satu tanggungjawab sebagai kerajaan dan menyelesaikan kelemahan, negara kita mungkin kalau kita teruskan seperti ini, hutang negara akan bertambah-tambah, satu hari nanti kita akan jadi seperti negara Greece nanti. Itu bahaya.

Jadi saya berpendapat kerajaan di bawah kepimpinan Dato' Sri Mohd. Najib, Perdana Menteri kita ini, telah berfikir dan soal GST ini bukan satu perkara yang ditimbulkan hanya pada bajet ini. Dia telah berfikir untuk dua tiga tahun, telah melaksanakan beberapa program supaya program GST ini boleh dilaksanakan pada tahun depan. Nombor satu program dia seperti GTP dan ETP. Kalau kita hendak melaksanakan GST ya, mungkin ada kenaikan harga tetapi kita juga telah membuat banyak polisi, banyak projek yang dapat meningkatkan pendapatan orang ramai. Kita dapat meningkatkan lebih banyak daripada apa yang akan dikenakan semasa GST ini.

Lepas itu, sistem ini, GST ini bukan saja negara-negara yang tidak pandai yang buat, negara yang percaya tentang *civil right*, tentang *the right of human* semua telah melaksanakan GST. Ada yang telah melaksanakan di mana seperti yang diberitahu, tadi ada sedikit perbahasan tentang regresif dengan progresif ini, ada banyak yang telah melaksanakan di mana impaknya adalah sedikit regresif. Ada yang telah melaksanakan dan impak dia progresif. Jadi bila kita lihat pelaksanaan GST untuk Malaysia ini, kerajaan telah mengambil kira, telah membuat banyak kajian supaya impak ke atas masyarakat terutamanya kepada golongan yang kurang pendapatan, dia akan melihat sebagai satu impak progresif.

■1700

Ada banyak kajian. Saya tengok tadi dalam internet banyak kajian. Kalau seorang itu berpendapatan RM2,000, dia akan bayar GST berapa? RM33 sebulan. Kalau berpendapatan RM12,000 impak dia lebih sikit. Dia akan bayar lebih kurang RM300 lebih GST. Jadi dengan ada dua pengecualian. Satu, dia punya bahan-bahan. Dia punya bahan-bahan mentah, keperluan harian tidak ada GST. Selepas itu *services*.

Perkhidmatan. Perkhidmatan seperti berjumpa doktor, *healthcare*, perkhidmatan kerajaan pun tidak ada GST. Selepas itu pula saya pun terkeliru sedikit tadi. Ini kerana bila Menteri memberi keterangan tadi, dia memberitahu GST akan mula pada syarikat-syarikat ataupun tempat-tempat makan yang pendapatannya lebih kurang RM500,000 setahun. Jadi saya pun tidak tahu warung mana boleh dapat pendapatan lebih daripada RM500,000 setahun.

Kalau mereka yang kurang pendapatan, dia akan pergi beli barang dekat pasar tani ataupun di kampung-kampung itu, kedai-kedai itu kecil. Makan pun dekat warung. Benda-benda ini semua tidak ada GST. Jadi kalau implementasi seperti ini sudah tentu dengan penghapusan SST, kita ganti SST dengan GST, sudah tentu untuk mereka yang berpendapatan rendah ini dan ciri GST ini dia ada satu *tax* jika *you consume*, jika you gunakannya. Kalau you tahu, saya pergi warung ini, tidak ada GST. Saya pergi kedai *aircond* ini ada GST. Jadi seseorang itu dia tahu pendapatan saya macam ini. Kalau saya pergi sini, makan dia sama, nasi juga, dapat teh tarik, tidak ada GST. Dia warung. Saya hendak pergi *McDonald*, saya hendak masuk ini sekali sekala, okey boleh tetapi dia ada GST.

Jadi *it's a balance system*. Mereka yang berpendapatan banyak, hari ini hendak makan dalam *aircond*, hendak *travel*, hendak pergi mana-mana, *of course* dia akan bayar sekarang...

Dato' Lim Nget Yoon: Boleh beri laluan?

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Yang Berhormat ini selalu suka mencelah ya.

Dato' Lim Nget Yoon: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat. Kalau ikut ucapan Yang Berhormat, saya dapati satu kebaikan pelaksanaan GST iaitu dengan cara ini, dengan sistem *tax* ini kita akan belajar baik- *habit* untuk kehidupan harian iaitu kalau kita membazir dan membeli barang sewenang-wenangnya, kita akan membazir wang kita. Akan tetapi kalau kita jimat dan tidak membazir membeli barang-barang yang tidak guna, jadi yang ini kita akan jimat wang kita. Jadi saya dapati dia satu kebaikan daripada ucapan Yang Berhormat.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Terima kasih kerana memberi *point-point* lagi dan menguatkan perbincangan saya. Akan tetapi untuk saya, saya bukan hendak melihat GST ini kita hendak disiplin rakyat kita tentang perbelanjaan. Kita memberi *choice*. You ada *choice* hendak pergi mana. Kalau mereka yang berpendapatan hendak menjimatkan wang, ini bukan satu pelaksanaan yang sudah tentu apa sahaja you hendak beli kena bayar GST. Itu tidak betul. Saya tidak setuju bahawa nelayan itu selepas itu hendak pergi warung hendak bayar GST, kita pergi pasar tani hendak bayar. Ini semua bukan. Kalau ada orang cakap beli petai, beli timun dekat pasar tani, makan dekat warung ada GST, itu bohong. Itu tidak betul. Itu memang tidak betul. Itu mungkin tidak faham. Tidak baca betul-betul buku ini dan tidak faham. Bila saya lihat mitos ada anti GST ini, saya pun tidak tahu apa dia kempen tentang.

Ada kelemahan. Memang ada kelemahan. Ada *maybe* mungkin ada tempat untuk *improvement*. Kita tahu *in English we say- Rome wasn't built in the day*. Ada banyak tempat yang kita boleh *improve* sedikit. Akan tetapi daripada segi *implementation*, memang GST itu bagus. Saya tidak lihat apakah alternatif. Kalau tidak mahu GST, yang kita dengar kita belum sedia lagi. Kalau tidak sedia, apakah alternatifnya?...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, boleh beri laluan?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Siapakah dia?

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Saya, saya. Tuan Yang di-Pertua, saya mahu tanya satu soalan kepada Dato' Jaspal Singh. Pada 1 Mei di Dataran Merdeka, siapakah *in charge* untuk demo? Boleh beritahu saya dan terangkan. Siapakah ketua itu?

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Yang Berhormat, masa itu saya tengah atas langit pergi Melbourne. Saya pun tidak tahu siapa [*Ketawa*] Akan tetapi saya dengarlah ada macam-macam tetapi saya rasa ada satu kumpulan yang menggunakan apa-apa sahaja- ada mungkin hendak mengelirukan orang ramai.

Kalau pergi warung pun kena bayar *tax*. Beli ikan bayar *tax*, pergi beli di pasar tani pun bayar *tax*. Ini satu permainan politik. Untuk kita, sebagai rakyat Malaysia, tidak kira bangsa, tidak kira kerakyatan politik or *political believe*, kita mesti menyiapkan negara kita untuk 20-25 tahun lagi. Sama ada kawan saya dari Terengganu itu, Dato' Rahman, Datuk Seri Nalla ini ataupun Dato' Lucas belakang ini dari Sabah, saya pasti semua orang di sini mahu Malaysia menjadi sebuah negara yang berjaya. Kita tidak mahu memusnahkan negara kita sama ada pembangkangkah...

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Bangun lagi, Yang Berhormat, hendak bagi laluan? Okey, silakan.

Datuk Seri Nallakaruppan a/l Solaimalai: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini merosakkan negara. Siapakah itu pengkhianat negara? Itu saya mahu tahulah siapa itu pengkhianat negara.

Seorang Ahli: Bukankah Yang Berhormat punya kawan baik? [Ketawa]

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Yang Berhormat, saya pun segan hendak jawab sebab saya tahu dia kawan baik Yang Berhormat. Nanti saya bincang satu nama ini nanti Yang Berhormat marah dengan saya. Datuk Seri marah. Okey, tidak apa Datuk seri. *Let me continue.*

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *No, no I tell you.* Dia bukan kawan sekarang tahu. Bekas kawan. Bukan sekarang. Sekarang dia pengkhianat negara, dia merosakkan negara. Dia mahu hancurkan negara kita. Tahu? Terima kasih.

Dato' Jaspal Singh A/L Gurbakhes Singh: Saya hendak *stress* di sini sekali lagi. Malaysia ini untuk semua. Jadi kita hendak lihat masa depan 20 tahun hingga 25 tahun. Kita hendak buat Malaysia sebuah negara yang *very competitive*, dengan izin. Kita hendak Malaysia bersaing. Bukan sahaja antara Malaysia tetapi antara semua negara di dunia. Kita hendak bawa penduduk kita, rakyat kita menjadi *first class people*. Kita tidak mahu kita sebagai a *low call center* lagi. Jadi kalau GST ini kita boleh *implement* di tempat-tempat lain, negara-negara maju pun *diimplement*, tetapi hendak *implement* di Malaysia pun ada banyak halangan. Saya pun tidak tahu kenapa macam ini.

Akhir sekali, untuk saya ada sedikit *area*- ada ruang untuk *improvement* sedikit. *Improvement* dia bukan tentang GST, tetapi bila saya lihat untuk mereka yang berpendapatan rendah kurang RM2,000 hingga RM3,000, ada banyak kos ataupun maksud-maksud di sini, pengecualian yang boleh menolong mereka. Akan tetapi saya kluatir sedikit kepada mereka yang mendapat pendapatan lebih kurang RM5,000 atau RM6,000 sebulan iaitu sebuah keluarga. Kalau sebuah keluarga mempunyai dua orang anak, dengan isteri dia dan menjaga ibu bapa, bagaimana kerajaan boleh menolong mereka sedikit.

■1710

Saya berpendapat jika saya lihat *schedule* ataupun jadual *income tax* ini, seorang *tax* masa kini ada RM12,000 untuk individual *relief* untuk seorang itu, untuk isteri RM3000, untuk anak RM1000 sahaja. EPF RM6000, untuk ibu bapa RM5000 dia punya *tax relief*.

Saya mencadangkan kepada kerajaan sebab negara kita *slowly*, perlahan-lahan ini, kita akan jadi sebuah negara yang *aging*, ada banyak yang kena 65 tahun, 30 tahun. Kita hendak *encourage* kepada mereka yang muda ini membuat sumbangan kepada pelan untuk masa depan itu. Jadi saya mencadangkan kepada kerajaan bagilah satu *relief* yang lebih realistik seperti *relief personnel* bagi RM12,000, untuk isteri RM6000. Untuk seorang budak ini RM1000 setahun mana boleh. Beli susu setin dua kali pun sudah RM80. *So is not realistic.* Bagi *them more realistic*, dengan izin, macam sebulan RM300, *at least* EFP RM3600, EPF RM6000. Bagi untuk *life insurance* untuk jangka masa panjang itu supaya apabila mereka tua, dia boleh jaga sendiri. Tidak payah harapkan kerajaan bagi RM6000 *relief*.

Untuk *parent* RM5000 mana cukup sekarang. Bagi *more* realistik, bagi RM10,000. Kalau kita buat macam itu, seorang yang berpendapatan RM60,000 buat masa kini kalau *tax* ini dia akan bayar *tax* RM780. Kalau kerajaan bagi *relief* seperti yang saya cadangkan, bukan kita rugi banyak. *Tax* itu kurang ke RM150. Jadi nampak macam kita bagi banyak tetapi daripada *income tax* kekurangannya lebih kurang RM610 dia pun dapat BR1M.

Jadi saya cadangkan ini. Apabila kita *implement* GST tahun 2015 ini, bajet tahun 2014 kita lihat kepada keluarga-keluarga yang *berincome* sederhana ini macam mana kita boleh tolong mereka? Tolong daripada segi bukan sahaja daripada GST, kita hendak bagi *encouragement*, *lifelong saving*, dengan izin, jaga ibu bapa dengan izin, beri lebih keutamaan kepada anak-anak. Jadi saya haraplah Kementerian Kewangan akan mengambil cadangan saya ini dengan serius dan mungkin berita ini akan dibentangkan oleh Perdana Menteri pada 2015. Itu sahaja. Dengan ini saya menyokong penuh implementasi GST ini, ada *revue* GST. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih banyak Dato' Jaspal atas perbincangan tadi. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim.

5.13 ptg.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kerana bagi saya ruang untuk turut berbahas dalam Akta Rang Undang-undang GST pada hari ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah dan saya amat bersetuju mengenai Akta Cukai GST ini. Oleh sebab kalau kita tengoklah di negara kita atau di negara-negara yang membangun, untuk kita mencapai satu tahap negara membangun, kita perlu ada keadaan ekonomi yang mantap.

Jadi saya rasa kalau kita ingin menuju sebuah negara yang maju dan berdaya saing, kita tidak boleh hanya bergantung kepada sumber minyak dan gas sahaja yang belum tentu jangka hayatnya. Jadi kita harus melihat daripada perspektif cukai untuk kita mantapkan ekonomi kita untuk pembangunan untuk rakyat kita. Jadi saya rasa cukai GST ini sebagaimana yang disebut oleh rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya ia lebih baik daripada SST. Kalau kita congak pun 16 peratus dan 6 peratus ini saya rasa pelajar tahun satu pun tahu beza enam dan 16 ini yang mana bagus kan. Mestilah enam ini lebih baik. Jadi saya rasa daripada segi itu saya tidak mahu membahaskan tetapi saya cuma ingin menyentuh dari beberapa aspek yang saya rasa harus kita titik beratkan.

Sebelum itu saya juga pada hari ini ingin menyatakan dukacita kita sebagai rakyat Malaysia dengan apa yang berlaku pada 1 Mei. Jadi kalau kita lihat pihak pembangkang ini, saya rasa kita belum lagi hendak lancar GST ini lagi setahun saya rasa tetapi mereka ini sudah berdemo sana sini. Ini sebenarnya memberi persepsi yang amat buruk di mata negara-negara luar, sedangkan kita tahu 160 buah negara sudah pun melancarkan GST, tidak ada masalah pun.

Akan tetapi kita baru sahaja sebut hendak lancar, sana sini berdebat, sudah berdemo. Akan tetapi sebagaimana yang dinyatakan oleh rakan-rakan lain, ada atau tidak kita memberi sesuatu alternatif bagaimana untuk membangunkan negara dan juga masyarakat. Saya bagi contoh, saya hendak tegur sedikitlah macam Ketua Menteri di Pulau Pinang ini saya rasa kena tegur. Surcaj air di Pulau Pinang ini naik yang amat membebankan rakyat walhal barangan GST kita bukan pakai setiap hari. Air ini kita guna setiap hari, kenapakah pula kita tidak berdemo surcaj air naik di Pulau Pinang? Itu sudah jadi rutin setiap tahun naik. Akan tetapi kita sebagai rakyat yang prihatin dan kita orang yang cerdik pandai, kita tidak menggunakan platform itu untuk berdemo, tetapi mereka GST yang sekali sekala barang kita pakai sudah hendak berdemo.

Kedua, kalau kita tengok Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Ketua Menteri Pulau Pinang mensyaratkan kadar bayaran untuk perumahan semakin tinggi yang mana ia membebankan rakyat. Jadi saya hendak tanya kepada pihak pembangkang, di manakah perjuangan pembangkang? Daripada segi rakyat yang mana kerajaan hendak bantu, kita bantah tetapi yang mana pembangkang yang buat silap kepada rakyat di Pulau Pinang, pembangkang senyap. Jadi mana peranan pembangkang kalau betul hendak memperjuangkan rakyat? Berjuanglah dengan lebih natural. Jangan dijadikan politik ini sebagai sesuatu yang menjadi beban pula kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, walau bagaimanapun saya ingin menyentuh sedikit mengenai kos pembangunan dan saya rasa ia dibangkitkan juga oleh Yang Berhormat Tuan Syed Shahir. Walau bagaimanapun, saya melihat daripada perspektif yang berbeza. Sebagaimana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman memanglah kos simen, batang besi semua ada cukai. Akan tetapi saya difahamkan kos infrastruktur tidak dikenakan GST.

Jadi kita bimbang sekiranya kos infrastruktur ini kita tidak kenakan GST maka kita takut pemaju-pemaju akan mengambil kesempatan dengan mengambil semua kos yang sepatutnya kos binaan diletak di bawah infrastruktur memandangkan kos infrastruktur ini tidak dikenakan GST.

Jadi saya mohon penjelasan daripada Kementerian mengenai apakah tindakan atau adakah GST dikenakan untuk kos-kos infrastruktur? Sebab kita bimbang ia tidak akan mencapai hasrat kerajaan untuk membangunkan negara kita disebabkan kos-kos bebanan itu akan dimasukkan ke kos infrastruktur.

Saya juga ingin menyentuh keduanya mengenai Persatuan Rangkaian Peruncit Malaysia atau pun MRCA. Saya rasa, pihak Kementerian harus membuat persiapan awal kepada peruncit-peruncit ini kerana saya difahamkan mereka ini harus melakukan persiapan segera dalam menghadapi pelaksanaan GST. Saya rasa daripada pihak Kementerian, apa langkah-langkah Kementerian untuk memberi latihan dan juga memberi aplikasi sistem pemprosesan yang lebih teratur kepada peruncit-peruncit ini agar mereka ini bersedia menghadapi pelancaran GST.

Saya juga merasakan kerajaan perlu sedar bahawa sehingga kini ramai peruncit kita yang masih belum berdaftar perniagaan masing-masing bagi pelaksanaan GST kerana kebanyakan mereka tidak begitu memahami mengenai perkara terbabit dan menunggu hingga tempoh enam bulan terakhir seperti mana yang disarankan oleh kerajaan. Jadi saya rasa kerajaan perlu adakan usaha berterusan meningkatkan pengetahuan mengenai GST daripada kalangan peruncit, sebab saya rasa ini amatlah penting. Mereka ini harus diberi latihan, pengetahuan dan sistem yang bersesuaian agar apabila kita melaksanakan GST, ia dapat berjalan dengan lancar.

Saya juga ingin mencadangkan kepada pihak Kementerian sekiranya boleh dibuka *booth-booth* ataupun kaunter-kaunter tempat yang boleh di *approach*, dengan izin, oleh lebih ramai peruncit untuk memulakan pendaftaran supaya ia akan lebih berkesan dan tidak menyusahkan pelanggan kita terpaksa hendak mendaftar boleh mendaftar pada *booth-booth*, tempat-tempat awam yang boleh kita galakkan.

■1720

Saya difahamkan juga kerajaan memberi geran RM250 juta untuk manfaat kepada pelaksanaan GST untuk sistem dan juga perbelanjaan untuk latihan dan kemahiran. Saya rasa saya ucapkan tahniah kepada kerajaan, sebab saya rasa ini satu usaha yang baik apabila kita ingin melaksanakan GST. Kita mengambil langkah yang lebih awal untuk memberi pendedahan dan membantu di kalangan peruncit-peruncit dalam usaha meningkatkan pelaksanaan dan kelancaran GST. Cuma yang kita risaukan di sini adalah daripada segi pemantauan. Sebagaimana ada disebut oleh beberapa orang rakan Senator, kita harap apabila terlancarnya GST ini kita mohonlah pihak Kementerian pemantauan amatlah penting. Kita tidak mahu harga barangan naik tidak tentu hala dan kita tidak mahu orang bercakap mengenai persepsi monopoli yang akan mengakibatkan kenaikan harga barang.

Jadi saya rasa kerajaan kita mempunyai niat yang baik untuk memantapkan ekonomi. Jadi pada masa yang sama kita harus memastikan Kementerian menjalankan pelaksanaan pemantauan ini dengan efisien supaya GST ini dilihat telus, bersistematik dan terancang. Saya rasa banyak isu yang kita bahaskan di Dewan ini isu-isu pemantauan dan penguatkuasaan yang agak kurang berkesan. Jadi saya rasa pihak Kementerian kalau boleh perlu nyatakan apakah langkah-langkah Kementerian? Berapakah tenaga yang diperlukan untuk memastikan kelancaran GST ini apabila pelaksanaannya berlaku kelak? So, saya rasa Tuan Yang di-Pertua, itu sahaja perbincangan saya. Saya tidak mahu menyentuh isu-isu lain yang telah disentuh oleh kawan-kawan. Sekian, terima kasih. Saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Datuk Hajah Noriah binti Mahat.

5.22 ptg.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua terima kasih kerana memberi peluang untuk saya berbahas dalam rang undang-undang ini. Saya juga mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Kerajaan Malaysia, Barisan Nasional kerana berani membawa Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 (GST) walaupun ada bangkangan kuat daripada parti pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, banyak peruntukan dalam rang undang-undang ini ia mengandungi 192 seksyen dalam 19 bab kesemuanya. Undang-undang yang sangat komprehensif berkaitan dengan pentadbiran, pengenaan dan skop cukai, pendaftaran, penguatkuasaan kesalahan dan penalti dan lain-lain. Namun kita lihat pembangkang memberi dakwah yang palsu kepada rakyat bahawa GST ini tidak patut dilaksanakan sebagaimana yang dikatakan oleh rakan-rakan saya sebentar tadi. Mereka memberi gambaran seolah-olah GST cukai baru yang akan membebankan rakyat dan kelebihan GST seolah-olah sengaja dilupakan atau disembunyikan dengan tujuan rakyat akan bangkit menentang pelaksanaan cukai tersebut. Akibatnya wujudlah salah faham terhadap GST termasuklah daripada segi kebaikan kepada ekonomi negara dan rakyat serta bagaimana ia dilaksanakan.

Tuan Yang di-Pertua, pada 1 Mei hari itu saya berada di Kuala Lumpur dan saya lihat hingga hari semalam saya tidak balik ke Johor. Saya lihat masih ada lagi yang berhimpun dekat Kuala Lumpur ini berdiri bawa kertas manila kad sahaja. Jadi dia anti-GST. Saya rasa mereka ini orang yang tidak faham. Kalau orang yang faham, saya rasa dia tidak buat begitu. Ada orang kata ramai yang pergi ke dataran itu. Akan tetapi apa pendapat saya Tuan Yang di-Pertua rasanya macam tidak ramai. Ramai lagi yang datang ke Pesta Buku Antarabangsa. Saya difahamkan sudah 300,000 dan hingga hari ini sudah menjangkau 1.5 juta. Jadi kepada rakyat sekalian, kepada rakan-rakan Senator jangan susah hati. Ini bermakna yang ada di situ lebih kurang 2,000 atau 3,000 tetapi yang hendak mencari ilmu pelajaran lagi masih ramai berjuta. Ini BSN yang tanggung dan ini menyatakan bahawa orang-orang ini masih ramai, memang ramai lagi yang menyokong kerajaan kita yang pergi kepada Pesta Buku Antarabangsa. Tahniah kepada mereka yang tidak pergi ke Dataran Merdeka. Maknanya yang pergi Dataran Merdeka itu memang orang yang tidak ada-otak dia macam, urat dia banyak sudah putuslah Tuan Yang di-Pertua. Dia ada *shortlah*.

Jadi saya hendak minta kepada pihak kerajaan supaya ada yang pergi sana itu bawa anak. Kalau kita lihat dalam media-media di TV ada yang bawa anak, dukung anak atas kepala hendak tunjukkan kehebatan. Kalau kita buat sesuatu kalau ada senjata yang terkena dengan anak ini Tuan Yang di-Pertua, nanti dia salahkan kerajaan. Padahal yang baling senjata itu orang dia. Kita lihat kalau dalam *YouTube* itu dia bergaduh dia dengan dia tetapi dia kata ini UMNO yang tidak betul, engkau semua tidak betul kata dia. Seolah-olah yang buat ini semua UMNO yang tidak betul. Itu biasalah. Itu kena tarik balik itu.

Tuan Yang di-Pertua, GST ini akan dilaksanakan 1 April 2015. Kata pembangkang tidak sesuai. Akan tetapi kita lihat pada tahun 1993 Ketua Pembangkang masa dia jadi Timbalan Perdana Menteri mencadangkan pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan dalam Bajet 1993. Itulah dia perangai orang. Masa dia ada kuasa dia buat apa sahaja, lepas tidak ada kuasa dia buat lupa-lupa dan buat bantahan demi kepentingan diri dia. Untuk dapat sokongan politik dia, bukannya perjuangan ikhlas. Jadi rakyat banyak yang tertipu. Di sini saya minta bolehkah kerajaan merungkai dakwaan tarikh yang belum sesuai ini dan memberitahu Dewan yang mulia ini rasionalnya kita memilih 1 April 2015 untuk ke sekian kalinya? Peranan ini perlu dibuat sekurang-kurangnya mampu menangkis dakwaan pembangkang bahawa belum tiba masanya lagi untuk melaksanakan GST tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bersama juga dengan kawan saya, saya hendak tambah sedikit-sedikit kalau berulang minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Penerangan mesti dibuat dengan menyeluruh sebab kalau tidak dibuat menyeluruh, dibuat di peringkat Menteri-Menteri, pegawai-pegawai atasan dekat IPTA, IPTS. Itu sahaja yang faham tetapi tidak turun ke kampung-kampung, akar umbi tidak ada. Kalau akar umbi tidak tahu, atas sahaja yang dapat. Saya rasa akar tidak kuat, pokok boleh tumbang. Betul tidak kawan-kawan? Jadi saya hendak minta itu yang kata kawan saya Dato' Boon Som tadi. Saya pun ada orang tanya saya, orang yang jual nasi lemak Tuan Yang di-Pertua. Jual nasi goreng, jual mi goreng, "*Datuk saya ini kena GST tidak nanti, cukai GST?*" Jadi orang ini tidak faham.

Jadi kalau tidak faham samalah juga orang yang pergi dataran termasuklah Ketua Pembangkang. Dia pun tidak faham dia buat macam itu. Kalau dia faham dia tidak buat macam itu Tuan Yang di-Pertua.

Jadi saya hendak minta saya rasa yang buat ini, saya hendak minta kepada Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan yang buat penerangan ini Kastam sahaja kalau tidak silap saya yang turun. Akan tetapi dia tidak pergi hala-hala kampung kitalah, kampung orang dekat kampung-kampung Paya Panjang, Batu Sembilan tidak ada. Mungkin dia pergi dekat bandar itu pun tidak semua. Baling pun tidak masuk. Jadi saya berharap saya minta kepada Menteri-Menteri, kementerian-kementerian, Menteri-Menteri ulang balik. Suruhlah pegawai-pegawai dia turun ke bawah, jumpa orang kampung, jumpa orang bandar, jumpa belia, jumpa yang tidak belia. Kata kawan saya suruh panggil pembangkang sama. Pembangkang tidak payah panggil, kalau dipanggil membazir. Dia pun kalau dipanggil dia terang pun dia cakap dia tetap dia cakap bangkang, jadi tidak payah. Jadi panggil pembangkang ini membazir, tidak payah. Panggil orang-orang yang macam orang yang pergi Pesta Buku Antarabangsa itu- itu dipanggil.

■1730

Tuan Yang di-Pertua, kalau benda ini dia orang faham saya rasa tidak ada masalah bagi kerajaan hendak melaksanakan. Pembangkang memang kerja dia macam itu. Saya hendak ambil satu contoh Tuan Yang di-Pertua, contoh macam Selangor, dalam pada susah-susah dia naikkan gaji Menteri Besar dan Exco dia tiga kali ganda. Pembangkang tidak marah pun. Dahulu pembangkang bangkang fasal KLIA. Dia marah fasal KLIA hendak buat *airport* baru.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, tahniah nampaknya lepas bangun sakit ini makin ceria muka, makin mudalah *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Teruskan *[Ketawa]* Pandai dia bodek ini. Teruskan, Yang Berhormat.

Datuk Hajah Noriah binti Mahat: Itu satu fasal Selangor, sibuk fasal air meruncing, dia pergi naik gaji Menteri Besar, Exco dia, wakil-wakil rakyat dia. Betul atau tidak itu saya hendak tanya? Kemudian fasal BR1M dahulu dibangkang juga. "*BR1M tidak baguslah, membazirlah*" Akan tetapi pelaksanaan BR1M, orang dia pergi ambil dahulu. Kita belum sampai, dia sudah sampai dahulu. Orang sampai pukul 8.30, dia 7 sudah sampai. Ini ada bukti, bekas calon dia pun ambil. Sudah jadi calon tetapi dia pun datang ambil juga, malulah muka. Saya memang setuju dengan apa yang dikatakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi.

Jadi Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, pada sayalah kerajaan jangan susah hati. Buat apa sahaja yang kita hendak buat asalkan untuk kepentingan rakyat, kami sentiasa berada di hadapan, belakang, kiri dan kanan kepada kerajaan.... *[Dewan riuh][Tepuk]* Akan tetapi lawan tidak hendak juga ya.

Tuan Yang di-Pertua, pada dasarnya GST mampu menyalurkan pendapatan kepada kerajaan selain berkeupayaan menstabilkan ekonomi. GST yang dikenakan sebanyak 6 peratus secara umumnya adalah lebih meringankan beban rakyat berbanding cukai jualan dan cukai perkhidmatan atau SST yang berjumlah 10 peratus dilaksanakan di premis-premis dan premis perkhidmatan selama ini. GST dikatakan mampu mengurangkan sebahagian bebanan kebergantungan kepada hasil cukai pendapatan yakni 56.4 peratus daripada keseluruhan KDNK dan juga hasil petroleum 32.6 peratus daripada keseluruhan KDNK. Kita maklum bahawa kebanyakan negara maju dan serantau telah lama melaksanakan sistem cukai ini dan 160 buah negara telah melaksanakan GST. Jadi, tiada sebab lagi untuk rakyat membantah GST dan sebagaimana saya katakan tadi buatlah, apa pun pembangkang kata jangan ambil kisah sebab dia yang ambil kepentingan lebih daripada kita.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita setara dengan negara maju yang lain maka kita hendaklah berfikiran positif dan menyokong kerajaan dalam melaksanakan dasar yang boleh membangunkan negara.

GST dijangka menyumbang RM21 bilion kepada kerajaan. Apabila kutipan GST menyumbang kepada peningkatan hasil negara, tidak lain tidak bukan yang mendapat manfaat rakyat itu sendiri terutama golongan berpendapatan sederhana dan rendah. Lebih banyak wang yang boleh disalurkan kepada mereka, misalnya kepada sektor kesihatan, meningkatkan lagi perkhidmatan kesihatan kepada rakyat, sektor pendidikan yang lebih berkualiti dan taraf kehidupan rakyat Malaysia juga berjaya ditingkatkan.

Di sini saya ingin bertanya kepada kerajaan, apakah cabaran-cabaran yang akan dihadapi oleh kerajaan dalam melaksanakan GST ini dan apakah tindakan serta langkah yang diambil kerajaan untuk menghadapi cabaran-cabaran bagi pelaksanaan RUU ini? Dimaklumkan bahawa kemungkinan 100 ribu atau 200 ribu buah syarikat akan mengamalkan sistem GST, adakah semua syarikat ini bersedia untuk GST dan daripada segi saranannya macam mana?

Tuan Yang di-Pertua, Bahagian IV rang undang-undang ini memperuntukkan pelepasan, pembayaran balik dan peremitan atau bahasa mudahnya rebat. Adakah sistem kita bersedia untuk proses semua rebat ini pada kadar 6 peratus GST, tanpa sistem rebat yang efisien kita akan melihat kesannya yang amat serius terhadap margin keuntungan syarikat. Kalau kita tahu margin syarikat yang kita guna akses buat analisa ialah daripada syarikat-syarikat pengedar ataupun *distribution company*, margin mereka cuma 3 peratus ke-5 sahaja.

Sekiranya *profit margin* pengedar terjejas dengan 6 peratus GST maka pengedar akan terdesak dan kemudiannya mengakibatkan peningkatan semua barang untuk memastikan keuntungan mereka. Maka maknanya senang, *distribution company* sebut semula benda punca ekonomi kita bermula daripada *distributor*. Kalau *distributor* punya margin 3 peratus sampai 5 peratus sahaja, GST 6 peratus, rebat yang tidak efisien maknanya semua *distributor* akan menaikkan harga barang. Jadi apakah persediaan kerajaan dalam menghadapi hal ini agar tidak wujudnya kenaikan barang-barang dan kenaikan kadar inflasi di negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini juga mengadakan Jadual Pertama yang memperuntukkan perkara yang akan dikira sebagai suatu pembekalan barang ataupun bekalan perkhidmatan dan Jadual Kedua, perkara yang tidak akan dikira sebagai bukan suatu pembekalan barang mahupun suatu pembekalan perkhidmatan. Peruntukan ini komprehensif dan meliputi apa yang ingin dilaksanakan dan kita mengalu-alukan pengecualian cukai ke atas Kumpulan Wang Simpanan Pekerja dan pembekalan barang atau perkhidmatan di bawah perkiraan kewangan Islam. Pembayaran indemniti insurans dan sebagainya dan hal ini sangat baik sekali untuk rakyat.

Jadi GST ini mampu menjadikan pengguna sebagai pengguna yang bijak maka mereka boleh memilih untuk produk yang terbaik untuk mereka. Oleh itu kerajaan perlu memberi pendidikan kepada mereka. Di sini saya mengharapkan agar pihak kerajaan dapat memaklumkan kepada rakyat dengan jelas tentang barangan tersebut, makanan, perkhidmatan serta jenis barangan serta perkhidmatan yang dikenakan cukai. Biar maklumat ini sampai kepada kerajaan, kepada rakyat di dalam bandar dan di luar bandar. Sesi penerangan sebagaimana saya katakan tadi mestilah dibuat secara intensif agar rakyat dapat faham dan sama-sama menyokong usaha murni kerajaan ini. Tuan Yang di-Pertua...

*Makan nasi sayur kangkung,
Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.*

Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Dato' Khairudin Samad. Silakan Yang Berhormat.

5.38 ptg.

Dato' Khairudin Samad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Pertama sekali saya mengucapkan syukur kerana Tuan Yang di-Pertua telah sihat dan kembali bertugas.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Khairudin Samad: Hendak melawat tidak boleh sebab denggi. Takut nanti nyamuk itu gigit kita pula.

Timbalan Yang di-Pertua: [Ketawa] Tidak apa, teruskan Yang Berhormat.

Dato' Khairudin Samad: Minta maaf Tuan Yang di-Pertua. Tidak boleh melawat. Hendak bercerita pun ramai kawan sudah ambil modal saya. Jadi, saya pun tidak ada modal cuma fikir-fikir ada benda yang saya hendak cakap, yang saya hendak jelaskan. Pertama, pemahaman cukai itu dahulu. Rata-rata rakyat di Malaysia ini menyangka cukai ini kastam. Dia bawa barang, dia jumpa kastam dia takut dan dia menggigil. Sama ada kena cukai atau tidak kena cukai itu soal lain. Bukan yang sorok batik di dalam perut itu. Ada yang sorok batik di dalam kain pelekat, sorok batik di dalam kain sarung, itu melarikan cukai tetapi batik ini tidak kena cukai, dia kena rampas.

Akan tetapi kita tidak faham sebenarnya apa dia cukai, sampai hendak pergi ke Terengganu, cukai pun dia takut sebab dia ingat hendak kena cukai. Terengganu kan ada cukai di Kemaman. Jadi, ini semua menjadi masalah dan saya tadi berborak-borak dengan Dato' Abdul Rahim, Dato' Abdul Rahim kata "Yang Berhormat faham tidak apa dia GST ini?" Saya pun kata "Saya pun kurang faham". Dia kata dia pun tidak faham. Saya fikir ramai di kalangan kita tidak faham. Tidak faham sebenarnya, faham itu bukan tidak faham. Akan tetapi tidak faham yang sebenarnya. Kita tidak boleh menafikan yang ini kerana kita bukan semua tahu apa dia sebenarnya GST.

■1740

Bila kita sebut pasal GST, kita yang dalam ini pun belum faham, macam mana kita hendak harap rakyat jelata boleh faham. Jadi Tuan Yang di-Pertua, apa yang perlu kita buat ialah kita dahulu difahamkan. Orang yang bangkang pun tidak faham, apatah lagi kita yang menyokong. Kita ini sebab kita menyokong kerajaan, jadi GST kita terima, SST kita terima. Akan tetapi saya melihat yang pertama, bila ada 1 Mei ini, perhimpunan demonstrasi 1 Mei ini, berlarutan sampai 2 Mei, 3 Mei, 4 Mei. Hari ini sudah 5 Mei dan tidak ada tindakan terhadap mereka. Dia meminta izin, 1 Mei dan bila di *interview* oleh pemberita, *you* tahu apa itu GST? *Government Sales Tax*, *Government Service Tax*, dia menyalahkan kerajaan. Bermakna, kawan yang dok berguling atas jalan ini pun tidak faham apa dia GST. Yang dia tahu GST itu *Government Sales Tax*. Jadi, disalahkan kerajaan sebab GST.

Saya hendak cadangkan kepada kementerian, kenapa tidak guna Cukai Barangan dan Perkhidmatan (CBP). Kenapa hendak sebut GST. Jadi, kalau kita sebut, kita gunakan bahasa Malaysia, orang mungkin lebih memahaminya daripada kita panggil GST. GST, GST itu yang anti GST. Sekarang kita tukar strategi, kita panggil CBP supaya yang dok tentang GST itu biar dia. Dia sebenarnya tujuan dia hendak menggulingkan kerajaan. Dia sudah kata daripada awal. Pasal itu tumpuan dia ialah kepada anak-anak muda. Dia akan cari anak muda, dia akan cari petani-petani, orang-orang miskin. Ini cara apa yang dilakukan oleh Mao Tse Tung pada 1949. Jadi, dengan menggunakan anak muda, pada pilihan raya yang akan datang anak-anak muda ini yang akan mengundi. Bila anak-anak muda ini mengundi, di situlah mereka akan protes.

Ini cara pembangkang buat kerja. Kita faham. Jadi, kita kena *pre-empt*. Tuan Yang di-Pertua, kita kena faham, kita kena *pre-empt* mereka ini. Saya walaupun pembangkang ada, saya hendak sebut. Selalunya pembangkang yang *pre-empt* kita itu yang menjadi masalah. Sekarang kita *pre-empt* dia. Jadi, Yang Berhormat Menteri kena tengok benda ini sama.

Kemudian yang keduanya, saya menyokong rakan-rakan saya supaya kita menyeluruh ke seluruh Malaysia ini, ke seluruh negara kita. Kita turun ke padang untuk sampaikan maklumat-maklumat berkenaan dengan cukai barangan dan perkhidmatan ini. Kita jangan biar sampai mereka tidak tahu. Saya pun kasihan bila Yang Berhormat Menteri kata esok dia hendak pergi Sarawak, lepas itu hendak kena pergi Sabah. Kalau dia seorang buat kerja, 1 April 2015 akan jadi *April Fool* sebab tidak mungkin boleh selesai. Lebih baik kita perturunkan. Yang Berhormat Menteri, kita perturunkan kepada pegawai-pegawai. Saya menyokong rakan-rakan yang lain, kita perturunkan kepada pegawai-pegawai termasuklah pemimpin-pemimpin masyarakat. Kita bagi penerangan dahulu supaya mereka dapat memberi penerangan kepada rakyat jelata. Barulah benda itu sampai, barulah kita faham dan rakyat juga akan faham.

Kalau tidak, kita dok bercerita, siang malam kita bercerita, kita berhujah di dalam Dewan yang mulia ini, kita luluskan undang-undang tetapi orang tidak faham. Yang ini yang menjadi masalah sebenar.

Jadi, untuk memahami mereka, kita kena faham dahulu. Saya ingin bertanya juga kepada Yang Berhormat Menteri. Contohnya cukai import, apakah jenis barangan import yang dikecualikan? Apakah yang hendak kena cukai? Yang itu juga kita perlu tahu. Jadi, barulah kita fikir dahulu sebelum kita beli, yang mana yang kena cukai. Saya faham apa yang disebut oleh rakan-rakan tadi berkenaan dengan apa yang patut kita buat dalam inputnya atau outputnya. Hendak minta *refund*. Tempat lain ada juga VAT, macam mana dia boleh *claim* balik daripada di *airport*. Yang ini semua ada. Adakah kita hendak menuju ke situ dan kita hendak kena maklumkan kepada rakyat supaya rakyat faham sebenarnya apa yang kita hendak buat. Saya nampak macam ramai yang tidak faham, termasuk kita dalam ini. Jadi, perlulah kalau boleh Yang Berhormat Menteri, tolong jelaskan dan kalau boleh buat majlis penerangan kepada kami. Bagi kursus, biar kami faham supaya kami juga boleh bercakap dengan rakyat apabila kami balik ke kawasan masing-masing. Jadi, dengan itu sahajalah Tuan Yang di-Pertua. Saya ambil masa yang singkat sebab kawan-kawan sudah habis makan modal saya. Terima kasih banyak-banyak, saya turut menyokong. Sekian. *Wabillahitaufikwalhidayah assalamualaikum warahmatullaahaala wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Bagus Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Hajah Mariany.

5.45 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi saya ruang untuk membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan untuk semakan dan kelulusan Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dicadangkan bagi mengenakan tarif suatu percukaian untuk menggantikan Akta Cukai Jualan 1972 merupakan satu alternatif baru skim cukai yang lebih adil kepada seluruh rakyat Malaysia. Berdasarkan kepada semakan terhadap draf undang-undang ini, pengenalannya ialah bagi memperbaharui dua kali cukai yang dikenakan dalam Akta Cukai Jualan 1972. Dengan pelaksanaan kadar cukai yang baru ini sebanyak 6 peratus, merupakan yang terendah di kawasan kita jika dibandingkan dengan kadar yang sama di negeri-negeri ASEAN. Seperti yang rakan saya telah sebutkan tadi, 10 peratus di Indonesia, Vietnam, Kemboja, Filipina dan Laos dan 7 peratus di Singapura dan Thailand.

Seperti yang dimaklumkan di Dewan yang mulia ini, GST ini sudah dilaksanakan oleh lebih 160 buah negara dan kekal terbukti memberikan faedah yang terbaik dalam mekanisme pengedaran momentum perolehan pendapatan kerajaan, telah jelas kebaikannya. Namun di Malaysia ini apabila rang undang-undang ini diperkenalkan dan dibentangkan di Parlimen, ia dipolitikkan oleh pihak-pihak tertentu yang lebih suka memutar belitkan isu ini. Ini kerana inilah peluang untuk mereka mengelirukan rakyat akan kesan kenaikan kos sara hidup dan ketidakadilan sosial terhadap golongan berpendapatan rendah kononnya.

Oleh yang demikian, bagi mengelakkan putar belit itu, saya mohon kementerian mengkaji dan memperincikan dalam jadual pertama mengenai perkara-perkara yang akan dikira sebagai suatu perbekalan barang atau perkhidmatan secara jelas dan terperinci. Ini kerana saya dapat maklum apabila GST ini dilaksanakan pada 1 April 2015, sebanyak 689 barangan dan perkhidmatan akan dikenakan GST. Hampir 273 buah produk yang dahulunya dikenakan 10 peratus cukai jualan yang akan dikenakan dalam Akta Cukai Jualan 1972, perlu disenaraikan secara jelas dalam jadual pertama Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ini agar memudahkan rakyat menyemak dan memahami Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang bakal diwartakan.

Selain itu, di seksyen 4, Jadual Pertama, perenggan 4, tajuk utiliti dan sebagainya. Saya berpandangan pembekalan dalam apa-apa bentuk kuasa termasuk elektrik dan bekalan gas, air, penyejukan, penyaman udara atau pengalihan udara ialah suatu pembekalan barang, hendaklah juga dimasukkan perkataan iaitu ditambah.

Ini cadangan saya untuk ditambah seperti 'steam' iaitu wap, 'kumbahan industri', 'barangan produk petroleum yang di dalam talian paip' yang mana ianya banyak beroperasi di kawasan industri agar takrifan mengenai suatu perbekalan barang diperhalusi dan diperjelaskan.

Bagi kandungan jadual kedua juga, suatu senarai yang jelas perlu juga diperjelaskan mengikut nama produk akhir agar tidak berlaku kekeliruan pada pengguna. Sekian Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong rang undang-undang ini. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya, dipersilakan Yang Berhormat Hajah Rohani Abdullah. Silakan Yang Berhormat.

■1750

5.50 ptg.

Puan Hajah Rohani binti Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Pagi tadi kita telah mengikuti penerangan oleh Yang Berhormat Menteri, penerangan mengenai GST. Saya kira sudah jelas dan saya pun tidak akan panjangkan lagi apa yang telah kita sama-sama bincang sepanjang petang ini. Cuma, saya sentuh sedikit iaitu berkaitan dengan GST ini ialah perkara yang ingin ditekankan di sini cukai GST ini luas asasnya dan dikenakan berdasarkan jumlah penggunaan. Sekiranya orang kaya-raya, kiranya kalau banyak berbelanja, maka dikenakan cukai tetapi kalau orang kurang pendapatannya, tidak cukai. Itu senang sahaja, dan berkaitan 6 peratus dan 16 peratus, *very simple*. Itu semua kita dah jelas.

Cuma, saya merasakan kita perlu tegaskan lagi, Tuan Yang di-Pertua iaitu persoalan saya kepada kementerian, apakah persediaan yang diambil dalam meningkatkan kualiti pencapaian dan pendidikan kepada rakyat untuk memahami apa sebenarnya GST iaitu tentang kebaikan dan tentu sekali keburukannya yang ada sedikit sebanyak dapat diatasi?

Kedua, apabila GST dilaksanakan, sejauh mana langkah yang akan diambil kerajaan bagi mengelakkan harga barangan dinaikkan sesuka hati oleh peniaga yang pasti akan ada yang cuba mengambil kesempatan daripada GST ini?

Ketiga, adakah kerajaan berhasrat untuk menghapuskan cukai *service tax* yang dikenakan oleh kebanyakan kedai makan, restoran dan hotel kepada pengguna setelah pelaksanaan GST ini?

Keempat, pihak kementerian seharusnya telah mengedarkan senarai barangan yang akan dikenakan GST untuk makluman rakyat bermula dari sekarang agar rakyat jelas dan maklum akan barangan yang dikenakan GST bagi mengelakkan rakyat ditipu oleh peniaga.

Dan yang akhirnya, bagaimanakah pertumbuhan ekonomi negara kita selepas GST dilaksanakan dan bagaimanakah pelaksanaan GST ini dapat membawa negara mencapai negara maju menjelang tahun 2020?

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah melantik 500 orang penceramah untuk memberi penerangan yang sejelas-jelasnya berkaitan GST ini dan saya kira penceramah seramai 500 orang ini akan turun ke akar umbi supaya rakyat tidak lagi terumbang-ambing dan rakyat tidak lagi diperdaya dan ditipu helah oleh pihak yang tidak bertanggungjawab. Kalau kita perhatikan, makcik yang jual nasi lemak itu kalau dikatakan kena GST, memanglah makcik itu risau sebab nasi lemak itu bukan banyak sangat untungnya, tetapi apabila ada jentera kerajaan yang boleh memberi penjelasan kepada rakyat jelata di peringkat akar umbi, saya rasa GST ini dapat difahami keseluruhannya dan tidak ada masalah bagi kerajaan untuk menjalankannya.

Oleh itu, saya dengan jelasnya akan sentiasa akan menyokong Rang Undang-undang Barang dan Perkhidmatan 2014, GST ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman. Silakan Yang Berhormat.

5.54 ptg.

Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi kesempatan kepada saya untuk sama-sama membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya cuma ingin menyentuh sedikit sahaja perkara berkenaan dengan implementasi kerana memandangkan rata-rata kawan-kawan saya dalam Dewan ini telah menyentuh dengan begitu lebar mengenai GST ini. Bahagian akta yang menjadi kemusykilan saya adalah iaitu di muka surat 19, Bahagian II, pentadbiran, ketua pengarah dan pegawai lain dan tanggungjawab mereka. Fasal 5(3), "*Mana-mana orang selain pegawai kastam boleh dilantik atau diambil kerja dengan persetujuan Ketua Pengarah*". Ini bermakna pelantikan pegawai-pegawai GST dan mohon Menteri memberi pencerahan.

Persoalan yang timbul adalah yang pertama, adakah ia bermaksud siapa-siapa sahaja? Itu yang pertama. Yang kedua, saya ingin bertanya adakah ia bermaksud bukan warganegara pun boleh dilantik? Soalan saya yang ketiga, adakah lantikan itu bersifat tetap ataupun bersifat sementara? Dan yang keempat, apakah justifikasi klausa fasal 5(3) ini? Yang kelima, kurangkan lagi pegawai-pegawai kastam untuk menjalankan tugas sebagai pegawai GST? Dan yang keenam, apakah pelantikan ini tertakluk juga di bawah Akta Kastam 1967?

Persoalan-persoalan ini timbul disebabkan jawatan pegawai GST ini tidak diperketat. Jika tidak diperketat, akan menyebabkan ramai menganggap kerajaan tidak serius terhadapnya atau mungkin menganggap kerajaan tidak mampu mewujudkan satu pasukan di kalangan kakitangan kastam sendiri dengan mengimport tenaga kerja dari luar. Isu kredibiliti timbul di sini, malah integriti juga boleh dipersoalkan.

Yang keduanya, muka surat 20, Bahagian II iaitu berkenaan pentadbiran iaitu pengiktirafan jawatan. Fasal 6(3) merujuk kesalahan penyamaran. Jika tersabit dengan kesalahan penyamaran, boleh didenda sebanyak RM50,000 atau dipenjarakan tidak lebih daripada tiga tahun. Seperkara yang hendak ditekankan di sini bahawa kes-kes penyamaran sekarang ini sudah semakin canggih. Kes-kes penyamaran menggunakan uniform penguat kuasa, kad penguat kuasa, kenderaan penguat kuasa sudah menular kepada penyamaran di internet. Penyamaran ini juga kadang-kadang dilakukan oleh orang asing. Pernah terjadi di kawasan tumpuan pelancong di Bukit Bintang, warga Arab menyamar sebagai pegawai polis Bukit Aman memperdaya dan mengugut pelancong-pelancong Arab. Faktor penyamaran ini juga berkait rapat dengan mudahnya orang ramai mendapatkan uniform,encana dan pelbagai peralatan yang boleh dibeli di pelbagai premis jualan peralatan uniform. Sehubungan dengan itu, disarankan supaya untuk membendung gejala penyamaran ini, pihak kerajaan mestilah memikirkan apakah langkah memperketat lagi syarat.

Seterusnya yang ketiga iaitu muka surat 22, Bahagian III berkenaan dengan pengenaan dan skop cukai barang dan perkhidmatan dan sebagainya iaitu fasal 9(1)(b) merujuk kepada pengimportan barang ke Malaysia. Persoalannya, kenapa pengimportan barang sahaja tercatat dikenakan levi sedangkan pengimportan perkhidmatan juga perlu dikenakan levi. Perlu penjelasan sebab selama ini sebagai contohnya bagi buruh asing, ada levi dikutip setiap tahun bergantung pada sektor pekerjaan mereka. Bagaimanakah pula dengan pengimportan perkhidmatan dari luar negara? Mungkin dalam sesuatu skil atau tahap profesionalisme yang tiada sumbernya dari dalam negara. Ini perlu diperhalusi oleh pihak kastam.

Seterusnya yang keempat, yang akhir bagi saya iaitu di muka surat 78, Bahagian VI, Kumpulan Wang Bagi Pembayaran Balik Cukai Barang dan Perkhidmatan, Sistem Bayaran Balik Pelancong. Fasal 61(1), 61(2) dan 61(3) menerangkan berkenaan satu skim bergelar Skim Bayaran Balik Pelancong, berkenaan kuasa Menteri melantik sesiapa menjadi ejen pembayaran balik dan kuasa Menteri menentukan kaedah pelaksanaannya.

Skim ini amat menarik perhatian kerana skim ini membolehkan para pelancong mendapatkan sebahagian wang mereka yang dibelanjakan semasa tempoh masa mereka melancong di Malaysia.

Sungguhpun begitu, persoalannya ialah apakah kaedah yang digunakan? Ini perlu penjelasan. Umpamanya di Singapura wujud *Electronic Tourist Refund Scheme*. Ini memudahkan para pelancong mengisi borang tuntutan atas talian iaitu *online* atau seperti di UK yang mengadakan *Centre Refund Counter (CRC)* iaitu selepas kaunter imigresen di balai pelepasan di setiap lapangan terbang antarabangsa, bagaimanakah kaedah pemulangan duit itu? Ini juga perlu diperjelaskan sama ada melalui bayaran kad kredit ataupun tunai. Adakah fi ataupun bayaran perkhidmatan dikenakan?

■1800

Jika di Singapura, sebahagian wang dipulangkan akan dipotong sebagai fi perkhidmatan mereka. Apakah tempoh pembayaran balik wang itu boleh dicapai? Jika ia sebagai KPI, semestinya pihak kerajaan memikirkan dari sekarang mekanismenya.

Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Dipersilakan Yang Berhormat.

6.00 ptg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warrahmatullaahi wabarakaatuh*. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil sedikit bahagian dalam perbahasan tentang cukai barangan dan perkhidmatan (GST) yang telah banyak di bahas oleh rakan-rakan Yang Berhormat di dalam Dewan ini sepanjang hari ini.

Saya juga telah banyak bercakap tentang GST ini sejak tahun dahulu lagi, sebelum ia diperkenalkan untuk dibahaskan di dalam Dewan Rakyat baru-baru ini. saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah berusaha bersungguh-sungguh untuk menggubal satu undang-undang mengenainya yang sedang kita bahaskan pada hari ini untuk diluluskan, *insya-Allah*.

Setelah mengikuti perbahasan daripada rakan-rakan Yang Berhormat sepanjang petang ini, saya tidak ada banyak perkara yang boleh saya sentuh kecuali hanya beberapa perkara kecil dari sudut pelaksanaannya.

Saya juga menghargai usaha-usaha kerajaan menjelaskan peranan dan mekanisme GST ini dalam pelbagai bentuk sehinggalah ke akar umbi. Sehingga sekarang ini, kami di dalam UMNO sepanjang Mesyuarat Agung Cawangan UMNO yang sedang berlangsung sekarang ini, kami mengambil inisiatif. Satu daripadanya menjelaskan apa itu GST, apakah faedah-faedahnya kepada masyarakat akar umbi khususnya di kampung-kampung? Daripada maklum balas yang kami dapat, orang-orang kampung ataupun orang-orang luar bandar ini tak ada masalah untuk menerima GST ini. Jadi, kenapa penentangan-penentangan ini dibuat oleh sesetengah pihak khususnya parti pembangkang yang menganjurkan bantahan, demonstrasi dan sebagainya. Apa yang ini saya rasa amat mengelirukan masyarakat di bawah sana.

Tuan Yang di-Pertua, di Malaysia ini ada satu keunikan. Demonstrasi berbentuk *street fighter* ini selalu dianjurkan oleh parti politik dan parti politik ini parti pembangkanglah. Negara-negara lain ada demonstrasi, bukan kata tak ada. UK, US ada, *Germany* terutama sekali. Akan tetapi mereka dianjurkan oleh pihak-pihak yang benar-benar faham tentang apa yang mereka hendak suarakan dan jarang sekali melibatkan parti-parti politik.

Ukkah, cakaplah apa pun dekat *Speaker's Corner* apa nama dipanggil, *Hyde Park* ya? Tidak ada masalah. Akan tetapi kita di sini, parti pembangkang yang memainkan peranan utama menganjurkan demonstrasi dan kerajaan kita membenarkan dengan syarat kita sudah ada undang-undang baru ini dibuat secara aman. Akan tetapi bila sudah berlaku pergaduhan baru-baru ini, yang akhirnya mereka ini dia jadi trend menyalahkan kerajaan juga. Inilah dia *street fighter* di Malaysia ini.

Berbalik semula kepada GST ini. Saya menerangkan kepada masyarakat di luar bandar tentang GST ini. *Basic human needs*, keperluan asas manusia ini, makanan, tempat tinggal dan kesihatan- pelajaran dan sebagainya. *Basic* ini *actually* makanan. Barang makanan berapa belas itu yang tak kena GST, betul? Tempat tinggal, okey kita fahamlah harga rumah sudah naik dan sebagainya. Akan tetapi itulah tadi dia sudah dibahaskan oleh Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar tadi. Harga rumah ini kalau dia naik pun bukan kerana GST.

Sepatutnya dengan ada GST, kerana barang-barang itu sudah adapun cukainya selama ini. Kalau naik pun kerana kos-kos yang lain. Tempat tinggal kerajaan telah menyediakan banyak skim perumahan rakyat, mana yang hendak beli. Ini PR1MA ini berapa ribu buah rumah yang akan disediakan untuk pembeli-pembeli. *Healthcare*, kesihatan tak ada GST, betul? *Education kita basically is free*. Betul tak? Jadi maknanya rakyat kita ini *is well taken care of by the Government*, dengan izin. *Basic needs*lah. *Basic needs*, itu yang hendak pakai motokar besar itu lain cerita. Hendak beli banglo itu lain cerita. Tak hendak pergi hospital kerajaan, hendak duduk apa? Glenmarie, apa Glenmarie ya, Gleneagles ya? Ya, Gleneagles itu, itu soal lain. Itu different *class of people*lah, dengan izin.

Kedua, golongan yang bising ini tentang GST ini, yang saya amat-amati golongan peniaga itu. *The business circle* ini. Bukan *business* yang besar-besar itu. Ini yang pertengahan. Apa yang selama ini menikmati dengan suka hati naikkan harga selepas itu *blame the government*. Kali ini pun mereka menggunakan taktik yang sama juga. Atas alasan GST, dia akan naikkan harga. Teh tarik, kalau RM1.50 mungkin naik. Sudah naik pun, sudah naik pun sekarang ini. Betul tak? Sudah naik pun. Mi bandung, mi bandung Muar dekat USJ itu, warung jual RM6 satu pinggan. Warung yang lagi satu, dekat sahaja sudah RM8. Boon Som, ini bukan mi siam ya. Ini mi bandung [*Ketawa*] Mi bandung, siapa yang duduk USJ ini- saya tahulah... [*Disampuk*] Ya, nasi kandar.

Jadi mereka ini naikkan harga sesuka hati selepas itu dia kata ini GST. Jadi saya minta kerajaan nanti, di samping memantau GST ini, pemantauan harga ini pun kena tengok samalah, walaupun benda itu bukan barang yang dikawal. Akan tetapi caranya itu, saya pun tak nampak macam mana. Golongan peniaga ini dia pandai. Kemudian dari sudut implementasi. Implementasi, kita belum *implement* kan lagi, kita belum melaksanakannya pun, April 2015. Saya dahulu suka membaca tentang NASA- *National Aerospace Agency*. Kita hantar Apollo 1, 2, 3, US lah. Apollo 1, 2, dan 3 itu bukan dia terus tegak. Dia lari daripada sasaran. Banyak kali lari.

■1810

Ia turun balik pun banyak kali lari. Tunggu di laut sini, ia turun terjah di sana. Maknanya dalam mengimplementasikan sesuatu perkara ini tidak ada yang 100 peratus terus kepada *target*. Yang Apollo berapa yang sampai ke bulan itu banyak ia melencong-lencong tetapi ada proses *correction* yang dipanggil, pembetulan-pembetulan yang dibuat sehingga akhirnya tepat. Apollo yang ke berapa itu sampai ke bulan, Neil Amstrong. *Moral of the story* ialah dasar-dasar seperti ini memang kita menghadapi cabaran, akan menghadapi masalah tetapi saya yakin kerajaan akan bersedia untuk menambah baik apa jua dasar yang di peringkat pelaksanaannya ada masalah, ada kekangan dan ada halangan. Jadi proses implementasi ini, *correction* ini akan sentiasa dibuat dari masa ke semasa.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, sistem kewangan. Saya bukan ahli ekonomi, saya dilatih dalam bidang sosiologi, antropologi. Jadi *monitory* sistem ini begini yang saya faham, kalau apa yang kita dapat duit ini kita belanjakan semula, ini Dr. Mahathir selalu cakap. Kalau kita simpan sahaja, ekonomi kita tidak berkembang. So bila kita dapat duit, kita belanja semula, ia akan merencanakan lagi sistem ekonomi kita, aktiviti ekonomi kita dan duit itu pun tidak lari, ia masih berada dalam sistem kita. Yang lari ini yang bawa ke luar negara, pekerja-pekerja asing yang membawa ke luar negara, itu yang berbilion-bilion, itu yang duit itu keluar. Akan tetapi kalau kerajaan cukai pun kepada rakyat kita, duit itu nanti akan dipulangkan balik ke dalam *monetary system* kita dan merencanakan semula ekonomi. BR1M, kerajaan bagi BR1M pada rakyat. Bukan semua orang simpan duit itu, hari esok dia dah pergi *shopping*. Dia beli barang runcit sedikit, pakaian sedikit *so that money is being plot back into this system*, golongan peniaga dapat, orang ini dapat, semua dapat, rancak ekonomi kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya yakin yang GST ini *insya-Allah* akan diluluskan pada hari ini akan menyumbang kepada kerajaan dari sudut cukai dan pada akhirnya juga akan menyumbang balik kepada kesejahteraan rakyat. Sekian terima kasih, saya mohon menyokong.

6.13 ptg.

Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya saya menyokong rang undang-undang ini namun terlebih dahulu saya ingin mengutarakan pandangan saya.

Sebenarnya kita daripada parti kita telah mendengar taklimat dan penjelasan tentang GST ini, seramai kurang lebih 500 lebih kepimpinan daripada parti kita telah mendengar taklimat tentang GST sendiri daripada Pengarah Kastam Diraja Negeri Sabah di Dewan Undangan Negeri pada 5 Mac yang lepas. Namun saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan ini tetapi ia tidak akan sampai setengah jam. Kerajaan telah menyatakan bahawa langkah untuk memperkenalkan cukai baru ini adalah bertujuan untuk memperkukuhkan kedudukan fiskal negara. Sejak itu, pelbagai reaksi positif dan negatif dan pandangan telah diutarakan hingga menimbulkan perdebatan hangat yang membicarakan sama ada langkah tersebut wajar atau tidak.

Impak yang ingin diketahui sama ada ia akan membantu atau membebankan rakyat khususnya rakyat berpendapatan rendah dan sederhana. Dalam membahaskan isu ini, secara umumnya pakar-pakar percukaian di Malaysia bersetuju bahawa kaedah GST jika dilaksanakan akan membantu kerajaan untuk meningkatkan pendapatan cukai dalam jangka masa panjang. Namun mereka berbeza pendapat berhubung kesannya kepada pengguna. Buat masa sekarang, sistem percukaian negara dilaksanakan mengikut sistem SST yang menjadi sebahagian daripada kos barangan dan perkhidmatan semenjak tahun 1972 lagi. Sebenarnya bermula daripada Akta Cukai Jualan 1972 dan Akta Cukai Perkhidmatan pada tahun 1975 dan dikenali sebagai SST.

Walaupun GST akan dikenakan pada setiap peringkat urus niaga, namun pada akhirnya pengguna hanya membayar sekali sahaja cukai kerana GST mempunyai mekanisme *input tax credit*, dengan izin, di mana cukai yang dibayar oleh sesebuah firma dalam proses pembuatan dan pengagihan boleh dituntut balik. Cuma penggunaan akhir sahaja yang tidak dapat meminta balik cukai yang dibayar. Melalui kaedah GST yang dicadangkan, pengguna hanya perlu membayar satu kali cukai sahaja pada kadar 6 peratus. Dengan sistem ini, kutipan cukai yang lebih telus dan harga barang pengguna akan menjadi lebih murah. Namun terdapat pandangan yang mengatakan bahawa ada beberapa aspek pelaksanaan GST yang akan menghasilkan keadaan di mana harga barangan akan meningkat.

Dengan pelaksanaan GST walaupun kadar cukai adalah lebih rendah dan banyak barangan dan keperluan asas adalah dikecualikan daripada cukai, namun skop GST adalah lebih besar kerana melibatkan banyak aktiviti urus niaga. Sebagai contoh, kos menghasilkan alat keluaran seperti mesin, bahan pembungkusan elektrik dan lain-lain semuanya akan dikenakan GST. Akibatnya, pengilang terpaksa menaikkan harga untuk menampung kenaikan kos akibat GST ini. Walaupun ia melibatkan pengeluaran barangan asas. Dalam erti kata yang lain, walaupun kadar cukai 10 peratus sekarang iaitu cukai SST akan dikurangkan menjadi 6 peratus di bawah GST, hakikatnya sekarang hanya 6 peratus hingga 7 peratus perkhidmatan harian yang dikenakan cukai dan hanya 10 peratus hingga ke-15 peratus barangan harian yang digunakan dikenakan cukai.

Namun di bawah sistem GST nanti, 90 peratus daripada barangan dan perkhidmatan harian dikenakan cukai walaupun pada kadar yang lebih rendah. Jadi bebanan rakyat seharian menjadi semakin tinggi kerana semakin banyak barangan dan perkhidmatan yang perlu dibayar cukai. Kos melaksanakan GST seperti mencetak invoice baru, membayar akauntan, kursus dan lain-lain dianggarkan mencecah RM15,000 setahun bagi setiap syarikat. Perbelanjaan ini akan dimasukkan dalam kos yang akan menaikkan harga. Ini akan memberi kesan kepada peningkatan harga sesuatu barang.

Justeru, saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri, adakah benar kesan GST ini akan menyebabkan harga barangan dan perkhidmatan akan naik disebabkan kenaikan kos pengeluaran seperti mana yang diandaikan mengikut contoh yang telah diberikan ini.

■1820

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan GST ini saya melihat pelbagai faedah akan dapat di kecapi oleh rakyat. Di samping itu dapat membantu kerajaan memperbaiki lagi kedudukan kewangan negara. Antaranya ialah seramai 300,000 orang pembayar cukai pendapatan tidak lagi perlu membayar cukai. Manakala yang perlu membayar cukai pula akan menikmati penjimatan pembayaran cukai. Ini meliputi syarikat perniagaan yang akan menikmati pengurangan kadar cukai satu mata peratus daripada 25 peratus kepada 24 peratus. Manakala kadar cukai pendapatan syarikat kecil dan sederhana dikurangkan satu mata peratus daripada 20 peratus kepada 19 peratus.

Kita melihat bahawa sebanyak 160 buah negara di dunia telah pun melaksanakan GST. Tidak ada pun negara selepas melaksanakan GST kemudian membatalkannya seperti apa yang diuar-uarkan oleh pihak pembangkang yang mengecam dan menuduh kerajaan kejam kerana langkah memperkenalkan GST ini akan membebankan rakyat.

Semasa pembahasan di Dewan Rakyat, pihak pembangkang telah mengambil contoh negara Australia. Di mana semasa di bawah pentadbiran kerajaan mantan Perdana Menteri John Howard, sistem GST yang hendak diperkenalkan telah dikritik hebat dan dikatakan tidak baik. Namun setelah beberapa tahun, akhirnya GST yang menjadi pertikaian ini telah dapat dilaksanakan pada 1 Julai 2000. John Howard sendiri yang pada awalnya menentang idea pelaksanaan GST ini akhirnya mengakui GST adalah baik dan sistem percukaian tersebut dilaksanakan sehingga hari ini.

Justeru ingin saya menekankan di sini bahawa pihak pembangkang dan sekutunya mengadakan demonstrasi menentang GST pada 1 Mei lepas satu usaha yang sia-sia. Ini kerana dunia telah membuktikan bahawa ia satu sistem percukaian yang berjaya. Saya percaya dengan penerangan yang jelas oleh kerajaan kepada rakyat berhubung GST dapat memberi penjelasan yang sebenar akan kesan dan faedah GST ini kepada mereka.

Oleh itu adalah diharapkan kerajaan dapat mempergiatkan lagi kempen penerangan GST kepada rakyat agar mereka tidak mudah terpedaya dengan hasutan pembangkang. Dengan pelaksanaan GST adalah diharapkan akan membawa lebih manfaat kepada negara termasuk memberikan pembangunan yang lebih baik di kawasan-kawasan luar bandar. Saya mohon menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya dipersilakan Yang Berhormat Datuk Raja Ropiaah.

6.24 ptg.

Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah: *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya terus membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014, saya ingin menzahirkan rasa kesal saya atas tindakan yang dibuat oleh sekumpulan orang yang ingin mengelirukan rakyat dengan fakta-fakta yang kurang tepat dan mengganggu gugat kesejahteraan negara dengan membuat bantahan kepada pelaksanaan GST yang sebenarnya akan membawa manfaat kepada negara dan rakyat Malaysia.

Saya berharap bahawa jangan hanya kita ambil tindakan kepada penjawat awam dan pelajar-pelajar universiti sahaja kerana sesungguhnya kerajaan mestilah bertegas dan mengambil tindakan kepada semua yang telah melanggar syarat-syarat perhimpunan yang telah diadakan.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan mengambil keputusan untuk melaksanakan GST menggantikan SST setelah membuat kajian secara menyeluruh dan terperinci.

Mengambil kira setiap sudut dan aspek supaya pelaksanaan GST ini tidak membebankan rakyat dan peniaga demi menentukan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin dan Malaysia kekal sebagai sebuah negara yang mempunyai daya saing yang tinggi. Kajian yang dijalankan, saya difahamkan juga termasuklah mendapatkan maklum balas tentang keberkesanan GST yang telah dilaksanakan di negara-negara yang lain.

Saya turut berasa bersyukur bahawa kadar yang dicadangkan adalah amat berpatutan iaitu 6 peratus. Ini adalah yang terendah setakat ini untuk negara-negara ASEAN. Thailand dan Singapura 7 peratus. Kemboja, Indonesia, Vietnam dan Laos ialah 10 peratus. Manakala yang tertinggi di ASEAN ialah 12 peratus iaitu Filipina. Masih banyak lagi rakyat yang mempersoalkan pelaksanaan GST kerana mungkin tidak memahami dengan sepenuhnya tentang kelebihan GST berbanding SST dan juga kempen-kempen negatif dan tidak bertanggungjawab yang telah dijalankan oleh pihak lawan.

Cukai barangan dan perkhidmatan merupakan cukai penggunaan menyeluruh dan ia menjadi mekanisme kerajaan di seluruh dunia untuk mengutip hasil. Malaysia tidak terkecuali bertepatan dengan saranan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju. Menjadi satu tanggungjawab kerajaan untuk membuat penambahbaikan ke atas sistem cukai sedia ada iaitu dengan melalui mereformasi sistem cukai supaya menjadi lebih mudah, telus dan lebih cekap.

Reformasi cukai juga perlu untuk meningkatkan hasil dan menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Pelaksanaan GST akan membolehkan kerajaan menurunkan kadar cukai pendapatan tidak kira bagi individu mahupun korporat dan menjadikan Malaysia lebih berdaya saing bagi menarik pelabur-pelabur asing untuk menanam modal di dalam negara ini. GST bukanlah satu cukai yang baru. Sehingga kini terdapat lebih 160 buah negara telah melaksanakan sistem GST ini. Diperkenalkan di negara Perancis di sekitar tahun 1950-an ia diguna luas antara dunia.

Di ASEAN, hanya tiga buah negara sahaja yang belum memperkenalkannya iaitu Brunei dan *Myanmar* selain dari Malaysia. Kalau 160 buah lebih negara di dunia ini telah melaksanakannya seperti kata Perdana Menteri baru-baru ini dengan izin, "*...160 countries cannot all be wrong.*" Jadi saya rasa oleh sebab kita telah membuat banyak kajian ia bukannya berdasarkan kepada institusi sahaja, kita betul-betul mengimplementasikan GST berdasarkan kajian.

Oleh sebab kerajaan perlu menjaga kepentingan rakyat, saya merasakan adalah penting bagi kerajaan untuk melalui GST bagi mendapatkan pendapatan yang lebih. Di mana tambahan pendapatan satu perkara yang sentiasa diusahakan oleh kerajaan tetapi pada masa yang sama tidak membebankan rakyat. Saya difahamkan bahawa sekarang ini banyak daripada mereka yang berniaga terlepas atau lari daripada membayar cukai dan ini merugikan negara. Dalam kerugian ini boleh diterjemahkan kepada terlepasnya peluang kerajaan untuk memberi lebih perkhidmatan kepada rakyatnya dengan tidak mendapat kutipan *tax* jualan dan perkhidmatan yang sepatutnya telah dibayar oleh peniaga kepada kerajaan.

Secara jangka panjang, Malaysia tidak boleh bergantung sepenuhnya kepada sumber petroleum memandangkan bahan tersebut lama-kelamaan akan susut. Oleh itu pelaksanaan GST ini dilihat dapat mengatasi sebahagian masalah kebergantungan ini. Kelemahan sistem SST juga dapat dilihat dari sudut pengenaan cukai yang berganda.

■1830

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Masalah seperti ini tidak berlaku dalam kaedah GST. Kaedah GST merupakan cukai kegunaan yang dikenakan pada setiap peringkat pengagihan dan pengedaran. Kaedah ini juga membenarkan peniaga menuntut kembali GST yang dibayar ke atas input perniagaan. Ini merupakan salah satu tarikan yang menarik minat sektor perniagaan untuk berdaftar sebagai syarikat GST. GST jika dilaksanakan seperti di negara lain contohnya di Singapura, apabila dilaksanakan GST, kadar cukai pendapatan dikurangkan secara berperingkat. Ini akan memberi kesan positif kepada pembayar cukai pendapatan di mana mereka akan ada lebih pendapatan boleh guna, dengan izin, *disposable income* untuk dibelanjakan ataupun disimpan.

Saya berharap ini akan dibuat oleh kerajaan Malaysia demi kepentingan rakyat. GST juga secara tidak langsung akan menggalakkan rakyat menyimpan untuk pelaburan dan berbelanja secara berhemah dan jika perlu sahaja. Seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal tadi, rakyat diberi *choice* ataupun pilihan. Inilah keistimewaannya di Malaysia ini.

Untuk menentukan GST tidak membebankan rakyat, kerajaan akan mengambil langkah yang proaktif, saya difahamkan untuk menentukan harga barang tidak akan naik dengan tidak ada asas. Saya difahamkan panduan pengguna telah diterbitkan supaya orang ramai mengetahui impak pelaksanaan GST kepada banyak jenis barang supaya peniaga boleh menurunkan harga barang tersebut pada kadar yang sesuai. Panduan ini seharusnya diedarkan secepat mungkin dan lebih menyeluruh kepada semua rakyat.

Saya juga difahamkan bahawa ada usaha untuk berbincang dengan pasar raya besar di negara ini supaya mengekalkan harga lama jika harga barang berkenaan meningkat selepas GST diperkenalkan. Mereka meminta pasar raya menyerap perubahan harga yang disebabkan oleh pelaksanaan GST. Adalah penting supaya pasar raya besar tidak menaikkan harga kerana terdapat juga peruncit yang membeli barang secara pukal daripada mereka untuk dijual semula di tempat lain.

GST juga dikecualikan ke atas barangan keperluan, seperti kita tahu produk pertanian serta makanan asas bagi memastikan ia tidak membebankan rakyat khususnya golongan miskin dan berpendapatan rendah. Menteri Kewangan II pernah menyatakan pelaksanaan GST berupaya mengurangkan kos operasi para peniaga di negara ini dengan penjimatan tahunan sebanyak RM4 bilion bagi semua sektor perniagaan dan RM1.4 bilion untuk sektor eksport. Ini kerana syarikat yang mencatatkan perolehan tahunan kurang daripada RM500,000 dikecualikan daripada membayar GST. Kira-kira 70 peratus industri kecil dan sederhana di negara ini akan diberikan pengecualian GST. Selain itu, pelaksanaan GST juga mengecualikan syarikat besar daripada membayar beberapa yuran profesional. Jadi sudah tentu pelaksanaan GST memberi situasi menang-menang buat rakyat dan kerajaan.

Penubuhan Tabung Bayaran GST dalam bahagian 6 menunjukkan komitmen kerajaan untuk membayar balik GST dalam tempoh 14 hari bekerja jika borang dihantar secara elektronik dan bayaran balik dalam masa 28 hari bekerja kalau dihantar secara manual. Ini usaha dan komitmen kerajaan untuk menentukan tidak ada bebanan kepada peniaga dalam menanggung kos kewangan dengan bayaran yang cepat dan efisien.

Satu perkara lagi yang ingin saya ketengahkan ialah tentang Skim Bayar Balik Pelancong iaitu dalam Bahagian VII, fasal 56 hingga fasal 63 di mana ada pelepasan, pembayaran balik dan peremitan di mana ada mekanisme dalam keadaan tertentu diberi pelepasan, contohnya ke atas perolehan barang yang dibuat oleh kerajaan. GST menentukan ada mekanisme untuk merangsang ekonomi yang terpilih, contohnya industri pelancongan. Pendapatan negara dari industri pelancongan adalah besar sekali dan Malaysia destinasi beli-belah yang utama. Jadi, Skim Bayar Balik Pelancong sudah pasti akan menggalakkan pelancong untuk lebih berbelanja di Malaysia dan membawa lebih keuntungan kepada peniaga-peniaga yang terlibat dalam industri pelancongan. Sebagai sebuah kerajaan yang bertanggungjawab dan ideal, akta ini juga ada mengusulkan untuk penubuhan Tribunal Rayuan GST untuk memberi ruang kepada sesiapa yang tidak puas hati membuat rayuan di atas apa-apa keputusan yang dibuat oleh Ketua Pengarah Kastam.

Akhir sekali, saya juga ingin dimaklumkan berapakah sebenarnya pendapatan tambahan kepada negara dengan mengimplementasikan sistem GST ini? Apakah impak GST ini kepada inflasi dan juga kepada perniagaan? Adakah ini salah satu langkah yang paling holistik untuk reformasi kepada sistem cukai negara? Pada masa yang sama, kerajaan juga kenalah tentukan bahawa peniaga-peniaga tidak mengambil kesempatan atas sistem GST ini terutamanya di peringkat awal pelaksanaan. Dengan cadangan rang undang-undang ini negara kita akan mempunyai sistem percukaian yang lebih telus, efisien dan mesra perniagaan. *Insyaa-Allah* negara juga akan dapat mengurangkan kebergantungan kepada hasil daripada cukai pendapatan dan hasil petroleum. Hasil cukai pendapatan adalah tertakluk kepada keadaan ekonomi pada satu-satu masa dan hasil dari petroleum tidaklah merupakan sumber hasil yang berkekalan. Pelaksanaan GST adalah amat tepat dan kena pada masanya dalam usaha Malaysia menuju ke arah negara maju berpendapatan tinggi tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Kita ada lima orang ingin berhujah dalam hal ini. Sebagaimana saya selalu pesan, cuba fokus kepada apa Yang Berhormat fikir perlu selain daripada- Rang undang-undang sudah ada di depan Yang Berhormat semua. Semua sudah tahu dan boleh baca. Akan tetapi apa yang perlu dipertingkatkan, difokuskan, apa teguran dan komen yang difikirkan lebih konstruktif untuk melaksanakannya untuk dapat pihak kementerian mengambil kira.

Tanpa buang masa saya silakan Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam.

6.38 ptg.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Pertama, saya hendak ucapkan tahniahlah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan BN kerana hari ini genap setahun BN berkuasa semula di negara kita selepas PRU yang lepas [*Tepuk*]

Kedua, saya ingin menyokong rang undang-undang pelaksanaan GST yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri pada pagi tadi. Ini kerana ia dapat menyelaraskan semula sistem percukaian negara yang ketika ini tidak berapa adil oleh sebab ramai pihak yang patut bayar cukai tetapi mereka tidak membayar cukai. Banyak ketirisan telah berlaku kerana itu kita melihat ada yang kaya, terlalu kaya dan mereka yang miskin sukar untuk mengejar dan mendapat kehidupan yang lebih selesa. Dengan adanya cukai GST ini, maka saya yakin mereka yang terlepas, masa yang lepas akan tidak terlepas lagi.

Di samping itu juga, GST ini pada permulaan saya dapati mungkin akan menaikkan sedikit kos hidup seperti yang berlaku di banyak negara. Akan tetapi ini keadaan sementara. Ia terpaksa dihadapi tetapi setelah satu, dua tahun saya yakin sistem ini akan berjalan dengan baik. Inilah juga yang telah dihadapi di banyak negara yang telah mencuba. Oleh sebab itu mereka tidak membatalkannya. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah setelah kita laksanakan GST ini, kita dapat memperbaiki lagi jurang antara yang berada dengan tidak berada?

■1840

Sekarang *gap* pendapatan antara yang berpendapatan tinggi, berpendapatan sederhana dan juga berpendapatan rendah masih lagi agak jauh ataupun besar. Tahun pertama kita laksanakan, apakah yang akan berlaku di penghujung tahun? Tahun yang kedua, tahun yang ketiga dan sampailah tahun 2020. Jika pengenalan GST mampu merapatkan jurang pendapatan di kalangan rakyat yang berpendapatan tinggi, sederhana dan rendah, maka saya percaya sistem ini sudah tentu dapat dengan segera menjawab tuduhan-tuduhan pihak pembangkang yang tidak bertanggungjawab.

Di samping itu, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah menyatakan menjelang 2020, pendapatan per kapita setiap rakyat RM4,000. Saya hendak tanya juga, bagaimanakah dengan adanya GST ini, pendapatan rakyat dapat ditingkatkan sampai tahun 2020 sebanyak RM4,000? Katakan sekarang dalam RM2,800, tahun hadapan apabila dilaksanakan naik berapa dan bagaimanakah kaedah hendak naikkan. Kalau kerja kerajaan, kita tidak ada masalah, kita boleh naikkan gaji. Akan tetapi kalau sektor swasta, kita naikkan gaji minimum, itu pun ada yang terpaksa diberi kelonggaran. Sekarang baru RM900, bagaimana dengan GST, pekerja industri misalnya boleh naik sampai RM4,000. Ini juga boleh diperjelaskan supaya akan mendapat sokongan yang lebih kuat daripada rakyat jelata.

Pihak pembangkang, kita tahu kerja mereka membangkang walaupun dalam hati mereka yang kita buat ini baik. Seperti yang telah diterangkan, tahun 1993 pun Ketua Pembangkang yang telah mencadangkan tetapi hari ini semua penyokong beliau membangkang juga. Di Pulau Pinang pun begitu. Dahulu masa saya menjadi Ketua Menteri, apabila kita naikkan sedikit bil air, dia buat demonstrasi. Akan tetapi baru ini bila Lim Guan Eng menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang Tuan Yang di-Pertua, dia sudah naikkan bil air banyak kali.

Jadi, bila kita naik dia bangkang, bila dia naik semuanya betul. Begitulah juga cukai pintu ataupun cukai taksiran di Pulau Pinang pun sudah naik. Premium tukar syarat tanah pun sudah naik. Bahkan harga rumah pun hari ini di Pulau Pinang adalah yang termahal di Malaysia. Semuanya naik berlipat kali ganda, tidak perlu dipertikaikan. Dahulu kalau kita pakai kereta Proton ataupun *Toyota*, kompelin. Akan tetapi hari ini Ketua Menteri Pulau Pinang sudah pakai *Mercedes*, tidak ada pun kompelin. Kita naik sedikit elaun wakil rakyat kita, dia kompelin tetapi di Selangor gaji pun sudah naik lebih daripada gaji Perdana Menteri. Oleh sebab itu, pembangkang ini memang tidak ada kerja lain. Mereka demonstrasi 1 hari bulan, dengar khabar semalam pun ada lagi. Saya percaya ini kerja yang sia-sia, patut diberhentikan.

Tuan Yang di-Pertua, kalau hendak cerita Pulau Pinang ini, saya pun hendak tanya juga Yang Berhormat Senator Dr. Ariffin. Kita sokong tender terbuka dan sebagainya, tidak beri kepada kroni tetapi saya lihat di Selangor banyak beri kepada kroni-kroni. Kontraktor-kontraktor dahulu yang sokong BN semuanya mereka ketepikan. Di Pulau Pinang ada jambatan RM6 bilion dibuat tanpa tender terbuka. Saya pun hendak tanya Yang Berhormat Dr. Ariffin, apakah jadi jambatan itu? Dengar khabar konsultan fi pun Tuan Yang di-Pertua, runding sahaja RM500 juta. Tidak ada pula dia sebut CAT iaitu *competency, accountability, transparency*. Pembangkang ini cagak lain, buat lain. Ini jelas [*Tepuk*]

Saya hendak sentuh apa yang disebut Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah. Beliau mohon kutipan GST di Sarawak, semua dikembalikan ke Sarawak. Saya sokonglah tetapi saya ingat tidak boleh beri semualah. Kalau semua beri kepada negeri, Kuala Lumpur hendak makan apa bukan? Sistem percukaian sekarang agak tidak membantu negeri, bagi negeri-negeri yang tidak ada hasil mahsul. Sarawak dan Sabah ada minyak, Kelantan ada minyak, Terengganu ada minyak, Selangor ada balak, Kelantan pun ada balak tetapi negeri-negeri lain yang tidak ada balak, kita bayar cukai. Saya selalu sebut contoh negeri Melaka senang, setahun RM2.6 bilion tetapi tidak dapat rebat tunai 10 peratus atau 5 peratus.

Jadi, Sarawak hendak minta tadi 100 peratus. Saya cadang janganlah 100 peratus, kalau dapat beri 10 peratus pun cukup. Saya percaya dengan GST, Melaka mungkin dapat kutip lebih RM3 bilion. Jadi, kalau dapat 10 peratus, ada RM300 juta. Jadi, senanglah kita di peringkat negeri hendak belanja. Ini kerana GST ini patut membantu juga di peringkat negeri kerana kita lebih tahu apa yang diperlukan oleh masyarakat di negeri masing-masing. Oleh sebab itu pandangan Yang Berhormat Dato' Madinah ini saya sokonglah supaya kerajaan juga pertimbangkan sebahagian daripada kutipan cukai GST diberikan juga kepada negeri-negeri secara rebat beberapa *percent*.

Tadi Yang Berhormat Tuan Lihan Jok dari Sarawak juga sentuh GST ini dan BR1M. Saya difahamkan kalau mengikut kenyataan Menteri dapat dalam RM3 bilion tahun yang pertama tetapi ada tadi Yang Berhormat sebut, sampai RM20 bilion lebih dalam jangka panjang. Manakala kalau kita lihat belanja kerajaan pada tahun ini untuk BR1M, RM3.4 bilion setakat ini. Kalau campur esok yang tambah-tambah ini mungkin akan jadi RM4 bilion. Mereka yang sudah terima 6.5 juta orang. Tadi Yang Berhormat Senator Tuan Lihan tidak berapa setuju BR1M ini. Beliau minta supaya ia diubahsuai. Saya pun fikir elok juga. Sudah tiba masanya kaedah pemberian bantuan BR1M ini diubahsuai, dicantumkan dengan bantuan kebajikan masyarakat apabila GST diperkenalkan.

Kalau lihat rekod Jabatan Kebajikan Masyarakat, mereka telah beri bantuan kepada 491,437 keluarga pada tahun lepas dengan belanja RM1.3 bilion. Inilah keluarga-keluarga susah yang memang memerlukan duit. Anaknya ramai dan keluarga banyak yang sudah tua. Kalau kita sekali gandakan daripada 491,000 darab dua, baru pergi kepada sejuta keluarga berbanding BR1M tadi, 6.5 juta orang. Kalau kita gandakan bantuan RM1.3 bilion, ia baru jadi RM2.6 bilion. Jadi, saya fikir pendekatan ini mungkin lebih baik daripada kita beri secara merata RM600 lebih dan ramai yang tidak *appreciate*. Ada yang datang dengan *Mercedes*, ada yang datang campak sahaja kad begitu, dia kata ini duit kita, kita mesti ambil. Jadi, cara ini saya fikir patutlah kita ubahsuai. Dahulu saya pun sokong penuhlah cara BR1M ini tetapi apabila melihat apa yang berlaku sekarang, ramai rakyat yang tidak bersyukur, saya berpendapat pandangan Yang Berhormat Senator Tuan Lihan tadi saya sokonglah supaya kerajaan fikirkan semula.

Bagi meringankan rakyat berpendapatan rendah, katakanlah kita beli di kedai runcit, sekarang tidak dikenakan 6 peratus. Katakanlah pendapatan kedai runcit itu sehari RM3,000, sebulan RM90,000, setahun hampir RM1 juta dan bermakna dia sudah perlu bayar GST. Jadi, kita kalau beli kedai runcit itu RM100, perlu tambah 6 peratus, jadi RM106. Jadi, orang kampung permulaannya memang dia perlu tambah RM6.

Jadi, bagaimanakah kita hendak pulangkan balik kepada orang miskin? Saya berpendapat beberapa perkara baru yang kerajaan telah buat perlu diperkukuhkan lagi. Misalnya, orang miskin masalah pertama sekali hendak bayar bil air. Jadi, kerajaan mungkin boleh beri bayaran bil air kurang beberapa ringgit, jadi duit GST itu beri kepada syarikat air negeri masing-masing. Kalau sudah beri, kita tambah sedikit lagi. Jadi, RM6 itu boleh *cover* balik daripada bantuan rebat bil air. Kedua, bil api, ini pun boleh. Ketiga, kita duduk di rumah-rumah termasuk rumah flat, bayar cukai pintu Tuan Yang di-Pertua. Ini selalu susah, hendak bayar cukai pintu pun ada masalah. Jadi, kalau sebahagian GST ini boleh kita masukkan dalam program miskin bandar, jadi boleh membantu.

Kedua, perkhidmatan rumah-rumah flat. Seperti di Melaka, sebuah rumah flat sebuah bilik, kita caj dia *management fee* RM10. Kalau tiga buah bilik, RM30. *Management committee* patut uruskan. Akan tetapi yang ini pun mereka tidak hendak bayar. Jadi akhirnya, kerajaan negeri terpaksa bantulah. Kadang-kadang perlu minta Kerajaan Persekutuan, bawah Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Itu pun tidak cukup. Jadi yang ini juga kerajaan perlu timbangkan bagaimana hendak pulangkan pendapatan ini kepada orang yang betul-betul perlukan.

■1850

Seterusnya, orang miskin hantar anak pergi sekolah. Sekarang ini pendidikan percuma tetapi bas tidak percuma. Tidak tahu mungkin agaknya kita kena ada sistem kupon kepada syarikat bas. Kalau *you* ada anak seorang, kita bagi berapa ringgit?

Jadi yang dapat itu betul-betul anak orang miskin. Di Singapura juga menghadapi masalah dulu. Dia ada bagi kupon tetapi saya tidak pasti apakah kupon yang diberi kepada rakyatnya. Kedua, kita sekolah ini masalah ko-kurikulum. Sekarang ini sudah tidak ada lagi yuran ini, yuran itu. Akan tetapi, kalau kita masuk persatuan-persatuan sukan misalnya, ia ada yuran juga. Saya tengok orang kampung hantar pada saya ada yang sampai RM200. Jadi kalau kerajaan boleh lihat program-program ko-kurikulum ini, tidak banyak duitnya. Ini juga kalau boleh dibantu menggunakan duit GST, jadi ia mengurangkan beban ibu bapa. Kalau mak bapa itu ada lima orang anak, kalau seorang sudah RM100 ke RM200. Setahun, sudah jadi RM1,000. Jadi, orang ini yang perlukan duit. Anak orang kaya tidak perlu. Jadi dengan cara begini, saya percaya bantuan kepada orang yang berpendapatan rendah oleh cukai GST akan lebih bermakna.

Satu lagi makanan kepada kanak-kanak sekolah. Saya kadang-kadang pergi ke PIBG atau pergi pagi di sekolah, kadang-kadang saya tanyalah, "*Siapa dah makan?*" Ramai juga angkat tangan belum makan. Ini kerana ibu bapa tidak memasak lebih awal dan sebagainya. Jadi kerana itu, saya ingin cadangkan supaya kita beri makanan dekat sekolah ini secara percuma. Jadi, tidak kiralah, siapakah di sekolah kebangsaan- tidak silap saya sekolah kebangsaan dan sekolah menengah ada 500,000 *student* kah satu Malaysia?

Kalau satu hari katakan makanan RM10, kita kali 500,000, berapa? RM5 juta. Satu bulan RM150 juta. Satu tahun, RM15x12? Kita kira macam itu. Kalau kita tidak mampu untuk semua, kita pilih sekolah-sekolah yang di luar bandar, sekolah-sekolah yang perlu. Jadi dengan cara begini, mak bapa tidak ada lagi hendak risau, oleh sebab pendapatannya tidak ada RM4,000 kemudian belanja keluarga banyak. Jadi yang mana kes-kes yang utama macam tadi Yang Berhormat Dato Mat sebut kita yang perlu makan, minum ya, tempat tinggal, pakaian termasuk kesihatan. Pakaian kita juga boleh bantu. Semua murid kita bagi dia beg *free* misal kata. Jadi, kalau kita beli secara banyak, harganya pun rendah.

Dengan cara begini, banyak isu rakyat marhaen dapat dibantu melalui GST. Dengan cara begini, saya percaya tentangan kepada GST ini akan berkurangan kerana ia sekali gus dapat menjawab tuduhan pihak pembangkang.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berkaitan dengan isu penerangan GST. Kadang-kadang pembangkang kata, kita hari ini hendak kahwin pun kena GST. Saya beritahu kalau kita nikah Tuan Yang di-Pertua, jurunikah berapa sekarang? RM200? Kali 6 peratus, baru RM212. Satu minggu dapat nikah berapa orang? Empat? Baru RM500.

Satu bulan, RM500 kali empat minggu? Katalah RM20,000. Tidak dapat jurunikhah RM20,000. Kata RM2,000 lah. Satu tahun baru RM24,000. Jadi, tidak ada lah kena GST. Ini kerana hendak kena GST mesti ada RM500,000. Akan tetapi cara dia cakap itu orang semua kelirulah.

Lagi satu, kalau kita kahwin, kita pakai baju pengantin kan? Macam saya kahwin dulu, masa itu baru RM500 kan. Ini jam mungkin katalah RM2,000...

Tuan Yang di-Pertua: Itu dulu Yang Berhormat.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ya?

Tuan Yang di-Pertua: Sekarang dah mahal Yang Berhormat [*Ketawa*]

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Dah mahal ya? Dah lama tidak kahwin, dah tak berapa ingat lagi.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Seorang Ahli: Hendak kahwin lagi kah?

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Hari ini tidaklah. Akan datang belum tahu. Kalau kata RM2,000. Kata mak andam itu dapat satu minggu katalah tiga orang, kan, RM6,000. Satu bulan, RM6,000 kali empat, RM24,000. Kali 12 bulan, dalam RM300,000. Tidak kena GST. Akan tetapi kalau mak andam itu dia caj orang sampai RM5 ribu, kali satu tahun, RM500,000 lebih, barulah kena GST. Jadi, kita hendak kena terangkan secara terperinci.

Oleh sebab itu saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Datuk Haji Ahmad Maslan banyak pergi ke negeri-negeri. Oleh sebab banyak lagi orang minta diterangkan, saya hendak cadangkan kementerian lantik sukarelawan GST dan dia punya *chief* di negeri-negeri Pengarah Kastam dan juga LHDN. Lima ratus orang ini saya ingat tidak cukup satu Malaysia. Kita patut lantik orang seperti mewakili dewan-dewan perniagaan, persatuan penjaja, kontraktor-kontraktor, persatuan penduduk, JKKK, pegawai-pegawai masjid, rumah-rumah ibadat ya. Kemudian persatuan belia, persatuan wanita, ibu tunggal dan sebagainya. Jadi, mereka ini jadi sukarelawan kita. Bagilah sedikit elaun. Mungkin sekali dia pergi itu bagi RM20 kah. Sukarelawan. Jadi kita ada tenaga banyak di peringkat negeri dan setiap kampung kita tengok siapa lagi yang hendak terang-terang. Jadi, kita panggil semua jadi sukarelawan dan kita terangkan.

Jika dengar sahaja orang lain *complaint*, ini tengok, ini kumpulan apa? Oh, kumpulan silat. Panggil persatuan silat jadi sukarelawan kita. *Complaint* persatuan penarik beca, okey, penarik beca *you* jadi / punya sukarelawan. Persatuan teksis. Jadi kita ada...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjangkah lagi? Pengalaman Yang Berhormat ini memang banyak.

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Ini sudah nak habis.

Tuan Yang di-Pertua: Pengalaman Yang Berhormat memang banyak, agaknya...

Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam: Jadi, bila begini Tuan Yang di-Pertua, saya percaya peranan ini dapat dibuat dengan lebih menyeluruhlah. Itulah antara cadangan saya supaya dapat memperbaiki lagi rungutan-rungutan orang ramai terhadap isu penerangan ini. Sebenarnya isu ini makin berkurangan tetapi pembangkanglah yang sentiasa mengapi-apikan.

Dengan itu, saya lagi sekali menyatakan sokongan saya kepada Rang Undang-undang GST. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya mencadangkan kalau boleh Yang Berhormat daripada Kementerian Kewangan kalau dapat *engage* Yang Berhormat Datuk Seri, ada pengalaman yang hebat. Banyak perkara tadi agaknya dia sudah jawab dah pun dan dia bagi pandangan. Tanpa membuang masa lagi, saya mempersilakan sekarang Yang Berhormat Datin Rahimah.

6.57 ptg.

Datin Rahimah binti Haji Mahamad: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana memberi ruang dan peluang kepada saya dalam membahaskan Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan atau GST. Oleh sebab saya rasa saya ini merupakan pembahas yang terakhir dan semua rakan Ahli Yang Berhormat telah menyebut beberapa kebaikan mengenai GST, maka saya juga bersetuju supaya pelaksanaan GST ini diteruskan untuk kebaikan rakyat dengan tujuan untuk memajukan negara dan juga menstabilkan ekonomi negara. Jadi apa yang saya hendak nyatakan, Kerajaan Barisan Nasional ini kerajaan yang sentiasa membela rakyat. Kita sejak dulu lagi tradisi kita membela rakyat. Sekarang ini rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan. Jadi, tidak timbul sama sekali kerajaan hendak membebaskan rakyat.

Jadi, saya cuma ingin mencadangkan dalam GST ini supaya kerajaan menubuhkan satu pasukan khas GST untuk memantau dan untuk memastikan keberkesanan pelaksanaannya. Ini kerana setakat ini, kalau di negeri Kelantan, orang bawahan di peringkat akar umbi memang tidak faham apa sebenarnya GST. Kalau rakyat di kampung, memang penjual nasi lemak kah, penjual roti canai kah seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Datuk Khairudin tadi, memang mereka tidak faham langsung. Mereka mengangapkan bila GST ini dilaksanakan, semua barang akan naik dan inilah yang dikatakan membebaskan rakyat.

■1900

Jadi saya juga mencadangkan supaya penerangan ini diadakan secara lebih intensif lagi supaya rakyat bawahan lebih memahami apa sebenarnya GST. Kita tidak mahu lagi rakyat diheret dalam demonstrasi jalanan seperti yang dilakukan pada 1 Mei yang lepas. Jadi rakyat tidak kira kecil, besar, tua, muda semuanya diheret sama dalam perhimpunan yang seperti itu. Di Kelantan juga saya ingin memaklumkan di Dewan Yang Berhormat ini, murid-murid sekolah juga tahu apa sebenarnya GST ini. Katanya GST ini menaikkan harga barang-barang.

Murid sekolah Darjah 3 sebab saya ini bekas guru jadi saya sentiasa berjumpa dengan murid sekolah. Jadi sampai kepada murid sekolah pembangkang ini bawa yang GST ini membebaskan rakyat. Jadi saya rasa itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, padat dan relevan. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain.

7.01 ptg.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera, salam 1Malaysia,

Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih atas ruang yang diberikan kepada saya untuk bersama-sama membahaskan rang undang-undang GST ini. Saya fikir banyak yang telah diutarakan tadi Ahli-ahli Yang Berhormat. Cuma saya ingin mengambil kesempatan dalam masa yang agak cukup terhad ingin bertanya sebenarnya kepada pembangkang pertamanya ialah soal kerisauan mereka kepada GST ini.

Sebenarnya kalau kita tengok, Dewan Rakyat telah meluluskan GST pada 7 April yang lepas. Yang Berhormat Timbalan Menteri ada di sini telah membentangkan dengan begitu jelasnya di Dewan Rakyat dan perbahasan GST ini pun saya fikir sudah mengambil masa yang cukup panjang di Dewan Rakyat kerana diganggu, di *enter set* berkali-kali di Dewan Rakyat. Saya fikir Ahli-ahli Yang Berhormat ini ataupun pembangkang sendiri Tuan Yang di-Pertua, mereka faham apa ini GST. Tidak mungkin Ketua Pembangkang tidak tahu apa GST sebenarnya.

Saya yakin dalam hati kecil dia pun dia menyokong GST ini. Cuma kerisauan mereka ialah bila GST ini dilaksanakan ia mungkin memberi keuntungan politik kepada kerajaan.

Jadi sebab itu sebelum GST ini hendak dilaksanakan mereka tentang seperti mana kata Yang Berhormat Datin tadi bahawa rakyat, anak kecil yang tidak tahu apa yang sepatutnya berada di rumah dibawa, diheret bersama di atas jalan raya, berlaku pergaduhan sesama mereka kerana tidak boleh gaduh dengan polis, mereka akhirnya sesama mereka sendiri pun jadi bergaduh.

Ini kerana hendak menimbulkan imej yang kurang baik negara Malaysia di mata luar, itu sahaja. Bukan sebab lain! Tidak ada sangat pun kalau kita kata pembangkang ini ada perasaan yang jujur, ikhlas hendak membantu rakyat, dia sudah cadang apa yang terbaik kepada kerajaan bagi hendak melaksanakan GST ini. *You give an alternative plan* kepada kerajaan, dengan izin. Maknanya ini bagi jalan keluarnya. Kalau ini tidak betul buat cara begini tetapi tidak buat. Heret rakyat bawa semua orang susah bila *diinterview* di jalan raya, orang tanya apakah GST? Dia pun tidak faham apa itu GST itu. Jadi yang berdemo sebab apa?

Dia bakar perasaannya Tuan Yang di-Pertua. Dirangsang kemarahannya kononnya GST ini akhirnya nanti akan membebankan rakyat. Di tohmah, difitnah, dirosakkan minda pemikiran rakyat. Walhal rakyat tidak tahu apa-apa ini. Kita dengar tadi satu penjelasan yang cukup jelas yang dibawa oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang kena GST mereka yang berpendapatan RM500,000 ke atas, Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam sudah jelaskan tadi sampai kahwin pun disebut.

Maknanya sudah jelas- tidak lama hendak kahwin. Jadi sudah jelas Tuan Yang di-Pertua, cuma mereka mengambil peluang untuk meletakkan kononnya pembangkang ini senantiasa berada dalam suasana politik negara. Demonstrasi *after* demonstrasi, demonstrasi selepas demonstrasi. Tidak cukup dengan orang tua sekarang budak kecil pun dibawa. Saya sudah kata berkali-kali ini bukan budaya kita, ini bukan cara kita tetapi itulah pembangkang yang ada dalam negara yang tidak *constructive* langsung dengan izin. Tidak ada bagi jalan lain.

Keduanya Tuan Yang di-Pertua, mungkin ada sesuatu yang mereka cuba perjuangkan. Kita tahu bila GST ini dilaksanakan nanti mereka yang paling risau bukan rakyat yang berpendapatan rendah macam Yang Berhormat Datin kata. Siapa yang paling risau, perompak-perompak ekonomi dalam negara ini yang buat *under ground* punya perniagaan, yang tidak menjelaskan cukai mereka yang lari daripada cukai. Ataupun pembangkang ini mewakili suara itu. Kita boleh kata masuk dalam- mungkin itu yang cuba mereka perjuangkan kerana ini yang mereka paling takut. Mereka yang tidak menjelaskan cukai yang lari daripada cukai yang rompak kekayaan negara, rompak kekuatan kewangan kita. Sedangkan kerajaan bagi segala-galanya kepada rakyat.

Jadi bila pelaksanaan GST dibuat, mereka terpaksa mengisytiharkan berapakah pendapatan sebenar mereka? Ini yang menjadi ketakutan kepada sebilangan perompak ekonomi negara ini. Mereka merompak dan mereka buat cara tidak betul. Jadi hari ini mungkin kita boleh cakap kita yang mewakili kerajaan kita boleh kata mereka hendak *defend* sebenarnya ini. Yang kita hendak bagi kepada rakyat penyelesaian bukan penjual nasi lemak kena, bukan pemandu teksi kena, bukan pemandu bas kena. Saya diberi peluang tadi dapat bertanya dari hati-hati dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. *The bottom line*, dengan izin akhirnya kalau ada harga barang yang turun, itu sebenarnya penyelesaian kepada rakyat dan saya yakin berlaku nanti, dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Cuma kita yang paling pelik kenapa ditentang GST ini. Macam-macam andaian yang dibuat, macam-macam tohmahan yang dibuat. Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini juga macam Yang Berhormat Dato' Nalla selalu sebut ini, pengkhianat ini pada saya. Memang apa sahaja peluang yang terhidang di depan mata akan dipolitikkan. Ini kita tidak tahu apa lagi, padahal GST ini hendak dilaksanakan pada tahun 1 April 2015. Ada beberapa lagi siri-siri perbahasan mungkin boleh mereka bincang...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat., ada yang bangun Yang Berhormat.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Boleh?

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin: Boleh, sila.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: *You* sebut saya punya laluan ya.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Baik.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Baik, baik. Tidak tanya tidak boleh naik tangga sana, turun sini. Tangga sana, turun sini. Betul. Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Boleh-boleh.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tadi, ya lah. Ini macam saya tidak boleh cakaplah. Ini Yang Berhormat, tadi cakap pengkhianat siapa itu.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Kuat sikit, saya tidak dengar.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Tidak ada. *You* tadi ada cakap saya punya nama.

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Ya.

Datuk Seri Nallakaruppan A/L Solaimalai: Sampai itu nama *you* tidak ada cakap saya punya nama juga. Pengkhianat siapa? Nanti orang ingat Datuk Seri Nalla tidak baiklah. Cakap saya punya nama itu [*Ketawa*]

Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Omardin: Susahlah kalau sudah ayat pengkhianat ini kita tidak boleh sebutlah. Sebut sahaja Yang Berhormat Datuk Seri Nalla mesti *challenge*. Saya ingat Yang Berhormat Datuk Seri Nalla kita, tahu siapa yang cuba merosakkan negara ini, saya pun sudah sebutkan tadi Ketua Pembangkang. Saya ada- kita sebut sahaja sebab kita yakin apa yang kita kata kita benar. Kita nampak bahawasanya kita berada di dalam landasan yang betul-betul tepat. Jadi Yang Berhormat Datuk Seri Nalla jangan risau saya sudah sebutkan tadi bukan Yang Berhormat Datuk Seri Nalla tetapi Ketua Pembangkang yang menghuru-harakan negara ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya juga bersetuju bahawasanya penerangan-penerangan mestilah dibuat dengan jelas kepada rakyat. Marhaen yang disebut di bawah *element* dengan izin mereka yang mungkin tidak tahu apa sebenarnya GST ini. Jadi saya juga ingin mengucapkan tahniah macam mana kata Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam tadi, Timbalan Menteri akan menjelajah ke seluruh negara bermula dari esok. Melahirkan penceramah-penceramah empat orang di peringkat Parlimen dan akhirnya mungkin akan melahirkan 500. Ini boleh menjelaskan dan dibantu oleh semua yang berada di dalam Dewan ini untuk menjelaskan kepada rakyat.

Ini kerana kalau akhirnya rakyat terkeliru, maka orang-orang lain ini akan mengambil keuntungan politik daripada pelaksanaan GST ini. Saya pun kalau GST ini saya fikir Tuan Yang di-Pertua, menyusahkan, pun kita tidak akan bersetuju. Kita pun ada ahli keluarga kita dekat luar, kita pun ada saudara mara kita, kita pun ada rakan taulan kita. Tidak mungkin kita- benda yang boleh menyusahkan rakyat kita sokong.

■1910

Saya yakin kita sudah kaji dan kita yakin GST ini tidak menyusahkan rakyat. bukan sahaja pembangkang sahaja ada kawan, bukan pembangkang ada saudara-mara. Kita pun ada saudara-mara. Saudara-mara kita pun ada yang berpendapatan rendah. Pasti juga kita hendak perjuangkan nasib saudara-mara kita, bukannya bila GST dilaksanakan, elaun semua Ahli-ahli Yang Berhormat kerajaan ini naik sepuluh kali ganda untuk bantu, sebenarnya tidak! Akan tetapi yang kita hendak perjuangkan ialah rakyat tetapi kalau rakyat tidak menderita seperti didakwa oleh pembangkang, kenapakah kita mesti sokong pembangkang?

Jadi sebab itulah Tuan Yang di-Pertua, saya dengan secara rendah dirinya sebagai rakyat Malaysia yang ada tanggungjawab kepada negara yang saya dilahirkan ini, menyokong penuh Rang Undang-undang GST ini mesti dilaksanakan demi kesejahteraan rakyat untuk masa depan negara. Jadi dengan itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumussalam* Yang Berhormat Senator. Terima kasih. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin. So dia belum kahwin lagi ini, itu saya risaulah takut kena GST atau tidak.

7.11 mlm.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Pertama sekali bila Tuan Yang di-Pertua mengumumkan tentang Aturan Mesyuarat kita, bila saya dengar Rang Undang-undang GST ini hendak dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri kita, apa yang saya takutkan dalam Dewan ini sarkas. Sebab kalau kita tengok di Dewan Rakyat dahulu, macam-macam *placard* yang ditunjukkan kepada masyarakat luar kononnya mereka membantah. Jadi, saya ingat di blok... [Merujuk kepada blok pembangkang] Sana - ada hari ini.

Saya takut juga tetapi saya bersedia. Nampaknya tidak ada, *alhamdulillah*. Maksudnya, mereka juga bersetuju dengan kita sebab kalau mereka bersetuju dengan mereka yang ada di Dewan Rakyat itu, mereka akan bawa juga tanda-tanda seperti sepanduk dan sebagainya membantah GST. Cuma omong kosong sahaja yang mereka berkata hari ini tetapi hari ini saya tidak hendak bercakap tentang mereka. Sebab kita hendak bercakap tentang GST. Semua sudah bercakap tentang keperluan GST, semua sudah berkata tentang keperluan apa yang perlu rakyat tahu.

Di sini kita mohon kepada kementerian, sesi penerangan seperti yang diminta oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini perlu lebih jelas dan agak *simple* supaya rakyat di bawah lebih tahu. Sebagai contoh, saya ingin bercakap atas dasar saya sebagai seorang rakyat. Sebab sampai ke hari ini memang saya tidak faham apa itu GST. Sebagai contoh kita ambil kira kalau saya di kedai kopi, kita ambil contoh satu, bila ditanya, "*Yang Berhormat, kalau selepas GST ini, air mineral yang ber Kandungan 1.0 mililiter itu berharga RM2.60, selepas GST ini macam mana? Naikkah atau turun?*". Saya pun tidak tahu hendak perjelaskan macam mana sebab pengiraannya saya tidak tahu. Jadi saya minta kepada kementerian kalau boleh dalam Dewan ini, tunjuklah contoh yang *simple* yang kita sama-sama boleh *share* dan kita boleh terangkan di peringkat bawah cara pengolahan GST ini yang baik untuk rakyat sana faham.

Sebab kita tahu ramai yang sudah bercakap tadi tentang bagaimana rakyat diheret di jalan raya dan bila berlaku sahaja temu ramah dan sebagainya, rakyat sendiri tidak faham apa itu GST. Kadang-kadang saya pun fikir juga GST ini kalau pembangkang mungkin kita boleh panggil 'Gila, Sasau, Terbaik'. Akan tetapi saya minta maaf. Saya tarik balik Tuan Yang di-Pertua, sebab kadang-kadang ini beremosi juga bila mereka bercakap. Sebab mereka cuma bercakap, "*Tidak menyokong, tidak menyokong, tidak menyokong*". Saya tidak faham apa yang mereka tidak sokong dan Datuk Megat pun bercakap tadi. Kalau sudah tidak sokong, berilah satu solusi, berilah satu pandangan, buktikan kepada rakyat di sana bahawa anda pembangkang yang terbaik dan membuktikan ini adalah solusi anda yang terbaik untuk kerajaan kita dan juga untuk rakyat. Ini tidak, menyatakan suatu perkara tetapi dalam masa yang sama, tidak memberikan solusi, sama juga kaedahnya mereka ini seperti ahli nujum yang hanya pandai meramal tetapi tidak tahu mengubati. Inikah yang kita mahu? [Tepuk]

Kita tidak mahu pembangkang yang berada dalam keadaan sebegini. Kita mahukan pembangkang yang benar-benar boleh membantu dan membuka mata rakyat di bawah sana, mengatakan "*Kami adalah kelompok pembangkang yang terbaik dan inilah cadangan kami terhadap GST untuk kami pastikan kerajaan mengikut apa yang kami solusikan*". Ini yang seharusnya kita lakukan. Bukan kita mengadudombakan rakyat, bukan kita *provoke* semua orang, bukan kita berikan segala apa yang ada pada kita, kejahatan yang dalam diri kita untuk kita jadikan rakyat sebagai landasan untuk memastikan kita kononnya berjuang untuk rakyat. Apakah Kerajaan Barisan Nasional selama ini tidak membela rakyat? Kita lihat apa sahaja yang tidak dilakukan oleh kerajaan kita semenjak kemerdekaan kita berlaku yang dipimpin oleh Kerajaan Barisan Nasional. Apakah yang tidak dilakukan oleh rakyat? Segala rintihan diambil kira, segala pendapat yang baik untuk majukan rakyat...

Dato' Khairudin Samad: [Bangun]

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan kakanda.

Dato' Khairudin Samad: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tegur Yang Berhormat Senator Tuan Baharudin ini. Kenapalah mengajar orang jahat jadi baik?

You hendak balun dia, *you* balun sahaja. Jangan mengajar dia macam mana hendak menjadi baik. Dia jadi baik kita susah nanti [Ketawa] Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Inilah yang kita perlu gunakan pendekatan. Kadang-kadang di dalam satu keadaan, kita bertindak balas dalam dasar-dasar yang tertentu melalui kekasaran mungkin tidak baik. Kita tunjukkanlah. Mungkin mereka ini tidak pandai sebab kita bijak. Jadi kerana itulah kita berikan pendapat kita kepada mereka supaya mereka ini menjadi pandai dan bijak dan selepas itu, bila mereka sudah bijak, jadi kita senang untuk menguruskan negara kita melalui pendekatan-pendekatan yang baik.

Sebab GST ini bukan untuk hendak menekan rakyat, tidak! Bertambahnya hasil negara, maka bertambahlah kemakmuran rakyat kita di bawah sana. Apa yang diminta, apa yang difikirkan perlu oleh kerajaan untuk di masa akan datang sudah pasti kerajaan boleh memenuhi tetapi dengan syarat kita harus sama-sama bertanggungjawab untuk memajukan negara kita dan memastikan kadar ekonomi di dalam negara kita sentiasa terpelihara dan berada di tahap yang terbaik. Baru kita boleh mengatakan "*Inilah perjuangan kerajaan, inilah perjuangan yang kami perjuangkan selama ini*". Bukannya mengadakan demonstrasi dari tahun 1999 sampai ke semalam. Untuk apa? Untuk apa kaedah yang kita lakukan? Hanya semata-mata seperti rakan-rakan kita beritahu tadi, hanya untuk memomokkan rakyat, memperbodohkan rakyat.

Oleh sebab itulah saya minta sangat, sebab kalau kita hendak bercakap tentang banyak kaedah memang saya pun sudah tidak boleh. Jadi saya minta kepada kementerian supaya memberikan satu sesi ataupun mendapatkan satu pendekatan yang begitu *simple*, yang boleh difahami oleh masyarakat yang di peringkat bawah sana kerana masyarakat yang di bawah sanalah yang selalu dimomokkan oleh mereka ini kononnya GST ini semua orang akan terpalit terutamanya pakcik-pakcik yang menoreh getah, pakcik-pakcik yang berada di kebun, makcik-makcik yang menjual nasi lemak seperti kawan-kawan kita bercakap di dalam Dewan kita pada hari ini. Saya rasa kadang-kadang bukan hendak marah tetapi sedih dengan apa yang berlaku.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, boleh tanya sedikit?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Nampaknya haus [Ketawa] Kenapa agaknya semua pembangkang tidak setuju dengan GST?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Senang sahaja jawapan saya sebab mereka ini dengki. Pemimpin kita bijak, pemimpin kita pandai menguruskan negara. Sebab itu mereka tidak boleh puas hati dengan apa yang dilakukan oleh kerajaan kita pada masa kini. Mereka hanya tahu bagaimana untuk menjatuhkan sesuatu kebaikan tetapi mereka tidak pernah membina satu kebaikan hanya semata-mata untuk rakyat. Kita lihat, selama 20 tahun lebih berada di Kelantan, kita lihat rakyat-rakyat di Kelantan, kalau kita tengok rancangan *Bersamamu* itu— maaf Datin ya.

Saya terpaksa bercakap benda ini. Apakah yang berlaku pada rakyat di sana? Kita tengok sekarang bagaimana rakyat di Pulau Pinang terutamanya orang-orang Melayu sekarang berada di mana? Apa lagi di Selangor, sebelum memerintah katanya beri subsidi air sebagai contoh tetapi krisis air berlaku, dalam masa yang sama dalam Dewan ini juga oleh wakil DAP, minta kerajaan dia mengkaji balik supaya tarik balik subsidi itu. Apakah ini semua? Jadi ini semua antara orang kata kaedah-kaedah atau pendekatan yang dilakukan, cakap tidak serupa bikin. Inikah yang kita mahu?

Jadi saya minta rakyat-rakyat di bawah sana tolong tengok, kita buka mata, berikan ruang untuk pihak kerajaan menerangkan apa kaedah GST ini yang sebenarnya. Saya yakin dan percaya Yang Berhormat Menteri dari Pontian antara wakil daripada kementerian, dia akan mencari kaedah yang terbaik untuk memastikan rakyat kita faham apa itu GST. Saya yakin dan percaya. Jadi, janganlah sekali-kali kita mengandaikan bahawa sesuatu perkara itu perkara yang tidak- jangan wujudkan perspektif yang hanya negatif semata-mata kerana Perdana Menteri kita pun mengakui keadaan.

Sebagai contoh, pada 3 Mei hari itu, semasa Perdana Menteri merasmikan kita punya Majlis Senator Malaysia, beliau sendiri mengakui GST perlu penerangan yang lebih dalam lagi dan pagi ini pun beliau bercakap di Perhimpunan Jabatan Perdana Menteri tentang sesi penerangan GST. Saya tahu pihak kementerian sentiasa mengambil perhatian tentang perkara ini dan kita ada masa setahun.

Akan tetapi dalam masa yang sama juga kita minta pihak kementerian, kita sudah boleh mulakan barang-barang yang tidak dikenakan GST secara beransur-ansur, kita sudah boleh. Kita sudah boleh mula persembahkan kepada rakyat. Tidak semestinya ini sahaja barang-barangnya tetapi sekurang-kurangnya, kita ada permulaan sebab kita ada setahun lagi untuk kita melangkah ke alam untuk bagaimana kita melaksanakan GST ini.

Jadi, tidak ada salahnya GST ini. Cuma yang salahnya pada mereka yang mempunyai pemikiran yang jumud, yang hanya tahu bagaimana untuk menampakkan kononnya pemerintah itu jahat tetapi tidak. Yang jahatnya mereka kerana niat mereka hanya semata-mata untuk memporak-perandakan apa yang kita nikmati sekarang ini.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya rasa saya hendak bercakap banyak-banyak pun tidak boleh sebab semua segala sudah dikupas, kalau saya hendak ikut *para* satu-satu pun saya tidak boleh buat hendak apa-apa. Apa pun keadaannya, saya sama juga seperti rakan-rakan yang lain dan tidak seperti rakan-rakan yang di blok sana... [Merujuk kepada blok pembangkang] Tetap menyokong apa yang dilakukan oleh kerajaan kerana kita pasti, percaya dan yakin bahawa ini adalah antara sistem yang akan boleh memakmurkan negara dan juga memberikan kemudahan yang terbaik untuk rakyat. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahitaala wabarakatuh.*

■1920

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam* Yang Berhormat. Terima kasih banyak. Sekarang saya silakan Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Yasin, dan selepas itu yang terakhir, habis sudah. Itu sahaja *last* agaknya.

Silakan Yang Berhormat Datuk Hamzah. Ya, akhir sekali Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor.

7.21 ptg.

Datuk Hamzah bin Mohd. Yasin: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam 1Malaysia juga salam 'Perak- Aman, Jaya'.

Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang memberikan peluang untuk saya menyentuh sedikit sahaja Tuan Yang di-Pertua.

Pertamanya saya ingin menyoal kepada yang dikata oleh Dato' Nallakaruppan dok bertanya banyak kali siapa, siapa, siapa. Biarlah saya jelaskan ataupun saya sebut terus iaitu ada yang pemimpin kita kata sebut pun alergi. Kalau hendak sebut nama dia berjangkit Tuan Yang di-Pertua [Ketawa] Masa kita berkempen di peringkat akar umbi apabila saya bercakap saya tidak hendak sebut nama dia. Saya katakan kerana alergi. Bila kita sebut nama dia terpalit kepada kita, takut kita pula jadi macam dia. Akan tetapi di dalam Dewan yang mulia ini ingin saya nyatakan iaitu tidak lain dan tidak bukan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Ini kerana dahulu pun kita melihat bahawa segala apa usaha kerajaan yang baik semuanya menjadi dibangkang belaka. Sebagai contoh Putrajaya, kita dengar setiap kali mereka berucap, di mana juga pilihan raya kecil, di mana juga pilihan raya ucapan mereka adalah untuk menawan Putrajaya. Dahulu kata Putrajaya ini satu pembaziran. Itu satu pembaziran wang rakyat yang begitu besar tapi akhirnya mereka hendakkan juga Putrajaya.

Seperti mana yang saya sebut dahulu dalam kaedah pembangkang hari ini adalah melalui yang diterjemahkan ataupun yang dipelopori oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ini menyemaikan benih kebencian rakyat kepada kerajaan. Tidak habis-habis. Walau apa juga yang kita buat, apa kebaikan yang kita buat semuanya tidak baik. So, jadinya dalam kaedah ini saya rasa dia pun sudah tidak lama lagipun, saya yakin. Semakin hari dia semakin sudah tidak popular. Kalau dahulu kita dengar ceramah-ceramah daripada dia berpuluh-puluh ribu yang hadir tapi hari ini kalau datang ke Parlimen Gopeng, parlimen saya dan banyaklah Parlimen- Parlimen di Perak sana Cuma ada dalam dua tiga ribu sahaja yang sanggup mendengar.

Jadinya kita sebut ataupun kita sarankan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim, berhentilah. Berhentilah daripada menghasut rakyat, menyemai kebencian rakyat kepada kerajaan kerana apa yang telah diusahakan oleh kerajaan pada hari ini telah menampakkan hasil yang begitu tinggi, begitu membanggakan sehinggakan semua rakyat di negara ini telah mengecap apa juga nikmat hasil daripada perjuangan yang kita katakan iaitu perjuangan Barisan Nasional yang asasnya daripada UMNO.

Saya juga ingin menyentuh berkenaan dengan GST. Ramai di antara kita tadi Yang Berhormat-Yang Berhormat yang menyebut bahawa ia perlu diberi keterangan kepada semua rakyat di akar umbi. Apa yang saya lihat iaitu saya berikan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan juga Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan iaitu selaku juga Ketua Penerangan UMNO Malaysia yang mana saya melihat bahawa perkara ini telah pun terlaksana untuk memberi penerangan kepada akar umbi.

So, kita telah pun diberi taklimat berkenaan dengan GST. So, ia taklimatnya pun ada bersama saya ini iaitu skop apa taklimatnya iaitu cukai secara am, cukai kepenggunaan sedia ada, pengenalan kepada GST, kenapa GST dan model GST, impak dan pakej bantuan dan juga hasilnya. Dalam ini- *all that* hampir lengkap. Kalau ingin ditambah hanya sedikit-sedikit sahaja lagi Tuan Yang di-Pertua.

Semuanya lengkap iaitu cukai secara am, apa itu cukai, cukai secara am sejarah ringkas dan juga cukai secara sumber hasil terpenting, cukai secara am cukai langsung, cukai tidak langsung, cukai secara am manfaat cukai daripada anda kepada anda yang dinyatakan kepada rakyat tadi. Cukai secara am manfaat cukai daripada anda kepada anda yang disebut subsidi 2012 iaitu subsidi gula sebanyak RM478 juta, tepung gandum RM150 juta, minyak masak RM1.6 bilion. beras ST15 RM528 juta, petrol RON95, diesel dan LPG RM19.46 bilion. Kepada anda iaitu dalam bentuk sosial, kesihatan, pendidikan, kebajikan, sekuriti, pertubuhan, ekonomi, infrastruktur, kemudahan cukai dan lain-lain dan juga disebut cukai jualan dan cukai perkhidmatan diterangkan contoh barang bercukai jualan, contoh barang bercukai jualan GST dan sebagainya...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, itu tidak payah Yang Berhormat. Cukuplah itu. Ada *point* lain?

Datuk Hamzah bin Mohd. Yasin: Jadinya Tuan Yang di-Pertua dalam pandangan saya perkara ini telah pun terlaksana dan kita telah pun menerangkan kepada akar umbi hinggan kita perturunkan peringkat demi peringkat. Daripada peringkat awalnya di peringkat KEDA kita mengadakan KEDA dan turun kepada penghulu-penghulu, kita turun kepada jawatankuasa kampung dan kita sudah tubuhkan iaitu ketua 30 buah rumah untuk menerangkan perkara ini. Saya ingin mencadangkan bahawa sekiranya pelaksanaan ini dapat dilaksanakan untuk menjaga 30 buah rumah ini maka saya yakin bahawa sampai masa, tahun 2015, rakyat akan jelas dengan penerangan apakah kebaikan GST ini. So, saya dengan tidak ada sangsinya menyokong penuh di atas pelaksanaan GST. Sekian, terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat. Seramai 31 Ahli-ahli Yang Berhormat telah mengambil bahagian dan akhir sekali saya silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukur. Ini menampakkan Dewan Negara telah beri peluang kepada semua untuk berhujah dan berbahas dalam rang undang-undang yang penting ini kerana Dewan Rakyat telah dipersoalkan mereka tidak cukup masa. Ini saya rasa kerana Yang Berhormat bijak menggunakan masa dan sudah tentu saya mengucapkan syabas dan tahniah.

Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukur.

7.27 mlm.

Tuan Haji Abdul Shukur bin P A Mohd Sultan: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,* selamat malam Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih. Saya ini jadi *tension* hari ini sebab saya ini pembahas yang terakhir. Jadi semua orang tidak sabar hendak balik. Mereka hendak dengar dan mereka pun hendak balik dan saya pun tidak akan ambil masa panjang Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Saya hanya hendak sentuh dua, tiga perkara. Satu berkenaan dengan penerangan daripada pihak kementerian. Saya ingin sarankan kepada pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri masukkan geng-geng penggunting rambut ini. Orang-orang ini semua cukup penting Tuan Yang di-Pertua. Dia dok cekak tengkuk kita, digunting sahaja, dia bercakap. Orang ini kita bagi dia bercakap. Saya harap Yang Berhormat Timbalan Menteri tolong panggil kumpulan-kumpulan ini, *driver* teksi. Kita tidak boleh terjun keluar sudah, dia dok bercakap. Kalau tidak orang-orang ini semua dok bercakap *very negative*. Kalau kita bawa *group* ini semua kita bagi penerangan GST ini, mereka akan jadi jurucakap kepada kita...

Seorang Ahli: Sokong!

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sokong? *Alhamdulillah*. Perkara yang kedua Yang Berhormat Timbalan Menteri saya perasan kena sebut sedikit berkenaan dengan GST di Padang Besar. Kita bercakap fasal cukai. Pengimbas di Padang Besar itu sudah tidak boleh pakai. Kalau kita tanya kastam kata ini bukan bawah saya, ini bawah JKR. Jadi kita kena ada bersepadulah kita buat kerja. Rokok dia kita dapat cukai lebih. Jadi saya minta perkara ini pihak kementerian tolong ambil tindakan dan juga lorong-lorong tikus. Dipanggil lorong-lorong tikus jadi banyaklah yang cukai kita tidak dapat, dok keluar sahaja. Sana masuk pun kita tidak dapat cukai, barang kita keluar pun kita tidak dapat cukai. Jadi benda-benda ini saya harap pihak kementerian tolong perhati.

Satu perkara lagi saya hendak sentuh Tuan Yang di-Pertua, tadi ada pihak pembangkang bercakap berkenaan dengan monopoli gula. Tidak patut kalau saya berdiri di sini tidak cakap berkenaan dengan gula Tuan Yang di-Pertua. Oleh sebab fakta yang diberi tidak betul kononnya kerajaan bagi pada monopoli.

Saya hendak cerita pada Dewan yang mulia ini Tuan Yang di-Pertua, monopoli gula ini kita bagi kepada Robert Kuok selama 50 tahun. Siapa pun tidak bercakap. Saya hendak bercakap malam ini.

■1930

[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Selama 50 tahun kita bagi monopoli gula, tepung, beras, siapa pun tidak bercakap. Sekarang ini saya nampak selepas 2009 yang mana pihak Robert Kuok sendiri jual ladang tebu dan perusahaan gula dia di Malaysia, kita nampak pihak pembangkang sudah mula bercakap. Saya pun rasa pelik sebab benda ini entiti *business*. Tidak adillah kita hendak tuduh kepada kerajaan monopoli gula, kita bagi pada kroni. Tidak ada. Ini saya berasa kurang jelas perkara ini. Monopoli gula atas transaksi *business*. Robert Kuok jual kepada FELDA...

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Boleh tanya sedikit?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Sila.

Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar: Kenapa bagi dekat Robert Kuok lama sangat, 50 tahun? Tidak ada tenderkah, kenapa?

Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan: Ini yang saya cuba katakan rakyat, Kerajaan Perikatan dan Kerajaan Barisan Nasional ini cukup adil. Tidak bising, orang UMNO pun tidak bising. Kita bagi begitu. Saya ingat Yang Berhormat Menteri tahu perkara ini tetapi kita tidak hendak bercakap. Akan tetapi bila pembangkang bangkit kata monopoli, saya rasa benda ini saya kena jelas. Tidak monopoli! Ada orang yang dapat. Cuma kita tidak dedah. Saya percaya kementerian pun tidak hendak dedah benda-benda ini. Makna kata terbuka.

Yang kedua persepsi, katanya negara ini *corrupt*. Tidak pernah cerita pun, siapa yang *corrupt*? *You open*, cara terbuka, siapa yang *corrupt*, apa dia *corrupt*? "*Oh! Negara corrupt, ketirisan*". Tidak bercakap. *So*, benda-benda ini *perception*. Saya ingat tidak betul lah. Pihak pembangkang- *I mean to be frank, to be fair to the government*, dengan izin.

Oleh sebab kita ini jadi macam *punching bag* pula. Ada dua hingga tiga orang pembangkang ini, dia kerja menghentam saja. Kita kata jangan. Tuan Yang di-Pertua, kita sebenarnya cuba cara *gentleman*. Kita tidak hendak pukul. Mungkin sekejap tadi sahabat saya kata "*Dia sorang-sorang, mereka hentam aku*". Tidak!

Oleh sebab *when you talk without fact and I got the fact* dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa kena cerita benda ini. Tidak adillah. FELDA *are not here to explain themselves*. Dibeli dengan RM2 bilion lebih. Yang saya hairan, sebelum 2009 siapa pun tidak bercakap bab ini. Lepas 2009 ini dia ada satu macam rangkaian yang diatur. Kita bercakap isu ini. *You* bercakap itu, *you* bercakap ini. Jadi, kita pakat dok dengar. Betul juga. Tidak, tidak betul. *It is not fair. I got to defend FELDA. For this matter I got to defend FELDA. It is not monopoly.* Dia pun bersaing juga.

Tadi pihak sahabat saya, Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh sebut, berkenaan dengan pengurangan cukai. Jadi, saya harap pihak kementerian perhatikan benda ini. Kita bagi pada isteri RM3,000, tolak daripada cukai *and then for EPF* dan insurans, kita bagi RM6,000. Tidak relevan lagi Yang Berhormat. Sudah tidak relevan lagi. So, kita kena buka lagi. Tadi kawan-kawan kita ada sebut berkenaan dengan Parlimen, pembangkang ada 82 orang. *By right*, macam Datuk Megat, banyaklah kawan-kawan kita sebut tadi, patutnya benda ini dibahas, bincang dalam Dewan Rakyat. Akan tetapi tidak. *They become like a clown. Everybody* bangkit, tunjuk *keriau*, hendak berkelahi. *That is not the way.*

Minta maaf Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa keluarkan benda-benda ini. *Point* saya sudah tidak banyak. Habis sudah, semua sudah ambil habis *point* ini. Yang lagi satu pula pembangkang kata orang RM3,000 kena cukai. Saya ingat orang RM4,000 ke bawah tidak kena cukai. So, *government* ini banyaklah, cukup. Saya ingat yang terbaiklah kalau kita tengok. Tadi saya terikut juga dengan pihak Ketua Pembangkang kata belacan pun kena cukai GST. So, dia tidak ulas ini. Saya kata pembangkang dia *mislead you*. Dia tidak bawa kita ke jalan yang betul sedangkan kapal yang keluar pergi tangkap ikan itu kita bagi subsidi minyak. *All being subsidies*, dia bawak balik ke sini. Dia bawak balik cerita kata belacan pun kena GST.

So, celaru lah benda ini. Yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, saya minta juga pihak kementerian dan pihak penguat kuasa, benda ini kena *check*. Selepas kita jalankan GST, maknanya pihak penguat kuasa kena turun ke kedai-kedai, kena semak harga sebab kita pun tidak tahu. Macam Datuk Seri Mohd Ali kata sebentar tadi, kalau kita pergi beli di kampung harga dia RM1. Kalau kita pergi beli Kedai *7-Eleven* ataupun kita pergi di *McDonald's*, kita beli air sekali, sudah kena GST. So benda-benda ini kita perlukan penerangan yang lebih jelas supaya di antara kita ini, bila kita berhadapan kita tahu apa hendak jawab. Sekarang ini Datuk Seri Mohd Ali tanya saya, saya tidak boleh jawab. Saya kata Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan akan jawab.

Akhir sekali, saya harap pagi tadi Yang Berhormat Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan, Yang Berhormat Timbalan Menteri beri kronologi *event...* [*Mengangkat dokumen*] Yang ini yang cukup terbaik Yang Berhormat Menteri. Saya ingat Yang Berhormat Menteri patut dedahkan benda ini kepada tiap-tiap rakyat di dalam Malaysia ini, kronologi tahun 1988, Tun Daim bin Zainuddin dia buat VAT. Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, CDP tahun 1992. Tahun 2004 Tun Abdullah Ahmad Badawi. Tahun 2009, 2010 ditangguhkan, 2013 dan sebagainya. Ini yang cukup baik. Saya ingat benda ini Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan kena dedahkan benda ini so *that* rakyat di luar ini tahu pembohongan yang dilakukan oleh Ketua Pembangkang. Jadi dengan kata-kata itu Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan ini. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Ahli-ahli Yang Berhormat, dengan perbincangan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukur itu tadi, maka tamatlah perbincangan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan dengan RUU GST kita pada hari ini. Seramai 31 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah pun turut serta berbincang dan pelbagai soalan dan cadangan telah pun diketengahkan. Jadi, tibalah masanya untuk kita mendengar jawapan daripada pihak Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat, minta menjawab

7.38 mlm.

Timbalan Menteri Kewangan [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera, salam 1Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih kepada 31 orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu:

- (i) Yang Berhormat Dato' Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg;
- (ii) Yang Berhormat Datuk Chiew Lian Keng;
- (iii) Yang Berhormat Dr. Syed Husin Ali;
- (iv) Yang Berhormat Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader;
- (v) Yang Berhormat To' Puan Hajah Zaitun binti Haji Mat Amin;
- (vi) Yang Berhormat Dato' Boon Som A/L Inong;
- (vii) Yang Berhormat Tuan Lihan Jok;
- (viii) Yang Berhormat Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud;
- (ix) Yang Berhormat Datuk Chin Su Phin;
- (x) Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Abdul Rahman;
- (xi) Yang Berhormat Datuk Dr. Lucas bin Umbul;
- (xii) Yang Berhormat Dr. Ariffin bin S.M. Omar;
- (xiii) Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah;
- (xiv) Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar;
- (xv) Yang Berhormat Tuan Chong Sin Woon;
- (xvi) Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh;
- (xvii) Yang Berhormat Puan Norliza binti Abdul Rahim;
- (xviii) Yang Berhormat Datuk Hajah Noriah binti Mahat;
- (xix) Yang Berhormat Dato' Khairudin Samad;
- (xx) Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit;
- (xxi) Yang Berhormat Puan Hajah Rohani binti Abdullah;
- (xxii) Yang Berhormat Puan Roslin binti Haji Abdul Rahman;
- (xxiii) Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat@Ahamad bin Yusop;
- (xxiv) Yang Berhormat Datuk Jamilah @ Halimah binti Sulaiman;
- (xxv) Yang Berhormat Datuk Raja Roopiah binti Raja Abdullah;
- (xxvi) Yang Berhormat Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam;
- (xxvii) Yang Berhormat Datin Rahimah binti Haji Mahamad;
- (xxviii) Yang Berhormat Datuk Megat Zulkarnain bin Tan Sri Oardin;
- (xxix) Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar;
- (xxx) Yang Berhormat Datuk Hamzah bin Mohd. Kasim; dan
- (xxxi) Yang Berhormat Tuan Haji Abdul Shukor bin P A Mohd Sultan.

Seramai 31 orang Ahli-ahli Yang Berhormat.

Perkara yang pertama mengenai rasuah. Adakah usaha-usaha membanteras rasuah di Malaysia ini telah mendatangkan kesan ataupun tidak. Tan Sri Abu Kassim daripada SPRM dilantik sebagai *Vice President* untuk *International Association of Anti-Corruption Authorities*. Pada mesyuarat yang ketujuh di Panama, 22 hingga 24 November 2013.

Ini merupakan satu pengiktirafan kepada usaha membanteras rasuah oleh Kerajaan Malaysia. Mengenai *perception corruption index* pada tahun 2013, Malaysia menduduki tempat ke-53 daripada 175, menunjukkan peningkatan pembaikan sejak transformasi yang dijalankan.

■1940

Daripada segi persepsi memang boleh diperbaiki tetapi dari *survey* tentang perlakuan sebenar rasuah, Malaysia berada di band nombor satu iaitu kelompok negara yang terbaik. Itu mengenai rasuah.

Mengenai Laporan Ketua Audit Negara yang dituduh berpuluh bilion. Untuk Laporan Ketua Audit Negara 2012, yang ditegur ialah RM1.5 bilion- RM1.5 bilion dibahagi dengan RM220 bilion perbelanjaan tahun itu, hanya 0.6 peratus teguran, 121 kes telah dikumpul untuk Laporan Ketua Audit Negara 2012, 92 kes selesai- 29 kes belum selesai. Bererti kita bukan berdiam diri ke atas Laporan Ketua Audit Negara. Daripada 92 kes yang selesai, 53 kes tiada unsur 3P.

Apakah unsur 3P? Iaitu penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan pembaziran, 53 kes tidak ada unsur-unsur itu. Bererti teguran Ketua Audit itu apabila disebut berbilion dan sebagainya itu tidak semestinya ia merupakan pembaziran atau penyalahgunaan kuasa. Daripada 92 kes yang selesai, 13 kes sedang dalam proses ambil tindakan, 26 kes prosiding tatatertib telah bermula. Daripada 26 kes prosiding tatatertib, 152 orang telah dipanggil.

Ini kali pertama saya mengumumkan tentang perkara ini dalam mana-mana ucapan. Daripada 152 orang yang diambil tatatertib itu, 76 orang dalam prosiding tatatertib sementara 76 orang lagi telah diputuskan hukuman. Hukuman-hukumannya, 32 orang diberi amaran, dua denda, 41 surcaj dan satu dibuang kerja. Ini status tindakan ke atas Laporan Ketua Audit Negara 2012.

Untuk status tindakan ke atas Laporan Ketua Audit Negara Siri 1/2013. Dia ada tiga siri. Bulan Jun ini Siri Kedua, bulan Oktober dan November - Siri Ketiga.

Daripada Laporan Ketua Audit Negara Siri 1/2013, 303 syor yang disebut oleh Ketua Audit Negara, 248 merupakan teguran sahaja yang boleh diperbaiki- 248 teguran sahaja, 55 teguran yang perlu diambil tindakan dan daripada 55 teguran itu, 17 buah Jawatankuasa ditubuhkan di bawah JPA untuk memastikan mereka yang terlibat diambil tindakan dan nilai yang ditegur hanya RM77.82 juta. Tidak ada berbilion-bilion sebagaimana yang disebut.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai perkara umum tentang GST, semua sekali daripada kita telah dimaklumkan tentang perkara umum tentang GST ini. Kita telah memanggil sekurang-kurangnya dua kali taklimat kepada Ahli-ahli Yang Berhormat dan juga Ahli Parlimen mengenai GST.

Sebagaimana yang disebut, kita menunggu 30 tahun sejak tahun 1983 lagi. Kemudian pada tahun 1988, Tun Daim Zainuddin, tahun 1992, Dato' Seri Anwar Ibrahim mengumumkan untuk dilaksanakan pada Bajet 1993 tetapi selepas itu ditarik balik. Tahun 2004, Tun Abdullah Ahmad Badawi mengumumkan untuk dilaksanakan pada tahun 2005 tetapi ditarik balik. Tahun 2005 kita menghantar ke Australia, New Zealand dan Indonesia. Tahun 2009 telah dibaca kali pertama tetapi ditarik balik. Tahun 2013 iaitu 25 Oktober, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan untuk dilaksanakan pada 1 April 2015.

Kenapakah kita perlu cukai? Pertama, untuk tujuan ekonomi untuk membangunkan negara. Buat jalan, buat jambatan, buat pelabuhan, buat bangunan, membina bandar dan juga desa. Kenapakah kita perlu cukai? Kedua ialah tujuan sosial. Untuk kesihatan, untuk pendidikan, tempat rekreasi, untuk kebajikan dan perkara yang seumpamanya. Kenapakah kita perlu cukai?

Untuk tujuan keselamatan. Polis, tentera, bomba dan juga segala perkara yang berhubung kait dengan keselamatan negara. Kenapakah kita perlu cukai? Kerana sebagaimana Ahli Yang Berhormat sebut, kita ada banyak subsidi di negara kita ini. Petrol RON95, diesel, minyak masak, beras, gula, tepung gandum. Gula dulu 478. Sekarang masih ada sepuluh sen subsidi gula. Pada tahun sudah, untuk petrol dan diesel sahaja, sebanyak RM24.8 bilion ataupun RM2 bilion sebulan. Pada tahun ini, keseluruhan subsidi lebih kurang RM40 bilion. Daripada RM40 bilion itu, RM22.43 bilion hanya untuk menurunkan RON95 sebanyak 73 sen seliter dan menurunkan diesel sebanyak 83 sen seliter. Jumlahnya RM22.43 bilion. Mana datang duit itu kalau bukan daripada cukai. Yang Berhormat pun maklum.

Jenis cukai ada dua. Cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai korporat, cukai pendapatan individu, cukai keuntungan harta tanah, duti setem. Itu cukai langsung oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri. Cukai tidak langsung ialah duti kastam, duti eksais, cukai jualan dan juga cukai perkhidmatan. Cukai jualan dan cukai perkhidmatan kita akan mansuhkan. Cukai kepenggunaan semasa, cukai jualan ini sejak tahun 1972 lagi. Sebanyak 5 peratus dan 10 peratus cukai perkhidmatan sejak tahun 1975 lagi 6 peratus.

Apakah contoh barang bercukai jualan? Teh -3 dalam 1, *Nescafe* -3 dalam 1, *Maggie*, *Mamee*, *Ajinomoto*, kacang, biskut, keju. Itu semua contoh barang-barang bercukai jualan yang sudah lama pun ada. Ini yang penting untuk kita maklumkan kepada masyarakat bahawa sebelum ini pun sudah ada cukai jualan sebanyak 5 peratus. Bukan hanya 5 peratus tetapi 10 peratus. Apakah contoh barang bercukai jualan sebanyak 10 peratus? Perabot rumah, televisyen, peti sejuk, almari, segala jenis pakaian yang kita pakai sekarang dan pada saat ketika ini, semua sudah ada cukai jualan sebanyak 10 peratus.

Kita hendak GST nanti cuma 6 peratus. Pinggan mangkuk, semua sekali itu ada cukai jualan 10 peratus yang sekarang ini sehingga 30 Mac 2015, masih ada lagi cukai jualan 10 peratus itu. Contoh cukai perkhidmatan sejak tahun 1975 lagi, *KFC*, *McDonald*, *parking* tempat meletak kenderaan, *Celcom*, *i-Talk*, *Tune*, *Hotlink* dan *Digi* semua sekali itu ada 6 peratus. Hotel, pusat *service* kenderaan, *service security*, semua sekali itu ada 6 peratus cukai perkhidmatan. Jadi dengan lain perkataan, selama ini kita sudah bayar cukai pun sebanyak 5 peratus, 6 peratus dan juga 10 peratus. Kenapakah perlu GST? Saya sudah sebut.

Kita perlukan sistem percukaian negara yang lebih berkesan, lebih efektif, lebih cekap, lebih telus untuk kita mempertingkatkan daya saing negara. Kenapakah kita perlu GST? Saya sudah sebut, saya ingin mengulang, kelemahan cukai yang ada sekarang ini. Sistem cukai sekarang ini lemah. Adakah pembangkang ingin meneruskan sistem cukai yang lemah? Bererti kita mundur ke belakang kalau kita ingin meneruskan cukai yang lemah. Kita ingin memperbaiki sistem percukaian kita kerana CJCP SST itu cukai atas cukai, pindahan harga, pindahan nilai, tiada pelepasan untuk eksport.

GST itu pula lebih efektif, efisien, telus, kawalan sendiri, sistem semakan bersilang, meningkatkan kadar simpanan dan pelaburan, tingkatan pematuhan cukai, harganya telus, kurang kerenah birokrasi. Walaupun kita sudah bayar 5 peratus, 10 peratus dan 6 peratus, tidak dinyatakan dalam bil kebanyakannya sedangkan kita sudah bayar, kastam sudah kutip di kilang. Akan tetapi kita tidak masukan dalam bil. Itu menunjukkan SST sekarang ini tidak telus tetapi GST nanti telus. Kita juga ingin mengurangkan kebergantungan daripada cukai pendapatan dan cukai petroleum. Kita ingin mengelakkan *shadow economy*- ekonomi terselindung, *underground economy* dan juga *black economy* kerana mereka di bawah GST ini dengan sendiri akan keluar dan berdaftar. Kalau tidak, mereka tidak boleh dapat input teks kredit. Bukan rakyat tempatan sahaja yang bayar cukai tetapi pelancong dan juga warga asing membayar cukai.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, tujuh buah negara ASEAN yang telah melaksanakan GST ialah Indonesia pada tahun 1984, Thailand pada tahun 1992, Singapura pada tahun 1993. Tadi telah dijawab oleh Yang Berhormat kenapa 3 peratus.

■1950

Ini yang ditimbulkan oleh beberapa orang Ahli Yang Berhormat Senator iaitu kenapa 3 peratus di Singapura? Tiga peratus di Singapura kerana mereka tidak ada cukai jualan, cukai perkhidmatan sebelum itu. Mereka bermula daripada 0 peratus, maka perlulah mereka meletakkan 3 peratus sedangkan kita sudah ada 5 peratus, 6 peratus, sudah ada 10 peratus. Kita tidak boleh kurang daripada itu dan kita memilih 6 peratus. Filipina tahun 1998, 12 peratus; Kemboja tahun 1999, 10 peratus; Vietnam tahun 1999, 10 peratus; dan Laos tahun 2009, 10 peratus.

Model GST Malaysia ini, banyak sudah disebut, bekalan berkadar sifar. Tadi ada Yang Berhormat bertanya, adakah ikan kering dan ikan bilis sahaja? Sebenarnya semua jenis makanan laut tidak akan dikenakan GST.

Lembu, kambing, kerbau, khinzir, ayam, itik termasuk telur ayam, telur itik, padi, sayuran segar, ulam-ulaman, beras, tepung gandum, sagu, gula pasir, garam, minyak masak, rempah ratus, susu bayi, bekalan air paip domestik dan bekalan elektrik 300 unit, barangan perkhidmatan eksport, rail, bas, teksi, kereta sewa, pengangkutan air, tanah, umum, kewangan, rumah kediaman, pendidikan, kesihatan, semuanya tidak dikenakan GST sama ada berkadar sifar atau pun dikecualikan GST dan kadar 6 peratus ini rendah di ASEAN dan antara yang terendah dalam dunia.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, impak GST. Tadi ada juga Ahli Yang Berhormat bertanya purata daripada segi IHP ataupun CPI atau *Consumer Price Index*. Secara purata 1.8 peratus kenaikan. Namun, kenaikan itu sebenarnya hanya bersifat sementara, *one-off*. Ini adalah untuk berlaku dalam proses peralihan. Akan tetapi apabila kita melihat di negara-negara yang lain, kadar inflasi itu akan menurun dan stabil selepas dilaksanakan GST. Kini banyak negara berlaku.

Daripada 689 barang yang dikenakan GST, 255 lagi kita sedang menyemak dan kita akan buat keputusan. Daripada 689 barang yang dikenakan GST, hanya 10 peratus ataupun 73 barang yang naik, 329 barang atau 48 peratus tidak ada sebarang perubahan dan 287 barang atau 42 peratus turun harga barang-barang itu. Akan tetapi kita masih menyemak lagi yang 255 barang ini dan kita akan maklumkan dan keseluruhan barang hampir 1,000 itu kita akan keluarkan apa yang dipanggil sebagai *shopper guide* tiga bulan sebelum GST dilaksanakan.

Ahli-ahli Yang Berhormat, GST akan menggantikan 5 peratus, 6 peratus, 10 peratus yang dibayar pada masa kini. GST tidak akan dikenakan ke atas makanan asas dan keperluan. Nilai *threshold* RM500,000 ini adalah tinggi dan banyak PKS akan terkecuali. Banyak negara nilai *threshold*nya cuma RM100,000. Bantuan tunai sebanyak RM300 secara *one off* kepada penerima BR1M, BR1M GST RM300. Sekarang ini, tahun ini BR1M RM650 campur RM50 insurans BR1M, RM700. Kalau kekal RM700 pada tahun hadapan, tambah lagi RM300, bererti RM1,000 atau lebih BR1M untuk tahun hadapan kepada yang berpendapatan RM3,000 dan ke bawah.

Kadar cukai pendapatan individu diturunkan 0.5 peratus sehingga 3 peratus bagi semua kumpulan pendapatan bercukai. Kumpulan pendapatan bercukai tertinggi dinaikkan kepada RM400,000 daripada RM100,000 sekarang. Kadar cukai pendapatan maksimum 26 peratus pula dikurangkan kepada 24 peratus, 24.5 peratus dan 25 peratus.

Kesan GST ke atas ekonomi, ada Ahli Yang Berhormat bertanya. Barang perkhidmatan dikeluarkan Malaysia akan menjadi lebih kompetitif dan eksport dan perkhidmatan antarabangsa adalah berkadar sifar kerana eksport itu berkadar sifar dan akan menarik lebih ramai lagi pelancong untuk melawat Malaysia dan berbelanja di Malaysia. Kita juga ada skim bayaran balik pelancong atau *Tourist Refund Scheme* di Lapangan Terbang Antarabangsa kecuali di kawasan bebas cukai di Labuan, Langkawi dan juga Tioman.

Kemudian banyak, terutama Ahli-ahli Yang Berhormat pembangkang mengatakan belum masa. Sekali lagi saya ingin menyatakan bahawa mereka kumpulan negara berpendapatan rendah, 28 negara sudah melaksanakan GST; sederhana rendah, 41 negara; sederhana tinggi, 39 campur satu Malaysia, 40 buah negara; pendapatan tinggi, 42 negara; dan tidak diketahui pendapatan, jumlahnya 10 buah negara dan menjadi 160 buah negara.

Ada Ahli Yang Berhormat mencadangkan kenapa tidak dibuat Cukai Keuntungan Modal atau *Capital Gains Tax*, Cukai Keuntungan Berlebihan atau *Windfall Tax* dan Cukai Mahakaya. Cukai-cukai ini adalah belum wajar dikenakan Malaysia kerana sistem percukaian negara perlu mengekalkan daya saing kompetitif ekonomi untuk menarik pelabur tempatan dan asing. GST menambahbaikkan sistem percukaian sedia ada. Ada lapan buah negara yang telah mengenakan Cukai Mahakaya atau *Wealth Tax* tetapi telah memansuhkan iaitu Austria, Denmark, *Germany*, Sweden, Finland, Iceland, Luxembourg dan juga Sepanyol.

Kemudian mengenai rumah kediaman, sama ada akan naik harga atau tidak. Berikut peratusan kenaikan harga barang atau perkhidmatan sebelum dan selepas GST:

Barangan/Perkhidmatan	Sebelum GST (peratus)	Selepas GST (peratus)
Tanah	0	0
Bahan input pembinaan	5 - 10	6
Buruh asing oleh pemaju	0	0
Arkitek, legal, konsultan, profesional <i>services</i>	6	6
Faedah bank	0	0
Fi kelulusan agensi kerajaan	0	0
Kos pemasaran	0	0
Gaji staf	0	0

Setelah mengambil kira faktor di atas, adakah harga rumah ini akan naik? Kita sudah hampir setahun cuba hendak menurunkan harga rumah dengan pelbagai kaedah yang kita sedia maklum...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Silakan, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi saya ada tanya soalan mengenai kos infrastruktur. Jadi adakah kos infrastruktur juga akan dikenakan GST? Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Saya sekarang ini baru cerita tentang umum. Nanti kita akan pergi satu persatu. Ia mengambil masa sedikit. Saya harap Ahli-ahli Yang Berhormat bersabar. Kemudian mengenai kenaikan harga.

Kenaikan harga dan *profiteering* sama ada ia membebankan rakyat. Sebagaimana saya sebutkan tadi, kita akan mengeluarkan *shoppers guide* dikeluarkan tiga bulan sebelum dan tiga bulan selepas pelaksanaan GST iaitu sekitar Januari 2015 kita akan menyenaraikan lebih kurang 1,000 barang dalam *shoppers guide* itu. Jadi peniaga-peniaga tidak boleh menipu atau menaikkan dengan sengaja harga barang. Itu yang pertama kaedah kita untuk memastikan kenaikan harga barang ini boleh ditangani.

Kedua, Akta Kawalan Harga Anti Pencatutan atau *Anti Profiteering* Tahun 2011 kita akan melaksanakan dan sedang pun melaksanakan dan kita akan terus menguatkuasakan akta itu dan kita ada jawatankuasa.

Ketiga, Jawatankuasa Khas Menangani Kos Sara Hidup yang dipengerusikan oleh Timbalan Perdana Menteri dan saya salah seorang ahli dan banyak kita menerima pandangan dan banyak keputusan yang tertentu yang kita akan laksanakan. Jadi itu mengenai perkara-perkara umum.

Perkara-perkara khusus. Isu pengenaan GST di Sabah dan Sarawak oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dayang Hajah Madinah dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Lucas bin Umbul. Pada masa sekarang, cukai jualan di peringkat negeri Sabah dan Sarawak dikenakan ke atas minyak kelapa sawit, CPO, dan aktiviti perjudian. Kadar yang dikenakan adalah 10 peratus dan 15 peratus. GST tidak akan menggantikan cukai jualan dikenakan di Sabah dan Sarawak kerana ia merupakan hak kerajaan negeri termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan, Perkara 95B(3).

Ini bermakna cukai jualan dilaksanakan di Sabah dan Sarawak berdasarkan *Sabah Sales Tax Enactment 1998, Number 12* dan *Sarawak State Sales Tax Ordinance 1998, Chapter 25* tetap berkuat kuasa sepertimana keadaan sekarang. Saya telah mengumumkan perkara ini ketika saya melawat Sarawak dan esok saya sekali lagi melawat Sarawak dan menerangkan tentang GST, juga bertemu dengan Ketua Menteri pada sebelah petangnya.

Berkenaan dengan cadangan GST dikutip di Sabah dan Sarawak dikembalikan ke negeri. Ia sebenarnya tidak berbangkit disebabkan pada masa ini cukai yang dikutip akan dimasukkan keseluruhan dalam Kumpulan Wang Disatukan dan daripada kumpulan wang ini, setiap negeri berhak menerima peruntukan tahunan seperti yang telah dinyatakan dalam Perlembagaan.

Kemudian mengenai senarai barang dan perkhidmatan yang dikenakan GST pada kadar sifar dan dikecualikan. Senarai ini telah pun dinyatakan dalam ucapan Bajet 2014 yang lalu. Selain itu, Ahli-ahli Yang Berhormat boleh melihat senarai barang yang dicadangkan ini dalam laman web atau portal rasmi GST. Dalam itu ada banyak maklumat. Portal Rasmi GST. Portalnya ialah www.gst.customs.gov.my. Bolehlah lihat, ada dalam dua bahasa iaitu Bahasa Malaysia dan juga bahasa Inggeris.

Senarai muktamad barang dan perkhidmatan ini akan dimasukkan ke dalam Perintah GST yang akan digazet selepas Rang Undang-undang Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 ini mendapat perkenan Yang di-Pertuan Agong.

■2000

Senator Tuan Syed Shahir bin Syed Mohamud regresif dan juga Dr. Syed Husin Ali. Bukan hanya mereka berdua ini yang menyatakan regresif tetapi juga belah pembangkang dalam ucapan-ucapan mereka. Saya ingin membuat jawapan dan dengarlah elok-elok. Pada masa ini rakyat Malaysia telah membayar cukai jualan dan cukai perkhidmatan ke atas barang perkhidmatan tertentu golongan berpendapatan rendah juga. Semua sekali rakyat Malaysia sudah membayar cukai SST sejak tahun 1972. Itu sebab jangan kata GST ini cukai baru, ia cukai gantian bukan cukai baru. Model GST yang dicadangkan oleh kerajaan telah pun mengambil kira corak perbelanjaan *consumption pattern*, dengan izin, termasuk golongan berpendapatan rendah.

Menurut perangkaan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan bagi perbelanjaan isi rumah 2009-2010 golongan berpendapatan RM1,000 dan ke bawah membelanjakan sebanyak 65 peratus daripada pendapatan mereka untuk makan, minum, perumahan dan utiliti. Dengan mengambil kira corak perbelanjaan tersebut GST telah dicadangkan untuk tidak dikenakan ke atas barang dan perkhidmatan asas yang kebanyakannya digunakan oleh golongan berpendapatan rendah.

Untuk menentukan sama ada GST regresif perbelanjaan cukai sepatutnya dibandingkan dengan perbelanjaan keseluruhannya, *consumption* dan bukan pendapatan. Ini memandangkan bahawa GST satu bentuk cukai kepenggunaan bukan cukai yang dikenakan ke atas pendapatan. Kaedah ini iaitu untuk membandingkan dengan perbelanjaan adalah disokong oleh pihak-pihak tertentu termasuk IMF yang dalam laporan awal IMF Mac 2014 menyatakan satu penilaian yang komprehensif ke atas GST Malaysia menunjukkan bahawa ia sememangnya progresif bukan regresif. Dengan lain perkataan mereka yang berpendapatan RM2,000 dan ke bawah mengikut kiraan kita, cukai SST yang dibayar sekarang ialah RM36.83 sebulan secara purata. Apabila GST nanti RM51.89 sebulan, ada kenaikan RM15.06 darab (x) 12 jadi RM180, dan mereka dapat BR1M khas RM300 campur RM700. RM1,000 katalah BR1M yang mereka belanja untuk GST cuma RM180. RM1,000 – RM180 banyak lagi baki Ahli-ahli Yang Berhormat.

GST satu bentuk cukai kepenggunaan yang ditanggung oleh pengguna. Walau bagaimanapun ia bukanlah bermaksud bahawa sebelum ada GST pengguna tidak pernah membayar cukai. Sebenarnya pada masa sekarang pengguna telah pun membayar cukai dan pendapatan mereka yang kurang daripada RM3,000 sebulan. Di bawah sistem cukai jualan dan cukai perkhidmatan peniaga tidak dapat menuntut keseluruhan cukai yang mereka bayar kerana tiada kemudahan kredit yang disediakan. Berkuat kuasa 1 April 2015 mekanisme tuntutan semula cukai input yang ditanggung peniaga akan diperkenalkan. Ini bermaksud semua GST yang dibayar oleh peniaga seperti perolehan mesin, bahan pembungkusan, elektrik, telefon, air, segala cukainya itu boleh di *claim* balik oleh peniaga. Ini akan mengurangkan kos kepada perniagaan. Pengguna sebenarnya mendapat manfaat yang banyak ekoran dari tiadanya unsur cukai berganda dan bertindih. Selain itu pengguna juga akan menikmati harga barang yang kompetitif.

Sistem cukai kepenggunaan sedia ada iaitu cukai jualan dikenakan pada peringkat pengilangan sama ada 5 peratus atau 10 peratus dan tidak dikenakan lagi sehingga ke peringkat peruncit.

Bergantung kepada keadaan rangkaian pembekalan cukai jualan yang dikenakan pada peringkat pengilang boleh menjadi berganda dan bertindih tetapi tidak pada GST dan ini bermakna pengguna akan untung. Begitu juga dengan peniaga yang dapat mengurangkan kos perniagaan.

Kadar GST. Beberapa Senator menimbulkan. Buat masa ini kerajaan tidak bercadang untuk menaikkan kadar 6 peratus ini dan bukan mudah bagi kerajaan untuk menaikkan kadar GST. Ia perlu di bentang dalam Dewan Rakyat dan juga di Dewan ini setelah mengambil kira kesan impak ke atas rakyat dan kedudukan daya saing negara. Keutamaan pada masa ini adalah bagi menstabilkan pelaksanaan sistem percukaian GST terlebih dahulu. Bagi Malaysia kadar 6 peratus adalah bersesuaian dengan keadaan ekonomi semasa setelah mengambil kira beberapa faktor termasuklah pengurangan cukai individu, cukai korporat dan bantuan kewangan seperti BR1M khas. Jika dibandingkan dengan negara serantau kadar GST yang dicadang oleh Malaysia adalah yang terendah.

Penetapan *threshold* paras 500,000- Yang Berhormat Senator Datuk Seri Syed Ibrahim bin Kader adalah bertujuan untuk mengecualikan pembekalan syarikat dan perniagaan kecil daripada dikenakan GST supaya mereka tidak perlu menanggung semua kos yang berkaitan. Berdasarkan kajian dianggarkan sebanyak 78 peratus pada jumlah entiti perniagaan tidak akan termasuk dalam sistem GST.

Sebanyak 78 peratus daripada jumlah entiti perniagaan tidak akan termasuk dalam sistem GST termasuklah segala jenis pasar, pasar tani, pasar borong, pasar Rabu, pasar Khamis, pasar segala-galanya dan juga kedai-kedai runcit, warung-warung yang disebut oleh Senator Dr. Syed Husin Ali. Mana ada kena GST dekat warung. Dengan ini pengguna boleh membuat pilihan untuk membeli barang keperluan. Saya pun tidak tahu daripada mana beliau mendapat maklumat itu. Pengguna khususnya rakyat yang tinggal di kawasan luar bandar tidak akan dikenakan GST.

Kadar cukai pendapatan individu akan dikurangkan satu mata peratusan hingga tiga mata peratusan. Dengan langkah ini pembayar cukai akan menikmati penjimatan pembayaran cukai daripada RM300 hingga RM7,200. Pengurangan kadar cukai ini akan berkuat kuasa pada tahun taksiran 2015. Kadar cukai pendapatan syarikat juga akan dikurangkan dari 25 peratus kepada 24 peratus. Bagi syarikat kecil dan sederhana pula kadar cukai ke atas pendapatan bercukai sehingga RM500,000 akan dikurangkan dari 20 peratus kepada 19 peratus. Pengurangan kadar cukai syarikat berkuat kuasa mulai tahun taksiran 2016.

Pelan Komunikasi GST. Sebenarnya bukan bermula esok. Kita telah melaksanakan penerangan GST ini sejak bermula November dan Disember tahun 2013. Sudah ada dalam semua akhbar utama. Segala iklan tentang GST sudah ada beberapa kali dalam akhbar-akhbar utama sejak bulan Disember tahun 2013 dan juga di radio, di TV. Saya juga melaksanakan apa yang dipanggil PENA, Seminar PENA, Pemerkasaan Ekonomi Nasional 15 siri. Siri peringkat nasional dirasmikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Selepas itu 14 siri ke seluruh negara selesailah pada bulan Januari. Setiap di ibu negara pihak-pihak yang kita jemput ribuan orang, 35,000 orang mendengar tentang GST, tentang bajet dan juga tentang ekonomi. Kalau tidak cukup tentang perkara itu kita akan teruskan lagi tentang pelaksanaan penerangan ini dengan menggunakan pelbagai kaedah.

Kita menggunakan saluran media tradisional, saluran media sosial, penerangan secara bersemuka. Kita juga ada *blogspot*, laman web, *Twitter*, *Facebook*, *billboard*, ratusan *billboard* di seluruh negara, menggunakan televisyen, radio arus perdana. Kalau tidak tahu juga saya pun hairanlah. Kalau kita tidak ambil tahu saya pun hairan. Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat, Senator dalam Dewan yang mulia ini juga tidak tahu saya pun hairan lagi, lagi berganda-ganda hairan. Ini sebab kita nyatakan perkara itu dalam pelbagai media.

Kalau kita cari tekan sahaja dalam internet www.gst.custom keluar segala-galanya Ahli-ahli Yang Berhormat. Semua ada dalam itu, boleh baca dan kita dapat semua maklumat. Dalam masa sekarang ini *information at our finger tips* dengan izin. Kita boleh dapat maklumat segala-galanya itu. Sekejap lagi pukul 9, saya akan berada di INFRA Bangi bersama dengan JKK beberapa buah kawasan dan menerangkan. Itu usaha KKLW dan Kementerian Penerangan esok misalnya di Sarawak itu anjuran Kementerian Komunikasi dan Multimedia.

Kita juga akan menambah lagi jumlah mereka yang tahu berceramah tentang GST ini. Seramai 500 orang di Semenanjung, 200 orang untuk Sabah dan Sarawak kita juga akan latih mereka yang tahu tentang GST dan boleh berceramah tentang GST. Kita juga bersama dengan kementerian-kementerian, Jabatan Hal Ehwal Khas, JASA, FOMCA, Persatuan Pengguna Islam dan JKDM Jabatan Kastam ini tidak berhenti-hentilah mereka menerangkan tentang GST ini. Kita ada *hotline* selain daripada *website* 1-300-888-555 boleh tanya apa juga soalan. Nombor 1-300-888-555, 03-88822111 tanya apa sahaja soalan dan berikan pandangan di www.gst.custom. Boleh bagi cadangan juga dalam portal itu. Tidak pernah kita melaksanakan dasar yang sebegini komprehensif daripada segi komunikasi kita dengan rakyat. Kalau tidak tahu juga itu bukan salah kita tetapi salahkan diri sendiri....

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya rasa saya mohon sedikit Yang Berhormat boleh?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Yang Berhormat tidak datang masa taklimat tidak silap saya.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ya, sebab saya tidak dijemput.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Tidak jemput ya?

■2010

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tidak dijemput. Terima kasih Yang Berhormat. Saya terpenggil juga apabila Yang Berhormat bercakap tentang beri penerangan tindakan. Jadi saya hendak tahulah daripada segi sesi penerangan yang dilakukan selama ini daripada segi pemahaman rakyat di bawah sana. Maksudnya adakah rakyat sekarang di bawah ini sudah faham keseluruhan ataupun masih lagi ada peringkat yang tertentu sebab pagi ini kita pun tahu Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Perhimpunan Bulanan JPM tadi ada meminta kakitangan kerajaan tingkatkan penerangan GST agar rakyat tidak keliru dan terus ditipu oleh pihak tertentu. Jadi saya hendak tahu antara kontra yang dilakukan oleh Menteri Kewangan sendiri selaku Perdana Menteri dan juga jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Menteri di dalam Dewan ini, terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Banyak usaha kita telah buat. Kita tidak bolehlah hendak menyuapkan segala-galanya kepada rakyat. Kita hanya beritahu maklumat ada di satu tempat, pergilah ke tempat itu. Sekarang ini maklumat ada di portal pergilah ke portal itu. Kalau kita hendak pergi berjumpa sebanyak 30 juta orang rakyat Malaysia saya kira sepuluh tahun lagipun tidak habis. Berjumpa seorang-seorang tetapi yang kita jumpa ialah kepala-kepala dan kepala-kepala itulah yang akan menjelaskan kepada rakyat dan juga yang berada di bawahnya.

Saya tidak kata bahawa rakyat semua sudah faham. Itu memanglah tidak betul. PAS ingin melaksanakan hudud sejak tahun 1990 sampai sekarang pun hudud masih belum difahami, berapa lama itu? Tahun 1990. Ketika mereka memerintah Kelantan hendak laksanakan hudud selepas itu mereka cuba hendak memberitahu bersama dengan DAP supaya DAP faham hudud. Sampai sekarang pun DAP pun tidak faham-faham hudud dan kita dalam Dewan Negara ini juga masih tidak faham hudud sedangkan hudud itu ingin dilaksanakan sejak tahun 1990.

GST ini hendak dilaksanakan pada 1 April 2015. Kita ada sepuluh bulan 50 hari lagi dan di peringkat Kementerian Kewangan kita akan menggunakan daripada sepuluh bulan itu, lima bulan untuk membuat penjelasan demi penjelasan kepada rakyat. Kita akan meneruskan penjelasan ini. Saya tidak kata semua sudah faham ada lagi yang belum faham dan kita akan terus fahamkan.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Yang Berhormat Timbalan Menteri boleh saya mencelah.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Silakan.

Dato' Dayang Hajah Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Mengenai siri penerangan, adakah usaha untuk mempelbagaikan bahasa? Contohnya macam di Sarawak, kita ada suku-suku kaum kalau boleh biarlah penerangan itu menggunakan bahasa tempatan seperti dalam bahasa Iban di Sarawak.

Ini kerana kita mahu penduduk di luar bandar juga di pedalaman faham akan penerangan itu dengan menggunakan bahasa tempatan lebih jelas lagi supaya mereka tidak mudah dipengaruhi oleh golongan-golongan tertentu. Terima kasih.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Akhbar yang kita gunakan semua akhbar sama ada akhbar di Semenanjung, bahasa Inggeris, Bahasa Malaysia, bahasa Tamil, bahasa Mandarin, surat khabar yang pelbagai yang kita beli sudah beberapa kali siri penerangan dalam GST dalam akhbar-akhbar itu. Masalahnya kita tidak baca surat khabar itu satu hal yang berbeza. Begitu juga di Sarawak dan Sabah ada pelbagai bahasa akhbar itu dan kita juga menggunakan bahasa yang berkaitan. Saya tidak nafi kita perlu lagi memperluaskan penerangan saya kira penggunaan radio selepas ini adalah penting untuk sampai keseluruhan kawasan pedalaman.

Pemantauan GST. Yang Berhormat Senator Dato' Boon Som, program konsultasi GST telah dijalankan sejak tahun 2005 ketika kerajaan selepas kerajaan pembentangan Bajet 2004. Walaupun pelaksanaan GST ditangguhkan proses konsultasi dan penerangan tetapi diteruskan bagi memastikan perundangan seluruh GST dicadangkan secara teratur. Semasa pembentangan Bajet 2015, kerajaan telah mengumumkan penubuhan Jawatankuasa Pemantauan GST yang akan dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Kedua.

Kemudian bantuan kepada peniaga sama ada satu perniagaan tersebut perlu berdaftar mengenakan GST pada tahap *threshold* yang ditetapkan. *Threshold*nya ialah RM500,000 setahun modal pusingan, ini bermakna hanya peniaga yang jualan tahunannya melebihi tahap tersebut perlu berdaftar dan dikenakan GST ke atas jualan mereka. Kerajaan akan memastikan perusahaan kecil dan sederhana tidak menanggung kos permulaan.

Kita ada RM250 juta, RM100 juta untuk memberikan latihan dan penerangan dan wang itu telah kita gunakan sejak tahun 2013, tahun 2014 hingga tahun 2015. Manakala RM150 juta lagi untuk kita memberikan subsidi RM1,000 untuk *accounting software* kepada PKS. Harga *accounting software* itu berbeza-beza, ada yang RM1,200 sehinggalah kepada belasan ribu kepada syarikat yang lebih besar tetapi minimum antara RM1,200 ke RM1,500. Kerajaan memberikan kepada PKS subsidi untuk membeli *accounting software* yang ada GST sebanyak RM1,000.

Kenaikan harga saya telah sebut tadi, menguatkuasakan Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan. Beberapa orang Ahli Yang Berhormat menimbulkan tentang perkara itu dan kemudian mengenai harga rumah kediaman saya telah menyatakan dan mengenai kos infrastruktur, kerajaan perlu membayar kos GST ke atas pembinaan dan *services infrastructure* seperti pembinaan jalan, sekolah dan sebagainya. Bagi pembelian barang *relieve* ataupun pelepasan akan diberikan kepada kerajaan.

Kemudian mengenai kadar pelepasan cukai yang lebih realistik diberi kepada penjaga anak dan ibu bapa. Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh pelepasan cukai untuk penjagaan anak ialah RM1,000 seorang. Tiada had bilangan anak. Terdapat juga lain-lain pelepasan berkaitan untuk penjagaan anak. Insurans pendidikan dan perubatan anak RM3,000, pembelian komputer RM3,000, pembelian buku RM1,000, peratusan cukai untuk anak berumur lebih 18 tahun yang belajar di IPT dinaikkan dari RM4,000 kepada RM6,000. Pada tahun taksiran 2013, pelepasan cukai ke atas caruman Skim Pendidikan Nasional dinaikkan kepada RM6,000. Pelepasan cukai untuk penjagaan dan perubatan ibu bapa RM5000. Bererti ada banyak pelepasan cukai yang diberikan kepada penjaga anak-anak dan ibu bapa.

Mengapa 1 April 2015 dipilih, Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah binti Mahat. Ini berdasarkan situasi ekonomi semasa. Tarikh ini tarikh yang paling sesuai.

Dan mengenai Yang Berhormat Senator Puan Norliza kerajaan sudah meningkatkan pengetahuan kepada peruncit. Taklimat berkaitan GST telah diberikan kepada peruncit melalui MRCA. Pihak kastam masih meneruskan usaha untuk meningkatkan kesedaran GST dan pelaksanaan GST seperti ciri-ciri penting GST, *accounting for GST*, pendaftaran GST dan isu-isu peralihan kepada pihak MRCA.

Kemudian mengenai Tabung Bayaran Balik GST, konsep tabung ini adalah sama seperti yang diamalkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Dengan adanya tabung ini kerajaan dapat membuat bayaran balik dalam tempoh yang ditetapkan 14 hari bekerja jika borang melalui cara elektronik *online*, 28 hari bekerja jika dihantar secara manual. Selain itu sistem pengkomputeran GST telah dibangunkan dan sedia untuk digunakan.

Golongan berpendapatan RM5,000 diberi pengurangan cukai pendapatan. Cadangan oleh dua Ahli Yang Berhormat pada tahun taksiran 2013, kerajaan telah menyediakan pelepasan cukai khas iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Jaspal Singh dan juga Datuk Seri Mohd Ali bin Mohd Rustam iaitu pelepasan cukai khas RM2,000 untuk mereka yang berpendapatan bercukai sehingga RM8,000 sebulan. Penjimatan bayaran cukai dengan langkah ini sehingga RM480 dengan lain perkataan mereka yang berpendapatan sehingga RM8,000 sebulan pun dapat semacam bantuan BR1M, RM480 apabila mereka boleh menolak daripada cukai tahunan mereka RM2,000 lagi pelepasan.

Kemudian, apakah tahap persiapan perniagaan? Pihak peniaga sebenarnya telah dan sedang membuat persiapan dengan rapi untuk menghadapi GST. Kita telah melatih ejen cukai dan buat masa ini seramai seribu orang ejen cukai telah menghadiri kursus yang disediakan. Ini sentiasa berjalan kita tidak mengumumkan setiap kali kursus yang kita adakan. Dia sentiasa berjalan tiap-tiap hari, kepada FMM, SMI, MRCA, syarikat logistik berjalan tiap-tiap hari.

Kaedah Skim Bayaran Balik Pelancong- Yang Berhormat Senator Puan Roslin. Kaedah bayaran balik pelancong adalah melalui tunai. Jika bayaran tidak lebih RM300 dan jika lebih menggunakan kad kredit. Ejen Bayaran Balik Pelancong akan mengenakan fi dan fi ini akan dibayar oleh pelancong. Fasal 9 hanya menyebut *importation of goods* kenapa tiada *importation of services*. *Importation of services* disebut dalam Fasal 13, rang undang-undang GST. Kemudian mengenai servis caj yang dikenakan oleh restoran dan hotel. Servis caj ini bukan dikutip oleh kerajaan. Sebanyak 10 peratus yang dikutip oleh restoran dan 10 peratus yang dikutip oleh hotel itu bukan digunakan dan diambil oleh kerajaan. Itu diambil oleh hotel dan juga restoran yang berkaitan.

■2020

Oleh sebab itu, kita mencadangkan supaya *service charge* restoran itu dipanggil *restaurant charge* dan juga *service charge* pada hotel itu dipanggil *hotel chargers*. Ini adalah untuk mengelakkan kekeliruan di kalangan pengguna. Kita akan mengumumkan lah tentang perkara itu.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Datuk Seri Mohd Ali Rustam, pelaksanaan GST akan memberi kesan positif kepada pertumbuhan ekonomi negara. GDP akan naik sebanyak 0.3 peratus anggaran. Dengan kenaikan GDP ini akan membuka lebih peluang perniagaan. Dengan adanya pertumbuhan ekonomi perniagaan, peluang pekerjaan juga akan terbuka. Ini kerana secara tidak langsung pendapatan rakyat seterusnya akan meningkat dan jurang pendapatan dapat dikurangkan kerana GST adalah bersifat progresif. Orang yang kaya lebih banyak berbelanja dan mereka akan lebih banyak membayar GST.

Kemudian, meminda perenggan jadual mengenai utiliti. Ini kita tidak perlu pinda kerana wap itu, istilah wap adalah bukan dengan sendirinya merupakan suatu utiliti tetapi digunakan dalam penghasilan elektrik. Manakala kumbahan pula merupakan suatu bentuk perkhidmatan dan tidak perlu dimasukkan dalam perenggan 4, kerana ia tidak perlu dianggap sebagai suatu barang bagi maksud dikira sebagai barang dalam akta ini.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Hajah Mariany, cadangan menyenaraikan sebanyak 650 jenis barang dalam Jadual Pertama tidak perlu kerana barang-barang yang dicadangkan tersebut jenis barang-barang pengguna yang tidak perlu ditakrifkan dengan lebih lanjut dalam Jadual Pertama. Ia adalah kerana fungsi untuk menyatakan barang-barang yang dianggap sebagai pembekalan barang atau disifatkan sebagai pembekal dan perkhidmatan atau dalam erti kata lain *deemed supply of goods and services*, dengan izin.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Hajah Dayang Madinah saya telah menjawab tadi mengenai hak Sarawak dan Sabah.

Yang Berhormat Senator Tuan Chew Lian Ken mengenai kenaikan barang. Tadi telah dijawab juga. Ini perkara-perkara utama yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Syed Husin Ali tidak regresif. Singapura saya telah jawab. Warung tidak kena GST dan Dato' Syed Ibrahim, hapuskan *threshold*, tidak boleh hendak hapus.

Threshold itu pun sudah lebih tinggi daripada negara-negara lain yang ada yang meletakkan RM100 ribu- kita RM500 ribu.

Yang Berhormat Senator To' Puan Hajah Zaitun mengenai akta perlu diketatkan iaitu Akta Anti Pencatutan, kita ambil maklum.

Yang Berhormat Senator Boon Som kurang maklumat, penjelasan diperluaskan. Sebagaimana yang saya sebut tadi JKKK, kita juga telah sebut bahawa contoh pada malam inilah sebagai contoh. Ada lagi siri-siri yang sentiasa dijalankan.

Yang Berhormat Senator Tuan Syed Shahir, inflasi regresif saya sudah jawab.

Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Rahim bin Rahman, memang benar sejak tahun 1954 lagi Perancis telah melaksanakan GST ini dan ia memang untuk mengelakkan daripada cukai bertindih dan kita akan meneruskan *road show* penerangan.

Yang Berhormat Senator Dr. Lucas saya telah jawab Polisi Kabotaj, kita sedang siasat dan kita sedang teliti dalam jawatankuasa menangani kos hidup yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Memang kita sedang meneliti tentang Polisi Kabotaj ini.

Yang Berhormat Senator Dr. Arifin Omar, banyak saya sudah jawab.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tentang pelaksanaan memang amat penting. Kita berharap pelaksanaan pada ketikanya itu akan dilaksanakan dengan baik dan tidak ada manipulasi dan sistem itu perlu diawasi.

Yang Berhormat Senator Datuk Rahman Bakar telah menyatakan kegunaan-kegunaan cukai. Terima kasih kerana memberikan secara *detail* dan defisit kita memang hendak kurangkan. Defisit kosong pada tahun 2020. Ini bukan tujuan untuk mengurangkan defisit GST ini. GST ini adalah untuk memperbaiki sistem *tax* kita. Secara tidak langsunglah ia mengurangkan defisit.

Kemudian Yang Berhormat Senator Tuan Kong Sin Woon, banyak cadanga yang baik. Terima kasih terutama tentang bantuan PKS.

Yang Berhormat Senator Datuk Jaspal Singh saya telah jawab.

Yang Berhormat Senator Puan Norliza Abdul Rahim juga saya telah jawab tentang MRCA RM250 juta tadi.

Yang Berhormat Senator Datuk Hajah Noriah sudah jawab. Memang betul pada 1 Mei itu saya hadir di Pesta Buku Antarabangsa dan kita Kementerian Kewangan memberikan RM750 ribu bantuan penajaan kepada Pameran Buku Antarabangsa. Yang hadir pada hari itu ialah 300,000 orang di PWTC hanya pada 1 Mei.

Jika dibandingkan dengan di luar yang hadir mungkin 15,000 atau 20,000 jauh lebih banyak yang hadir ke bangunan UMNO daripada hadir di depan Dataran Merdeka.

Yang Berhormat Senator Datuk Khairudin Samat- kefahaman perlu dipertingkatkan. *Claim* balik di *airport* itu memang kita adakan dan kursus-kursus memang kita sediakan.

Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany, sistem ini memang lebih adil.

Yang Berhormat Senator Hajah Rohani Abdullah, *service charge* saya telah jawab.

Yang Berhormat Senator Datuk Jamilah Sulaiman, Datuk Raja Ropiah kurangkan kos operasi. Memang betul GST akan mengurangkan kos operasi dengan sendirinya pada suatu ketika apabila kos operasi perniagaan kurang daripada segi hukum *supply and demand*, ia akan dapat menurunkan harga barang pada tempoh yang tertentu.

Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhammad Yusof menyebut makanan, tempat tinggal, kesihatan, pendidikan, perkara asas memang tidak kena GST. Jadi, jangan risau. Rakyat jangan risau tentang GST ini. Pendapatan Malaysia kita memang bercadang.

Yang Berhormat Senator Datuk Seri Ali Rustam, pendapatan RM4,000 sebulan itu per kapita- 4x12 RM48 ribu ke RM50 ribu setahun kita berusaha untuk mendapatkannya pada tahun 2020 dan tentu GST ini membantu untuk menambahkan pendapatan dan saya menyokong tentang kewujudan sukarelawan GST itu satu cadangan yang baik.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah, ada sebahagian telah dijawab.

Yang Berhormat Senator Datuk Megat Zulkarnain, memang mereka ini tidak pernah memberikan cadangan alternatif, mereka hanya membangkang. Segalanya dibangkang, segalanya tidak baik. Akan tetapi sekiranya GST ini, GST ini adalah baik untuk peniaga, baik untuk rakyat, baik untuk negara. Mereka tidak pernah memberikan cadangan alternatif apakah yang patut apabila SST itu tidak cekap, tidak efisien, tidak telus. Kita ingin cekap, efisien dan telus tetapi mereka tidak memberikan pelan alternatif kepada cadangan-cadangan yang sepatutnya dilaksanakan.

Kemudian, Yang Berhormat Senator Tuan Haji Syukur Sultan. Sebenarnya memang RM4,000 dan ke bawah kalau mereka berkeluarga tidak kena cukai pendapatan di Malaysia ini. Cukup baik CIQ padang besar tidak apalah, lorong tikus dan sebagainya itu kita akan ambil perhatian.

Yang Berhormat Senator Dato' Hamzah Kasim, penerangan dibuat dan akan diteruskan dan terima kasih kerana Dato' Hamzah mempunyai dokumen tentang penerangan itu. Bererti beliau telah menghadiri mungkin di beberapa buah tempat penerangan GST dilaksanakan.

Yang Berhormat Senator Tuan Baharuddin boleh bertemu dengan saya selepas ini. Saya boleh memberikan bahan-bahan untuk penerangan.

Terima kasih, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

[Masalah dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

[Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa]

[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

[Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa]

*[**Fasal-fasal 1 hingga 197** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

*[**Jadual** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang]*

[Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang]

[Majlis Mesyuarat bersidang semula]

[Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali ketiga dan diluluskan]

Timbalan Yang di-Pertua: Baiklah, Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 6 Mei 2014.

[Dewan ditangguhkan pada pukul 8.30 malam.]